Menerajui Asia

Maybank

LAPORAN TAHUNAN 2014
LAPORAN PENYATA KEWANGAN

BERSAMA MEMAJUKAN ASEAN

LAPORAN TAHUNAN
Maybank

RM6.72 bilion
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank

RM640 bilion
Jumlah Aset

13.4%
Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan

Bersama Memajukan ASEAN

Maybank telah dikenali sebagai bank serantau sejak 1960, dengan penubuhan operasinya di Malaysia serta cawangan di Singapura dan Brunei dalam tahun yang sama. Akar umbi kami di ASEAN sebagai sebuah Kumpulan begitu dalam dengan kehadiran di kesemua 10 buah negara ASEAN.

Kami berjaya menempatkan kedudukan kami dalam komuniti ASEAN kerana kami percaya dengan penerapan kepelbagaian dan penglibatan bersama dengan komuniti serta menyediakan perkhidmatan kewangan yang mempunyai nilai mesra insan.

Kami telah membiayai rumah pertama pelanggan-pelanggan kami, membantu mereka memulakan perniagaan kecil-kecilan dan menjadi rakan kongsi dalam mengembangkan perniagaan di seluruh rantau ini. Banyak lagi pengalaman yang telah kami kongsikan bersama, dan kami berharap dapat terus menjadi sebahagian daripadanya untuk tahun-tahun yang akan datang.

Kami amat berbesar hati dapat berada bersama komuniti di tempat kami beroperasi dan melengkapkan mereka untuk masa hadapan serta peluang yang lebih baik untuk kehidupan yang gemilang.

KANDUNGAN

Prestasi Kami

2 Ulasan 2014

4 Ringkasan Lima Tahun Kewangan Kumpulan

6 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan

7 Prestasi Suku Tahunan Kewangan Kumpulan

7 Faedah Utama Berkaitan Aset dan Liabiliti

8 Penyata Nilai Tambah

9 Maklumat Segmen

Kewangan

12 Kenyataan Tanggungjawab Penyata Pengarah

13 Analisis Penyata Kewangan

16 Penyata-penyata Kewangan

Basel II Tunggak 3

243 Pendedahan Basel II Tunggak 3

Nota: Laporan Tahunan Penyata Kewangan Malayan Banking Berhad 2014 ini adalah terjemahan dari laporan asal yang telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk laporan tahunan penyata kewangan yang telah disahkan, jika perlu.

Ulasan 2014

RM6.72 bilion
Keuntungan Bersih

Keuntungan bersih meningkat ke paras tertinggi baru kepada RM6.72 bilion dan mencapai panduan ROE pada 13.0%-14.0%. Prestasi TK2014 disokong oleh pertumbuhan pendapatan operasi bersih yang lebih tinggi di seluruh tunggak perniagaan dan pengurusan kos yang lebih baik.

57.0 sen
Dividen Sesaham

Dividen sesaham meningkat 6.5% berbanding TK2013, sekali gus meningkatkan nisbah pembayaran dividen kepada 78.5% berbanding 71.9% pada tahun sebelumnya dan hasil dividen yang menggalakkan sebanyak 6.2%.

13.4%
Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan

Pertumbuhan pembiayaan Kumpulan melepasi sasaran 13.0% didorong oleh pertumbuhan kukuh di Pasaran-pasaran Lain (tidak termasuk Malaysia, Singapura & Indonesia) sebanyak 47.5%, menaikkan sumbangan pembiayaan antarabangsa sebanyak 40.3% daripada jumlah pembiayaan kasar Kumpulan berbanding dengan 37.9% tahun lalu. Pertumbuhan pembiayaan di Malaysia dan Singapura turut melepasi pertumbuhan industri.

11.75%
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1

Mengekalkan kedudukan modal yang kukuh dengan keupayaan yang mencukupi untuk meneruskan pertumbuhan perniagaan dengan nisbah Modal Ekuiti Biasa 1 [sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal)] yang meningkat 49 mata asas kepada 11.75%. Jumlah Nisbah Modal turut meningkat sebanyak 57 mata asas kepada 16.24%.

43.8% Pembiayaan Islam
kepada Jumlah Pembiayaan Malaysia

Pembiayaan Islam berkembang sebanyak 24.9%, meningkatkan nisbahnya kepada jumlah pembiayaan Malaysia dari 38.9% pada akhir TK2013, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai bank Islam terbesar di Malaysia, dan yang ketiga terbesar di peringkat antarabangsa dari segi saiz aset.

No.1
Bilangan Janji Niaga ASEAN ECM

Maybank Kim Eng meraih jumlah bilangan janji niaga ASEAN yang tertinggi bagi Pasaran Modal Ekuiti ASEAN pada 2014 bernilai USD1.9 bilion. Ia berada pada kedudukan No.2 bagi terbitan Bon Domestik ASEAN di Asia Tenggara.

12.7%
Pertumbuhan Jumlah Aset-Aset Kewangan (Perbankan Pelanggan Mewah & Kaya)

Mengembangkan perniagaan Kekayaan Peribadi dan Perdana dengan Jumlah Aset Kewangan berkembang sebanyak 14.1% untuk segmen Perbankan Pelanggan Kaya dan 11.1% untuk Segmen Perbankan Pelanggan Mewah.

25.9%
Penguasaan Pasaran Pembiayaan Perdagangan Malaysia

Mengekalkan kedudukan kukuh sebagai peneraju dalam pembiayaan perdagangan dan pengurusan tunai dengan penguasaan jumlah transaksi di pasaran Malaysia sebanyak 41.3%.

Pengembangan Serantau
Myanmar, China, Singapura

Maybank terus mengembangkan perniagaan dan tapak operasinya. Ia membuka cawangan pertamanya di Myanmar, dan cawangan ketiganya di Kunming, China. Di Singapura, perniagaan insurans menerusi Etiqa dan perniagaan kekayaan swasta telah dilancarkan.

70% Kadar Kejayaan
Pelaksanaan Penggantian Kakitangan

Kadar kejayaan pelaksanaan pelan penggantian kakitangan adalah sebanyak 70%, lebih tinggi berbanding sasaran sebanyak 60%, dan ini menunjukkan keberkesanan pelan penggantian kakitangan Kumpulan dan mencerminkan rangka kerja pengurusan tenaga mahir Kumpulan yang kukuh.

Nota: Keuntungan bersih bersamaan dengan Keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank seperti dinyatakan dalam penyata kewangan yang telah diaudit.

Ulasan 2014

TINJAUAN KEWANGAN

Keuntungan Bersih
RM6.72 bilion



Pendapatan Sesaham
74.2 sen



Pulangan atas Ekuiti
13.8%



Jumlah Aset
RM640.3 bilion



Pinjaman, Pendahulan dan Pembiayaan
RM403.5 bilion



Nisbah Jumlah Modal
16.235%^^



Dividen Kasar Sesaham
57.0 sen



Pemodalan Pasaran
RM85.5 bilion



Harga Saham
RM9.17



* *Merujuk kepada tempoh kewangan enam bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan tahun kewangan (TK) dari 30 Jun kepada 31 Disember.*
\# *Dikira berdasarkan peruntukan semula wajaran tambahan modal sebanyak RM3.66 bilion yang diraih pada bulan Oktober 2012.*
^ *RWCR dan mengandaikan pelaburan semula penuh dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen.*
^^ *Nisbah Jumlah Modal (TCR) dikira mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada 28 November 2012.*

PERISTIWA PENTING PADA 2014

15 Januari - Perkhidmatan Kekayaan Perdana Maybank dilancarkan di Singapura dan Malaysia.

4 Februari - Maybank muncul sebagai bank pertama yang menawarkan pembiayaan dagangan dalam Ringgit Malaysia (RM) di China melalui cawangan di Beijing dan Shanghai.

13 Februari - John Chong dilantik sebagai CEO Kumpulan Maybank Kim Eng dan Maybank Investment Bank Berhad.

23 Mei - Maybank buat pertama kalinya melancarkan penyenaraian transaksi di pasaran PRO-BOND TOKYO yang menjana JPY31.1 bilion (USD305 juta).

18 Jun - PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII) menerbitkan hutang Subordinat sebanyak IDR1.5 trilion dan Sukuk Mudharabah sebanyak IDR300 bilion.

12 Ogos - Maybank melancarkan cabang insurans hayatnya, Etiqa Insurance Pte. Ltd., untuk mengedarkan produk melalui Maybank Singapura.

29 Ogos - Amirul Feisal Wan Zahir dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Perbankan Global, berkuat kuasa 1 Oktober.

8 September - Maybank melancarkan Aplikasi Maybank2u, membolehkan semua transaksi Maybank2u dilakukan melalui telefon pintar.

1 Oktober - Maybank mendapat lesen untuk membuka cawangan di Myanmar.

31 Oktober - Maybank melancarkan myTrade2Cash, kemudahan pembiayaan dagangan dalam talian berpusat bagi PKS, ditawarkan dengan kerjasama Dagang NeXchange Bhd, yang pertama seumpamanya di ASEAN.

28 November - Pemegang saham BII meluluskan terbitan hak sebanyak IDR1.5 trilion pada Mesyuarat Agung Luar Biasa.

28 November - Maybank melancarkan Nota Pasaran Sekuriti GreTai sulungnya yang tersenarai sebanyak USD500 juta.

18 Disember - Maybank (Cambodia) Plc. melancarkan Perkhidmatan Kekayaan Perdana pada majlis pembukaan rasmi cawangan Maybank ke-18 di Kemboja.

Ringkasan Lima Tahun Kewangan Kumpulan

	Kumpulan				
	TK 30 Jun 2011	FP 31 Dis 2011[1]	TK 31 Dis 2012	TK 31 Dis 2013	2014
KEPUTUSAN OPERASI (RM' juta)[2]					
Hasil operasi	21,040	12,892	31,227	33,251	**35,712**
Keuntungan operasi	6,135	3,497	7,744	8,730	**8,948**
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	6,270	3,571	7,896	8,870	**9,112**
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	4,450	2,587	5,746	6,552	**6,716**
PENYATA UTAMA MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN (RM' juta)[2]					
Jumlah aset	411,254	451,632	494,757	560,319	**640,300**
Portfolio pelaburan kewangan[3]	76,871	84,669	92,820	107,672	**115,911**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	255,018	276,253	311,825	355,618	**403,513**
Jumlah liabiliti	377,522	415,747	450,942	512,576	**585,559**
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	282,797	314,692	347,156	395,611	**439,569**
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	292,109	369,792	379,695	433,829	**551,960**
Modal berbayar	7,478	7,639	8,440	8,862	**9,319**
Ekuiti pemegang-pemegang saham	32,395	34,337	42,095	45,997	**52,975**
MAKLUMAT SAHAM[2]					
Sesaham (sen)					
Pendapatan asas	61.4	34.5	72.7	75.8	**74.2**
Pendapatan dicairkan	61.4	34.5	72.7	75.7	**74.1**
Dividen kasar	60.0	36.0	65.0	53.5	**57.0**
Aset bersih (sen)	433.2	449.5	498.8	519.0	**568.5**
Harga saham pada 31 Dis/30 Jun (RM)	8.94	8.58	9.20	9.94	**9.17**
Pemodalan pasaran (RM' juta)	66,855	65,546	77,648	88,088	**85,455**
NISBAH KEWANGAN (%)[2]					
Nisbah Keuntungan/Penguasaan Pasaran					
Margin faedah bersih atas aset pendapatan faedah purata	2.6	2.5[6]	2.6	2.5	**2.3**
Faedah bersih atas aset wajaran risiko purata	3.6	4.0[6]	4.2	4.2	**3.9**
Pulangan bersih dana pemegang saham purata	14.5	15.2[6]	16.0[7]	15.1	**13.8**
Pulangan bersih aset purata	1.2	1.2[6]	1.2	1.2	**1.1**
Pulangan bersih aset berwajaran risiko purata	1.8	2.0[6]	2.1	2.2	**2.0**
Nisbah kos kepada pendapatan[4]	49.2	49.7	48.6	47.8	**48.9**
Penguasaan pasaran domestik dalam:					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	18.1	17.9	18.2	18.4	**18.4**
Deposit daripada pelanggan – Akaun Simpanan	27.9	27.6	27.7	27.7	**27.6**
Deposit daripada pelanggan – Akaun Semasa	20.7	19.5	20.2	20.4	**21.1**
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)					
Nisbah Modal CET1	-	-	-	11.253	**11.747**
Nisbah Modal Tahap 1	-	-	-	13.059	**13.539**
Jumlah Nisbah Modal	-	-	-	15.664	**16.235**
Nisbah Modal Teras[5] (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	11.2 - 11.8	11.0 - 11.7	12.8 - 13.5	-	**-**
Nisbah Modal Berwajaran Risiko[5] (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	14.7 - 15.4	15.7 - 16.4	16.6 - 17.4	-	**-**
NISBAH KUALITI ASET[2]					
Nisbah pinjaman rosot nilai bersih/pinjaman tidak berbayar bersih (%)	2.25	1.86	1.09	0.95	**1.04**
Liputan kerugian pinjaman (%)[8]	82.3	86.9	105.6	107.5	**100.0**
Pinjaman bersih kepada nisbah deposit (%)	90.2	87.8	89.8	89.9	**91.8**
Deposit kepada dana pemegang saham (gandaan)	8.7	9.2	8.2	8.6	**8.3**
PENILAIAN ATAS SAHAM[2]					
Hasil dividen kasar (%)	6.7	4.2	7.1	5.4	**6.2**
Nisbah pembayaran dividen (%)	74.9	79.9	74.7	71.9	**78.5**
Harga kepada pendapatan berganda (gandaan)	14.6	24.9	12.7	13.1	**12.4**
Harga kepada penyata berganda (gandaan)	2.1	1.9	1.8	1.9	**1.6**

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir 31 Disember 2011 berikutan perubahan akhir tahun kewangan dari 30 Jun ke 31 Disember.

2 Angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.

3 Portfolio pelaburan kewangan terdiri daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

4 Nisbah kos kepada pendapatan dikira berdasarkan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Jumlah kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan overhed, tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Limited.

5 Nisbah kecukupan modal bagi Disember 2012, Disember 2011 dan Jun 2011 memberikan dua kemungkinan yang ekstrem, iaitu
(i) bahagian boleh pilih penuh tidak dilabur semula; dan
(ii) bahagian boleh pilih penuh dilabur semula dalam saham biasa baru selaras dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen.

6 Secara Tahunan.

7 Dikira berdasarkan kepada peruntukan semula wajaran tambahan modal sebanyak RM3.66 bilion yang diraih pada bulan Oktober 2012.

8 Liputan kerugian pinjaman untuk Disember 2014 merangkumi Rizab dikawal selia.

Ringkasan Lima Tahun Kewangan Kumpulan

Bank		
	TK 31 Dis	
	2013	2014
	18,723	**20,507**
	6,127	**7,344**
	6,127	**7,344**
	4,886	**5,903**
	397,605	**452,559**
	75,433	**92,156**
	237,971	**264,524**
	357,106	**406,387**
	273,670	**306,939**
	399,786	**519,486**
	8,862	**9,319**
	40,500	**46,173**
	56.5	**65.2**
	56.5	**65.2**
	53.5	**57.0**
	457.0	**495.5**
	-	**-**
	-	**-**
	2.0	**1.8**
	3.1	**2.9**
	12.9	**13.9**
	1.3	**1.4**
	2.3	**2.5**
	40.5	**40.6**
	18.4	**18.4**
	27.7	**27.6**
	20.4	**21.1**
	15.925	**16.275**
	15.925	**16.275**
	15.925	**16.275**
	-	**-**
	-	**-**
	0.94	**1.05**
	116.2	**103.0**
	87.0	**86.2**
	6.8	**6.6**
	-	**-**
	-	**-**
	-	**-**
	-	**-**

Keuntungan sebelum Cukai dan Zakat

RM9.11 bilion



Keuntungan boleh diagih kepada Pemegang-pemegang Ekuiti Bank

RM6.72 bilion



Jumlah Aset

RM640.3 bilion



Jumlah Liabiliti

RM585.6 bilion



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

RM403.5 bilion



Deposit-deposit daripada Pelanggan-pelanggan

RM439.6 bilion



Ekuiti Pemegang-pemegang Saham

RM53.0 bilion



Modal Berbayar

RM9.3 bilion



Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan

JUMLAH ASET



Pada 31 Disember 2013





Pada 31 Disember 2014

JUMLAH LIABILITI & EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM



Pada 31 Disember 2013





Pada 31 Disember 2014

Prestasi Suku Tahunan Kewangan Kumpulan

	TK 31 Dis 2014				
RM' juta	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**TAHUN**
Hasil operasi	**8,357**	**8,759**	**8,934**	**9,662**	**35,712**
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada Skim Operasi Perbankan Islam)	**3,201**	**3,217**	**3,310**	**3,247**	**12,975**
Perolehan premium insurans bersih	**922**	**1,029**	**968**	**1,027**	**3,946**
Pendapatan operasi lain	**1,232**	**1,365**	**1,396**	**1,547**	**5,540**
Jumlah pendapatan operasi	**5,356**	**5,611**	**5,673**	**5,821**	**22,461**
Keuntungan operasi	**2,171**	**2,210**	**2,181**	**2,386**	**8,948**
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**2,208**	**2,247**	**2,226**	**2,431**	**9,112**
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	**1,602**	**1,575**	**1,608**	**1,931**	**6,716**
Pendapatan sesaham (sen)	**18.09**	**17.47**	**17.62**	**20.75**	**74.15**
Dividen sesaham (sen)	**-**	**24.00**	**-**	**33.00**	**57.00**

	TK 31 Dis 2013				
RM' juta	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**TAHUN**
Hasil operasi	8,117	8,589	8,276	8,269	33,251
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada Skim Operasi Perbankan Islam)	3,047	3,048	3,127	3,173	12,395
Perolehan premium insurans bersih	1,126	1,136	813	866	3,941
Pendapatan operasi lain	1,364	1,703	1,488	1,327	5,882
Jumlah pendapatan operasi	5,538	5,886	5,428	5,367	22,219
Keuntungan operasi	2,091	2,047	2,308	2,284	8,730
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	2,127	2,089	2,352	2,302	8,870
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,506	1,568	1,746	1,732	6,552
Pendapatan sesaham (sen)	17.89	18.25	20.07	19.58	75.79
Dividen sesaham (sen)	-	22.50	-	31.00	53.50

Faedah Utama Berkaitan Aset Dan Liabiliti

	TK 31 Dis 2013			TK 31 Dis 2014		
	Pada 31.12.2013 RM' juta	**Kadar Hasil Efektif %**	**Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta**	**Pada 31.12.2014 RM' juta**	**Kadar Hasil Efektif %**	**Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta**
Faedah aset pendapatan						
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	355,618	5.09	16,556	**403,513**	**5.30**	**18,446**
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	55,224	2.18	953	**68,959**	**2.13**	**960**
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	19,167	3.95	711	**23,705**	**4.30**	**801**
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	82,837	3.76	2,311	**82,631**	**4.14**	**2,698**
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	5,668	5.23	113	**9,575**	**4.97**	**285**
Faedah berkaitan liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	395,611	1.96	6,909	**439,569**	**2.08**	**8,496**
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	42,139	1.60	900	**57,387**	**1.96**	**1,165**
Pinjaman	13,322	3.24	432	**18,522**	**3.25**	**461**
Tanggungan subordinat	12,645	5.36	561	**15,640**	**4.16**	**701**
Sekuriti modal	5,921	6.54	385	**5,902**	**5.73**	**384**

Penyata Nilai Tambah

NILAI TAMBAH	TK 31 Dis 2013 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000
Pendapatan faedah bersih	9,585,280	**9,703,703**
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	2,810,182	**3,271,211**
Perolehan premium insurans bersih	3,941,346	**3,946,068**
Pendapatan operasi lain	5,882,062	**5,540,439**
Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	(3,680,510)	**(3,930,819)**
Perbelanjaan overhed tidak termasuk perbelanjaan kakitangan, susut nilai dan pelunasan	(3,508,866)	**(3,529,338)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan penghutang lain, bersih	(729,586)	**(400,392)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	(150,522)	**(70,440)**
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	139,267	**163,125**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	14,288,653	**14,693,557**

PENGAGIHAN NILAI TAMBAH	TK 31 Dis 2013 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000
Kepada kakitangan:		
Perbelanjaan kakitangan	4,943,884	**5,019,296**
Kepada Kerajaan:		
Percukaian	2,098,261	**2,200,540**
Kepada penyedia modal:		
Dividen dibayar kepada pemegang saham	4,365,481	**4,939,066**
Kepentingan tidak dikawal	218,942	**194,588**
Untuk dilabur semula dalam Kumpulan:		
Susut nilai dan pelunasan	475,175	**562,678**
Keuntungan terkumpul	2,186,910	**1,777,389**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	14,288,653	**14,693,557**



Kepada kakitangan:
Perbelanjaan kakitangan

Kepada Kerajaan:
Percukaian

Kepada penyedia modal:
Dividen dibayar kepada pemegang saham
Kepentingan tidak dikawal

Untuk dilabur semula dalam Kumpulan:
Susut nilai dan pelunasan
Keuntungan terkumpul



Maklumat Segmen

ANALISIS MENGIKUT KEDUDUKAN GEOGRAFI

	Pendapatan operasi bersih		Keuntungan sebelum cukai	
	TK 31 Dis 2013 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2013 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000
Malaysia	14,711,450	**14,941,392**	8,464,785	**8,898,151**
Singapura	2,732,243	**3,073,428**	1,251,904	**1,307,960**
Indonesia	2,511,268	**2,239,999**	658,575	**276,612**
Lokasi-lokasi lain	1,132,028	**1,368,317**	779,569	**1,035,481**
Penyingkiran	(2,548,629)	**(3,092,534)**	(2,285,239)	**(2,406,621)**
	18,538,360	**18,530,602**	8,869,594	**9,111,583**

Pendapatan Operasi Bersih (RM' juta)



Nota: Jumlah pendapatan operasi bersih termasuk pendapatan operasi antara segmen yang disingkirkan semasa penyatuan berjumlah RM3,092 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM2,548 juta untuk TK 31 Disember 2013.

Keuntungan Sebelum Cukai (RM' juta)



Nota: Jumlah keuntungan sebelum cukai termasuk keuntungan antara segmen yang disingkirkan semasa penyatuan berjumlah RM2,406 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM2,285 juta untuk TK 31 Disember 2013.

Maklumat Segmen

ANALISIS MENGIKUT AKTIVITI

	Pendapatan operasi bersih		Keuntungan sebelum cukai	
	TK 31 Dis 2013 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2013 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	7,318,023	**7,515,148**	3,224,468	**4,271,546**
Perbankan Korporat	2,270,424	**2,382,067**	1,614,106	**1,633,098**
Pasaran Global	1,695,516	**1,690,732**	1,396,614	**1,489,607**
Perbankan Pelaburan	1,536,275	**1,515,299**	461,807	**478,811**
Pengurusan Aset	72,551	**100,240**	21,492	**760**
Perbankan Antarabangsa	5,330,225	**5,676,692**	2,536,707	**2,370,135**
Insurans dan Takaful	1,479,208	**1,679,475**	778,262	**896,677**
Ibu Pejabat dan Lain-lain	(1,163,862)	**(2,029,051)**	(1,163,862)	**(2,029,051)**
	18,538,360	**18,530,602**	8,869,594	**9,111,583**

Pendapatan Operasi Bersih (RM' juta)



Nota: Jumlah pendapatan operasi bersih termasuk perbelanjaan Ibu Pejabat & lain-lain berjumlah RM2,029 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM1,164 juta untuk TK 31 Disember 2013.

Keuntungan Sebelum Cukai (RM' juta)



Nota: Jumlah keuntungan sebelum cukai termasuk perbelanjaan Ibu Pejabat dan lain-lain berjumlah RM2,029 juta untuk TK 31 Disember 2014 dan RM1,164 juta untuk TK 31 Disember 2013.

PENYATA-PENYATA KEWANGAN

12 Kenyataan Tanggungjawab Penyata Pengarah
13 Analisis Penyata Kewangan
16 Laporan Para Pengarah
24 Penyata Pengarah
24 Akuan Berkanun
25 Laporan Juruaudit Bebas
26 Indeks Penyata Kewangan
27 Penyata Kedudukan Kewangan yang Disatukan
28 Penyata Kedudukan Kewangan
29 Penyata-penyata Pendapatan
30 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
31 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan
33 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
35 Penyata-penyata Aliran Tunai
37 Nota-nota Penyata Kewangan

Kenyataan Tanggungjawab Penyata Pengarah

Berkenaan Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2014

Para pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa penyata-penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank yang diaudit telah disediakan mengikut keperluan-keperluan yang diterima pakai oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, keperluan-keperluan dalam Akta Syarikat 1965, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.

Para pengarah juga bertanggungjawab memastikan supaya penyata-penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank yang diaudit telah disediakan dengan ketepatan munasabah berdasarkan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Bank dalam memberikan gambaran yang betul dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2014, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang telah berakhir.

Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan beraudit ini, para pengarah telah:

- menimbang pemakaian piawaian perakaunan yang berkenaan diluluskan di Malaysia;
- mengamal dan menggunakan secara konsisten polisi perakaunan yang bersesuaian;
- membuat penilaian dan anggaran yang munasabah dan berhemat; dan
- menyediakan penyata-penyata kewangan atas dasar usaha berterusan kerana para pengarah mempunyai jangkaan yang munasabah, setelah mengemukakan pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Bank mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasinya pada masa hadapan yang boleh dijangkakan.

Para pengarah secara amnya turut bertanggungjawab bagi mengambil langkah-langkah munasabah untuk melindungi aset Kumpulan dan Bank bagi mengelak dan mengesan penyelewengan dan ketaksamaan lain.

Analisis Penyata Kewangan

ANALISIS PENYATA PENDAPATAN

Keuntungan Kumpulan sebelum cukai dan zakat mencatatkan satu lagi rekod iaitu 9.11 bilion (+2.7%) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berbanding RM8.87 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Pertumbuhan itu kebanyakannya disebabkan oleh pendapatan faedah bersih ("NII") sebanyak RM118.4 juta dan pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") sebanyak RM461.0 juta yang lebih tinggi. Ini diimbangi oleh pendapatan operasi lain yang lebih rendah sebanyak RM341.7 juta.

PENDAPATAN OPERASI BERSIH

Pendapatan operasi bersih Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 ialah RM18.53 bilion, yang mana 52.4% diperoleh daripada NII, 29.9% daripada pendapatan operasi lain dan 17.7% daripada pendapatan SPI.

Kumpulan	TK 31 Dis 2014 RM' juta	TK 31 Dis 2013 RM' juta	Perbezaan RM' juta	% Perubahan	% Sumbangan
Pendapatan faedah bersih	**9,703.7**	9,585.3	118.4	1.2	52.4
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	**3,271.2**	2,810.2	461.0	16.4	17.6
Perolehan premium insurans bersih	**3,946.1**	3,941.3	4.8	0.1	21.3
Pendapatan operasi lain	**5,540.4**	5,882.1	(341.7)	(5.8)	29.9
Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	**(3,930.8)**	(3,680.5)	(250.3)	(6.8)	(21.2)
Pendapatan operasi bersih	**18,530.6**	18,538.4	(7.8)	(0.0)	100.0

PENDAPATAN FAEDAH BERSIH ("NII")

NII meningkat sebanyak RM118.4 juta (+1.2%) kepada RM9.70 bilion dan kekal sebagai sumber pendapatan utama Kumpulan kerana menyumbang sebanyak 52.4% daripada jumlah pendapatan operasi bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Peningkataan itu kebanyakannya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pinjaman dan portfolio pelaburan kewangan, tetapi diimbangi oleh kemampatan margin faedah bersih ("NIM").

NIM atas aset berfaedah dimampatkan daripada 2.43% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 kepada 2.31% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Ini disebabkan oleh persekitaran yang kompetitif dari segi harga, terutamanya dalam operasi Malaysia dan Indonesia.

PENDAPATAN DARIPADA OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI")

Pendapatan daripada SPI meningkat sebanyak RM461.0 juta (+16.4%) kepada RM3.27 bilion yang disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan berasaskan dana bersih sebanyak RM580.7 juta. Pertumbuhan itu dipacu oleh peningkatan dalam pembiayaan dan pendahuluan.

Pendapatan berasaskan yuran bagi SPI Kumpulan menurun sebanyak RM119.7 juta disebabkan oleh keuntungan lebih rendah daripada penjualan portfolio pelaburan kewangan (RM71.4 juta) dan pendapatan yuran (RM37.5 juta).

PENDAPATAN OPERASI LAIN

Pendapatan operasi lain menurun sebanyak RM341.7 juta (-5.8%) kepada RM5.54 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Kumpulan	TK 31 Dis 2014 RM' juta	TK 31 Dis 2013 RM' juta	Perbezaan RM' juta	% Perubahan
Pendapatan yuran	**3,710.5**	3,543.9	166.6	4.7
Pendapatan pelaburan	**893.4**	1,190.0	(296.6)	(24.9)
Dividen kasar daripada pelaburan kewangaan tersedia untuk dijual	**118.7**	101.8	16.9	16.6
Kerugian tidak diperoleh atas penilaian semula aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan derivatif	**(57.3)**	(943.0)	885.7	(93.9)
Pendapatan lain, iaitu:	**875.1**	1,989.4	(1,114.3)	(56.0)
Keuntungan pertukaran matawang asing, bersih	**587.6**	1,732.3	(1,144.7)	(66.1)
Lain-lain	**287.5**	257.1	30.4	11.8
Jumlah pendapatan operasi lain	**5,540.4**	5,882.1	(341.7)	(5.8)

Pendapatan yuran meningkat RM166.6 juta (+4.7%) kepada RM3,710.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 disebabkan oleh komisen yang lebih tinggi sebanyak RM118.5 juta, caj perkhidmatan dan yuran sebanyak RM68.2 juta dan yuran ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM77.7 juta. Ini diimbangi oleh pendapatan pembrokeran yang lebih rendah sebanyak RM90.0 juta dan yuran pengunderitan sebanyak RM7.8 juta.

Pendapatan pelaburan mencatatkan sumbangan yang lebih rendah sebanyak RM296.6 juta (-24.9%) kepada RM893.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 yang disebabkan oleh penurunan keuntungan bersih daripada pelupusan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual sebanyak RM258.0 juta.

Kerugian tidak diperoleh atas penilaian semula aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan derivatif menurun sebanyak RM885.7 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Keuntungan pertukaran matawang asing, perkara utama di bawah pendapatan lain, mencatatkan penurunan RM1.14 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

MANFAAT INSURANS DAN TUNTUTAN DITANGGUNG BERSIH, PERBELANJAAN YURAN DAN KOMISEN BERSIH, PERUBAHAN DALAM LIABILITI PERBELANJAAN DAN CUKAI DANA HAYAT DAN TAKAFUL

Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful bagi Kumpulan meningkat sebanyak RM250.3 juta kepada RM3.93 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh manfaat dan tuntutan ditanggung bersih yang lebih tinggi diperoleh oleh syarikat subsidiari Insurans sebanyak RM277.6 juta.

Analisis Penyata Kewangan

PERBELANJAAN OVERHED

Perbelanjaan overhed Kumpulan meningkat sebanyak RM183.4 juta (+ 2.1%) kepada RM9.11 bilion daripada RM8.93 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Nisbah kos kepada pendapatan Kumpulan ialah 48.9% berbanding dengan 47.8% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.



TK2013
(RM' juta)



TK2014
(RM' juta)



Perbelanjaan kakitangan | Kos penubuhan | Perbelanjaan pemasaran | Perbelanjaan pentadbiran dan am

Perbelanjaan kakitangan meningkat sebanyak RM75.4 juta kepada RM5,019.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan menyumbang 55.1% daripada jumlah perbelanjaan overhed Kumpulan. Ini disebabkan peningkatan oleh gaji, elaun dan bonus sebanyak RM96.2 juta tetapi diimbangi oleh perbelanjaan ESS lebih rendah sebanyak RM26.3 juta.

Kos penubuhan meningkat sebanyak RM39.7 juta kepada RM1,586.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 disebabkan oleh peningkatan dalam susut nilai hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM62.5 juta, pelunasan perisian komputer sebanyak RM36.9 juta dan sewaan tanah pajakan dan premis sebanyak RM13.4 juta. Ini diimbangi oleh perbelanjaan teknologi maklumat yang lebih rendah sebanyak RM88.0 juta. Kos penubuhan menyumbang 17.4% kepada jumlah perbelanjaan overhed Kumpulan.

Perbelanjaan pentadbiran dan am meningkat sebanyak RM189.5 juta kepada RM1,916.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan menyumbang 21.0% kepada jumlah perbelanjaan overhed Kumpulan.

Perbelanjaan pemasaran menurun sebanyak RM121.2 juta kepada RM589.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

PERUNTUKAN BAGI KERUGIAN ROSOT NILAI ATAS PINJAMAN, PENDAHULUAN, PEMBIAYAAN DAN PENGHUTANG LAIN, BERSIH

Peruntukan Kumpulan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan penghutang lain menurun sebanyak RM329.2 juta kepada RM400.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Penurunan itu disebabkan terutamanya oleh peruntukan kolektif ("CA") dan peruntukan individu ("IA") yang lebih rendah dan hutang lapuk dan pembiayaan dipulih semula yang lebih tinggi sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014. Nisbah CA Kumpulan (termasuk Rizab Dikawal Selia) adalah 1.04% pada 31 Disember 2014 berbanding 1.06% pada 31 Disember 2013.

PERUNTUKAN BAGI KERUGIAN ROSOT NILAI ATAS PELABURAN KEWANGAN, BERSIH

Peruntukan Kumpulan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan menurun sebanyak RM80.1 juta kepada RM70.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 disebabkan pemulihan dalam stok pinjaman terjejas.



Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan penghutang lain, bersih

ANALISIS PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

JUMLAH ASET

Jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak RM80.0 bilion (+14.3%) kepada RM640.3 bilion pada 31 Disember 2014 daripada RM560.3 bilion pada 31 Disember 2013 disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman (+13.5%), portfolio pelaburan kewangan (+7.7%) dan tunai dan deposit serta penempatan dengan institusi-institusi kewangan (+24.9%).

Pada 31 Disember 2014, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih kekal sebagai komponen terbesar dalam jumlah aset Kumpulan sebanyak 63.0%.



PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan berkembang dengan kukuh sebanyak RM47.9 bilion (+13.5%) kepada RM403.5 bilion pada 31 Disember 2014. Ini disokong oleh pertumbuhan pinjaman dalam operasi Antarabangsa sebanyak 20.6% dan operasi Malaysia sebanyak 9.0%. Pertumbuhan dalam operasi Antarabangsa, yang diketuai oleh Luar Pesisir Labuan (+98.4%), Tanah Besar China (+33.9%), Indochina (+31.9%) dan Singapura (+13.3%).

Kualiti aset kekal kukuh apabila dibandingkan dengan trend industri, dengan nisbah pinjaman terjejas bersih Kumpulan pada 1.04% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

PORTFOLIO PELABURAN KEWANGAN

Portfolio pelaburan kewangan Kumpulan meningkat sebanyak RM8.2 bilion (+7.7%) kepada RM115.9 bilion pada 31 Disember 2014 hasil daripada pertumbuhan dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi sebanyak RM4.5 bilion dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang sebanyak RM3.9 bilion.

JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti Kumpulan meningkat sebanyak RM73.0 bilion (+14.2%) kepada RM585.6 bilion pada 31 Disember 2014 daripada RM512.6 bilion pada 31 Disember 2013 hasil daripada pertumbuhan dalam deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan (+11.1%), deposit dan penempatan dari institusi-institusi kewangan (+36.2%) dan pinjaman, tanggungan subordinat dan sekuriti modal (+25.6%).



DEPOSIT-DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN-PELANGGAN

Sejajar dengan pertumbuhan pinjaman, deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan Kumpulan meningkat sebanyak RM44.0 bilion (+11.1%) kepada RM439.6 bilion, dengan pertumbuhan paling kukuh disumbang daripada operasi Malaysia dan Singapura, masing-masing sebanyak 7.4% dan 16.5%.

Kumpulan mencatatkan peningkatan keseluruhan dalam deposit tetap dan instrumen deposit boleh niaga (+9.2%), deposit pasaran wang (+55.8%) dan deposit permintaan (+11.1%).

Nisbah pinjaman kepada deposit juga kekal pada tahap yang selesa pada 91.8%.

Laporan Para Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

KEGIATAN UTAMA

Bank pada dasarnya terlibat dalam semua aspek perbankan komersial dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan.

Syarikat-syarikat subsidiarinya terbabit terutamanya dalam perniagaan perbankan dan kewangan, perbankan Islam, perbankan pelaburan termasuk broker saham, pengunderaitan insurans am dan hayat, takaful am dan keluarga, pemegang amanah dan perkhidmatan penama dan pengurusan aset. Butiran lanjut mengenai syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 62(a) kepada penyata-penyata kewangan.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	9,111,583	7,344,427
Cukai dan zakat	(2,200,540)	(1,441,412)
Keuntungan bagi tahun kewangan	6,911,043	5,903,015
Boleh agih kepada:		
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	6,716,455	5,903,015
Kepentingan tidak dikawal	194,588	-
	6,911,043	5,903,015

Tiada sebarang pindahan yang ketara kepada atau daripada rizab, elaun atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam Nota-nota 10, 11, 24, 43 dan 44 dan penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pandangan Lembaga Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan semasa tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan keadaan luar biasa.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Bank sejak 31 Disember 2013 (seperti yang dinyatakan dalam Nota 49(c) penyata kewangan) adalah seperti yang berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 seperti yang dilaporkan dalam laporan para pengarah bagi tahun tersebut:	
Dividen akhir sebanyak 31 sen dividen tahap satu terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen dividen tahap satu sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 27 sen sesaham biasa, atas 8,870,196423 saham biasa, diluluskan pada 7 April 2014 dan dibayar pada 30 Mei 2014.	2,749,761
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014:	
Dividen interim tahap satu sebanyak 24 sen terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 20 sen sesaham biasa atas 9,150,707,894 saham biasa, diisytiharkan pada 28 Ogos 2014 dan dibayar pada 28 Oktober 2014.	2,196,170
	4,945,931

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen akhir tahap satu bagi tahun kewangan semasa berakhir pada 31 Disember 2014 sebanyak 33 sen dividen tahap satu sesaham biasa bernilai RM1.00 sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan dividen bersih boleh dibayar sebanyak RM3,075,279,881 (berdasarkan 9,319,029,941 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan pada 31 Disember 2014) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham.

Dividen akhir tahap satu yang dicadangkan merangkumi bahagian tunai sebanyak 10 sen sesaham biasa yang akan dibayar secara tunai berjumlah RM931,902,994 dan bahagian boleh pilih sebanyak 23 sen sesaham biasa berjumlah RM2,143,376,887.

Bahagian boleh pilih boleh dibuat pilihan untuk dilaburkan semula dalam saham biasa sejajar dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") yang dinyatakan dalam Nota 31(b) penyata kewangan ini dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa serta kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2014 tidak mengambil kira cadangan dividen ini. Dividen ini, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira dalam penyata perubahan dalam ekuiti sebagai pengagihan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan akan datang berakhir pada 31 Disember 2015.

SKIM SAHAM KAKITANGAN ("ESS") DAN SKIM SAHAM KAKITANGAN BERASASKAN PRESTASI DISELESAIKAN SECARA TUNAI ("CESS") BAGI KUMPULAN MAYBANK

Skim Saham Kakitangan ("ESS") Kumpulan Maybank diseliakan oleh undang-undang kecil yang diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 13 Jun 2011. ESS tersebut dilaksanakan pada 23 Jun 2011. Skim ini berkuatkuasa bagi tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh efektif dan ditadbir oleh Jawatankuasa ESS. ESS tersebut terdiri daripada dua (2) jenis kelulusan berasaskan prestasi dalam bentuk Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU").

Dari semasa ke semasa sepanjang tempoh ESS, Jawatankuasa ESS boleh membuat kelulusan RSU selanjutnya yang dikira sebagai kelulusan RSU tambahan ("SRSU") kepada kumpulan kakitangan terpilih yang layak untuk mengambil bahagian dalam kelulusan RSU. Kumpulan terpilih ini boleh terdiri daripada pengurusan kanan, kakitangan kanan yang meneruskan khidmat dan kakitangan kanan luar terpilih dan SRSU boleh mengandungi terma dan syarat yang mungkin berbeza daripada kelulusan RSU terdahulu yang disediakan untuk pengurusan kanan terpilih.

Skim Saham Kakitangan Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESS") Kumpulan Maybank diseliakan oleh garis panduan yang diluluskan oleh ahli-ahli Jawatankuasa ESS pada 15 Jun 2011.

CESS terdiri daripada Skim Opsyen Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CRSU") dan tersedia pada masa yang bersesuaian kepada kakitangan yang layak di cawangan luar negara dan syarikat-syarikat subsidiari Bank termasuk PT Bank Internasional Indonesia Tbk, PT Bank Maybank Syariah Indonesia, Maybank Philippines Incorporated dan Maybank (PNG) Limited, tertakluk kepada pencapaian kriteria prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan-amalan pasaran yang lazim dalam negara masing-masing.

Butiran mengenai ciri-ciri utama ESS dan CESS dinyatakan dalam Nota 31(c) penyata kewangan.

Butiran opsyen-opsyen saham yang dianugerahkan, diletakkan hak dan dilaksanakan di bawah ESS dan CESS adalah seperti berikut:

(a) Penganugerahan ESOS

Tarikh Penganugerahan	Bilangan opsyen saham '000	Harga pelaksanaan asal RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	405,309#	8.82*	30.6.2011 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	62,339#	8.83*	7.5.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	53,594#	9.61*	21.5.2013 - 22.6.2018
30.4.2014 - Penganugerahan ESOS Keempat	53,983#	9.91*	21.5.2014 - 22.6.2018

Agregat peruntukan maksimum ESOS kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan Kumpulan dan Bank tidak boleh melebihi 50% daripada Skim Saham Maksimum yang Dibenarkan. Peruntukan sebenar opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan adalah 19.1% pada 31 Disember 2014 (31 Disember 2013: 16.3%).

Bilangan opsyen saham yang dianugerahkan adalah berdasarkan andaian bahawa kakitangan yang layak telah mencapai sasaran prestasi purata.

SKIM SAHAM KAKITANGAN ("ESS") DAN SKIM SAHAM KAKITANGAN BERASASKAN PRESTASI DISELESAIKAN SECARA TUNAI ("CESS") BAGI KUMPULAN MAYBANK (SAMB.)

(a) Penganugerahan ESOS (samb.)

* Jawatankuasa ESS meluluskan pengurangan harga pelaksanaan ESOS berikutan terbitan baru saham biasa bernilai RM1.00 sesaham sejajar dengan pelaksanaan DRP. Semakan harga pelaksanaan adalah seperti berikut:

Tarikh penganugerahan	Harga pelaksanaan RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	8.82	30.6.2011 - 28.12.2011
	8.78	29.12.2011 - 4.6.2012
	8.76	5.6.2012 - 28.10.2012
	8.75	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	8.83	7.5.2012 - 28.10.2012
	8.82	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	9.61	21.5.2013 - 27.6.2013
	9.59	28.6.2013 - 21.11.2013
	9.58	22.11.2013 - 24.6.2014
	9.56	25.6.2014 - 22.6.2018
30.4.2014 - Penganugerahan ESOS Keempat	9.91	21.5.2014 - 24.6.2014
	9.88	25.6.2014 - 28.10.2014
	9.87	29.10.2014 - 22.6.2018

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, sejumlah 74,253,200 (31 Disember 2013: 79,155,600) di bawah Penganugerahan ESOS Pertama, 12,002,000 (31 Disember 2013: 13,159,200) di bawah Penganugerahan ESOS Kedua, 10,523,300 (31 Disember 2013: 9,199,800) di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga dan 9,651,900 di bawah Penganugerahan ESOS Keempat telah diletakkan hak kepada sekumpulan kakitangan terpilih yang layak.

Pergerakan ESOS yang diletakkan hak berhubung dengan Penganugerahan ESOS Pertama dan ESOS Kedua adalah seperti berikut:

Penganugerahan ESOS Pertama (diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan[1] '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan[2] '000	Dilucut hak '000		
30.6.2011	36,457	7	-	(9,509)	(89)	26,866	26,866
30.4.2012	22,247	3	-	(5,247)	(55)	16,948	16,948
30.4.2013	54,095	24	-	(12,427)	(151)	41,541	41,541
30.4.2014	-	-	74,219	(22,157)	(146)	51,916	51,916
	112,799	34	74,219	(49,340)	(441)	137,271	137,271

1 Pelarasan berkaitan ESOS yang diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

2 61,300 opsyen saham yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 hanya diterbitkan dan disebut di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dalam tahun kewangan berikutnya selepas 31 Disember 2014.

Penganugerahan ESOS Kedua (diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan[3] '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan[4] '000	Dilucut hak '000		
7.5.2012	3,380	-	-	(861)	(27)	2,492	2,492
30.4.2013	8,790	79	-	(2,097)	(73)	6,699	6,699
30.4.2014	-	-	11,923	(3,515)	(84)	8,324	8,324
	12,170	79	11,923	(6,473)	(184)	17,515	17,515

3 Pelarasan berkaitan ESOS yang diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

4 3,500 opsyen saham yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 hanya diterbitkan dan disebut di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dalam tahun kewangan berikutnya selepas 31 Disember 2014.

Laporan Para Pengarah

SKIM SAHAM KAKITANGAN ("ESS") DAN SKIM SAHAM KAKITANGAN BERASASKAN PRESTASI DISELESAIKAN SECARA TUNAI ("CESS") BAGI KUMPULAN MAYBANK (SAMB.)

(a) Penganugerahan ESOS (samb.)

Pergerakan ESOS yang diletakkan hak berhubung dengan Penganugerahan ESOS Ketiga dan ESOS Keempat adalah seperti berikut:

Penganugerahan ESOS Ketiga (diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan[5] '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan '000	Dilucut hak '000		
21.5.2013	8,375	3	-	(1,271)	(490)	6,617	6,617
30.4.2014	-	-	10,520	(1,247)	(354)	8,919	8,919
	8,375	3	10,520	(2,518)	(844)	15,536	15,536

[5] Pelarasan berkaitan ESOS yang diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

Penganugerahan ESOS Keempat (diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan			Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Diletakkan hak '000	Dilaksanakan '000	Dilucut hak '000		
21.5.2014	-	9,652	(5)	(507)	9,140	9,140

(b) Penganugerahan RSU

Jadual yang berikut menunjukkan bilangan dan pergerakan dalam RSU sepanjang tahun kewangan:

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Tarikh peletakan hak
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000		
23.6.2011 - Penganugerahan RSU Pertama	3,150	200[6]	-	(2,795)	(551)	4	Berdasarkan 3-tahun peletakan hak tergantung daripada tarikh penganugerahan dan prestasi metrik
30.4.2012 - Penganugerahan RSU Kedua	3,925	-	-	-	(435)	3,490	
30.4.2013 - Penganugerahan RSU Ketiga	4,480	20[7]	-	-	(350)	4,150	
30.4.2014 - Penganugerahan RSU Keempat	-	-	5,520	-	(140)	5,380	
	11,555	220	5,520	(2,795)	(1,476)	13,024	

Peringkat (tranche) pertama di bawah Penganugerahan RSU Pertama berjumlah 2,794,826 pilihan (termasuk DRP) telah diletakkan hak dan dianugerahkan kepada sekumpulan kakitangan terpilih yang layak bagi tempoh kewangan tahun berakhir pada 31 Disember 2014 (31 Disember 2013: Tiada). Baki penganugerahan masih belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

[6] Pelarasan selaras dengan DRP bagi Penganugerahan RSU Pertama yang diletakkan hak bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

[7] Pelarasan berhubung dengan kes-kes rayuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa ESS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 bagi Penganugerahan RSU Ketiga.

SKIM SAHAM KAKITANGAN ("ESS") DAN SKIM SAHAM KAKITANGAN BERASASKAN PRESTASI DISELESAIKAN SECARA TUNAI ("CESS") BAGI KUMPULAN MAYBANK (SAMB.)

(c) Penganugerahan SRSU

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, sejumlah 364,000 SRSU (31 Disember 2013: 15,000) telah dianugerahkan kepada sekumpulan kakitangan terpilih yang layak dan sejumlah 299,533 SRSU (31 Disember 2013: 121,700) telah diletakkan hak pada 31 Disember 2014. Baki penganugerahan masih belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

Pergerakan SRSU yang dianugerahkan dan diletakkan hak adalah seperti berikut:

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak '000	Dilucut hak '000	
1.3.2011	84	2	-	(86)	-	-
15.12.2011	20	-	-	(20)	-	-
16.4.2012	15	-	-	(15)	-	-
7.5.2012	15	-	-	(15)	-	-
1.6.2012	39	-	-	(24)	(15)	-
2.7.2012	30	-	-	(30)	-	-
30.10.2012	20	-	-	(20)	-	-
14.9.2012	-	15	-	(15)	-	-
21.9.2012	-	15	-	(15)	-	-
1.11.2012	-	60	-	(60)	-	-
3.12.2012	-	5	-	-	-	5
1.3.2013	15	-	-	-	-	15
26.3.2014	-	-	270	-	-	270
30.4.2014	-	-	34	-	-	34
15.7.2014	-	-	60	-	-	60
	238	97	364	(300)	(15)	384

(d) Penganugerahan CESOS

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, sejumlah 559,400 di bawah Penganugerahan Pertama CESOS telah diletakkan hak kepada sekumpulan kakitangan terpilih yang layak daripada cawangan-cawangan luar negara.

Sebagai tambahan, Bank juga telah menganugerahkan sejumlah 591,300 (31 Disember 2013: 671,600) di bawah Penganugerahan CESOS Pertama, 1,011,800 (31 Disember 2013: 1,262,800) di bawah Penganugerahan CESOS Kedua, 695,000 (31 Disember 2013: 654,700) di bawah Penganugerahan CESOS Ketiga dan 556,500 di bawah Penganugerahan CESOS Keempat kepada sekumpulan kakitangan terpilih yang layak.

Pergerakan CESOS yang dianugerahkan dan diletakkan hak adalah seperti berikut:

Penganugerahan CESOS Pertama

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000	
23.6.2011	576	37	-	(559)	(54)	-
30.4.2012	328	-	-	-	(36)	292
30.4.2013	621	-	-	-	(60)	561
30.4.2014	-	-	591	-	(40)	551
	1,525	37	591	(559)	(190)	1,404

Penganugerahan CESOS Kedua

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000	
23.2.2012	890	-	-	-	(190)	700
30.4.2012	97	-	-	-	(15)	82
30.4.2013	1,170	40	-	-	(40)	1,170
30.4.2014	-	-	1,012	-	(12)	1,000
	2,157	40	1,012	-	(257)	2,952

Laporan Para Pengarah

SKIM SAHAM KAKITANGAN ("ESS") DAN SKIM SAHAM KAKITANGAN BERASASKAN PRESTASI DISELESAIKAN SECARA TUNAI ("CESS") BAGI KUMPULAN MAYBANK (SAMB.)

(d) Penganugerahan CESOS (samb.)

Pergerakan CESOS yang dianugerahkan dan diletakkan hak adalah seperti berikut (samb.):

Penganugerahan CESOS Ketiga

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000	
30.4.2013	616	(40)	-	-	(72)	504
30.4.2014	-	-	695	-	(62)	633
	616	(40)	695	-	(134)	1,137

Penganugerahan CESOS Keempat

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	DIlucut hak '000	
30.4.2014	-	-	557	-	(43)	514

Selain daripada tranche pertama Penganugerahan CESOS Pertama, Penganugerahan CESOS yang lain belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

(e) Penganugerahan CRSU

Sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, sejumlah 145,000 CRSU (31 Disember 2013: 185,000) telah dianugerahkan kepada pihak pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak.

Penganugerahan CRSU Pertama berjumlah 16,160 pilihan (termasuk DRP) telah diletakkan hak dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 (31 Disember 2013: tiada). Penganugerahan CRSU yang lain belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

Pergerakan CRSU yang dianugerahkan dan diletakkan hak adalah seperti berikut:

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan			Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Tarikh peletakan hak
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000		
23.6.2011 - Penganugerahan CRSU Pertama	15	1	-	(16)	-	Berdasarkan 3-tahun peletakan hak tergantung daripada tarikh penganugerahan dan prestasi metrik
30.4.2012 - Penganugerahan CRSU Kedua	15	80	-	-	95	
30.4.2013 - Penganugerahan CRSU Ketiga	185	-	-	-	185	
30.4.2014 - Penganugerahan CRSU Keempat	-	-	145	-	145	
	215	81	145	(16)	425	

Bank telah diberikan pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia daripada mendedahkan nama kakitangan yang dianugerahkan opsyen saham yang telah diletakkan hak untuk melanggan kurang daripada 487,500 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

Bilangan maksimum saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Bank yang tersedia ada untuk ESS tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan modal terbitan dan berbayar Bank pada bila-bila masa sepanjang tempoh pelaksanaan skim berkenaan. Ciri-ciri utama lain ESS dan CESS dinyatakan dalam Nota 31(c) kepada penyata kewangan.

Nama pemegang opsyen yang dianugerahkan opsyen saham yang telah diletakkan hak untuk melanggan sekurang-kurangnya 487,500 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Nama	<---------- Bilangan opsyen saham daripada ESOS ---------->			
	Boleh dilaksanakan/ diletakkan hak pada 1.1.2014 '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan '000	Boleh dilaksanakan/ diletakkan hak pada 31.12.2014 '000
Datuk Abdul Farid bin Alias	575	326	-	901
Datuk Lim Hong Tat	575	250	-	825
John Chong Eng Chuan	575	250	-	825
Normala @ Noraizah binti A. Manaf	500	200	-	700
Geoffrey Michael Stecyk	500	200	-	700
Dr John Lee Hin Hock	424	250	-	674

TERBITAN MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, Bank telah meningkatkan modal terbitan dan berbayar daripada RM8,862,079,081 kepada RM9,319,029,941 melalui:

(a) Terbitan 58,680,500 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham secara tunai kepada mereka yang layak untuk melaksanakan opsyen saham di bawah ESS, seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(d)(ii) kepada penyata kewangan;

(b) Terbitan 2,831,509 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang wujud daripada Unit Saham Terhad ("RSU"), seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(c)(v) kepada penyata kewangan;

(c) Terbitan 299,533 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang wujud daripada Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU"), seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(e)(vi) kepada penyata kewangan;

(d) Terbitan 229,810,271 saham biasa baru (termasuk 371,620 saham biasa baru yang diterbitkan kepada Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF")) bernilai RM1.00 sesaham, hasil daripada Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") berkaitan bahagian boleh pilih dividen akhir sebanyak 27 sen bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, seperti mana dinyatakan dalam Nota 49(c)(i) kepada penyata kewangan; dan

(e) Terbitan 165,329,047 saham biasa baru (termasuk 272,905 saham biasa baru yang diterbitkan kepada Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF")) bernilai RM1.00 sesaham, hasil daripada DRP berkaitan bahagian boleh pilih dividen interim sebanyak 20 sen bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, seperti mana dinyatakan dalam Nota 49(c)(ii) kepada penyata kewangan.

Saham-saham biasa baru yang diterbitkan dalam tahun kewangan semasa berakhir pada 31 Disember 2014 adalah bertaraf pari pasu dalam segala aspek dengan saham-saham biasa Bank yang sedia ada.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh pelaporan terakhir dan tarikh pelaporan ini adalah:

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor (Pengerusi)
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun (Naib Pengerusi)
Datuk Abdul Farid bin Alias (Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil
Dato' Seri Ismail bin Shahudin
Dato' Dr Tan Tat Wai
Dato' Johan bin Ariffin
Encik Cheah Teik Seng
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin
Encik Erry Riyana Hardjapamekas
Datuk R. Karunakaran (dilantik pada 16 Julai 2014)
Encik Cheng Kee Check (dilantik pada 19 November 2014)
Encik Zainal Abidin bin Jamal (bersara pada 7 April 2014)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan sehingga akhir tahun kewangan semasa, tidak terdapat sebarang rancangan yang dibuat oleh Bank atau mana-mana syarikat subsidiarinya yang membolehkan para pengarahnya mendapat manfaat melalui pemilikan saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat lain, selain daripada yang wujud daripada ESOS dan RSU di bawah ESS.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada pengarah yang menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat pendapatan yang diterima atau yang kepada terhutang dan belum diterima oleh para pengarah daripada Bank dan perbadanan berkaitan Bank, atau pekerja Bank yang bergaji tetap sepenuh masa seperti yang dinyatakan dalam Nota 42 kepada penyata kewangan) berikutan kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat-syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang pengarah tersebut adalah ahlinya atau dengan syarikat yang pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan yang ketara kecuali Encik Cheng Kee Check yang disifatkan boleh atau layak menerima manfaat atas yuran yang dibayar oleh Bank atau syarikat-syarikat berkaitan kepada firma undang-undang yang beliau menjadi rakan kongsi untuk perkhidmatan profesional undang-undang yang diberikan kepada Bank atau syarikat-syarikat berkaitan dalam urusan biasa perniagaan.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan yang dimiliki oleh para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam bentuk saham, ESOS dan RSU dalam Bank sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
Kepentingan langsung	**Pada 1.1.2014**	**Diterbitkan menurut RSU**	**Diterbitkan menurut DRP**	**Pada 31.12.2014**
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	39,787	-	2,081	41,868
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	337,399	-	16,733	354,132
Datuk Abdul Farid bin Alias	-	80,798	4,227	85,025
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	24,304	-	1,271	25,575
Dato' Johan bin Ariffin	249,926	-	13,075	263,001

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
Kepentingan tidak langsung	**Pada 1.1.2014**	**Diterbitkan menurut RSU**	**Diterbitkan menurut DRP**	**Pada 31.12.2014**
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor*	29,462	-	1,540	31,002
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor**	35,014	-	1,830	36,844
Dato' Dr Tan Tat Wai*	5,619	-	-	5,619

* Kepentingan berkenaan saham yang dipegang oleh pasangan.
** Kepentingan berkenaan saham yang dipegang melalui akaun anak-anak.

Laporan Para Pengarah

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMB.)

Berdasarkan daftar pegangan saham pengarah, kepentingan yang dimiliki oleh para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam bentuk saham, ESOS dan RSU dalam Bank sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang berikut (samb.):

		Bilangan opsyen saham daripada ESOS berbanding saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
	Harga pelaksanaan (RM)	Dianugerahkan	Diletakkan hak pada 1.1.2014	Diletakkan hak	Diletakkan hak pada 31.12.2014
Datuk Abdul Farid bin Alias	8.82#	1,000,000^	575,000^	116,000	691,000
	9.91##	1,410,000	-	210,000	210,000
		2,410,000	575,000	326,000	901,000

\# Disemak semula kepada RM8.75 pada 29 Oktober 2012 berdasarkan semakan kepada harga pelaksanaan Penganugerahan ESOS Pertama.

Disemak semula kepada RM9.87 pada 29 Oktober 2014 berdasarkan semakan kepada harga pelaksanaan Penganugerahan ESOS Keempat.

^ Opyen saham daripada ESOS yang dianugerahkan dan diletakkan hak sebelum perlantikan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, masing-masing sebanyak 1,000,000 dan 575,000.

		Bilangan RSU saham biasa bernilai RM1.00 sesaham					
	Tarikh Penganugerahan	Penganugerahan pada 1.1.2014	Pelarasan menurut DRP	Dianugerahkan	Penganugerahan pada 31.12.2014	Diletakkan hak dalam tahun kewangan	Tertunggak pada 31.12.2014
Datuk Abdul Farid bin Alias	23.6.2011	75,000^^	5,798	-	80,798	80,798	-
	30.4.2012	75,000^^	-	-	75,000	-	75,000
	30.4.2013	75,000^^	-	-	75,000	-	75,000
	30.4.2014	-	-	200,000	200,000	-	200,000
		225,000	5,798	200,000	430,798	80,798	350,000

^^ RSU dianugerahkan sebelum pelantikan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

ESOS dan RSU yang lain yang telah dianugerahkan kepada pengarah belum diletak hak pada 31 Disember 2014. ESOS dan RSU yang lain akan diletakkan hak dan boleh dilaksanakan selepas syarat-syarat peletakan hak atau penentuan ukuran prestasi dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran dan tempoh prestasi.

Tiada pengarah lain yang berkhidmat sehingga akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan dalam saham Bank atau perbadanan berkaitan Bank di sepanjang tahun kewangan.

PENARAFAN OLEH AGENSI-AGENSI PENARAFAN LUAR

Butir-butir penarafan Bank adalah seperti berikut:

Agensi penarafan	Tarikh	Klasifikasi penarafan	Penarafan diterima
Moody's Investors Service	16 Mei 2014	Tinjauan	Stabil
		Deposit Bank – Matawang asing	A3/P-2
		Deposit Bank – Matawang tempatan	A1/P-1
		Kekukuhan Kewangan Bank	C
		Garis dasar penilaian kredit	(a3)
		Subordinat Jr	Baa2 (hibrid)
Standard & Poor's ("S&P")	15 Disember 2014	Penarafan Kredit Timbalawan	A-/Stable/A-2
		Skala Penarafan ASEAN	axAA/--/axA-1
		Saham Keutamaan	BB+
		Skala Senior Serantau Wilayah *Besar China Tidak Terjamin*	cnAA
		Senior tidak terjamin	A-/A-2
		Subordinat	BBB+
Fitch Ratings	6 Oktober 2014	Penarafan Kemungkiran Terbitan Matawang Asing Jangka Panjang	A-/Negatif
		Matawang Tempatan Jangka Panjang	A-/Negatif
		Penarafan Ketampakan	a-
		Penarafan Sokongan	2
		Lantai Penarafan Sokongan	BBB
		Nota Subordinat Tahap 2 (USD dan SGD)	BBB+
		Sekuriti Modal SGD Tahap 1	BB+

Agensi penarafan	Tarikh	Klasifikasi penarafan	Penarafan diterima
RAM Ratings Services Berhad ("RAM")	31 Disember 2014	Skala Nasional Penarafan Institusi Kewangan	AAA/Stabil/P1
		Skala ASEAN Penarafan Institusi Kewangan	AAA/Stabil/P1
		Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif	AA2/Stabil
		Sekuriti Modal Tahap 1 Bukan Inovatif	AA2/Stabil
		Program Nota Subordinat Modal Tahap 2	AA1/Stabil
		Program Nota Subordinat	AA1/Stabil
		Program Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1	AA3/Stabil
Malaysian Rating Corporation Bhd	19 Mei 2014	Penarafan institusi kewangan jangka panjang	AAA
		Penarafan institusi kewangan jangka pendek	MARC-1
		Tinjauan	Stabil

TINJAUAN PERNIAGAAN

Pertumbuhan ekonomi global dijangka mencatatkan perkembangan sederhana sebanyak 3.6% pada tahun 2015 daripada anggaran pertumbuhan sebanyak 3.3% pada tahun 2014, diketuai oleh pertumbuhan Amerika Syarikat ("AS") yang lebih kukuh walaupun pertumbuhan yang rendah dalam Zon Eropah dan Jepun, dan kelembapan yang berterusan di China. Secara agregat, Asean-6 dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2015 dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") yang lebih tinggi di Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam walaupun pertumbuhan yang stabil di Singapura dan pertumbuhan yang lebih perlahan di Malaysia.

Pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4.5% pada tahun 2015, mencerminkan kesan daripada harga komoditi yang lebih rendah dan pembaharuan fiskal (Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") dan penyingkiran subsidi bahan api) ke atas perbelanjaan pengguna dan Kerajaan. Penurunan harga minyak mentah juga menimbulkan risiko kepada bajet Kerajaan, imbangan perdagangan, kadar pertukaran dan aktiviti minyak dan gas.

Walaupun kadar inflasi dianggarkan dalam 3% - 4% pada tahun 2015 (2014: 3.2%), Bank Negara Malaysia ("BNM") dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 3.25% untuk tahun 2015 sambil menukar dasar monetarinya supaya cenderung ke arah mengekalkan pertumbuhan.

Pertumbuhan pinjaman di Malaysia berkemungkinan menjadi sedikit sederhana pada tahun 2015 dengan pertumbuhan pinjaman industri diunjurkan dalam 7% - 8% daripada 8.7% pada tahun 2014 disebabkan pertumbuhan pinjaman isi rumah berkurangan kepada 8% (2014: 10%), kesan berterusan daripada kriteria pinjaman BNM yang lebih ketat untuk membendung hutang isi rumah yang berlebihan manakala pinjaman bukan isi rumah dijangka kekal stabil dalam kira-kira 7% (2014: 7%). Maybank Malaysia menyasarkan untuk pelaksanaan yang sejajar dengan pertumbuhan industri dan terus mengembangkan aktiviti aktiviti- pendapatan yuran.

Pertumbuhan KDNK Singapura dijangka menurun kepada 2.5% pada tahun 2015 (2014: 2.9%) tetapi akan melihat sokongan daripada unjuran penambahbaikan yang didorong oleh AS dalam perdagangan luar negara memandangkan peningkatan sederhana dalam ekonomi global, yang akan mengimbangi pasaran hartanah yang lebih perlahan, dan isu struktur domestik dan kos sedia ada. Maybank Singapura akan terus memberi tumpuan kepada pertumbuhan pinjaman dalam segmen sasarannya yang disokong oleh francais domestik serta kerjasama dalam urus niaga korporat dan serantau dengan Maybank Kim Eng.

Walaupun harga komoditi lebih rendah, pertumbuhan KDNK Indonesia dijangka bertambah baik kepada 5.5% pada tahun 2015 daripada anggaran 4.8% pada tahun 2014 apabila keadaan kembali normal selepas pilihan raya, asas ekonomi yang positif dan peningkatan perbelanjaan infrastruktur dan kerajaan. Kadar faedah dijangka kekal tinggi tetapi stabil pada 7.5% dengan peningkatan yang berpotensi sebanyak 25 mata asas pada akhir tahun ini. PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII") akan terus mengembangkan segmen peruncitan dan perbankan, dan pertumbuhan yang terpilih dalam segmen korporat. Pertumbuhan pendapatan yuran, akan diperoleh, terutamanya daripada perbankan transaksi, pengurusan tunai dan urus niaga pasaran global.

Selain daripada tiga pasaran yang dinyatakan di atas, Kumpulan akan terus mengukuhkan tumpuan serantau, khususnya di Wilayah Besar China, Filipina dan pasaran Indochina, yang dijangka menyaksikan pertumbuhan KDNK yang menggalakkan antara 6.0% - 8.5% pada tahun 2015.

Di Wilayah Besar China – di mana Maybank diwakili oleh Hong Kong, Shanghai, Beijing, dan yang terbaru di Kunming - Kumpulan akan memberi tumpuan kepada permudahan aliran hubungan China-ASEAN, melancarkan Kewangan Peribadi di rantau ini dan mengukuhkan liputan Selatan China-Indochina, sejajar dengan agenda pertumbuhan kami di Indochina. Francais Indochina akan diperkukuhkan lagi dengan cawangan baru kami di Myanmar pada tahun 2015, bersama-sama dengan rancangan mengukuhkan tapak perbankan pengguna kami di Kemboja dan Laos. Di Filipina, Kumpulan akan terus mengembangkan perkhidmatan perbankan pengguna dan perniagaan perbankan global, dengan memanfaatkan kekuatan keupayaan serantau kami.

Pada tahun 2015, Kumpulan akan memberi tumpuan kepada pengembangan aktiviti perniagaan pendapatan yuran dalam pasaran utamanya. Ini termasuk merebut peluang perjanjian dan perdagangan serantau, membina perniagaan pengurusan kewangan, dan mengembangkan perniagaan insurans kami. Maybank Kim Eng, Perbankan Transaksi, Kewangan Peribadi, Insurans & Takaful dan Pengurusan Aset adalah antara perniagaan yang membentuk platform pendapatan yuran Kumpulan.

Kumpulan kini dalam tahun kedua operasi atas struktur matrik yang menyokong jualan silang dan kerjasama pasaran dalam semua segmen perniagaan. Segmen-segmen perniagaan Kumpulan - Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Perbankan Global, Insurans & Takaful, Operasi Antarabangsa dan Perbankan Islam - semua bekerja sebagai unit perniagaan global. Pusat-pusat sokongan Kumpulan termasuk pengurusan risiko, IT, kewangan, operasi dan modal insan, juga di landasan yang betul dengan pembangunan pusat kecemerlangan masing-masing untuk menyokong strategi serantau Maybank, menguruskan kualiti aset dan meningkatkan produktiviti di seluruh Kumpulan.

Kami akan terus proaktif dalam pengurusan modal dan mengekalkan modal pada peringkat melebihi keperluan kawal selia yang ditetapkan oleh BNM. Tanpa mengambil kira keadaan luar jangkaan, Kumpulan menjangkakan prestasi kewangannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 akan terus kekal memuaskan. Kumpulan telah menetapkan dua Petunjuk Prestasi Utama ("KPI") iaitu Pulangan atas Ekuiti ("ROE") di antara 13% hingga 14% dan Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan antara 9% hingga 10%.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

(a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan Kumpulan dan Bank disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk:

(i) memastikan tindakan sewajarnya telah diambil berkaitan dengan penghapus kiraan hutang lapuk dan ketika membuat peruntukan bagi hutang rosot nilai dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat bagi pinjaman rosot nilai; dan

(ii) memastikan sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan nilainya seperti yang dicatatkan dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan telah dirosotkan nilainya kepada jumlah yang dianggap boleh direalisasikan.

(b) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan berbangkit yang tidak diperkatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh menyebabkan:

(i) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan rosot nilai dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi sehingga ke tahap yang ketara; dan

(ii) nilai aset semasa yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan.

(c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

(d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan berbangkit yang tidak diperkatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

(e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan lalu yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangkaan Kumpulan atau Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan lalu selain daripada yang wujud dalam urus niaga biasa Kumpulan dan Bank.

(f) Pada pandangan para pengarah:

(i) tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan apabila ianya berlaku; dan

(ii) Tiada perkara atau urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Bank bagi tahun kewangan yang dinyatakan dalam laporan ini.

PEMATUHAN TERHADAP DOKUMEN DASAR PELAPORAN KEWANGAN DAN GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA BERKAITAN PENGELASAN DAN PERUNTUKAN ROSOT NILAI BAGI PINJAMAN/ PEMBIAYAAN

Para pengarah telah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank ini mematuhi dokumen dasar bagi Pelaporan Kewangan dan Garis Panduan BNM berkaitan Pengelasan dan Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan.

PERISTIWA PENTING DAN SETERUSNYA

Peristiwa-peristiwa penting dan seterusnya dibentangkan dalam Nota 59 penyata kewangan. Tiada sebarang peristiwa yang ketara selepas tarikh penyata kedudukan kewangan (iaitu akhir tahun kewangan) sehingga tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan.

JURUAUDIT

Juruaudit bebas, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupannya untuk pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi pengarah-pengarah bertarikh 26 Februari 2015.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor **Datuk Abdul Farid bin Alias**

Kuala Lumpur, Malaysia

Penyata Pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor dan Datuk Abdul Farid bin Alias, dua daripada para pengarah Malayan Banking Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 27 hingga 242 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 26 Februari 2015.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor

Datuk Abdul Farid bin Alias

Kuala Lumpur, Malaysia

Akuan Berkanun

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Malayan Banking Berhad, dengan sesungguh seikhlasnya mengaku bahawa, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 27 hingga 242 pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama dinyatakan di atas, Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 26 Februari 2015

Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican

Di hadapan saya,

Laporan Juruaudit Bebas

kepada para pemegang saham Malayan Banking Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN MENGENAI PENYATA-PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan Malayan Banking Berhad, yang merangkumi penyata-penyata kedudukan kewangan bagi Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2014 serta penyata-penyata pendapatan, penyata-penyata pendapatan komprehensif, penyata-penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata-penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan yang penting dan maklumat penjelasan lain, seperti yang dibentangkan di muka surat 27 hingga 241.

Tanggungjawab Pengarah terhadap penyata-penyata kewangan

Para pengarah Bank bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata-penyata kewangan bagi memberi pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang mereka tentukan sebagai keperluan untuk membolehkan penyediaan penyata-penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat mengenai penyata-penyata kewangan ini berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah menjalankan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan-keperluan beretika serta merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa penyata-penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata material.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata-penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata material dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam penilaian risiko tersebut, kami telah mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata-penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur-prosedur audit yang bersesuaian dalam keadaan ini, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Bank. Audit juga melibatkan penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengarah-pengarah, serta penilaian pembentangan keseluruhan penyata-penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan ini telah memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2014 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN LAIN

Selaras dengan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta buku daftar yang wajib disimpan di bawah Akta tersebut oleh Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

(b) Kami telah mempertimbangkan penyata-penyata kewangan dan laporan-laporan juruaudit bagi semua syarikat-syarikat subsidiari yang kami tidak bertindak sebagai juruaudit, seperti yang dinyatakan dalam Nota 62(a) dan Nota 62(b) kepada penyata-penyata kewangan, yang mana penyata-penyata kewangan itu telah dimasukkan ke dalam penyata-penyata kewangan yang disatukan.

(c) Kami berpuas hati bahawa penyata-penyata kewangan bagi syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata-penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat serta penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang diperlukan bagi tujuan tersebut.

(d) Laporan-laporan juruaudit ke atas penyata-penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiarinya tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan bagi syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di Malaysia, tiada sebarang ulasan perlu dibuat di bawah Seksyen 174 (3) Akta tersebut.

TANGGUNGJAWAB PELAPORAN LAIN

Maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Nota 65 pada muka surat 242 didedahkan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata-penyata kewangan ini.

Para pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan maklumat tambahan ini selaras dengan Panduan Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Belum Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang diterbitkan oleh Institut Akauntan-akauntan Malaysia ("Garis Panduan MIA") dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan yang disediakan, dalam semua aspek penting, telah menurut Garis Panduan MIA selaras dengan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini disediakan khusus untuk ahli-ahli Bank, sebagai sebuah badan, sejajar dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan-akauntan Berkanun

Chan Hooi Lam
No. 2844/02/16(J)
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia
26 Februari 2015

Indeks Penyata-penyata Kewangan

PENYATA KEWANGAN

	Muka surat
Penyata kedudukan kewangan yang disatukan	27
Penyata kedudukan kewangan	28
Penyata-penyata pendapatan	29
Penyata-penyata pendapatan komprehensif	30
Penyata perubahan dalam ekuiti yang disatukan	31
Penyata perubahan dalam ekuiti	33
Penyata-penyata aliran tunai	35

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

		Muka surat
1.	Maklumat korporat	37
2.	Dasar-dasar perakaunan	37
3.	Pertimbangan, anggaran dan andaian kritikal perakaunan	55
4.	Piawaian dan penambahbaikan tahunan kepada piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa	57
5.	Tunai dan dana jangka pendek	61
6.	Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	61
7.	Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik dan tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	61
8.	Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”)	61
9.	Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	63
10.	Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	64
11.	Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	66
12.	Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindung nilai	70
13.	Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	76
14.	Aset-aset lain	76
15.	Hartanah pelaburan	77
16.	Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	78
17.	Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	78
18.	Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	81
19.	Hartanah, loji dan peralatan	83
20.	Aset tidak ketara	88
21.	Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	92
22.	Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	92
23.	Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	93
24.	Liabiliti-liabiliti lain	96
25.	Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	101
26.	Peruntukan cukai dan zakat	101
27.	Cukai tertunda	102
28.	Pinjaman	105
29.	Tanggungan subordinat	107
30.	Sekuriti modal	109
31.	Modal saham, pembayaran berasaskan saham dan saham dipegang dalam amanah	110
32.	Keuntungan terkumpul	121
33.	Rizab-rizab	122
34.	Hasil operasi	123
35.	Pendapatan faedah	124
36.	Perbelanjaan faedah	124
37.	Perolehan premium insurans bersih	125
38.	Dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu	125
39.	Pendapatan operasi lain	125
40.	Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung dibersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	126
41.	Perbelanjaan overhed	127
42.	Yuran dan ganjaran para pengarah	128
43.	Peruntukan bagi/(masuk kira semula) kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan penghutang lain, bersih	131
44.	Peruntukan bagi/(masuk kira semula) kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	131
45.	Cukai dan zakat	131
46.	Urus niaga dan baki signifikan dengan pihak berkaitan	132
47.	Pendedahan kredit yang timbul daripada urus niaga kredit dengan pihak berkaitan	136
48.	Pendapatan sesaham (“EPS”)	136
49.	Dividen	137
50.	Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	138
51.	Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan	143
52.	Pengukuran nilai saksama	191
53.	Pengimbangan aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan	199
54.	Komitmen modal dan komitmen lain	201
55.	Pengurusan modal	201
56.	Proses penilaian kecukupan modal dalaman (“ICAAP”)	201
57.	Kecukupan modal	202
58.	Maklumat segmen	206
59.	Peristiwa penting dan berikutnya	209
60.	Penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan perniagaan insurans dan takaful	210
61.	Operasi Skim Perbankan Islam (“SPI”)	213
62.	Butiran syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	236
63.	Matawang	241
64.	Perbandingan	241
65.	Maklumat tambahan – Pecahan keuntungan terkumpul yang diperoleh dan belum diperoleh	242

Penyata Kedudukan Kewangan yang Disatukan

pada 31 Disember 2014

	Nota	Kumpulan		
		Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000**	**Pada 1.1.2013 (Dinyatakan semula) RM'000**
Aset-aset				
Tunai dan dana jangka pendek	5	**52,852,860**	48,067,358	40,018,633
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6	**16,106,137**	7,156,749	11,949,150
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	7(a)	**3,625,291**	20,558	798,180
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8	**23,705,323**	19,166,565	29,156,692
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	9	**82,630,704**	82,836,922	60,792,374
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	10	**9,574,538**	5,668,174	2,870,768
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	11	**403,513,121**	355,617,527	311,824,735
Aset derivatif	12	**4,544,001**	3,383,700	2,421,132
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	13	**4,972,063**	2,349,995	2,555,727
Aset-aset lain	14	**10,659,736**	8,942,468	6,985,377
Hartanah pelaburan	15	**595,493**	583,257	572,662
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	16	**15,141,244**	13,742,874	12,298,362
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	18	**2,527,940**	2,465,341	2,235,233
Hartanah, loji dan peralatan	19	**2,688,140**	2,614,309	2,402,821
Aset tidak ketara	20	**6,261,415**	6,041,056	6,531,336
Aset cukai tertunda	27	**901,950**	1,661,931	1,343,541
Jumlah aset		**640,299,956**	560,318,784	494,756,723
Liabiliti-liabiliti				
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	21	**439,569,384**	395,610,810	347,155,510
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	22	**57,387,398**	42,139,081	33,887,376
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	7(b)	**3,166,372**	4,300,055	-
Bil-bil dan penerimaan belum bayar		**2,017,579**	1,987,089	2,269,513
Liabiliti derivatif	12	**5,320,499**	3,376,388	1,917,619
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	23	**24,798,833**	21,800,139	21,928,872
Liabiliti-liabiliti lain	24	**11,147,565**	8,722,252	10,088,733
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	25	**1,058,860**	1,277,269	1,592,974
Peruntukan cukai dan zakat	26	**325,192**	836,527	1,051,798
Liabiliti cukai tertunda	27	**702,660**	639,285	674,872
Pinjaman	28	**18,521,899**	13,321,805	10,714,266
Tanggungan subordinat	29	**15,640,057**	12,644,576	13,510,041
Sekuriti modal	30	**5,902,483**	5,920,909	6,150,351
Jumlah liabiliti		**585,558,781**	512,576,185	450,941,925
Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti bank				
Modal saham	31	**9,319,030**	8,862,079	8,440,046
Premium saham		**22,747,922**	19,030,227	15,639,646
Saham dipegang dalam amanah	31(c)(v)	**(113,463)**	(107,248)	(102,405)
Keuntungan terkumpul	32(a)	**12,387,977**	11,747,484	11,104,837
Rizab-rizab lain	33	**8,633,103**	6,464,865	7,013,234
		52,974,569	45,997,407	42,095,358
Kepentingan tidak dikawal		**1,766,606**	1,745,192	1,719,440
		54,741,175	47,742,599	43,814,798
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham		**640,299,956**	560,318,784	494,756,723
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	50	**551,960,251**	433,829,033	379,695,035
Aset bersih sesaham untuk pemegang-pemegang ekuiti bank		**RM5.68**	RM5.19	RM4.99

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2014

	Nota	Bank		
		Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2013 (Dinyatakan semula) RM'000
Aset-aset				
Tunai dan dana jangka pendek	5	**34,778,324**	29,320,984	23,153,242
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6	**15,811,015**	15,723,864	10,039,999
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	7(a)	**3,625,291**	20,558	650,314
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8	**9,425,390**	5,546,091	10,719,937
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	9	**73,630,705**	64,532,797	47,366,309
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	10	**9,100,155**	5,354,097	2,556,849
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	11	**264,524,441**	237,971,279	214,852,046
Aset derivatif	12	**4,533,709**	3,199,141	2,352,788
Aset-aset lain	14	**6,488,988**	5,706,874	2,944,465
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	16	**7,576,028**	7,327,996	6,888,916
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	17	**20,450,502**	19,505,514	17,634,469
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	18	**451,518**	451,518	456,512
Hartanah, loji dan peralatan	19	**1,308,775**	1,363,898	1,205,788
Aset tidak ketara	20	**506,267**	527,268	697,066
Aset cukai tertunda	27	**348,350**	1,053,598	810,015
Jumlah aset		**452,559,458**	397,605,477	342,328,715
Liabiliti-liabiliti				
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	21	**306,938,972**	273,670,380	237,402,079
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	22	**47,500,184**	37,582,577	29,198,776
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	7(b)	**3,166,372**	4,300,055	-
Bil-bil dan penerimaan belum bayar		**1,187,310**	1,442,612	1,553,312
Liabiliti derivatif	12	**5,173,575**	3,071,472	1,784,257
Liabiliti-liabiliti lain	24	**8,789,557**	9,872,786	8,876,825
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	25	**1,058,860**	656,293	687,793
Peruntukan cukai dan zakat	26	**275,373**	578,100	758,446
Pinjaman	28	**13,846,812**	9,318,389	7,382,719
Tanggungan subordinat	29	**12,264,578**	10,404,418	11,638,850
Sekuriti modal	30	**6,185,060**	6,208,623	6,150,351
Jumlah liabiliti		**406,386,653**	357,105,705	305,433,408
Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti Bank				
Modal saham	31	**9,319,030**	8,862,079	8,440,046
Premium saham		**22,747,922**	19,030,227	15,639,646
Saham dipegang dalam amanah	31(c)(v)	**(113,463)**	(107,248)	(102,405)
Keuntungan terkumpul	32(b)	**3,600,804**	3,478,214	4,179,482
Rizab-rizab lain	33	**10,618,512**	9,236,500	8,738,538
		46,172,805	40,499,772	36,895,307
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham		**452,559,458**	397,605,477	342,328,715
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	50	**519,485,629**	399,786,232	338,799,380
Aset bersih sesaham untuk pemegang-pemegang ekuiti bank		**RM4.95**	RM4.57	RM4.37

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata-Penyata Pendapatan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

	Nota	Kumpulan		Bank	
		1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	**1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000**	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000
Hasil operasi	34	**35,712,006**	33,250,777	**20,506,870**	18,723,034
Pendapatan faedah	35	**17,851,688**	16,306,471	**13,123,548**	11,744,776
Perbelanjaan faedah	36	**(8,147,985)**	(6,721,191)	**(6,055,648)**	(5,096,985)
Pendapatan faedah bersih		**9,703,703**	9,585,280	**7,067,900**	6,647,791
Pendapatan dari operasi Skim Perbankan Islam	61(b)	**3,271,211**	2,810,182	**-**	-
		12,974,914	12,395,462	**7,067,900**	6,647,791
Perolehan premium insurans bersih	37	**3,946,068**	3,941,346	**-**	-
Dividen dari syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu	38	**-**	-	**1,750,612**	1,000,075
Pendapatan operasi lain	39	**5,540,439**	5,882,062	**3,098,079**	3,684,042
Jumlah pendapatan operasi		**22,461,421**	22,218,870	**11,916,591**	11,331,908
Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	40	**(3,930,819)**	(3,680,510)	**-**	-
Pendapatan operasi bersih		**18,530,602**	18,538,360	**11,916,591**	11,331,908
Perbelanjaan overhed	41	**(9,111,312)**	(8,927,925)	**(4,833,972)**	(4,591,331)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai		**9,419,290**	9,610,435	**7,082,619**	6,740,577
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan penghutang lain, bersih	43	**(400,392)**	(729,586)	**224,115**	(502,144)
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	44	**(70,440)**	(150,522)	**37,693**	(111,493)
Keuntungan operasi		**8,948,458**	8,730,327	**7,344,427**	6,126,940
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	18	**163,125**	139,267	**-**	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		**9,111,583**	8,869,594	**7,344,427**	6,126,940
Cukai dan zakat	45	**(2,200,540)**	(2,098,261)	**(1,441,412)**	(1,241,324)
Keuntungan bagi tahun kewangan		**6,911,043**	6,771,333	**5,903,015**	4,885,616
Untuk:					
Pemegang-pemegang ekuiti bank		**6,716,455**	6,552,391	**5,903,015**	4,885,616
Kepentingan tidak dikawal		**194,588**	218,942	**-**	-
		6,911,043	6,771,333	**5,903,015**	4,885,616
Pendapatan sesaham untuk pemegang-pemegang ekuiti Bank					
Asas (sen)	48(a)	**74.2**	75.8		
Dicairkan (sen)	48(b)	**74.1**	75.7		
Dividen bersih sesaham biasa dimiliki oleh pemegang-pemegang ekuiti Bank bagi tahun kewangan (sen)					
Dibayar - Interim pertama	49			**24.00**	22.50
- Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	49			**-**	28.50
- Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013	49			**31.00**	-
Cadangan - Akhir	49(a)			**33.00**	-
- Akhir				**-**	31.00

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

	Nota	Kumpulan		Bank	
		1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan		**6,911,043**	6,771,333	**5,903,015**	4,885,616
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain:					
Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi					
(Kerugian)/keuntungan akturial pelan manfaat ditentukan	24	**(4,996)**	60,831	**-**	-
Kesan cukai pendapatan	27	**(1,337)**	(18,608)	**-**	-
		(6,333)	42,223	**-**	-
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan seterusnya kepada untung atau rugi:					
Keuntungan/(kerugian) bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual		**309,123**	(1,951,995)	**388,183**	(1,395,968)
Kesan cukai pendapatan	27	**(81,241)**	461,600	**(97,046)**	348,992
Keuntungan/(kerugian) atas terjemahan asing		**888,549**	(904,391)	**236,610**	271,446
Kerugian bersih atas lindung nilai aliran tunai	12	**(1,624)**	-	**-**	-
Kerugian bersih atas lindung nilai pelaburan bersih	12	**(65,567)**	-	**-**	-
Keuntungan bersih atas rizab penilaian semula	33(c)(ii)	**48**	3,568	**-**	-
Bahagian perubahan di dalam rizab syarikat-syarikat bersekutu		**(37,543)**	193,885	**-**	-
		1,011,745	(2,197,333)	**527,747**	(775,530)
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan, bersih dari cukai		**1,005,412**	(2,155,110)	**527,747**	(775,530)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		**7,916,455**	4,616,223	**6,430,762**	4,110,086
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan, untuk:					
Pemegang-pemegang ekuiti Bank		**1,018,436**	(2,116,882)	**527,747**	(775,530)
Kepentingan-kepentingan tidak dikawal		**(13,024)**	(38,228)	**-**	-
		1,005,412	(2,155,110)	**527,747**	(775,530)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan, untuk:					
Pemegang-pemegang ekuiti Bank		**7,734,891**	4,435,509	**6,430,762**	4,110,086
Kepentingan-kepentingan tidak dikawal		**181,564**	180,714	**-**	-
		7,916,455	4,616,223	**6,430,762**	4,110,086

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang Disatukan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

Kumpulan	Milik pemegang-pemegang ekuiti Bank												
		Tidak boleh diagih											
	Modal Saham (Nota 31) RM'000	Premium Saham RM'000	Saham Dipegang Dalam Amanah (Nota31(c)(v)) RM'000	Rizab Berkanun (Nota 33(a)) RM'000	Rizab AFS (Nota 33) RM'000	Rizab Terjemahan Matawang (Nota 33) RM'000	Rizab ESS (Nota 33) RM'000	Rizab Dikawal Selia (Nota 33(b)) RM'000	Lain-lain Rizab (Nota 33) RM'000	*Keuntungan Terkumpul (Nota 32) RM'000	Jumlah Ekuiti Pemegang-pemegang Saham RM'000	Kepentingan Tidak Terkawal RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2014	**8,862,079**	**19,030,227**	**(107,248)**	**9,540,136**	**(604,112)**	**(2,727,793)**	**278,231**	**-**	**(21,597)**	**11,747,484**	**45,997,407**	**1,745,192**	**47,742,599**
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	**6,716,455**	**6,716,455**	**194,588**	**6,911,043**
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain	-	-	-	-	**282,270**	**810,293**	-	-	**(74,127)**	-	**1,018,436**	**(13,024)**	**1,005,412**
Kerugian akturial pelan manfaat ditentukan	-	-	-	-	-	-	-	-	**(6,984)**	-	**(6,984)**	**651**	**(6,333)**
Bahagian rizab syarikat bersekutu	-	-	-	-	**30,566**	**(68,109)**	-	-	-	-	**(37,543)**	-	**(37,543)**
Keuntungan bersih atas terjemahan asing	-	-	-	-	-	**878,402**	-	-	-	-	**878,402**	**10,147**	**888,549**
Keuntungan bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")	-	-	-	-	**251,704**	-	-	-	-	-	**251,704**	**(23,822)**	**227,882**
Kerugian bersih atas lindung nilai pelaburan bersih	-	-	-	-	-	-	-	-	**(65,567)**	-	**(65,567)**	-	**(65,567)**
Kerugian bersih atas lindung nilai aliran tunai	-	-	-	-	-	-	-	-	**(1,624)**	-	**(1,624)**	-	**(1,624)**
Keuntungan bersih atas rizab penilaian semula	-	-	-	-	-	-	-	-	**48**	-	**48**	-	**48**
Jumlah pendapatan/ (kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	**282,270**	**810,293**	-	-	**(74,127)**	**6,716,455**	**7,734,891**	**181,564**	**7,916,455**
Pembayaran berasaskan saham bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	-	-	-	-	-	-	**77,814**	-	-	-	**77,814**	-	**77,814**
Kesan perubahan struktur korporat dalam Kumpulan	-	-	-	-	-	-	-	-	**(697)**	**697**	-	**30,900**	**30,900**
Kesan terbitan hak sebuah syarikat subsidiari (Nota 59(k))	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	**7,152**	**7,152**
Pindahan ke rizab berkanun (Nota 33(a))	-	-	-	**855,864**	-	-	-	-	-	**(855,864)**	-	-	-
Pindahan ke rizab dikawal selia (Nota 33(b))	-	-	-	-	-	-	-	**274,500**	-	**(274,500)**	-	-	-
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31(a)(i))	**58,680**	**491,563**	-	-	-	-	**(35,218)**	-	-	-	**515,025**	-	**515,025**
Terbitan saham menurut Unit Saham Terhad ("RSU") (Nota 31(a)(ii))	**2,832**	**24,266**	**(351)**	-	-	-	**(20,253)**	-	-	**(6,494)**	-	-	-
Terbitan saham menurut Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU") (Nota 31(a)(iii))	**300**	**2,643**	-	-	-	-	**(2,208)**	-	-	**(735)**	-	-	-
Terbitan saham menurut pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31(a)(iv)&(v))	**395,139**	**3,199,223**	**(5,864)**	-	-	-	-	-	-	-	**3,588,498**	-	**3,588,498**
Dividen-dividen (Nota 49)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	**(4,939,066)**	**(4,939,066)**	**(198,202)**	**(5,137,268)**
Jumlah transaksi dengan pemegang-pemegang saham	**456,951**	**3,717,695**	**(6,215)**	**855,864**	-	-	**20,135**	**274,500**	**(697)**	**(6,075,962)**	**(757,729)**	**(160,150)**	**(917,879)**
Pada 31 Disember 2014	**9,319,030**	**22,747,922**	**(113,463)**	**10,396,000**	**(321,842)**	**(1,917,500)**	**298,366**	**274,500**	**(96,421)**	**12,387,977**	**52,974,569**	**1,766,606**	**54,741,175**

* Keuntungan terkumpul termasuk keuntungan yang boleh diagih dan tidak boleh diagih yang timbul daripada lebihan Ciri-ciri Penyertaan berdasarkan Bukan Budi Bicara ("Bukan-DPF") sebuah syarikat subsidiari insurans. Rujuk Nota 32 untuk maklumat lanjut.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang Disatukan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

Kumpulan	Milik pemegang-pemegang ekuiti Bank										Kepentingan Tidak Terkawal RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
		Tidak boleh diagih										
	Modal Saham (Nota 31) RM'000	Premium Saham RM'000	Saham Dipegang Dalam Amanah (Nota 31(c)(v)) RM'000	Rizab Berkanun (Nota 33(a)) RM'000	Rizab AFS (Nota 33) RM'000	Rizab Terjemahan Matawang (Nota 33) RM'000	Rizab ESS (Nota 33) RM'000	Lain-lain Rizab (Nota 33) RM'000	*Keuntungan Terkumpul (Nota 32) RM'000	Jumlah Ekuiti Pemegang-pemegang Saham RM'000		
Pada 1 Januari 2013	8,440,046	15,639,646	(102,405)	8,023,712	707,690	(1,876,684)	226,142	(67,626)	11,104,837	42,095,358	1,719,440	43,814,798
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	6,552,391	6,552,391	218,942	6,771,333
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain	-	-	-	-	(1,311,802)	(851,109)	-	46,029	-	(2,116,882)	(38,228)	(2,155,110)
Keuntungan akturial pelan manfaat ditetapkan	-	-	-	-	-	-	-	42,289	-	42,289	(66)	42,223
Bahagian rizab syarikat bersekutu	-	-	-	-	151,017	42,868	-	-	-	193,885	-	193,885
Kerugian bersih atas terjemahan asing	-	-	-	-	-	(893,977)	-	-	-	(893,977)	(10,414)	(904,391)
Kerugian bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	-	-	-	-	(1,462,819)	-	-	-	-	(1,462,819)	(27,576)	(1,490,395)
Keuntungan bersih atas rizab penilaian semula	-	-	-	-	-	-	-	3,740	-	3,740	(172)	3,568
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	(1,311,802)	(851,109)	-	46,029	6,552,391	4,435,509	180,714	4,616,223
Pembayaran berasaskan saham bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	-	-	-	-	-	-	104,168	-	-	104,168	-	104,168
Kesan perubahan dalam struktur korporat dalam Kumpulan	-	-	-	-	-	-	-	-	(27,839)	(27,839)	(102,670)	(130,509)
Kesan terbitan hak syarikat subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8,159	8,159
Pindahan ke rizab berkanun (Nota 33(a))	-	-	-	1,516,424	-	-	-	-	(1,516,424)	-	-	-
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31)	90,239	750,458	-	-	-	-	(52,079)	-	-	788,618	-	788,618
Terbitan saham menurut pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31)	331,790	2,640,092	(4,808)	-	-	-	-	-	-	2,967,074	-	2,967,074
Terbitan saham menurut Dana Amanah ESOS ("ETF") (Nota 31)	4	31	(35)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Dividen-dividen (Nota 49)	-	-	-	-	-	-	-	-	(4,365,481)	(4,365,481)	(60,451)	(4,425,932)
Jumlah transaksi dengan pemegang-pemegang saham	422,033	3,390,581	(4,843)	1,516,424	-	-	52,089	-	(5,909,744)	(533,460)	(154,962)	(688,422)
Pada 31 Disember 2013	8,862,079	19,030,227	(107,248)	9,540,136	(604,112)	(2,727,793)	278,231	(21,597)	11,747,484	45,997,407	1,745,192	47,742,599

* Keuntungan terkumpul termasuk keuntungan yang boleh diagih dan tidak boleh diagih yang timbul daripada lebihan Ciri-ciri Penyertaan tanpa Budi Bicara ("Bukan-DPF") sebuah syarikat subsidiari insurans. Rujuk Nota 32 untuk maklumat lanjut.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

Bank	Milik pemegang-pemegang ekuiti Bank								
		Tidak boleh diagih							
	Modal Saham (Nota 31) RM'000	Premium Saham RM'000	Saham Dipegang Dalam Amanah (Nota 31(c)(v)) RM'000	Rizab Berkanun (Nota 33(a)) RM'000	Rizab AFS (Nota 33) RM'000	Rizab Terjemahan (Nota 33) RM'000	Rizab ESS (Nota 33) RM'000	Keuntungan Terkumpul Boleh Diagih (Nota 32) RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2014	**8,862,079**	**19,030,227**	**(107,248)**	**9,026,745**	**(653,690)**	**585,214**	**278,231**	**3,478,214**	**40,499,772**
Keuntungan bagi tahun kewangan	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**5,903,015**	**5,903,015**
Pendapatan komprehensif lain	**-**	**-**	**-**	**-**	**291,137**	**236,610**	**-**	**-**	**527,747**
Keuntungan bersih atas terjemahan asing	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**236,610**	**-**	**-**	**236,610**
Keuntungan bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**-**	**-**	**-**	**-**	**291,137**	**-**	**-**	**-**	**291,137**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	**-**	**-**	**-**	**-**	**291,137**	**236,610**	**-**	**5,903,015**	**6,430,762**
Pembayaran berasaskan saham bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**77,814**	**-**	**77,814**
Pindahan ke rizab berkanun (Nota 33(a))	**-**	**-**	**-**	**834,130**	**-**	**-**	**-**	**(834,130)**	**-**
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31(a)(i))	**58,680**	**491,563**	**-**	**-**	**-**	**-**	**(35,218)**	**-**	**515,025**
Terbitan saham menurut Unit Saham Terhad ("RSU") (Nota 31(a)(ii))	**2,832**	**24,266**	**(351)**	**-**	**-**	**-**	**(20,253)**	**(6,494)**	**-**
Terbitan saham menurut Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU") (Nota 31(a)(iii))	**300**	**2,643**	**-**	**-**	**-**	**-**	**(2,208)**	**(735)**	**-**
Terbitan saham menurut pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31(a)(iv)&(v))	**395,139**	**3,199,223**	**(5,864)**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**3,588,498**
Dividen-dividen (Nota 49)	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**(4,939,066)**	**(4,939,066)**
Jumlah transaksi dengan pemegang-pemegang saham	**456,951**	**3,717,695**	**(6,215)**	**834,130**	**-**	**-**	**20,135**	**(5,780,425)**	**(757,729)**
Pada 31 Disember 2014	**9,319,030**	**22,747,922**	**(113,463)**	**9,860,875**	**(362,553)**	**821,824**	**298,366**	**3,600,804**	**46,172,805**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

Bank	Milik pemegang-pemegang ekuiti Bank								
		Tidak boleh diagih							
	Modal Saham (Nota 31) RM'000	Premium Saham RM'000	Saham Dipegang Dalam Amanah (Nota 31(c)(v)) RM'000	Rizab Berkanun (Nota 33(a)) RM'000	Rizab AFS (Nota 33) RM'000	Rizab Terjemahan (Nota 33) RM'000	Rizab ESS (Nota 33) RM'000	Keuntungan Terkumpul Boleh Diagih (Nota 32) RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2013	8,440,046	15,639,646	(102,405)	7,805,342	393,286	313,768	226,142	4,179,482	36,895,307
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	4,885,616	4,885,616
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain	-	-	-	-	(1,046,976)	271,446	-	-	(775,530)
Keuntungan bersih atas terjemahan asing	-	-	-	-	-	271,446	-	-	271,446
Kerugian bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	-	-	-	-	(1,046,976)	-	-	-	(1,046,976)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	(1,046,976)	271,446	-	4,885,616	4,110,086
Pembayaran berasaskan saham bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	-	-	-	-	-	-	104,168	-	104,168
Pindahan ke rizab berkanun (Nota 33(a))	-	-	-	1,221,403	-	-	-	(1,221,403)	-
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31)	90,239	750,458	-	-	-	-	(52,079)	-	788,618
Terbitan saham menurut pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31)	331,790	2,640,092	(4,808)	-	-	-	-	-	2,967,074
Terbitan saham menurut Dana Amanah ESOS ("ETF") (Nota 31)	4	31	(35)	-	-	-	-	-	-
Dividen-dividen (Nota 49)	-	-	-	-	-	-	-	(4,365,481)	(4,365,481)
Jumlah transaksi dengan pemegang-pemegang saham	422,033	3,390,581	(4,843)	1,221,403	-	-	52,089	(5,586,884)	(505,621)
Pada 31 Disember 2013	8,862,079	19,030,227	(107,248)	9,026,745	(653,690)	585,214	278,231	3,478,214	40,499,772

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Penyata-Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**9,111,583**	8,869,594	**7,344,427**	6,126,940
Pelarasan bagi:				
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	**(163,125)**	(139,267)	**-**	-
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 41)	**331,175**	268,692	**163,768**	142,546
Pelunasan perisian komputer (Nota 41)	**179,632**	142,740	**101,366**	100,210
Pelunasan perhubungan pelanggan (Nota 41)	**22,033**	24,308	**-**	-
Pelunasan tenaga agensi (Nota 41)	**10,653**	11,067	**-**	-
Pelunasan deposit teras tidak nyata (Nota 41)	**19,185**	28,368	**-**	-
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan (Nota 39)	**(20,945)**	(4,303)	**(4,729)**	(2,499)
Keuntungan daripada pelupusan hartanah penyelesaian hutang (Nota 39)	**(6,105)**	(25,470)	**-**	-
Keuntungan/(kerugian) daripada pelupusan/pencairan syarikat-syarikat subsidiari (Nota 39)	**(26,120)**	9,338	**(14)**	(1,184)
Keuntungan daripada pembubaran/pencairan syarikat-syarikat bersekutu (Nota 39)	**(222)**	-	**(8,284)**	(24,667)
Keuntungan bersih daripada pelupusan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 39)	**(206,996)**	(281,508)	**(139,922)**	(137,636)
Kerugian bersih daripada pelupusan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (Nota 39)	**(659,809)**	(917,780)	**(180,089)**	(306,577)
(Keuntungan)/kerugian bersih daripada penebusan pelaburan kewangan dipegang hingga matang (Nota 39)	**(304)**	1	**(304)**	1
(Pertambahan diskaun)/pelunasan premium, bersih (Nota 35)	**(63,141)**	76,471	**(70,509)**	67,241
Kerugian belum peroleh atas penilaian semula aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan derivatif (Nota 39)	**57,337**	943,004	**104,642**	471,495
Peruntukan bagi/(kira semula) kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih (Nota 44)	**70,440**	150,522	**(37,693)**	111,493
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih (Nota 43)	**1,385,626**	1,550,151	**532,149**	1,092,746
(Kira semula)/peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas hutang-hutang lain (Nota 43)	**(48,862)**	5,586	**3,388**	2,294
Dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu (Nota 38)	**-**	-	**(1,750,612)**	(1,000,075)
Dividen daripada portfolio pelaburan kewangan (Nota 39)	**(118,717)**	(101,790)	**(12,183)**	(8,519)
Perbelanjaan ESS (Nota 41)	**79,303**	105,584	**54,590**	79,458
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira (Nota 41)	**376**	810	**180**	644
Hapus kira aset ketara (Nota 41)	**19,459**	1,007	**32**	998
Pelarasan nilai saksama ke atas hartanah pelaburan (Nota 41)	**272**	(2,553)	**-**	-
Peruntukan atas aset tidak ketara (Nota 41)	**-**	1,422	**-**	-
Peruntukan atas hartanah, loji dan peralatan (Nota 41)	**-**	222	**-**	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	**9,972,728**	10,716,216	**6,100,203**	6,714,909
Perubahan dalam aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	**(3,604,733)**	777,622	**(3,604,733)**	629,756
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**(3,058,628)**	5,433,987	**5,398,686**	(5,055,669)
Perubahan dalam portfolio pelaburan kewangan	**(7,013,055)**	(16,143,229)	**(15,890,628)**	(15,938,134)
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**(49,281,220)**	(45,342,944)	**(27,085,311)**	(24,211,981)
Perubahan dalam aset-aset lain	**(1,055,771)**	(1,735,405)	**31,706**	(2,752,871)
Perubahan dalam deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	**(1,398,370)**	(1,444,512)	**(248,032)**	(439,080)
Perubahan dalam deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	**43,958,574**	48,455,300	**33,268,592**	36,268,301
Perubahan dalam deposit-deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	**15,248,317**	8,251,705	**9,917,607**	8,383,801
Perubahan dalam tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	**(1,133,683)**	4,300,055	**(1,133,683)**	4,300,055
Perubahan dalam bil-bil dan penerimaan belum bayar	**30,490**	(282,424)	**(255,302)**	(110,700)
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**2,511,209**	(1,770,265)	**(974,551)**	990,703
Perubahan dalam aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	**(2,622,068)**	205,732	**-**	-
Perubahan dalam liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	**2,979,912**	(128,733)	**-**	-
Turun naik pertukaran matawang	**1,651,316**	(517,433)	**(57,267)**	(38,533)
Wang tunai dijana daripada operasi	**7,185,018**	10,775,672	**5,467,287**	8,740,557
Cukai dan zakat dibayar	**(1,919,739)**	(2,218,263)	**(1,135,937)**	(1,316,085)
Wang tunai bersih dijana daripada aktiviti-aktiviti operasi	**5,265,279**	8,557,409	**4,331,350**	7,424,472

Penyata-Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan (Nota 19)	**(374,478)**	(504,313)	**(197,203)**	(331,838)
Pembelian aset tidak ketara (Nota 20)	**(253,581)**	(394,314)	**(112,829)**	(343,641)
Pembelian hartanah pelaburan (Nota 15)	**(12,503)**	(2,042)	**-**	-
Kesan bersih timbul daripada:				
- pembelian syarikat-syarikat subsidiari (Nota 17(e))	**-**	(30,067)	**-**	-
- pelupusan syarikat-syarikat subsidiari (Nota 17(c),17(f)&17(g))	**65,043**	(37,122)	**-**	-
- transaksi dengan kepentingan tidak dikawal	**32,418**	(111,251)	**-**	-
Pelaburan tambahan saham biasa dalam syarikat-syarikat subsidiari baru dan sedia ada (Nota 17(a),17(b)&17(d))	**-**	-	**(944,974)**	(1,869,860)
Penebusan bon tidak boleh ditukar dan pembayaran balik modal dalam syarikat-syarikat bersekutu	**8,284**	4,994	**8,284**	29,660
Hasil pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**33,015**	8,138	**5,199**	3,055
Dividen yang diterima daripada:				
- portfolio pelaburan kewangan	**118,717**	101,790	**12,183**	8,519
- syarikat-syarikat bersekutu	**90,637**	84,297	**3,572**	9,641
- syarikat-syarikat subsidiari	**-**	-	**1,600,012**	990,434
Pindahan hartanah, loji dan peralatan kepada syarikat-syarikat subsidiari, bersih (Nota 19)	**-**	-	**99,873**	42,424
Pindahan aset tidak ketara kepada syarikat-syarikat subsidiari, bersih (Nota 20)	**-**	-	**27,906**	414,096
Wang tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	**(292,448)**	(879,890)	**502,023**	(1,047,510)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Hasil daripada terbitan saham	**4,103,523**	3,755,692	**4,103,523**	3,755,692
Penggunaan pinjaman, bersih	**3,133,709**	2,024,382	**3,976,384**	1,489,144
Penerbitan kewajipan subordinat dan sekuriti modal	**6,196,837**	500,000	**5,100,000**	-
Penebusan kewajipan subordinat	**-**	(1,500,000)	**-**	(1,500,000)
Penebusan sekuriti modal	**(3,437,000)**	-	**(3,437,000)**	-
Kewajipan rekursa ke atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas, bersih	**(218,409)**	(315,705)	**402,567**	(31,500)
Terbitan hak oleh kepentingan tidak dikawal	**7,152**	8,159	**-**	-
Dividen yang dibayar	**(4,939,066)**	(4,365,481)	**(4,939,066)**	(4,365,481)
Dividen yang dibayar kepada kepentingan tidak dikawal	**(198,202)**	(60,451)	**-**	-
Wang tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pembiayaan	**4,648,544**	46,596	**5,206,408**	(652,145)
Peningkatan bersih tunai dan kesetaraan tunai	**9,621,375**	7,724,115	**10,039,781**	5,724,817
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari 2014/2013*	**51,925,220**	43,146,218	**33,333,749**	26,705,536
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember 2014/2013	**61,546,595**	50,870,333	**43,373,530**	32,430,353
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 5)	**52,852,860**	48,067,358	**34,778,324**	29,320,984
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan yang akan matang dalam tempoh satu bulan (Nota 51(e)(2))	**8,693,735**	2,802,975	**8,595,206**	3,109,369
	61,546,595	50,870,333	**43,373,530**	32,430,353
* Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari 2014/2013:				
- Seperti mana dilaporkan sebelum ini	**50,870,333**	42,180,023	**32,430,353**	25,634,415
- Kesan perubahan kadar tukaran matawang	**1,054,887**	966,195	**903,396**	1,071,121
	51,925,220	43,146,218	**33,333,749**	26,705,536

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

1. MAKLUMAT KORPORAT

Malayan Banking Berhad ("Maybank" atau "Bank") merupakan sebuah syarikat awam dengan liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Bank terletak di Tingkat 14, Menara Maybank, 100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Bank adalah menjalankan segala aspek perbankan komersil dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan.

Penglibatan syarikat-syarikat subsidiari Bank adalah terutamanya dalam perniagaan perbankan dan kewangan, perbankan Islam, perbankan pelaburan termasuk broker saham, taja jamin insurans am dan hayat, takaful am dan takaful keluarga, perkhidmatan peramanahan dan penama serta pengurusan aset.

Tiada sebarang perubahan nyata dalam aktiviti-aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

Penyata-penyata kewangan ini telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah menerusi resolusi para pengarah pada 26 Februari 2015.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan dan pembentangan penyata kewangaan

Penyata kewangan Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya ("Kumpulan Maybank" atau "Kumpulan") dan Bank telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting seperti dinyatakan dalam Nota 2.3.

Penyata kewangan Kumpulan juga merangkumi pendedahan berasingan tentang perniagaan insurans dan takaful dan operasi perbankan Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 60 dan 61. Kegiatan utama untuk perniagaan insurans dan takaful sebahagian besarnya adalah pengunderaitan perniagaan insurans am dan hayat, pengurusan perniagaan takaful am dan keluarga dan perniagaan berkaitan pelaburan. Perbankan Islam secara umumnya merujuk kepada penerimaan deposit, penawaran pembiayaan dan urus niaga sekuriti Islam di bawah prinsip-prinsip Syariah.

Kumpulan dan Bank membentangkan penyata kedudukan kewangan mereka mengikut kecairan.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank hanya apabila terdapat hak yang sah atau boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau untuk merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak diimbangi dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian perakaunan atau interpretasi, dan dinyatakan secara khusus dalam dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Bank.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan dibundarkan kepada jumlah ribu ringgit (RM'000) yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya termasuk perakaunan ekuiti kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama pada 31 Disember 2014. Butiran lanjut dasar-dasar perakaunan untuk pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan dalam Nota 2.3.

Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama Bank disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Bank, menggunakan dasar-dasar perakaunan yang konsisten bagi transaksi dan peristiwa-peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan dari tarikh perolehan atau perbadanan, iaitu tarikh di mana Bank mendapat kawalan ke atasnya dan akan terus disatukan sehingga tarikh hak kawalan tersebut berakhir. Kawalan seumpamanya diperoleh apabila Kumpulan terdedah, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan melalui kuasanya ke atas penerima pelaburan. Secara khususnya, Kumpulan mengawal penerima pelaburan, hanya jika, Kumpulan mempunyai tiga elemen kawalan seperti di bawah:

- Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak-hak sedia ada yang memberinya keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti bersesuaian bagi penerima pelaburan);
- Pendedahan atau hak ke atas pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan; dan
- Keupayaan menggunakan kuasanya ke atas penerima pelaburan bagi mempengaruhi pulangan.

Kumpulan menilai semula sama ada ia mempunyai kawalan terhadap penerima pelaburan sekiranya fakta dan keadaan menandakan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih terhadap tiga elemen kawalan.

Secara umumnya, terdapat anggapan bahawa majoriti hak mengundi mengakibatkan kawalan. Bagi menyokong anggapan ini dan apabila Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi atau hak yang sama atas penerima pelaburan, pihak Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang berkaitan dalam menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, termasuk:

- Pengaturan kontraktual dengan pemegang undi lain penerima pelaburan;
- Hak-hak yang timbul daripada pengaturan kontraktual yang lain; dan
- Hak-hak untuk mengundi dan potensi hak mengundi Kumpulan.

Apabila menilai sama ada untuk menyatukan dana pelaburan, Kumpulan mengkaji semula semua fakta dan keadaan untuk menentukan sama ada Kumpulan, sebagai pengurus dana, bertindak sebagai ejen atau prinsipal. Kumpulan boleh disifatkan sebagai prinsipal dan dengan itu mengawal dan menyatukan dana, apabila ia bertindak sebagai pengurus dana dan tidak boleh dikecualikan tanpa sebab, mempunyai variasi pulangan melalui pegangan unit penting dan/atau jaminan dan mampu mempengaruhi pulangan dana melalui kuasanya.

Kesemua aset dan liabiliti intra-kumpulan, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan transaksi antara ahli-ahli Kumpulan disingkirkan secara sepenuhnya semasa penyatuan.

Kepentingan tidak dikawal ("NCI") mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih dalam syarikat-syarikat subsidiari yang tidak dimiliki sepenuhnya, secara langsung atau tidak langsung oleh Bank. NCI dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan yang disatukan, penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, tetapi berasingan daripada ekuiti pemegang-pemegang saham induk. Jumlah pendapatan komprehensif akan diperuntukkan bertentangan dengan kepentingan NCI, walaupun ini mengakibatkan NCI menunjukkan baki defisit. Perubahan dalam kepentingan pemilikan syarikat subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, diambil kira sebagai transaksi ekuiti di antara Kumpulan dan pemegang-pemegang NCI tersebut. Sebarang perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan dan sebarang pertimbangan yang diterima atau dibayar, adalah diiktiraf dalam ekuiti.

Jika Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari, ia:

- Menyahiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari pada nilai bawaan mereka;
- Menyahiktiraf nilai bawaan mana-mana kepentingan tidak dikawal dalam bekas syarikat subsidiari;
- Mengiktiraf jumlah nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima;
- Menyahiktiraf perbezaan terjemahan asing terkumpul yang direkodkan dalam ekuiti;
- Mengiktiraf jumlah nilai saksama sebarang pelaburan yang dipegang dalam bekas syarikat subsidiari;
- Mengiktiraf sebarang lebihan atau defisit dalam untung atau rugi; dan
- Mengklasifikasi semula bahagian komponen induk yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kepada penyata pendapatan atau keuntungan terkumpul, sekiranya diperlukan sejajar dengan MFRS lain.

Kesemua di atas akan diambil kira dari tarikh kawalan hilang.

Dasar-dasar perakaunan bagi kombinasi perniagaan dan muhibah dinyatakan dalam Nota 2.3(iii).

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

(i) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah entiti-entiti, termasuk entiti berstruktur dianggap dikawal, yang dikawal oleh Bank, sebagaimana ditakrifkan dalam Nota 2.2.

Dalam penyata kewangan Bank yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah sejajar dengan Nota 2.3(xv) di bawah. Dalam pelupusan pelaburan seumpama itu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan mereka diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan dalam penyata pendapatan.

Maklumat tambahan mengenai pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 17 dan butiran mengenai syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 62(a) dan 62(b).

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(ii) Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama

Syarikat bersekutu adalah sebuah entiti di mana Kumpulan dan Bank mempunyai pengaruh yang ketara. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam proses penentuan dasar kewangan dan operasi penerima pelaburan, tetapi bukannya kawalan atau kawalan bersama terhadap dasar-dasar berkenaan.

Usaha sama adalah sejenis pengaturan bersama di mana semua pihak yang mempunyai kawalan bersama atas perjanjian tersebut mempunyai hak ke atas aset-aset bersih usaha sama. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan atas pengaturan yang dipersetujui secara kontraktual yang hanya wujud apabila keputusan melibatkan aktiviti relevan yang memerlukan persetujuan bersama pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Pertimbangan yang diambil dalam menentukan pengaruh yang ketara atau kawalan bersama adalah bersamaan dengan pertimbangan sama bagi mereka yang perlu diambil untuk menentukan kawalan ke atas syarikat-syarikat subsidiari.

Kepentingan Kumpulan dan Bank dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama diambil kira menggunakan kaedah ekuiti. Perakaunan ekuiti dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama dikira dari tarikh Kumpulan dan Bank mempunyai pengaruh ketara atau kawalan bersama sehingga tarikh Kumpulan dan Bank tidak lagi mempunyai pengaruh ketara ke atas syarikat-syarikat bersekutu atau kawalan bersama ke atas usaha sama.

Di bawah kaedah ekuiti, kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos. Jumlah bawaan pelaburan diselaraskan bagi perubahan dalam bahagian aset bersih syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama milik Kumpulan sejak tarikh pemerolehan. Muhibah berkaitan syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama dimasukkan dalam nilai bawaan pelaburan dan tidak dilunaskan mahupun diuji secara individu bagi rosot nilai. Perincian tentang muhibah dimasukkan dalam nilai bawaan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan dalam Nota 18(d).

Penyata pendapatan yang disatukan menggambarkan bahagian Kumpulan ke atas keputusan operasi syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama. Sebarang perubahan dalam pendapatan komprehensif lain bagi penerima pelaburan dibentangkan sebagai sebahagian daripada penyata pendapatan komprehensif Kumpulan. Sekiranya terdapat perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam perubahan tersebut dan mendedahkannya apabila perlu, dalam penyata perubahan ekuiti yang disatukan. Keuntungan atau kerugian yang tidak diperoleh berikutan transaksi di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama disingkirkan mengikut tahap kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Agregat bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan dalam penyata pendapatan yang disatukan. Bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian dalam syarikat bersekutu dan usaha sama mewakili keuntungan atau kerugian selepas cukai dan kepentingan tidak dikawal dalam syarikat subsidiari bagi syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama.

Apabila bahagian kerugian yang ditanggung oleh Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang, membentuk sebahagian daripada kepentingan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, kerugian seterusnya tidak akan diiktiraf kecuali Kumpulan menanggung obligasi atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama.

Penyata kewangan beraudit syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama yang terkini digunakan oleh Kumpulan dalam menerima pakai kaedah ekuiti. Sekiranya tarikh penyata kewangan beraudit itu tidak sama dengan Kumpulan, keputusan hasil kewangan dikira daripada penyata kewangan terakhir beraudit dan penyata kewangan pengurusan hingga akhir tempoh perakaunan. Sekiranya perlu, penyelarasan dibuat supaya dasar perakaunan selari dengan Kumpulan.

Selepas pelaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf sebarang rosot nilai kerugian atas pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Kumpulan akan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama mengalami rosot nilai. Sekiranya terbukti, Kumpulan akan mengira jumlah rosot nilai sebagai perbezaan antara jumlah yang boleh diperoleh semula dengan nilai bawaannya, kemudian mengiktiraf jumlah dalam 'bahagian keuntungan syarikat bersekutu atau usaha sama' dalam penyata pendapatan yang disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan akan mengukur dan mengiktiraf sebarang pegangan pelaburannya pada nilai saksama. Sebarang perbezaan di antara jumlah bawaan syarikat bersekutu atau usaha sama terhadap kehilangan pengaruh ketara atau kawalan bersama dengan nilai saksama pegangan pelaburan dan hasil daripada pelupusan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan.

Dalam penyata kewangan berasingan Bank, kepentingan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada kos ditolak dengan kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah berdasarkan Nota 2.3(xv). Berhubung pelupusan pelaburan sedemikian, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaannya diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan dalam penyata pendapatan.

Maklumat tambahan dan perincian mengenai kepentingan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan dalam Nota 18(b), 62(c) dan 62(d).

(iii) Penyatuan perniagaan dan muhibah

Penyatuan perniagaan dikira menggunakan kaedah pemerolehan. Kos pemerolehan diukur sebagai agregat pertukaran yang diukur atas nilai saksama pada tarikh pemerolehan dan jumlah kepentingan tidak dikawal dalam syarikat yang diperoleh. Bagi setiap penyatuan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan itu pada nilai saksama atau bahagian aset bersih yang dikenal pasti oleh syarikat yang diperoleh. Kos berkaitan pemerolehan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran apabila berlaku. Apabila Kumpulan memperoleh sesuatu perniagaan, ia membuat penilaian ke atas aset kewangan yang peroleh dan liabiliti kewangan yang ditanggung untuk pengelasan dan penetapan yang bersesuaian mengikut terma-terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan berkaitan pada tarikh pemerolehan.

Jika penyatuan perniagaan dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul diiktiraf dalam penyata pendapatan. Ia kemudiannya dipertimbangkan dalam penentuan muhibah. Sebarang pertimbangan bersyarat untuk dipindahkan kepada pemeroleh akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Pertimbangan bersyarat dikelaskan sebagai aset atau liabiliti yang merupakan instrumen kewangan dan berada dalam skop MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* ("MFRS 139") diukur pada nilai saksama dengan perubahannya diiktiraf sama ada di dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Jika pertimbangan bersyarat bukan dalam skop MFRS 139, ia diukur mengikut MFRS yang bersesuaian. pertimbangan bersyarat yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaiannya diambil kira dalam ekuiti.

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebihan agregat pertukaran yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf bagi kepentingan tidak dikawal dan apa-apa kepentingan yang dipegang sebelumnya, atas aset bersih yang boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti yang ditanggung. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Muhibah disemak semula untuk kemerosotan nilai setiap tahun, atau lebih kerap lagi, jika terdapat peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan amaun bawaan mungkin mengalami rosot nilai.

Jika nilai saksama aset bersih yang diperoleh melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, Kumpulan menilai semula sama ada ia telah mengenal pasti dengan betul semua aset yang diperoleh dan semua liabiliti yag ditanggung dan mengkaji semula prosedur yang digunakan untuk mengukur amaun yang diiktiraf pada tarikh pemerolehan. Jika penilaian semula masih menghasilkan nilai saksama aset bersih yang diperoleh melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, keuntungan tersebut akan diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan.

Bagi tujuan ujian kemerosotan nilai, muhibah yang diperoleh diperuntukkan dari tarikh pemerolehan kepada setiap unit penjana tunai miliki Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada penggabungan, tanpa mengambil kira sama ada aset atau liabiliti lain-lain pemeroleh ditetapkan kepada unit berkenaan. Dasar perakaunan bagi rosot nilai aset bukan kewangan (termasuk muhibah) dinyatakan dalam Nota 2.3(xv).

Jika muhibah diperuntukkan kepada unit penjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit penjana tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan akan dimasukkan dalam jumlah bawaan operasi itu semasa menentukan keuntungan atau kerugian ke atas pelupusan operasi berkenaan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan ini diukur berdasarkan nilai saksama daripada pelupusan operasi dan bahagian unit penjanaan tunai dikekalkan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(iv) Aset tidak ketara

Di samping muhibah, aset tidak ketara juga termasuk deposit teras, hubungan pelanggan dan juga tenaga agensi yang diperoleh dalam penggabungan perniagaan, perisian komputer dan perisian yang sedang dibangunkan.

Aset tidak ketara diiktiraf hanya apabila kosnya boleh diukur dengan jelas dan terdapat jangkaan faedah ekonomi masa depan yang boleh disumbangkan kepada Kumpulan dan Bank.

Aset tidak ketara yang diperoleh secara berasingan diukur berdasarkan kos pengiktirafan awal. Kos bagi aset tidak ketara yang diperoleh daripada penggabungan perniagaan adalah nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara dikira pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan juga kerugian rosot nilai terkumpul, kecuali perisian yang sedang dibangunkan yang tidak tertakluk kepada pelunasan sehingga pembangunan lengkap dan aset tersebut sedia untuk digunakan.

Tempoh hayat boleh guna aset tidak ketara dinilai sama ada secara terbatas ataupun tidak terbatas. Aset tidak ketara dengan hayat tidak terbatas tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai setiap tahun, sama ada secara individu atau pada tahap unit penjana tunai. Penilaian hayat tidak terbatas disemak semula setiap tahun untuk menentukan sama ada hayat yang tidak terbatas itu masih boleh dikekalkan. Jika tidak, perubahan dalam hayat boleh guna daripada tidak terbatas kepada terbatas dilaksanakan secara prospektif.

Aset tidak ketara dengan hayat terbatas dilunaskan mengikut hayat boleh gunanya secara ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara itu mungkin dirosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat boleh guna terbatas disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap akhir tahun kewangan. Perubahan dalam jangkaan tempoh hayat boleh guna atau jangkaan corak penggunaan faedah ekonomi masa akan datang dalam aset itu diambil kira dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, sebagaimana wajar dan dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tidak ketara dengan hayat terbatas diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam kategori perbelanjaan konsisten dengan fungsi aset tidak ketara.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tidak ketara diukur sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan aset tersebut serta diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset itu dinyahiktiraf.

Ringkasan dasar yang diguna pakai oleh Kumpulan dan Bank bagi aset tidak ketara adalah seperti yang berikut:

	Kaedah pelunasan yang digunakan	Hayat ekonomi berguna
Perisian komputer	Garis lurus	3 - 10 tahun
Deposit teras tidak ketara	Baki berkurang	8 tahun
Hubungan pelanggan	Baki berkurang	3 - 9 tahun
Tenaga agensi	Baki berkurang	11 tahun

Maklumat tambahan atas aset tidak ketara dinyatakan dalam Nota 20.

(v) Aset kewangan

(a) Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu pada tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan kontrak instrumen tertentu. Ini termasuk dagangan cara biasa berniaga, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Semua aset kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksamanya ditambah kos transaksi berkaitan secara langsung, kecuali aset kewangan direkodkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Aset kewangan dalam skop MFRS 139 diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, kewangan pelaburan dipegang hingga matang dan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual. Klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal bergantung kepada tujuan dan hasrat pihak pengurusan terhadap aset kewangan yang diperoleh dan ciri-cirinya. Kumpulan dan Bank menentukan klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal, yang mana perinciannya dinyatakan di bawah.

Aset kewangan termasuklah yang berikut:

(1) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL termasuk aset kewangan dipegang untuk dagangan ("HFT") dan aset kewangan ditetapkan selepas pengiktirafan awal. Aset kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan sekiranya ia diperoleh bagi tujuan penjualan atau pembelian balik dalam jangka masa terdekat. Derivatif, termasuk derivatif terbenam yang diasingkan, juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan kecuali jika ia ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai yang berkesan sebagaimana ditakrifkan oleh MFRS 139.

Bagi aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL, kriteria berikut perlu dipenuhi semasa pengiktirafan awal:

- penetapan itu menyingkirkan atau mengurangkan secara ketara kaedah yang tidak konsisten yang sebaliknya akan timbul daripada pengukuran aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian terhadapnya pada asas yang berbeza; atau
- aset dan liabiliti adalah sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, yang diuruskan dan prestasinya dinilai pada asas nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko yang didokumenkan atau strategi pelaburan.

Termasuk dalam aset kewangan dipegang untuk dagangan adalah derivatif (termasuk derivatif terbenam yang diasingkan), sekuriti hutang dan ekuiti.

Termasuk dalam aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL adalah sekuriti hutang dan deposit berstruktur yang diuruskan pada asas nilai saksama di bawah dana insurans hayat dan dana takaful keluarga.

Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan yang dipegang untuk dagangan dan aset kewangan ditetapkan pada FVTPL direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah keterangan 'pendapatan operasi lain'.

(2) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Aset kewangan yang diklasifikasikan dalam kategori ini termasuk wang tunai dan baki dengan bank, perjanjian belian semula, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima lain. Aset kewangan ini pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga langsung dan tambahan dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM")

Pelaburan kewangan HTM adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan tempoh matang tetap yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai niat dan keupayaan untuk memegangnya hingga kematang.

Berikutan pengiktirafan awal, pelaburan kewangan HTM diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Kos pelunasan ditentukan dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium atas pemerolehan dan yuran yang menjadi bahagian penting pada kadar faedah efektif. Pelunasan tersebut dimasukkan dalam penyata pendapatan di bawah keterangan 'pendapatan faedah'. Kerugian yang timbul daripada rosot nilai diiktraf dalam penyata pendapatan di bawah keterangan 'peruntukan untuk kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan' dan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan pelaburan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah keterangan 'pendapatan operasi lain'.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (samb.)

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM") (samb.)

Sekiranya Kumpulan dan Bank hendak menjual atau mengklasifikasikan semula lebih daripada jumlah yang tidak ketara pelaburan kewangan HTM sebelum tempoh matang (selain daripada keadaan khusus yang tertentu), keseluruhan kategori itu akan dicemari dan perlu diklasifikasikan semula sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual. Selain itu, Kumpulan dan Bank ditegah daripada mengklasifikasikan sebarang pelaburan kewangan sebagai dipegang hingga matang bagi tempoh dua tahun berikutnya. Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, Kumpulan dan Bank tidak mengklasifikasikan semula mana-mana pelaburan kewangan HTM sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual.

(4) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Pelaburan kewangan AFS adalah aset kewangan yang tidak diklasifikasikan dalam mana-mana daripada tiga (3) kategori sebelum ini.

Pelaburan kewangan AFS termasuk ekuiti dan sekuriti hutang. Pelaburan kewangan dalam kategori ini dirancang untuk dipegang bagi satu tempoh yang tidak ditetapkan dan mungkin dijual sebagai reaksi terhadap keperluan kecairan atau perubahan dalam keadaan pasaran.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan kewangan AFS diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian yang belum diperoleh akan diiktiraf terus dalam pendapatan komprehensif lain dan dalam 'Rizab AFS', kecuali bagi kerugian rosot nilai, keuntungan atau kerugian pertukaran asing bagi aset kewangan monetari dan pendapatan faedah/keuntungan yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam penyata pendapatan. Dividen pelaburan kewangan AFS diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Bank untuk menerima pembayaran telah ditubuhkan. Apabila Kumpulan dan Bank menyahiktiraf pelaburan kewangan AFS, keuntungan atau kerugian terkumpul yang belum diperoleh yang sebelum itu diiktiraf dalam 'Rizab AFS' diklasifikasikan semula dalam penyata pendapatan di bawah 'pendapatan operasi lain'.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila:

(1) Hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh; atau

(2) Kumpulan dan Bank telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan atau telah menanggung kewajipan untuk membayar sepenuhnya aliran tunai yang diterima tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah pengaturan "serah semua"; dan salah satu daripada yang berikut:

(i) Kumpulan dan Bank telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan, atau

(ii) Kumpulan dan Bank tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset kewangan.

Apabila Kumpulan dan Bank memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada sesuatu aset kewangan atau membuat pengaturan "serah semua", mereka akan menilai sejauh mana mereka telah mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan. Apabila Kumpulan dan Bank tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran serta tidak memindahkan kawalan, aset kewangan itu diiktiraf selagi terdapat penglibatan berterusan Kumpulan dan Bank dalam aset kewangan tersebut. Dalam hal ini, Kumpulan dan Bank juga mengiktiraf liabiliti kewangan yang berkaitan. Pemindahan aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan diukur pada asas yang mencerminkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang dikekalkan oleh Kumpulan dan Bank.

(d) Rosot nilai aset kewangan

Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas bahawa sesuatu aset kewangan, termasuk satu atau sekumpulan sekuriti (selain aset kewangan FVTPL) merosot nilai. Satu atau sekumpulan aset kewangan dianggap merosot nilai jika dan hanya sekiranya, terdapat bukti jelas rosot nilai akibat satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut (peristiwa yang mendatangkan kerugian) dan peristiwa berkenaan mengakibatkan impak terhadap jangkaan aliran tunai masa depan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan tepat.

Bukti rosot nilai termasuk tanda-tanda bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesukaran kewangan yang ketara, kemungkinan mereka akan muflis atau penyusunan semula kewangan lain, kemungkiran atau kegagalan dalam pembayaran faedah/keuntungan atau prinsipal atau di mana data yang ada menunjukkan pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran alian tunai masa depan, seperti perubahan dalam keadaan ekonomi yang berkait dengan kemungkiran.

(1) Pinjaman dan nilai belum terima

(i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pengelasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebagai dirosot nilai

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai dirosot nilai apabila:

- prinsipal atau faedah/keuntungan atau kedua-duanya tidak berbayar untuk tempoh lebih dari tiga (3) bulan atau lebih; atau
- pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tertunggak untuk tempoh kurang dari tiga (3) bulan yang menunjukkan tanda-tanda kelemahan kredit, tanpa mengira sama ada kerugian rosot nilai telah diambil kira; atau
- pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dirosot nilai telah dijadual atau distruktur semula, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan akan terus diklasifikasikan sebagai dirosot nilai sehingga pembayaran balik berdasarkan syarat-syarat yang disemak dan/atau distruktur semula diperhatikan secara berterusan untuk tempoh selama enam (6) bulan; atau
- kemungkiran berlaku bagi pembayaran balik yang dijadualkan tiga (3) bulan atau lebih lama.

Proses rosot nilai – Penilaian individu

Kumpulan dan Bank menilai jika bukti-bukti rosot nilai wujud bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dianggap sebagai penting secara individu.

Jika terdapat bukti yang jelas bahawa kerugian rosot nilai berlaku, jumlah kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Jumlah bawaan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun rosot nilai dan jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Proses rosot nilai – penilaian kolektif

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak penting dan yang telah ditaksir secara individu tanpa ada bukti kerugian rosot nilai dikumpulkan bersama-sama untuk penilaian rosot nilai secara kolektif. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tersebut dikumpulkan mengikut kriteria risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko-risiko (seperti prestasi setiap kumpulan individu yang berbeza) diambil kira.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(1) Pinjaman dan nilai belum terima (samb.)

(i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (samb.)

Proses rosot nilai – penilaian kolektif (samb.)

Aliran tunai masa depan dalam sekumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara kolektif dinilai bagi rosot nilai dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian Kumpulan dan Bank. Sejarah pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang mencerminkan keadaan semasa yang tidak menjejaskan tempoh di mana sejarah pengalaman kerugian berasaskan dan untuk menyingkirkan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang kini tidak lagi wujud.

Anggaran perubahan aliran tunai masa depan untuk sekumpulan aset perlu mencerminkan dan konsisten dalam hala tujuan dengan perubahan dalam data berkaitan yang diperhatikan dari tempoh ke tempoh. Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggarkan aliran tunai masa depan disemak secara kerap oleh Kumpulan dan Bank untuk mengurangkan sebarang perbezaan di antara anggaran kerugian dan kerugian yang sebenar.

Proses Rosot Nilai – pengukuran selanjutnya

Jika dalam tahun berikutnya, jumlah anggaran kerugian rosot nilai meningkat atau menurun kerana sesuatu peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini meningkatkan atau dimasukkan semula dengan melaraskan akaun peruntukan untuk rosot nilai kerugian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Proses rosot nilai – hapus kira akaun

Apabila tidak ada prospek realistik pemulihan pada masa depan, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berkenaan dihapus kira terhadap peruntukan yang berkaitan untuk rosot nilai pinjaman yang berkaitan. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berkenaan dihapus kira selepas prosedur yang diperlukan telah selesai dan jumlah kerugian telah ditentukan. Pemulihan berikutnya amaun yang sebelum ini dihapus kira diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah keterangan 'elaun kerugian rosot nilai ke atas pinjaman, kelawatan dan pembiayaan'.

(ii) Lain-lain belum terima

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti jelas bahawa kerugian rosot nilai aset kewangan telah berlaku, Kumpulan dan Bank mempertimbangkan faktor seperti kemungkinan ketidakmampuan bayar atau masalah kewangan penghutang yang ketara dan terdapat kemungkiran atau pengangguan ketara dalam pembayaran.

Jika ada sebarang bukti, jumlah kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan, didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan. Jumlah bawaan aset kewangan dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan rosot nilai dan jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Jika dalam tempoh setahun berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya ditarikbalikkan sehingga tahap di mana jumlah bawaan aset tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh ditarikbalikkan. Jumlah ditarikbalikkan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(2) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Bagi pelaburan kewangan AFS, Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan mengalami rosot nilai.

Dalam kes instrumen pelaburan ekuiti diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS, bukti yang objektif juga termasuk pengurangan yang "ketara" atau "berpanjangan" dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. Secara umumnya Kumpulan dan Bank menganggap "ketara" sebagai 25% dan "berpanjangan" sebagai suku tahun berturut-turut. Apabila terdapat bukti rosot nilai, kerugian terkumpul (yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan kos nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul atas pelaburan itu yang diiktiraf sebelumnya dalam penyata pendapatan) yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai ke atas pelaburan ekuiti tidak ditarikbalikkan melalui penyata pendapatan; peningkatan dalam nilai saksama selepas rosot nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Bagi sekuriti ekuiti tidak disebut yang dinilai pada kos, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan sekuriti dan:

(i) nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti seumpamanya; atau

(ii) aset ketara bersih berdasarkan akaun-akaun diaudit yang terkini.

Jumlah kerugian rosot nilai bagi sekuriti ekuiti tidak disebut diiktiraf dalam penyata pendapatan dan rosot nilai itu tidak ditarikbalikkan selepas pengiktirafannya sehingga tunai diterima atau pencetus asalnya yang ditubuhkan sebagai satu petunjuk objektif kemerosotan nilai ditarikbalikkan.

Bagi sekuriti ekuiti disebut, kerugian rosot nilainya tidak ditarikbalikkan selepas pengiktirafannya sehingga ekuiti tersebut dilupuskan.

Dalam kes instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS, rosot nilai dinilai berdasarkan kriteria yang sama dengan pelaburan kewangan HTM. Walau bagaimanapun, jumlah yang dicatatkan bagi rosot nilai kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos yang dilunaskan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul ke atas pelaburan tersebut yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Pendapatan faedah masa depan terus diakrukan berdasarkan jumlah aset bawaan yang dikurangkan dengan menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosot nilai, Jika dalam tahun berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai, diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian rosot nilai akan ditarikbalikkan melalui penyata pendapatan.

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM")

Bagi pelaburan kewangan HTM, Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu pelaburan atau sekumpulan pelaburan rosot nilai. Jika terdapat bukti objektif berlakunya rosot nilai ke atas pelaburan kewangan HTM, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara jumlah bawaan pelaburan kewangan HTM dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan didiskaun pada kadar faedah efektif asal pelaburan kewangan HTM. Jumlah bawaan bagi pelaburan kewangan HTM dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan rosot nilai dan jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM") (samb.)

Penarikbalikkan berikutnya dalam kerugian rosot nilai diiktiraf apabila pengurangan boleh dikaitkan secara objektif dengan sesuatu peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf sehingga tahap di mana jumlah bawaan aset kewangan HTM tidak melebihi kos terlunas pada tarikh ditarikbalik. Penarikbalikkan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(e) Pengklasifikasian semula aset kewangan

Kumpulan dan Bank boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset bukan derivatif daripada aset kewangan dalam kategori FVTPL, dalam keadaan luar biasa, yang mana aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan penjualan atau pembelian semula dalam jangka masa singkat. Selain itu, Kumpulan dan Bank juga boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset kewangan yang memenuhi definisi pinjaman dan belum terima daripada aset kewangan pada FVTPL atau pelaburan kewangan AFS jika Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan tersebut bagi satu tempoh terdekat pada masa depan atau sehingga tempoh matang.

Pengklasifikasian semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh pengklasifikasian semula, yang mana nilai saksama menjadi kos baru atau kos dilunaskan, yang mana berkenaan.

Bagi aset kewangan diklasifikasikan semula daripada pelaburan kewangan AFS, sebarang keuntungan atau kerugian sebelum ini pada aset yang telah diiktiraf dalam ekuiti dilunaskan kepada penyata pendapatan bagi baki hayat aset dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Sebarang perbezaan di antara kos baru dilunaskan serta unjuran aliran tunai juga dilunaskan bagi baki hayat aset tersebut menggunakan kaedah faedah efektif. Jika aset tersebut kemudiannya ditentukan untuk dirosot nilai, maka jumlah yang direkodkan dalam ekuiti dimasukkan semula dalam penyata pendapatan.

Pengklasifikasian semula adalah mengikut pilihan pengurusan, dan ditentukan pada asas instrumen demi instrumen. Kumpulan dan Bank tidak mengklasifikasikan semula mana-mana instrumen kewangan dalam kategori FVTPL selepas pengiktirafan awal atau mengklasifikasikan semula mana-mana instrumen kewangan daripada kewangan pelaburan AFS bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

(vi) Liabiliti kewangan

(a) Tarikh pengiktirafan

Semua liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak terlibat dengan peruntukan kontrak instrumen berkaitan. Ini termasuk cara biasa dagangan: belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang biasanya ditentukan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Liabiliti kewangan diklasifikasikan berdasarkan kandungan pengaturan berkontrak yang telah dimeterai dan definisi liabiliti kewangan. Semua liabiliti kewangan diukur pada awalnya pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung, kecuali dalam kes liabiliti kewangan pada FVTPL.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada FVTPL atau liabiliti kewangan lain.

(1) Liabiliti kewangan pada FVTPL

Liabiliti kewangan pada FVTPL termasuk liabiliti kewangan HFT dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal FVTPL.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia dilakukan untuk tujuan belian balik dalam tempoh terdekat. Kategori ini termasuk derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Bank yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai.

Keuntungan atau kerugian atas liabiliti kewangan HFT diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Liabiliti kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal sebagai FVTPL ditetapkan pada tarikh permulaan pengiktirafan, dan hanya jika kriteria dalam MFRS 139 dipenuhi. Kumpulan dan Bank tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada FVTPL.

(2) Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Bank termasuk deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan, sekuriti hutang (termasuk pinjaman), belum bayar, bil-bil dan penerimaan yang belum dibayar dan liabiliti-liabiliti lain.

(i) Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan dan deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan

Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan dan deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan dinyatakan pada nilai penempatan. Perbelanjaan faedah/keuntungan deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan dan deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan diukur pada kos pelunasan diiktiraf apabila ia terakru menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

(ii) Sekuriti hutang

Sekuriti hutang yang diterbitkan oleh Kumpulan dan Bank dikelaskan sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti berdasarkan kandungan kontrak bersyarat instrumen itu. Sekuriti hutang terbitan Kumpulan dan Bank terdiri daripada nota subordinat/bon/sukuk, Innovatif Tahap 1/Sekuriti Modal Tercantum dan pinjaman.

Sekuriti hutang ini diklasifikasikan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan kerana terdapat kewajipan secara kontrak oleh Kumpulan dan Bank bagi membuat pembayaran wang tunai sama ada jumlah prinsipal atau faedah atau kedua-duanya kepada pemegang sekuriti hutang. Kumpulan dan Bank juga berkewajipan untuk menyelesaikan pembayaran instrumen kewangan dalam bentuk tunai atau instrumen kewangan yang lain.

Selepas pengiktirafan awal, sekuriti hutang yang diterbitkan diiktiraf pada kos terlunas, dengan sebarang perbezaan di antara perolehan bersih daripada kos urus niaga dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman dengan kaedah faedah efektif.

(iii) Belum bayar

Pembayaran pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi langsung dan seterusnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iv) Bil-bil dan penerimaan belum bayar

Bil-bil dan penerimaan yang belum dibayar mewakili bil-bil dan penerimaan Kumpulan dan Bank yang didiskaunkan semula dan baki tertunggak di pasaran. Liabiliti kewangan ini diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(v) Liabiliti-liabiliti lain

Liabiliti-liabiliti lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bagi pertimbangan yang akan dibayar pada masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama mengikut syarat-syarat berlainan yang ketara, atau terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya diubah suai, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru. Perbezaan di antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(vii) Pengimbangan aset kewangan dan liabiliti kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi jumlah semasa yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank yang tertakluk kepada pengimbangan, pengaturan penyelesaian (netting) bersih dan pengaturan seumpamanya yang boleh dikuatkuasakan dinyatakan dalam Nota 53.

(viii) Instrumen derivatif kewangan dan perakaunan lindung nilai

(a) Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan dan Bank mendagangkan derivatif seperti swap kaedah faedah pertukaran (swap) dan niagaan ke depan (futures), swap kemungkiran kredit, swap komoditi, pertukaran (swap) matawang, matawang hadapan dan opsyen kadar faedah, matawang asing, ekuiti dan komoditi.

Instrumen kewangan derivatif pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama. Bagi derivatif bukan opsyen, nilai saksama biasanya adalah sifar atau terlalu kecil pada masa permulaannya. Bagi opsyen yang dibeli atau bertulis, nilai saksamanya bersamaan dengan premium pasaran yang dibayar atau diterima. Derivatif tersebut kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperoleh daripada sebut harga di pasaran aktif, termasuk transaksi pasaran dan teknik penilaian terkini yang termasuk model aliran tunai terdiskaun dan model penetapan harga opsyen, yang mana bersesuaian. Kesemua derivatif dikira sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan dikira sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif. Perubahan dalam nilai saksama sebarang derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

(b) Perakaunan lindung nilai

Kumpulan dan Bank menggunakan instrumen derivatif bagi mengurus pendedahan kepada risiko kadar faedah, matawang asing dan kredit. Bagi menguruskan risiko tertentu, Kumpulan dan Bank mengenakan perakaunan lindung nilai untuk tansaksi yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan dan Bank mendokumenkan perhubungan antara benda yang dilindung nilai dan instrumen lindung nilai, termasuk jenis risiko, objektif pengurusan risiko dan strategi untuk menggunakan lindung nilai dan kaedah yang akan digunakan untuk menilai keberkesanan hubungan lindung nilai pada permulaan dan secara berterusan.

Pada setiap tarikh penilaian keberkesanan lindung nilai, hubungan lindung nilai mesti dijangka amat berkesan secara prospektif dan menunjukkan bahawa ia berkesan (keberkesanan retrospektif) bagi tempoh tertentu untuk melayakkan perakaunan lindung nilai.

Ketidakberkesanan lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Bagi keadaan dimana benda yang dilindung nilai adalah transaksi ramalan, Kumpulan dan Bank juga menilai sama ada transaksi tersebut berkemungkinan besar akan membawa satu pendedahan kepada variasi dalam aliran tunai yang boleh memberi kesan kepada penyata pendapatan.

Lindung nilai yang memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai akan diambil kira, seperti yang dinyatakan di bawah:

(1) Lindung nilai saksama

Untuk lindung nilai saksama yang ditetapkan dan layak, perubahan terkumpul dalam nilai saksama instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sementara itu, perubahan terkumpul dalam nilai saksama benda yang dilindung nilai yang berpunca daripada risiko dilindung nilai, dicatat sebagai sebahagian daripada nilai bawaan item dilindung nilai dalam penyata kedudukan kewangan dan juga diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi lindung nilai saksama yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dibawa pada pelunasan kos, sebarang pelarasan kepada amaun bawaan akan dilunaskan bagi baki tempoh lindung nilai menggunakan kedah faedah efektif. Pelunasan kadar faedah efektif boleh bermula sebaik sahaja pelarasan wujud dan tidak lewat daripada apabila item lindung nilai tidak lagi diselaraskan bagi perubahan dalam nilai saksama yang boleh dikaitkan dengan risiko lindung nilai. Sekiranya item dilindung nilai itu dinyahiktiraf, pelarasan nilai saksama tidak dilunaskan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

Kumpulan mendedahkan perincian mengenai lindung nilai saksama dalam Nota 12.

(2) Lindung nilai aliran tunai

Untuk lindung nilai aliran tunai yang ditetapkan dan layak, bahagian keuntungan atau kerugian yang efektif ke atas instrumen lindung nilai itu dinyahiktiraf secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain dalam rizab lindung nilai aliran tunai, manakala sebarang bahagian keuntungan dan kerugian yang tidak efektif atas instrumen lindung nilai diiktiraf segera dalam penyata pendapatan.

Apabila aliran tunai yang dilindung nilai menjejaskan penyata pendapatan, keuntungan atau kerugian atas instrumen lindung nilai yang diiktiraf sebelum ini sebagai pendapatan komprehensif lain, dipindahkan kepada pendapatan atau perbelanjaan yang berkenaan dalam penyata pendapatan.

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempohnya, atau dijual, ditamatkan, dilaksanakan atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul sebelumnya yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kekal berasingan dalam ekuiti sehingga transaksi ramalan berlaku atau komitmen matawang asing dipenuhi.

Apabila transaksi ramalan dijangka tidak akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang dilaporkan dalam pendapatan komprehensif lain segera dipindahkan ke penyata pendapatan.

Kumpulan mendedahkan butiran lindung nilai aliran tunai dalam Nota 12.

(3) Lindung nilai pelaburan bersih

Lindung nilai pelaburan bersih termasuk lindung nilai daripada butiran kewangan yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pelaburan bersih, diambil kira dalam cara yang sama dengan lindung nilai aliran tunai. Sebarang keuntungan atau kerugian atas instrumen lindung nilai berkaitan dengan bahagian berkesan lindung nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain, manakala apa-apa keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian yang tidak efektif diiktiraf segera dalam penyata pendapatan.

Berkenaan dengan pelupusan operasi asing, jumlah terkumpul bagi apa-apa keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dipindahkan kepada penyata pendapatan.

Kumpulan menggunakan tanggungan subordinat dan sekuriti modal sebagai lindung nilai pendedahan kepada risiko tukaran matawang asing bagi pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari asing. Rujuk Nota 12 untuk maklumat lanjut.

(ix) Derivatif terbenam

Derivatif yang terbenam dalam instrumen kewangan lain yang dianggap sebagai derivatif berasingan dan direkodkan pada nilai saksama jika ciri-ciri ekonominya serta risiko tidak berkait rapat dengan kontrak utama dan kontrak utama itu sendiri tidak dipegang untuk dagangan atau ditentukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Derivatif terbenam yang diasingkan daripada kontrak utama dibawa pada nilai saksama dalam portfolio perdagangan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(x) Perjanjian penjualan dan pembelian balik

Sekuriti dibeli di bawah perjanjian jualan balik adalah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Bank dengan komitmen untuk menjual balik pada masa depan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti tersebut diambil kira sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan. Perbezaan di antara pembelian dan harga jualan balik diiktiraf di dalam penyata pendapatan di bawah 'pendapatan faedah' dan diakru sepanjang hayat perjanjian, menggunakan kaedah faedah efektif.

Sebaliknya, kewajipan terhadap sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belian balik adalah sekuriti yang Kumpulan dan Bank telah menjual daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli balik pada masa depan. Transaksi kewangan sedemikian serta kewajipan berkaitan untuk membeli balik sekuriti tersebut diambil kira sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan. Perbezaan di antara penjualan dan harga pembelian balik diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah 'perbelanjaan faedah dan diakru sepanjang hayat perjanjian dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xi) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Kesemua hartanah, loji dan peralatan pada asalnya direkodkan pada kos. Kos hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset, jika dan hanya jika, ia berkebarangkalian memberi sumbangan ekonomi masa depan kepada Kumpulan dan Bank dan kosnya boleh dikira secara pasti.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Apabila bahagian penting hartanah, loji dan peralatan perlu digantikan secara berselang, Kumpulan dan Bank mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat kegunaan tertentu dan membuat susut nilai ke atasnya. Begitu juga, apabila pemeriksaan utama dilaksanakan, kosnya diiktiraf dalam amaun bawaan loji dan peralatan sebagai gantian jika kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos pembaikan dan penyenggaraan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagaimana yang dikenakan.

Tanah pegangan bebas mempunyai tempoh kegunaan yang tidak terbatas dan dengan itu tidak disusut nilai. Bangunan dalam proses pembinaan tidak disusut nilai kerana ia belum sedia untuk digunakan.

Tanah pegangan pajakan disusut nilai sepanjang tempoh pajakan di antara 35-999 tahun. Baki tempoh pajakan adalah di antara 3-903 tahun.

Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan lain dikira pada asas garis lurus ke atas anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan seperti yang berikut:

Bangunan di atas tanah milik bebas	50 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan pajakan	50 tahun atau baki tempoh pajakan, yang mana lebih awal
Perabot, kelengkapan, peralatan dan ubahsuai pejabat	10% - 25%
Komputer dan perkakasan	14% - 25%
Peralatan elektrik dan keselamatan	8% - 25%
Kenderaan bermotor	20% - 25%

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan disemak untuk rosot nilai apabila kejadian atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun bawaan mungkin tidak dapat diperoleh semula.

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan susut nilai akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf apabila dijual atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperoleh daripada penggunaan atau penjualannya. Perbezaan di antara hasil jualan bersih, jika ada, dan amaun bawaan bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Butiran hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Bank dinyatakan dalam Nota 19.

(xii) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang sama ada untuk meraih pendapatan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya. Hartanah itu pada awalnya diukur pada kos, termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh pelaporan. Nilai saksama diperoleh dengan membuat rujukan bukti harga transaksi bagi hartanah yang serupa dalam pasaran dan penilaian dijalankan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyai kelayakan profesional dan berpengalaman tentang lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun berkaitan termasuk kesan cukainya.

Hartanah pelaburan dinyahiktiraf sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperoleh daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil jualan bersih dan jumlah bawaan aset diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh penyahiktirafan.

Pindahan akan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaannya. Untuk pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggarkan untuk perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan penggunaan harta.

Untuk pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada hartanah pelaburan, hartanah berkenaan dikira mengikut dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan seperti mana yang dinyatakan dalam Nota 2.3(xi) sehingga tarikh perubahan penggunaan harta. Sebarang perbezaan yang timbul pada tarikh perubahan penggunaan harta antara jumlah bawaan hartanah sebelum berlaku perubahan dan nilai saksamanya diiktiraf secara terus dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula. Apabila keuntungan nilai saksama menarikbalikan kerugian rosot nilai yang sebelumnya, keuntungan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila hartanah pelaburan dilupuskan, sebarang lebihan sebelum ini yang direkodkan dalam ekuiti dipindahkan kepada keuntungan terkumpul. Pindahan itu tidak dibuat melalui penyata pendapatan.

Kumpulan menyatakan butiran hartanah pelaburan dalam Nota 15.

Hartanah pelaburan dalam pembinaan ("IPUC") diukur pada nilai saksama (apabila nilai saksama ditentukan dengan pastinya).

IPUC yang mana nilai saksamanya tidak boleh ditentukan dengan pasti akan diukur pada kos yang ditolak rosot nilai.

Nilai saksama IPUC ditentukan pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pendapat jurunilai bebas yang berkelayakan dan penilaian dilakukan dengan menggunakan sama ada pendekatan residual atau pendekatan aliran tunai terdiskaun, seperti yang dianggap sesuai oleh jurunilai. Setiap IPUC dinilai secara individu. Kumpulan dan Bank tidak mempunyai sebarang IPUC pada 31 Disember 2014.

(xiii) Aset-aset lain

Termasuk dalam aset-aset lain adalah penghutang lain, jumlah terhutang daripada broker-broker dan pelanggan-pelanggan, pembangunan hartanah untuk dijual, bayaran terdahulu dan deposit, cukai diperoleh semula dan harta-harta yang diambil alih.

(a) Penghutang lain dan jumlah terhutang daripada broker-broker dan pelanggan-pelanggan

Aset-aset ini ditentukan berdasarkan nilai yang boleh diperoleh. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan kajian ke atas baki tertunggak pada tarikh pelaporan. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti.

Aset-aset lain juga termasuk emas dalam bentuk fizikal yang dipegang oleh Kumpulan dan Bank hasil daripada kegiatan broker-peniaga. Kesemua ini dikira pada nilai saksama ditolak kos jualan. Perubahan dalam nilai saksama ditolak kos jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah 'pendapatan operasi lain'.

(b) Hartanah pembangunan untuk dijual

Hartanah pembangunan adalah hartanah yang dipegang dengan tujuan untuk pembangunan dan penjualan dalam perjalanan biasa urusan.

Hartanah pembangunan yang tidak dijual dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai perolehan bersih. Nilai perolehan bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa urusan ditolak kos untuk menyelesaikan pembangunan dan perbelanjaan jualan.

Kos hartanah dalam pembangunan merangkumi kos yang dikenal pasti, termasuk kos pemilikan, perbelanjaan pembangunan, kos pinjaman dan perbelanjaan lain yang berkaitan. Kos pinjaman yang perlu dibayar atas pinjaman pembiayaan pembangunan hartanah juga dimodalkan, pada asas pengenalan khusus, sebagai sebahagian daripada kos hartanah pembangunan sehingga pembangunan itu selesai.

Hasil daripada jualan hartanah pembangunan diiktiraf semasa pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan. Kumpulan menggunakan kaedah penyelesaian kontrak untuk mengiktiraf hasil daripada jualan hartanah pembangunan.

Kumpulan menyatakan butiran hartanah pembangunan untuk dijual dalam Nota 14(b).

(c) Aset-aset dirampas

Aset-aset dirampas adalah aset yang diperoleh sepenuhnya atau sebahagiannya sebagai penjelasan hutang. Aset dirampas dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara amaun bawaan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan diiktiraf dalam aset-aset lain.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xiv) Tunai dan dana jangka pendek

Tunai dan dana jangka pendek dalam penyata kedudukan kewangan meliputi baki tunai dan deposit dengan institusi-institusi kewangan dan wang panggilan dengan baki tempoh kematangan kurang dari sebulan, yang tertakluk kepada risiko tidak ketara perubahan dalam nilai.

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai terdiri daripada wang tunai dan dana jangka pendek, seperti yang dijelaskan di atas dan deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan, dengan bagi tempoh kematangan yang kurang dari sebulan.

(xv) Rosot nilai aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh laporan untuk memastikan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya terdapat tanda sebegitu, atau apabila ujian rosot nilai tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan dan Bank menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan. Jumlah aset yang boleh dipulihkan adalah nilai saksama ditolak kos jualan atau nilai kegunaannya yang mana lebih tinggi bagi sesuatu aset atau unit penyata tunai ("CGU"). Sekirannya jumlah aset atau CGU melebihi jumlah boleh dipulihkan, aset dianggap sebagai rosot nilai dan diturunkan nilainya kepada jumlah boleh dipulihkan.

Kumpulan mendasarkan pengiraan nilai kegunaan ke atas belanjawan yang terperinci dan pengiraan ramalan, yang disediakan secara berasingan bagi setiap CGU Kumpulan yang mana aset-aset individu diperuntukkan. Bagi penilaian nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai wang dan risiko yang khusus kepada aset. Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, transaksi pasaran semasa diambil kira. Sekiranya tiada transaksi seumpama itu boleh dikenal pasti, model penilaian yang bersesuaian digunakan. Pengiraan ini disokong oleh penilaian berganda, sebut harga saham syarikat awam atau petunjuk nilai saksama yang boleh diperoleh.

Kerugian rosot nilai bagi muhibah tidak dikembalikan. Bagi aset-aset bukan kewangan lain, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang tanda kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya tidak lagi wujud atau mungkin berkurangan. Sekiranya ada tanda sedemikian, Kumpulan dan Bank menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset atau CGU tersebut. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya apabila terdapat perubahan andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah aset yang boleh dipulihkan sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad supaya jumlah bawaan aset tidak juga melebihi jumlah yang boleh dipulihkan, dan tidak melebihi jumlah bawaan yang ditentukan setelah ditolak susut nilai atau pelunasan, seandainya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Pendedahan lanjut berkaitan dengan rosot nilai aset bukan kewangan dinyatakan dalam nota-nota berikut:

- Pertimbangan perakaunan penting, anggaran dan andaian kritikal perakaunan (Nota 3)
- Hartanah, loji dan peralatan (Nota 19)
- Aset tidak ketara (Nota 20)

(xvi) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan semasa yang perlu ditunaikan (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu dan ini memungkinkan pengeluaran sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menunaikan kewajipan tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Apabila Kumpulan dan Bank menjangkakan sebahagian atau semua peruntukan dibayar semula, sebagai contoh, di bawah kontrak insurans, pembayaran semula adalah diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran semula adalah dipastikan. Perbelanjaan berkaitan dengan peruntukan ditolak sebarang bayaran balik yang dibentangkan dalam pendapatan penyata.

Di mana kesan nilai masa wang adalah penting, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menunaikan kewajipan tersebut. Sebarang peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menunaikan kewajipan tersebut, peruntukan akan diterbalikkan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(xvii) Kontrak jaminan kewangan

Jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan dan Bank membuat pembayaran tertentu bagi kepada pemegangnya bagi kerugian yang berlaku kerana pihak tertentu gagal memenuhi kewajipan mengikut terma-terma kontrak. Dalam keadaan perniagaan biasa, Kumpulan dan Bank memberi jaminan kewangan, yang terdiri daripada surat kredit, jaminan dan penerimaan.

Jaminan kewangan premium pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh jaminan itu dikeluarkan. Selepas pengiktirafan awal, premium yang diterima kemudiannya dilunaskan sepanjang hayat jaminan kewangan. Liabiliti jaminan (jumlah nosional) kemudiannya diiktiraf lebih tinggi daripada jumlah yang dilunaskan dan nilai semasa yang dijangka bayaran (apabila bayaran di bawah jaminan menjadi berkemungkinan). Premium yang belum dilunaskan diterima bagi atas jaminan-jaminan kewangan ini dimasukkan ke dalam 'liabiliti-liabiliti lain' dalam penyata kedudukan kewangan.

(xviii) Rizab penyamaan keuntungan ("PER")

Sejak 1 Julai 2012, Maybank Islamic Berhad (MIB), anak syarikat perbankan Islam Bank telah mengguna pakai Garis Panduan BNM bagi PER ("garis panduan disemak"). Apabila menerima pakai garis panduan ini, MIB telah menghentikan penggunaan PER untuk mengurangkan risiko komersil pengalihan ("DCR"). Baki tertunggak pada PER telah diagihkan kepada baki pendeposit dan syarikat subsidiari perbankan Islam berdasarkan pada bahagian baki tertunggak.

Dalam menguruskan DCR, syarikat subsidiari perbankan Islam memindahkan keuntungan semasa kepada pendeposit berdasarkan hibah. Pembayaran hibah adalah diiktiraf sebagai kos dalam penyata pendapatan.

(xix) Matawang asing

(a) Matawang fungsian dan matawang pembentangan

Penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsian utama bagi Bank.

(b) Transaksi dan baki matawang asing

Transaksi dalam matawang asing dikira dengan matawang fungsian masing-masing bagi Bank dan syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal matawang fungsi pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan dalam matawang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh pelaporan.

Perbezaan pertukaran yang terhasil dari penyelesaian item monetari atau dalam penterjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali perbezaan pertukaran yang terhasil daripada item kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asingnya, yang diiktiraf pada asalnya dalam pendapatan komprehensif lain yang dikumpulkan di bawah rizab terjemahan matawang asing dalam pendapatan komprehensif lain.

Item-item bukan monetari dengan denominasi matawang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran semerta pada tarikh transaksi awal. Item-item bukan monetari dalam matawang asing yang diukur pada nilai saksama adalah diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam penyata pendapatan tahun kewangan tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan item bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

(c) Operasi asing

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsian yang berbeza daripada matawang yang dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dalam penyata kewangan yang disatukan telah diterjemahkan ke dalam RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemahkan pada kadar penutupan yang menjadi kelaziman pada tarikh laporan;

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xix) Matawang asing (samb.)

(c) Operasi asing (samb.)

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsian yang berbeza daripada matawang yang dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dalam penyata kewangan yang disatukan telah diterjemahkan ke dalam RM seperti berikut (samb.):

- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan diterjemahkan kepada kadar purata tukaran bagi tahun kewangan; dan
- Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil dimasukkan terus ke dalam pendapatan komprehensif lain menerusi rizab tukaran matawang asing.

Apabila berlaku pelupusan operasi asing, jumlah terkumpul perbezaan tukaran yang berkaitan dengan operasi asing, diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan digabungkan dalam ekuiti, diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan (sebagai pelarasan pengklasifikasian semula) apabila keuntungan atau kerugian atas pelupusan diiktiraf.

Apabila berlaku pelupusan sebahagian daripada sebuah syarikat subsidiari yang melibatkan operasi asing, Kumpulan akan merujuk semula bahagian perkongsian pada kadar yang sama untuk jumlah terkumpul bagi perbezaan pertukaran yang telah dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain kepada kepentingan tidak dikawal dalam operasi asing tersebut. Dalam pelupusan sebahagian operasi asing lain, Kumpulan mengklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan hanya bahagian perkongsian pada kadar yang sama bagi jumlah terkumpul untuk perbezaan pertukaran yang dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain.

Penyelarasan muhibah dan nilai saksama yang terbentuk daripada pemilikan operasi asing dikira sebagai aset dan liabiliti syarikat-syarikat subsidiari asing dan direkodkan dalam matawang fungsi operasi asing tersebut dan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh pelaporan.

(xx) Cukai pendapatan dan cukai tertunda dan zakat

(a) Cukai pendapatan

Cukai aset semasa/boleh diperoleh semula dan cukai liabiliti semasa/peruntukan diukur pada jumlah yang dijangka akan diperoleh semula daripada ataupun dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan.

Cukai pendapatan untuk tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan akan tertunda. Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai bagi setiap bidang kuasa di mana Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya atau syarikat-syarikat bersekutunya mengendalikan dan menjana pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Cukai semasa yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti dan bukan dalam penyata pendapatan.

Butir-butir cukai pendapatan bagi Kumpulan dan Bank adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 45.

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaan pada tarikh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara kecuali:

(i) apabila liabiliti cukai tertunda wujud daripada pengiktirafan awal muhibah atau sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan

(ii) bagi perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, di masa pembalikan bagi perbezaan sementara itu boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan dikembalikan pada masa hadapan yang boleh dijangka.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dibawa ke hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan, sehingga pada tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit cukai yang tidak digunakan dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan kecuali:

(i) bila mana aset cukai tertunda berkait dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan penggabungan perniagaan dan, pada masa transaksi itu, tidak memberi kesan terhadap keuntungan atau kerugian boleh dicukai; dan

(ii) bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya sehingga tahap yang berkemungkinan bahawa perbezaan sementara itu akan dikembalikan pada masa hadapan yang boleh dijangka dan keuntungan boleh dicukai tersedia ke atas perbezaan sementara yang boleh digunakan.

Jumlah bawaan aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh pelaporan dan ditolak ke tahap sehingga keuntungan boleh dicukai dikurangkan kepada tahap di mana tiada lagi kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf ke tahap di mana berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan kepada tahun di mana aset tersebut diiktiraf atau liabiliti tersebut dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang percukaian yang telah dikuatkuasakan dan seterusnya dikuatkuasakan pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda berkait dengan item yang diiktiraf di luar penyata pendapatan adalah diiktiraf di luar penyata pendaapatan. Item cukai tertunda diiktiraf selari dengan transaksi sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada penggabungan perniagaan diselaraskan dengan muhibah atas pemerolehan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda boleh dikurangkan, sekiranya hak boleh laksana yang sah wujud untuk mengurangkan aset cukai semasa berbanding liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait kepada entiti boleh cukai yang sama dan kuasa percukaian yang sama.

Butiran aset dan liabiliti cukai tertunda adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 27.

(c) Zakat

Ia mewakili zakat perniagaan dibayar oleh Kumpulan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kumpulan.

(xxi) Pajakan

Penentuan sama ada pengaturan adalah (atau mengandungi) pajakan berdasarkan peruntukan dalam perjanjian pada permulaan pajakan. Pengaturan itu adalah, atau mengandungi, pajakan jika memenuhi pengaturan tersebut tergantung kepada penggunaan aset atau aset-aset tertentu dan pengaturan itu menyampaikan hak untuk menggunakan aset atau aset-aset tersebut walaupun hak itu tidak jelas dinyatakan dalam pengaturan berkenaan.

(a) Pengklasifikasian

Pajakan dikelaskan pada tarikh permulaan sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pegangan hak milik kepada Kumpulan dan Bank.

Semua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan operasi, dengan pengecualian berikut:

- Harta dipegang di bawah pajakan operasi yang akan sebaliknya memenuhi definisi hartanah pelaburan, dikelaskan sebagai hartanah pelaburan secara hartanah demi hartanah dan, jika diklasifikasikn sebagai hartanah pelaburan, diambil kira sebagai pegangan di bawah pajakan kewangan; dan

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxi) Pajakan (samb.)

(a) Pengklasifikasian (samb.)

- Tanah yang dipegang untuk kegunaan sendiri di bawah pajakan operasi, nilai saksama yang tidak boleh diukur secara berasingan daripada nilai saksama bangunan yang ada pada permulaan pajakan, dan diambil kira sebagai pajakan kewangan, melainkan jika bangunan itu juga jelas dipegang di bawah pajakan operasi.

(b) Pajakan kewangan - Kumpulan dan Bank sebagai pemajak

Aset-aset yang dimiliki secara pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah setara kepada nilai saksama terendah dan nilai minimum semasa bayaran pajakan pada awal pemajakan ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian susut nilai. Liabiliti berkaitan dimasukkan sebagai pinjaman dalam penyata kewangan. Dalam mengira nilai semasa pembayaran minimum pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang dikenakan dalam pajakaan, apabila didapati praktikal untuk ditentukan; jika tidak, kadar pinjaman tokokan Bank atau syarikat subsidiari Bank akan digunakan. Sebarang kos langsung awal juga ditambah ke dalam jumlah bawaan aset berkenaan.

Bayaran pajakan dibahagikan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama aset-aset pajakan, diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh pajakan yang yang relevan untuk menghasilkan tempoh berkala kadar caj yang tetap terhadap baki yang diwajibkan bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi penyusutan bagi aset-aset pajakan adalah berdasarkan pada susut nilai hartanah, loji dan peralatan seperti mana yang dijelaskan dalam Nota 2.3(xi).

(c) Pajakan operasi - Kumpulan dan Bank sebagai pemajak

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai satu perbelanjaan di atas asas garis lurus terhadap tempoh pajakan yang berkenaan.

Bagi pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan minimum atau bayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan apabila perlu, antara elemen tanah dan bangunan selari dengan nilai saksama relatif bagi faedah pegangan pajakan dalam elemen tanah dan bangunan pajakan tersebut semasa permulaan pajakan. Bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan prabayar dan dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(d) Pajakan operasi - Kumpulan dan Bank sebagai pemberi pajak

Aset-aset yang diberi pajak di bawah pajakan operasi dilaporkan ke dalam penyata kedudukan kewangan mengikut keadaan semula jadi aset-aset berkenaan. Pendapatan sewa daripada pajakan operasi diiktiraf pada asas garis lurus dalam tempoh pajakan. Kos langsung awal yang ditanggung ketika perundingan dan penyediaan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama dengan pendapatan sewa.

(xxii) Kontrak insurans/sijil takaful

Melalui syarikat subsidiari insurans dan takafulnya, Kumpulan mengeluarkan kontrak/sijil kepada pelanggan mengandungi penyataan tentang risiko insurans/takaful, risiko kewangan atau gabungan kedua-duanya. Sesuatu kontrak/sijil yang di dalamnya menyatakan bahawa Kumpulan bersetuju menerima risiko ketara insurans/takaful daripada pihak lain dengan persetujuan untuk membayar ganti rugi kepada pihak berkenaan apabila berlaku sesuatu perkara tertentu yang tidak pasti pada masa depan, diklasifikasikan sebagai kontrak insurans/sijil takaful. Sesuatu kontrak insurans/sijil takaful juga boleh memindahkan risiko kewangan, tetapi diambil kira sebagai kontrak insurans/sijil takaful sekiranya risiko insurans/takaful itu adalah ketara.

(a) Premium insurans/pendapatan caruman

Premium/pendapatan caruman daripada perniagaan insurans am/takaful am diiktiraf dalam tahun kewangan berkaitan dengan risiko yang ditanggung sepanjang tempoh tahun kewangan tersebut. Premium/caruman daripada perniagaan langsung diiktiraf pada tahun kewangan tersebut apabila nota debit dikeluarkan. Premium/caruman berkenaan risiko yang di mana nota debit belum dikeluarkan pada tarikh pelaporan adalah terakru pada tarikh tersebut.

Premium/pendapatan caruman daripada perniagaan insurans hayat/takaful keluarga diiktiraf sebaik sahaja amaun premium/caruman boleh dikira dengan pasti. Premium awal/caruman awal diiktiraf dari tarikh permulaan dan premium/caruman yang berikutnya diiktiraf pada tarikh akhir. Pada akhir tahun kewangan, semua premium/caruman terhutang adalah dikira setakat ia boleh dikira dengan pasti.

(b) Premium insurans semula/caruman takaful semula

Premium insurans semula/caruman takaful semula yang diiktiraf dalam tahun kewangan yang sama dengan polisi/sijil asal yang berkaitan dengan insurans semula/takaful semula berkenaan. Perjanjian masa premium insurans semula/caruman takaful semula diiktiraf atas dasar nasihat berkala diterima daripada syarikat pengendali insurans/takaful. Fakultatif masuk premium insurans semula/caruman takaful semula yang diiktiraf dalam tahun kewangan berkenaan dengan risiko fakultatif diterima semasa tahun kewangan tertentu, seperti dalam kes polisi langsung/sijil, berikutan tarikh permulaan risiko individu.

(c) Perbelanjaan manfaat dan tuntutan

Perbelanjaan manfaat dan tuntutan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila peristiwa boleh tuntut berlaku dan/atau penanggung insurans/pengendali takaful telah dimaklumkan. Jumlah perolehan daripada tuntutan insurans semula/takaful semula diambil kira dalam tahun kewangan yang sama dengan tuntutan asal diperakui.

(d) Perbelanjaan komisen dan kos pemerolehaan

Perbelanjaan komisen dan kos kasar pemerolehan dan pembaharuan polisi insurans/sijil takaful, selepas ditolak pendapatan yang diperoleh daripada sumbangan serahan premium insurans semula/caruman takaful semula, adalah diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan sewajarnya dalam tempoh di mana ia mungkin akan menimbul sebagai pendapatan.

Komisen dan perbelanjaan agensi kasar bagi perniagaan insurans hayat adalah kos yang ditanggung secara langsung dalam mendapatkan premium atas polisi insurans, selepas ditolak pendapatan yang diperoleh daripada serahan premium insurans semula, adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun di mana ia ditanggung.

(e) Liabiliti premium/caruman, rizab premium/caruman belum diperoleh dan rizab risiko belum tamat tempoh

(1) Liabiliti premium/caruman

Liabiliti premium/caruman mewakili tanggungan masa depan kontrak insurans/takaful berkaitan penerimaan premium/caruman terhadap risiko yang belum tamat tempoh. Pergerakan liabiliti premium/caruman dilepaskan berdasarkan terma kontrak insurans/takaful dan diiktiraf sebagai pendapatan premium/caruman.

Liabiliti premium bagi perniagaan insurans am dilaporkan pada nilai yang lebih tinggi di antara agregat rizab premium tidak diperoleh untuk semua jenis perniagaan atau nilai anggaran terbaik rizab risiko tidak tamat tempoh bagi penanggung insurans pada akhir tahun kewangan dan peruntukan margin risiko untuk sisihan negatif ("PRAD") sebagaimana yang ditetapkan oleh BNM.

Liabiliti caruman bagi perniagaan takaful am dilaporkan pada nilai agregat yang lebih tinggi antara agregat rizab caruman belum diperoleh untuk semua jenis perniagaan atau jumlah rizab risiko takaful am belum tamat tempoh melebihi 75% tahap keyakinan pada akhir tahun kewangan.

(2) Rizab premium belum diperoleh ("UPR") dan rizab caruman belum diperoleh ("UCR")

UPR/UCR mewakili sebahagian premium bersih/caruman kasar polisi insurans/sijil takaful bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi/sijil pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan UPR/UCR pada tarikh pelaporan, kaedah yang paling tepat untuk menggambarkan premium/caruman belum diperoleh sebenar adalah seperti berikut:

- Kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- Kaedah 1/24 untuk semua kelas lain polisi perniagaan insurans am tempatan dan kaedah 1/365 untuk semua kelas lain perniagaan takaful am, dikurangkan oleh peratusan berkenaan bagi komisen perniagaan langsung kasar berkaitan premium/caruman yang tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM;

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxii) Kontrak insurans/sijil takaful (samb.)

(e) Liabiliti premium/caruman, rizab premium/caruman belum diperoleh dan rizab risiko belum tamat tempoh (samb.)

(2) Rizab premium belum diperoleh ("UPR") dan rizab caruman belum diperoleh ("UCR") (samb.)

UPR/UCR mewakili sebahagian premium bersih/caruman kasar polisi insurans/sijil takaful bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi/sijil pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan UPR/UCR pada tarikh pelaporan, kaedah yang paling tepat untuk menggambarkan premium/caruman belum diperoleh sebenar adalah seperti berikut (samb.):

- Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan luar negara dengan pemotongan 20% untuk komisen;
- Kaedah diperoleh dalam tempoh matang untuk perniagaan bon bertulis oleh dana takaful am; dan
- Dasar-dasar bukan tahunan dibahagikan mengikut kadar tempoh risiko selepas ditolak komisen, yang berkaitan dengan tempoh tidak tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

(3) Rizab risiko belum tamat tempoh ("URR")

URR adalah anggaran prospektif bagi pembayaran masa hadapan yang dijangka timbul daripada peristiwa masa depan diinsuranskan di bawah polisi/sijil yang berkuatkuasa pada tarikh pelaporan dan turut termasuk adalah peruntukan perbelanjaan, meliputi overhed dan kos insurans/takaful semula, yang dijangka dikenakan ketika tempoh belum tamat bagi menguruskan polisi sijil berkaitan serta menyelesaikan tuntutan yang sewajarnya, dan pembayaran balik premium/caruman masa depan yang dijangkakan. URR dianggarkan dari penilaian aktuari yang dilaksanakan oleh aktuari berkelayakan.

(f) Aset insurans semula/takaful semula

Syarikat subsidiari insurans dan takaful pihak Bank menyerahkan risiko insurans/takaful dalam operasi normal perniagaan mereka. Aset insurans/takaful semula mewakili amaun boleh pulih daripada penginsurans semula atau pengendali takaful semula bagi kontrak liabiliti insurans/takaful yang masih belum dijelaskan pada tarikh pelaporan. Pada setiap tarikh pelaporan, atau lebih kerap, syarikat subsidiari insurans dan takaful Bank menilai sama ada bukti objektif wujud bahawa aset-aset insurans/takaful semula dirosot nilai.

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu kerugian rosot nilai ke atas aset-aset insurans/takaful semula telah berlaku, syarikat subsidiari Bank mempertimbangkan faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang ketara di pihak insurans/takaful atau kelewatan dalam pembayaran yang ketara. Jika bukti tersebut wujud, jumlah kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada aset kewangan kadar faedah efektif asal aset kewangan. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Aset insurans semula/takaful semula dinyahiktiraf apabila kontrak hak terhapus atau luput atau apabila kontrak dipindahkan kepada pihak lain.

(g) Insurans/takaful belum diterima

Insurans/takaful belum terima diiktiraf apabila genap masa dan diukur pada pengiktirafan awal pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, insurans/takaful belum terima diukur pada kos terlunas, dengan menggunakan kaedah hasil efektif. Pada setiap tarikh pelaporan, syarikat subsidiari insurans dan takaful pihak Bank menilai sama ada wujud bukti objektif bahawa insurans/takaful belum terima dirosot nilai.

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa rosot nilai atas insurans/takaful belum terima telah berlaku, syarikat subsidiari insurans dan takaful Bank mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidaksolvenan atau kesukaran kewangan yang ketara penerbit atau penanggung kewajipan dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Jika bukti seperti itu wujud, syarikat subsidiari insurans dan takaful Bank akan mengurangkan jumlah bawaan insurans/takaful belum terima sewajarnya dan mengiktiraf kerugian kemerosotan dalam penyata pendapatan.

Insurans/takaful belum terima tidak lagi diiktiraf apabila kontrak hak untuk menerima aliran tunai telah tamat atau sebahagian besar risiko dan ganjaran telah dipindahkan kepada pihak lain.

(h) Liabiliti kontrak insurans/sijil takaful

Liabiliti kontrak insurans/sijil takaful diiktiraf apabila kontrak/sijil telah dikuatkuasakan dan premium/caruman dikenakan bayaran. Liabiliti kontrak insurans/sijil takaful dinyahiktiraf apabila kontrak/sijil tamat, dilepaskan atau dibatalkan. Sebarang pelarasan kepada liabiliti pada setiap tarikh laporan direkodkan dalam penyata pendapatan. Keuntungan yang berasal daripada margin penyimpangan buruk larian (run off) kepada kontrak/sijil, diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang hayat kontrak/sijil, manakala kerugian diiktiraf sepenuhnya dalam penyata pendapatan semasa tahun pertama larian.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan melalui pelaksanaan ujian kecukupan liabiliti untuk menentukan sama ada liabiliti kontrak insurans/sijil takaful yang diiktiraf adalah mencukupi untuk menampung obligasi insurans/takaful syarikat subsidiari, sama ada secara kontrak atau sebaliknya, berkenaan dengan kontrak insurans/sijil takaful yang dikeluarkan. Dalam melaksanakan penilaian kecukupan liabiliti, syarikat subsidiari insurans/takaful semua aliran tunai didiskaunkan dan membandingkannya dengan amaun bawaan liabiliti kontrak insurans/sijil takaful. Sebarang kekurangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(i) Liabiliti tuntutan

Mewakili kewajipan penginsurans, sama ada secara kontraktual atau sebaliknya, untuk membuat pembayaran akan datang berhubung dengan semua tuntutan yang telah ditanggung pada tarikh pelaporan. Liabiliti tuntutan adalah anggaran peruntukan bagi tuntutan yang dilaporkan, tuntutan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR"), tuntutan yang ditanggung tetapi tidak cukup rizab ("IBNER") dan kos penyenggaraan tuntutan berkaitan. Ia termasuk daripada nilai anggaran terbaik bagi liabiliti tuntutan dan PRAD yang ditetapkan oleh BNM. Liabiliti ke atas baki tertunggak pada masa ia dimaklumkan oleh pemegang polisi/peserta. Liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh aktuari yang menandatangani perjanjian tersebut, menggunakan teknik unjuran aktuari berdasarkan, corak pengembangan tuntutan sebenar. Liabiliti tuntutan tidak didiskaunkan.

(j) Liabiliti perbelanjaan

Liabiliti perbelanjaan berhubung dengan perniagaan takaful am dan takaful keluarga adalah berdasarkan kepada anggaran yang dilakukan oleh aktuari yang berkelayakan. Perubahan dalam liabiliti perbelanjaan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(k) Insurans/takaful belum dibayar

Insurans/takaful belum dibayar diiktiraf apabila genap masa dan diukur pada pengiktirafan awal pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, ia diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(xxiii) Pengukuran nilai saksama

Kumpulan dan Bank mengukur instrumen-instrumen kewangan seperti aset kewangan pada FVTPL, pelaburan kewangan AFS, derivatif, dan aset bukan kewangan seperti hartanah pelaburan, pada nilai saksama pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk jualan aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi tersusun antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Ukuran nilai saksama berdasarkan andaian bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran prinsipal bagi aset atau liabiliti; atau
- Dalam ketiadaan pasaran prinsipal, dalam pasaran paling baik untuk aset atau liabiliti tersebut.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxiii) Pengukuran nilai saksama (samb.)

Pasaran prinsipal atau pasaran yang paling memanfaatkan mestilah boleh diakses oleh Kumpulan dan Bank.

Nilai saksama aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakannya apabila menetapkan harga aset atau liabiliti tersebut, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak dalam kepentingan ekonomi terbaik untuk mereka.

Pengukuran nilai saksama bagi aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset sebaik mungkin atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset itu sebaik mungkin.

Kumpulan dan Bank menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yanag relevan dan meminimumkan penggunaan input tidak dapat dikaji.

Kesemua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, digambarkan sebagai yang berikut, berdasarkan input tahap terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Peringkat 1 - harga pasaran disebut (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa.
- Peringkat 2 - teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama dikaji secara langsung atau tidak langsung.
- Peringkat 3 - teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama tidak dikaji.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan pada asas berulang, Kumpulan dan Bank menentukan sama ada pindahan berlaku antara peringkat hierarki nilai saksama dengan menilai semula pengelasan (berdasarkan input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Nilai saksama hierarki instrumen kewangan dan aset bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama dinyatakan dalam Nota 52(c).

Manakala nilai saksama hierarki aset kewangan dan liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama tetapi nilai saksama didedahkan, ada dinyatakan dalam Nota 52(g).

(xxiv) Pengiktirafan pendapatan faedah/keuntungan dan perbelanjaan faedah/keuntungan

Pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah bagi kesemua instrumen kewangan diukur pada kos pelunasan. Aset kewangan yang mengandungi faedah/keuntungan ang dikelaskan sebagai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual, aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga dan aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam 'pendapatan faedah' dalam penyata pendapatan yang menggunakan kaedah faedah efektif. Liabiliti kewangan yang mengandungi faedah/keuntungan diklasifikasikan sebagai deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi kewangan, sekuriti hutang dan pemiutang diiktiraf dalam 'perbelanjaan faedah' dalam penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah pengiraan kos pelunasan aset kewangan dan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang memberi diskaun jangkaan tunai masa depan dengan tepat, atau penerimaan melalui jangkaan hayat instrument kewangan atau, apabila bersesuaian, tempoh yang lebih pendek kepada jumlah bawaan bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan. Apabila mengira kadar faedah efektif, Kumpulan dan Bank mengambil kira semua syarat berkontrak instrumen kewangan dan termasuk sebarang yuran atau kos tambahan yang berkaitan secara langsung kepada instrumen tersebut, yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif, tetapi tidak mempertimbangkan kerugian kredit masa hadapan.

Setelah nilai aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang serupa direkodkan telah berkurangan disebabkan oleh kerugian rosot nilai, pendapatan faedah terus diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosot nilai.

Pendapatan keuntungan dan perbelanjaan daripada perniagaan perbankan Islam diiktiraf berasaskan akruan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

(xxv) Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain

(a) Pendapatan yuran dan komisen

Kumpulan dan Bank memperoleh pendapatan yuran dan komisen daripada rangkalan luas perkhidmatan yang disediakan kepada para pelanggannya. Pendapatan yuran boleh dibahagikan kepada dua kategori yang berikut:

(1) Pendapatan yuran yang diperoleh daripada perkhidmatan yang disediakan untuk satu tempoh jangka masa tertentu

Yuran-yuran yang diperolehi bagi penyediaan perkhidmatan melebihi satu tempoh jangka masa diakrukan sepanjang tempoh itu. Yuran-yuran tersebut ini termasuk pendapatan komisen dan pengurusan aset, jagaan dan yuran pengurusan dan yuran nasihat yang lain.

Yuran komitmen pinjaman bagi pinjaman yang berkemungkinan besar akan dikeluarkan untuk penggunaannya dan yuran berkaitan kredit yang lain ditunda (bersama-sama dengan sebarang kos tokokan) dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada EIR atas pinjaman tersebut. Sekiranya terdapat kemungkinan pengeluaran tidak berlaku, yuran komitmen pinjaman akan diiktiraf sepanjang tempoh komitmen secara garis lurus.

(2) Pendapatan yuran daripada perkhidmatan urus niaga

Yuran-yuran yang terhasil daripada perundingan atau menyertai dalam perundingan urus niaga dengan pihak ketiga, seperti pembelian saham atau sekuriti-sekuriti lain atau pembelian atau jualan perniagaan akan diiktiraf apabila selesainya urus niaga tersebut. Yuran atau komponen yuran yang berkaitan dengan pencapaian tertentu diiktiraf selepas kriteria yang ditetapkan dipenuhi.

(b) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila wujudnya hak Kumpulan dan Bank untuk menerima bayaran. Ini adalah tarikh ex-dividen bagi sekuriti ekuiti tersenarai, dan biasanya tarikh apabila pemegang saham meluluskan dividen tersebut bagi sekuriti ekuiti tidak tersenarai.

(c) Program kesetiaan pelanggan

Anugerah kredit di bawah program kesetiaan pelanggan diambil kira sebagai satu komponen yang boleh dikenal pasti secara berasingan dalam transaksi yang mana ia dianugerahkan. Nilai saksama pembayaran yang diterima bagi jualan awal dibahagikan antara anugerah kredit dan komponen-komponen lain jualan. Pertimbangan yang diberikan untuk pendapatan daripada program kesetiaan pelanggan diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah pendapatan operasi lain, apabila anugerah kredit dianugerahkan.

(xxvi) Manfaat kakitangan

(a) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Bank. Pampasan bagi ketidakhadiran jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila kakitangan telah berkhidmat sehingga bertambahnya hak kepada pampasan ketidakhadiran pada masa depan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit, diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila berlakunya ketidakhadiran.

(b) Manfaat kakitangan jangka panjang

Manfaat kakitangan jangka panjang adalah manfaat yang tidak dijangka diselesaikan sepenuhnya sebelum dua belas bulan selepas tarikh pelaporan yang mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan.

Kos manfaat kakitangan jangka panjang diakru untuk memadankannya dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan dengan menggunakan pengiktirafan dan asas ukuran serupa dengan pelan manfaat yang dinyatakan dalam Nota 2.3(xxvi)(d), kecuali pengukuran semula daripada liabiliti faedah bersih aset atau diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxvi) Manfaat kakitangan (samb.)

(c) Pelan caruman ditentukan

Sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Cawangan-cawangan bank asing dan syarikat-syarikat subsidiari Bank di luar negara membuat caruman kepada skim pencen berkanun di negara masing-masing. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

(d) Pelan manfaat ditentukan

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang buruh di negara-negara tertentu, syarikat subsidiari tertentu Bank dikehendaki membayar bayaran penyelesaian kepada kakitangan mereka apabila bersara. Kumpulan melakukan obligasi pembayaran tersebut sebagai pelan manfaat ditentukan atau pelan pencen.

Kos manfaat ditentukan dan nilai kini kewajipan manfaat ditentukan dikira pada tarikh pelaporan oleh aktuari yang berkelayakan menggunakan kaedah unjuran kredit unit.

Pengukuran semula liabiliti atau aset bersih manfaat ditentukan, yang terdiri daripada keuntungan dan kerugian aktuari, pulangan atas pelan aset (tidak termasuk faedah) dan kesan ke atas aset siling (jika ada, tidak termasuk faedah), diiktiraf serta merta dalam pendapatan komprehensif lain dalam tempoh bila mana ia berlaku dan direkodkan dalam rizab manfaat ditentukan. Pengukuran semula tidak diklasifikasikan semula dalam penyata pendapatan dalam tempoh berikutnya.

Kos perkhidmatan masa lalu diiktiraf dalam penyata pendapatan pada awal:

- Tarikh pindaan atau pengurangan pelan; atau
- Tarikh yang syarikat subsidiari Bank di luar negara mengiktiraf penyusunan semula kos berkaitan.

Faedah bersih ke atas aset atau liabiliti bersih manfaat ditentukan dan perbelanjaan lain-lain berhubung dengan pelan manfaat ditentukan adalah dikira dengan menggunakan kadar diskaun kepada liabiliti atau aset bersih manfaat ditentukan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kumpulan menyatakan butiran pelan manfaat ditentukan dalam Nota 24(a).

(e) Pampasan berasaskan saham

(1) Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS")

ESOS ialah pelan pampasan berasaskan saham penyelesaian ekuiti yang membenarkan pengarah-pengarah dan kakitangan Kumpulan membeli saham Bank. Jumlah nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan kepada kakitangan diiktiraf sebagai kos kakitangan sepadan dengan peningkatan dalam rizab opsyen saham dalam ekuiti pada sepanjang tempoh letak hak dan mengambil kira kemungkinan opsyen akan memberikan hak. Nilai saksama opsyen saham diukur pada tarikh penganugerahan, selepas mengambil kira, jika ada, syarat-syarat untuk membuat peletakan hak dalam pasaran sebelum opsyen itu dianugerahkan tetapi tidak termasuk kesan syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran. Syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran termasuk anggaran mengenai bilangan opsyen yang dijangka akan dilaksanakan pada tarikh peletakan hak.

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan menyemak semula anggaran bilangan opsyen yang dijangka akan dilaksanakan pada tarikh peletakan hak. Ia mengiktiraf kesan daripada penyemakan semula anggaran awal, jika ada, dalam penyata pendapatan serta penyelarasan yang sepadan dalam ekuiti bagi baki tempoh peletakan hak itu. Jumlah ekuiti adalah diiktiraf dalam rizab opsyen saham.

Hasil yang diterima, bersih daripada sebarang kos transaksi yang berkaitan secara langsung, dikreditkan ke dalam modal saham apabila opsyen dilaksanakan. Rizab opsyen saham dipindahkan kepada keuntungan terkumpul selepas opsyen saham tamat tempoh.

(2) Unit saham terhad ("RSU")

Kakitangan pengurusan kanan Kumpulan layak untuk saham terhad berasaskan prestasi sebagai pertimbangan untuk perkhidmatan yang diberikan. RSU boleh diselesaikan dengan cara terbitan dan pemindahan saham baru Maybank atau secara tunai atas budi bicara mutlak Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS"). Jumlah nilai saksama penganugerahan RSU kepada kakitangan pengurusan kanan diiktiraf sebagai kos kakitangan dengan peningkatan yang sama dalam rizab dalam ekuiti sepanjang tempoh peletakan hak dan mengambil kira kebarangkalian bahawa RSU akan diletak hak. Nilai saksama RSU diukur pada tarikh penganugerahan, dengan mengambil kira syarat-syarat peletakan hak, RSU dianugerahkan tetapi tidak termasuk kesan sebarang syarat-syarat letak hak bukan pasaran. Syarat-syarat letak hak bukan pasaran dimasukkan dalam andaian tentang bilangan saham yang dijangka dianugerahkan pada tarikh letak hak.

Pada setiap tarikh pelaporan, Bank mengkaji semula anggaran bilangan RSU yang dijangka dianugerahkan pada tarikh peletakan hak. Bank memperakui kesan kajian semula terhadap anggaran asal, jika ada, dalam penyata pendapatan dan penyelarasan yang seiring kepada ekuiti sepanjang tempoh peletakan hak. Amaun ekuiti tersebut dikenal pasti dalam rizab opsyen saham.

(3) Skim saham kakitangan berasaskan prestasi diselesaikan secara tunai ("CESS")

CESS terdiri daripada Skim Opsyen Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CRSU") disediakan untuk kakitangan yang layak di cawangan luar negara dan syarikat subsidiari Bank di luar negara, tertakluk kepada pencapaian kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan pasaran semasa di negara masing-masing.

Kos CESS diukur awalnya pada pada nilai saksama pada tarikh penganugerahan menggunakan model binomial, butiran lanjut diberikan dalam Nota 31(f) dan 31(g). Nilai saksama ini dibelanjakan sepanjang tempoh sehingga tarikh peletakan hak dengan pengiktirafan liabiliti yang sepadan. Liabiliti diukur semula kepada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan sehingga dan termasuk tarikh penyelesaian, dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam 'perbelanjaan kakitangan' di bawah "Perbelanjaan ESS".

Butir-butir penganugerahan opsyen saham di bawah ESS dan CESS dinyatakan dalam Nota 31(c).

(xxvii) Aset bukan semasa (atau pelupusan Kumpulan) dipegang untuk dijual dan operasi dihentikan

Aset bukan semasa (atau pelupusan Kumpulan) diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan sekiranya amaun bawaannya dapat dipulihkan terutamanya melalui transaksi jualan berbanding dengan penggunaan berterusan. Syaratnya dianggap dipenuhi hanya apabila terdapat kemungkinan besar berlaku jualan dan aset tersedia untuk jualan segera berdasarkan keadaan sedia ada, pengurusan komited kepada jualan, dan jualan dijangka akan diselesaikan dalam tempoh satu tahun dari tarikh klasifikasi.

Sebaik sahaja sebelum sesuatu aset bukan semasa (atau pelupusan Kumpulan) diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, amaun bawaan aset bukan semasa itu (atau komponen pelunasan Kumpulan) diukur semula mengikut MFRS yang diterima pakai. Selepas itu, aset bukan semasa (atau pelupusan Kumpulan) diukur pada amaun bawaan dan nilai saksama tolak kos untuk dijual, yang mana lebih rendah.

Sebarang kerugian rosot nilai ke atas pelupusan Kumpulan, pada mulanya diperuntukkan kepada muhibah, dan kemudian kepada baki aset dan liabiliti secara pro rata, kecuali tiada kerugian diperuntukkan kepada aset kewangan, aset cukai tertunda dan hartanah pelaburan, yang terus dinilai menurut MFRS. Kerugian rosot nilai atas klasifikasi permulaan sebagai dipegang untuk jualan dan keuntungan atau kerugian seterusnya atau pengukuran semula diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan tidak diiktiraf melebihi apa-apa kerugian rosot nilai terkumpul.

Hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara tidak disusut nilai atau dilunaskan setelah diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan. Perakaunan ekuiti dalam syarikat-syarikat bersekutu terhenti sebaik sahaja syarikat-syarikat bersekutu diklasifikasikaan sebagai dipegang untuk jualan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxvii) Aset bukan semasa (atau pelupusan Kumpulan) dipegang untuk dijual dan operasi dihentikan (samb.)

Aset pelupusan Kumpulan layak dinyatakan sebagai operasi dihentikan sekiranya ianya adalah komponen dalam Kumpulan dan Bank yang telah dilupuskan atau diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual dan:

- mewakili bahagian utama perniagaan atau kawasan geografi operasi yang berasingan;
- adalah sebahagian daripada satu perancangan tersusun untuk melupuskan bahagian utama perniagaan atau kawasan geografi operasi yang berasingan; atau
- adalah syarikat subsidiari yang diperolehi dengan tujuan utama untuk penjualan semula.

Operasi dihentikan tidak termasuk dalam hasil dari operasi berterusan dan dinyatakan sebagai satu jumlah untung atau rugi selepas cukai daripada operasi dalam dihentikan penyata kewangan.

(xxviii) Modal saham and dividen yang diisytiharkan

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti apabila tidak ada kewajipan diberi untuk memindahkan tunai atau aset kewangan lain. Kos transaksi yang boleh diagihkan secara langsung dengan penerbitan saham ekuiti baru diambil kira dalam ekuiti sebagai potongan daripada hasil terbitan.

Dividen yang diisytiharkan ke atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dan ditolak daripada ekuiti dalam tempoh yang mana semua kelulusan yang berkaitan telah diperoleh. Dividen diisytiharkan atas saham biasa yang dipegang di bawah Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF") akan disingkirkan di peringkat Kumpulan.

(xxix) Aset dan liabiliti luar jangkaan

Aset luar jangkaan wujud apabila kejadian yang tak diduga atau dirancang yang menyebabkan peningkatan kepada kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi kepada Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank tidak mengiktiraf aset luar jangkaan tetapi menyatakan kewujudannya sekiranya aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak semestinya pasti.

Liabiliti luar jangkaan adalah kemungkinan tanggungan yang wujud daripada kejadian yang lepas, yang hanya boleh disahkan melalui perlakuan atau bukan perlakuan satu atau lebih kejadian masa depan yang tidak pasti dan bukan seluruhnya dalam kawalan Kumpulan atau Bank; atau adalah kewajipan semasa yang telah wujud disebabkan kejadian lampau yang tidak diiktiraf oleh kerana aliran keluar manfaat ekonomi yang tidak berkemungkinan diperlukan, atau jumlahnya tidak boleh dianggarkan dengan pasti. Kumpulan dan Bank tidak mengiktiraf liabiliti luar jangkaan.

Liabilti luar jangkaan dinyatakan, kecuali sekiranya kemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi adalah lipis.

(xxx) Pendapatan Sesaham

Kumpulan membentangkan pendapatan sesaham ("EPS") asas dan dicairkan (yang mana perlu) bagi untung atau rugi daripada operasi berterusan yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang biasa Bank dalam penyata pendapatan.

EPS asas dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank dengan purata berwajaran saham biasa yang diterbitkan sepanjang tempoh tahun tersebut.

EPS dicairkan dikira dengan membahagikan untung bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank dengan purata wajaran saham biasa yang diterbitkan sepanjang tempoh tahun tersebut, yang telah dilaraskan untuk semua kemungkinan pencairan saham biasa. Tiada pelarasan dibuat untuk kemungkinan anti-pencairan saham biasa.

Sekiranya wujud operasi dihentikan dilaporkan, Kumpulan membentangkan pendapatan sesaham asas dan dicairkan sesaham untuk operasi yang dihentikan dalam penyata kewangan.

(xxxi) Laporan segmen

Segmen operasi dilaporkan secara konsisten dengan laporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi ialah orang atau kumpulan yang meperuntukkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen-segmen operasi sesebuah entiti. Kumpulan telah melantik Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan sebagai ketua pembuat keputusan bagi operasinya.

Semua transaksi antara segmen perniagaan (hasil dan kos intra-segmen) disingkirkan di ibu pejabat. Pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan setiap segmen perniagaan disertakan dalam menentukan prestasi segmen perniagaan tersebut.

Kumpulan menyatakan maklumat segmen dalam Nota 58.

(xxxii) Wang yang dipegang dalam amanah melalui organisasi yang terlibat dalam Bursa Malaysia Securities Berhad ("FRSIC Konsensus 18")

FRSIC Konsensus 18 telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan ("FRSIC") dan dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia pada 18 September 2012. FRSIC Konsensus 18 telah diterima pakai dalam penyata kewangan Kumpulan ke atas wang-wang dalam akaun amanah yang dipegang oleh entiti-entiti dalam Kumpulan yang juga organisasi dalam Bursa Malaysia Securities Berhad atau ahli dalam bursa saham yang setaraf di negara masing-masing.

Dengan merujuk kepada FRSIC Konsensus 18, wang yang dipegang dalam amanah oleh organisasi tersebut adalah tidak diiktiraf sebagai sebahagian daripada aset-aset entiti dengan liabiliti yang berkaitan memandangkan entiti tersebut tidak memiliki kawalan atas wang amanah bagi memperolehi manfaat ekonomi masa hadapan yang termaktub dalam wang amanah tersebut atau mempunyai sebarang obligasi kontraktual atau berkanun terhadap para pelanggan mereka atas wang yang didepositkan ke dalam akaun amanah yang menyebabkan aliran keluar sumber yang mewakili manfaat ekonomi daripada entiti.

Kaedah perakaunan ini adalah konsisten dengan definisi aset dan liabiliti seperti yang diterangkan dalam Rangka Kerja Konsep untuk Laporan Kewangan di bawah Rangka Kerja MFRS.

Kumpulan telah menyatakan jumlah bawaan wang yang dipegang dalam amanah untuk pelanggan pada tarikh pelaporan di Nota 5.

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan

Pada 1 Januari 2014, Kumpulan dan Bank menerima pakai pindaan berikut dalam MFRS dan tafsiran IC yang mandatori bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014:

Keterangan	Berkuatkuasa pada awal atau selepas tempoh tahunan
MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* – Entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 10)	1 Januari 2014
MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain* – Entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 12)	1 Januari 2014
MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan* – Entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 127)	1 Januari 2014
MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Pembentangan* – Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (Pindaan kepada MFRS 132)	1 Januari 2014
MFRS 136 *Rosot nilai Aset* – Pendedahan Amaun Boleh Diperolehi Semula untuk Aset Bukan Kewangan (Pindaan kepada MFRS 136)	1 Januari 2014
MFRS 139 *Instrumen Kewangan*: *Pengiktirafan dan Pengukuran* – Novasi Derivatif dan Penyambungan Perakaunan Lindung Nilai (Pindaan kepada MFRS 139)	1 Januari 2014
IC Tafsiran 21 *Levi*	1 Januari 2014

Sifat dan kesan dari pindaan di atas terhadap piawaian dan tafsiran IC adalah diterangkan seperti berikut:

(i) MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* – Entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 10), MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain* (Pindaan kepada MFRS 12), MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan* – Entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 127)

Pindaan-pindaan ini memberikan pengecualian kepada keperluan penyatuan bagi entiti yang memenuhi definisi entiti pelaburan di bawah MFRS 10 dan perlu diaplikasikan secara retrospektif, tertakluk kepada pelepasan peralihan tertentu. Pengecualian untuk penyatuan memerlukan entiti pelaburan untuk mengakaunkan syarikat subsidiari pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Tiada sebarang entiti dalan Kumpulan termasuk Bank, layak dianggap sebagai entiti pelaburan di bawah MFRS 10. Oleh itu, penerimaan pindaan-pindaan di atas tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(ii) MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Pembentangan* – Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (Pindaan kepada MFRS 132)

Pindaan tersebut menerangkan tentang maksud "kini mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbang" dan kriteria untuk mekanisme penyelesaian bukan serentak bagi penyelesaian untuk kelayakan imbangan dan aplikasi retrospektif adalah diperlukan.

Dengan penerimaan pindaan tersebut, Kumpulan dan Bank telah menyatakan semula aset kewangan dan liabiliti kewangan tertentu dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank yang tidak menepati kriteria pengimbangan yang telah dilaporkan secara bersih pada 31 Disember 2013 dan 1 Januari 2013. Kesan klasifikasi semula telah dinyatakan dalam Nota 2.4(vi) dan Nota 2.4(vii).

(iii) MFRS 136 *Rosot nilai Aset* – Pendedahan Amaun Boleh Diperolehi Semula untuk Aset Bukan Kewangan (Pindaan kepada MFRS 136)

Pindaan ini memerlukan pendedahan amaun boleh diperolehi semula daripada aset atau CGU di mana kerugian rosot nilai telah diiktiraf atau dibalikkan dalam tempoh tersebut dan aplikasi restrospektif adalah diperlukan.

Pendedahan tambahan tersebut dinyatakan dalam Nota 20(a).

(iv) MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* - Novasi Derivatif dan Penyambungan Perakaunan Lindung Nilai (Pindaan kepada MFRS 139)

Pindaan ini memberikan pelepasan daripada pemberhentian perakaunan lindung nilai apabila novasi derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai memenuhi kriteria tertentu dan aplikasi retrospektif adalah diperlukan.

Kumpulan dan Bank tidak menyerahkan haknya sepanjang tahun kewangan semasa dan telah menilai novasi derivatif pada tahun-tahun sebelumnya tidak menepati kriteria yang diperlukan di bawah pindaan-pindaan ini. Penerimaan pindaan-pindaan ini tidak memberi kesan yang signifikan kepada penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

(v) IC Tafsiran 21 *Levi*

Tafsiran ini menjelaskan bahawa sesuatu entiti mengiktiraf liabiliti untuk levi apabila aktiviti yang mengakibatkan bayaran berlaku, menurut undang-undang yang relevan. Bagi levi yang terbit apabila mencapai ambang minimum, tafsiran menerangkan bahawa tiada liabiliti harus dianggarkan sebelum ambang minimum yang ditentukan telah dicapai. Aplikasi retrospektif adalah diperlukan. Kumpulan dan Bank telah menilai bahawa penerimaan tafsiran ini tidak memberi kesan terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

(vi) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan

Berikut adalah penyesuaian penyata kedudukan kewangan bagi (a) Kumpulan dan (b) Bank pada 1 Januari 2013 dan 31 Disember 2013:

(a)

Kumpulan	Pada 31.12.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya) RM'000	Nota 2.4(ii) RM'000	Pada 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya) RM'000	Nota 2.4(ii) RM'000	Pada 1.1.2013 (Dinyatakan semula) RM'000
Aset-aset						
Tunai dan dana jangka pendek	48,067,358	-	48,067,358	40,018,633	-	40,018,633
Deposit and penempatan dengan institusi-institusi kewangan	7,156,749	-	7,156,749	11,949,150	-	11,949,150
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	20,558	-	20,558	798,180	-	798,180
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	19,166,565	-	19,166,565	29,156,692	-	29,156,692
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	82,836,922	-	82,836,922	60,792,374	-	60,792,374
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	5,668,174	-	5,668,174	2,870,768	-	2,870,768
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	355,617,527	-	355,617,527	311,824,735	-	311,824,735
Aset derivatif	3,944,692	(560,992)	3,383,700	2,880,492	(459,360)	2,421,132
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	2,349,995	-	2,349,995	2,555,727	-	2,555,727
Aset-aset lain	8,505,918	436,550	8,942,468	6,680,257	305,120	6,985,377
Hartanah pelaburan	583,257	-	583,257	572,662	-	572,662
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	13,742,874	-	13,742,874	12,298,362	-	12,298,362
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	2,465,341	-	2,465,341	2,235,233	-	2,235,233
Hartanah, loji dan peralatan	2,614,309	-	2,614,309	2,402,821	-	2,402,821
Aset tidak ketara	6,041,056	-	6,041,056	6,531,336	-	6,531,336
Aset cukai tertunda	1,661,931	-	1,661,931	1,343,541	-	1,343,541
Jumlah aset	560,443,226	(124,442)	560,318,784	494,910,963	(154,240)	494,756,723

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(vi) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

Berikut adalah penyesuaian penyata kedudukan kewangan bagi (a) Kumpulan dan (b) Bank pada 1 Januari 2013 dan 31 Disember 2013 (samb.):

(a) Kumpulan (samb.)	Pada 31.12.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya) RM'000	Nota 2.4(ii) RM'000	Pada 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya) RM'000	Nota 2.4(ii) RM'000	Pada 1.1.2013 (Dinyatakan semula) RM'000
Liabiliti-liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	395,610,810	-	395,610,810	347,155,510	-	347,155,510
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	42,139,081	-	42,139,081	33,887,376	-	33,887,376
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	4,300,055	-	4,300,055	-	-	-
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	1,987,089	-	1,987,089	2,269,513	-	2,269,513
Liabiliti derivatif	3,937,380	(560,992)	3,376,388	2,376,979	(459,360)	1,917,619
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	21,800,139	-	21,800,139	21,928,872	-	21,928,872
Liabiliti-liabiliti lain	8,285,702	436,550	8,722,252	9,783,613	305,120	10,088,733
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	1,277,269	-	1,277,269	1,592,974	-	1,592,974
Peruntukan cukai dan zakat	836,527	-	836,527	1,051,798	-	1,051,798
Liabiliti cukai tertunda	639,285	-	639,285	674,872	-	674,872
Pinjaman	13,321,805	-	13,321,805	10,714,266	-	10,714,266
Tanggungan subordinat	12,644,576	-	12,644,576	13,510,041	-	13,510,041
Sekuriti modal	5,920,909	-	5,920,909	6,150,351	-	6,150,351
Jumlah liabiliti	512,700,627	(124,442)	512,576,185	451,096,165	(154,240)	450,941,925
Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti bank						
Modal saham	8,862,079	-	8,862,079	8,440,046	-	8,440,046
Premium saham	19,030,227	-	19,030,227	15,639,646	-	15,639,646
Saham dipegang dalam amanah	(107,248)	-	(107,248)	(102,405)	-	(102,405)
Keuntungan terkumpul	11,747,484	-	11,747,484	11,104,837	-	11,104,837
Rizab-rizab lain	6,464,865	-	6,464,865	7,013,234	-	7,013,234
	45,997,407	-	45,997,407	42,095,358	-	42,095,358
Kepentingan tidak dikawal	1,745,192	-	1,745,192	1,719,440	-	1,719,440
	47,742,599	-	47,742,599	43,814,798	-	43,814,798
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham	560,443,226	(124,442)	560,318,784	494,910,963	(154,240)	494,756,723

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(vi) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

Berikut adalah penyesuaian penyata kedudukan kewangan bagi (a) Kumpulan dan (b) Bank pada 1 Januari 2013 dan pada 31 Disember 2013 (samb.):

(b) Bank	Pada 31.12.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya) RM'000	Nota 2.4(ii) RM'000	Pada 31.12.2013 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya) RM'000	Nota 2.4(ii) RM'000	Pada 1.1.2013 (Dinyatakan semula) RM'000
Aset-aset						
Tunai dan dana jangka pendek	29,320,984	-	29,320,984	23,153,242	-	23,153,242
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	15,723,864	-	15,723,864	10,039,999	-	10,039,999
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	20,558	-	20,558	650,314	-	650,314
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	5,546,091	-	5,546,091	10,719,937	-	10,719,937
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	64,532,797	-	64,532,797	47,366,309	-	47,366,309
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	5,354,097	-	5,354,097	2,556,849	-	2,556,849
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	237,971,279	-	237,971,279	214,852,046	-	214,852,046
Aset derivatif	3,760,133	(560,992)	3,199,141	2,812,148	(459,360)	2,352,788
Aset-aset lain	5,319,437	387,437	5,706,874	2,713,063	231,402	2,944,465
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	7,327,996	-	7,327,996	6,888,916	-	6,888,916
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	19,505,514	-	19,505,514	17,634,469	-	17,634,469
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	451,518	-	451,518	456,512	-	456,512
Hartanah, loji dan peralatan	1,363,898	-	1,363,898	1,205,788	-	1,205,788
Aset tidak ketara	527,268	-	527,268	697,066	-	697,066
Aset cukai tertunda	1,053,598	-	1,053,598	810,015	-	810,015
Jumlah aset	397,779,032	(173,555)	397,605,477	342,556,673	(227,958)	342,328,715
Liabiliti-liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	273,670,380	-	273,670,380	237,402,079	-	237,402,079
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	37,582,577	-	37,582,577	29,198,776	-	29,198,776
Kewajipan ke atas aset kewangan dijual dibawah perjanjian belian balik	4,300,055	-	4,300,055	-	-	-
Bill-bil dan penerimaan belum bayar	1,442,612	-	1,442,612	1,553,312	-	1,553,312
Liabiliti derivatif	3,632,464	(560,992)	3,071,472	2,243,617	(459,360)	1,784,257
Liabiliti-liabiliti lain	9,485,349	387,437	9,872,786	8,645,423	231,402	8,876,825
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	656,293	-	656,293	687,793	-	687,793
Peruntukan cukai dan zakat	578,100	-	578,100	758,446	-	758,446
Pinjaman	9,318,389	-	9,318,389	7,382,719	-	7,382,719
Tanggungan subordinat	10,404,418	-	10,404,418	11,638,850	-	11,638,850
Sekuriti modal	6,208,623	-	6,208,623	6,150,351	-	6,150,351
Jumlah liabiliti	357,279,260	(173,555)	357,105,705	305,661,366	(227,958)	305,433,408
Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti bank						
Modal saham	8,862,079	-	8,862,079	8,440,046	-	8,440,046
Premium saham	19,030,227	-	19,030,227	15,639,646	-	15,639,646
Saham dipegang dalam amanah	(107,248)	-	(107,248)	(102,405)	-	(102,405)
Keuntungan terkumpul	3,478,214	-	3,478,214	4,179,482	-	4,179,482
Rizab-rizab lain	9,236,500	-	9,236,500	8,738,538	-	8,738,538
	40,499,772	-	40,499,772	36,895,307	-	36,895,307
Jumlah liabiliti and ekuiti pemegang-pemegang saham	397,779,032	(173,555)	397,605,477	342,556,673	(227,958)	342,328,715

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(vii) Kesan ke atas nisbah kecukupan modal

Berikut adalah kesan ke atas nisbah kecukupan modal bagi (a) Kumpulan dan (b) Bank pada 1 Januari 2013 dan pada 31 Disember 2013:

(a)

Kumpulan	Pada 31.12.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya)	Nota 2.4(ii)	Pada 31.12.2013 (Dinyatakan semula)	Pada 1.1.2013# (Seperti yang dinyatakan sebelumnya)	Nota 2.4(ii)	Pada 1.1.2013 (Dinyatakan semula)
Nisbah Modal CET1	11.253%	-	11.253%	10.969%	-	10.969%
Nisbah Modal Tahap 1	13.059%	-	13.059%	13.192%	-	13.192%
Jumlah Nisbah Modal	15.664%	-	15.664%	16.600%	0.001%	16.601%

(b)

Bank	Pada 31.12.2013 (Seperti yang dinyatakan sebelumnya)	Nota 2.4(ii)	Pada 31.12.2013 (Dinyatakan semula)	Pada 1.1.2013# (Seperti yang dinyatakan sebelumnya)	Nota 2.4(ii)	Pada 1.1.2013 (Dinyatakan semula)
Nisbah Modal CET1	15.925%	-	15.925%	17.244%	-	17.244%
Nisbah Modal Tahap 1	15.925%	-	15.925%	17.244%	-	17.244%
Jumlah Nisbah Modal	15.925%	-	15.925%	17.244%	-	17.244%

Dikira dengan merujuk kepada Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II - Aset Berwajaran Risiko) yang diterbitkan pada 28 November 2012.

2.5 Perubahan ketara dalam keperluan perundangan

(i) Pekeliling tentang Pengelasan dan Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan – Penyelenggaran Rizab Dikawal Selia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM")

Pada 4 Februari 2014, BNM mengeluarkan surat bagi meminta institusi-institusi perbankan untuk menetapkan, dengan agregat, peruntukan rosot nilai terkumpul dan rizab dikawal selia tidak kurang daripada 1.20% dari jumlah baki tertunggak pada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, peruntukan rosot nilai individu, menurut perenggan 13 dalam Dokumen Polisi BNM atas *Pengelasan dan Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan*.

Rizab dikawal selia ditetapkan sebagai tambahan kepada peruntukan rosot nilai terkumpul yang telah dinilai dan diikitiraf berdasarkan MFRS 139, dan ianya akan dipindahkan daripada keuntungan terkumpul ke rizab yang berasingan dalam ekuiti sebagai penyerap risiko kredit tambahan. Institusi-institusi perbankan diminta mematuhi peraturan baru ini sebelum 31 Disember 2015.

Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan telah memindahkan RM274.5 juta daripada keuntungan terkumpul kepada rizab dikawal selia bagi mematuhi keperluan BNM. Penerimaan awal keperluan ini tidak memberi sebarang kesan kepada untung atau rugi Kumpulan dan Bank. Rizab dikawal selia ini tidak diiktiraf sebagai Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1") dan Modal Tahap 1 di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal).

Maklumat seterusnya berkenaan rizab dikawal selia adalah dinyatakan dalam Nota 33(b).

(ii) Pengenalan mengenai Perundangan Terbaru tentang Cukai Barangan dan Perkhidmatan Malaysia ("GST").

Dalam Bajet Malaysia 2014, Kerajaan mengumumkan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") yang akan menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang sedia ada, bermula 1 April 2015.

Berdasarkan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014, sesiapa yang memiliki perniagaan dengan jualan tahunan melebihi RM500,000 perlu mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada atau sebelum 31 Disember 2014. Ia termasuk individu, milikan tunggal, perkongsian, syarikat, tabung amanah, hartanah, persatuan, kelab, atau organisasi lain termasuk jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan operasi membuat bekalan boleh cukai di Malaysia.

Entiti dalam Kumpulan Maybank yang memenuhi kriteria pendaftaran GST telah didaftarkan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Kumpulan kini dalam proses menambahbaik sistem teknologi maklumat, prosedur dan polisi bagi memastikan pematuhan undang-undang baru ini.

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN

Bagi menyediakan penyata kewangan pihak pengurusan Kumpulan dan Bank perlu membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap aplikasi polisi dan jumlah yang dilaporkan dalam pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti, pendedahan yang dinyatakan bersama dan pendedahan liabiliti luar jangkaan. Meskipun andaian dan pertimbangan dibuat berdasarkan pengetahuan pihak pengurusan tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berlainan. Penggunaan penilaian dan anggaran yang paling penting adalah seperti berikut:

3.1 Usaha Berterusan

Pihak Pengurusan Kumpulan dan Bank telah membuat penilaian terhadap kebolehan untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan dan yakin bahawa ianya memiliki sumber-sumber untuk mneneruskan perniagaan untuk tempoh akan datang. Selain itu, pihak pengurusan tidak mengetahui sekiranya wujud sebarang ketidaktentuan yang material dan boleh menimbulkan keraguan yang ketara terhadap kebolehan Kumpulan dan Bank untuk meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Oleh itu, penyata kewangan telah disediakan atas dasar usaha berterusan.

3.2 Rosot nilai portfolio pelaburan kewangan (Nota-nota 9, 10 dan 44)

Kumpulan dan Bank mengkaji pelaburan kewangan AFS dan HTM pada setiap tarikh pelaporan bagi menilai sama ada wujud sebarang bukti yang objektif bahawa pelaburannya mengalami rosot nilai. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan-pelaburan ini adalah tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Rosot nilai portfolio pelaburan kewangan (Nota-nota 9, 10 dan 44) (samb.)

Dalam menjalankan penilaian rosot nilai, pertimbangan pihak pengurusan yang berikut adalah diperlukan:

(i) Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti antara lain, penilaian pada nilai saksama yang berpanjangan, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan, dan:

(ii) Penentuan sama ada "ketara" atau "berpanjangan" memerlukan pertimbangan dan penilaian pengurusan terhadap pelbagai faktor, seperti sejarah pergerakan nilai saksama, tempoh dan tahap pengurangan pada nilai saksama.

3.3 Anggaran nilai saksama bagi aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 8), pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (Nota 9) dan instrumen kewangan derivatif (Nota 12)

Apabila nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak dapat diukur berdasarkan harga yang dinyatakan dalam pasaran aktif, nilai saksamanya diukur menggunakan teknik-teknik penilaian. Teknik-teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, model penetapan harga opsyen, model kredit dan model-model penilaian lain yang berkaitan.

Input bagi model-model ini adalah diambil daripada pasaran yang boleh dinilai sekiranya boleh, tetapi sekiranya ianya tidak boleh dilaksanakan dengan sedemikian, pertimbangan tertentu adalah diperlukan dalam menentukan nilai saksama. Sila rujuk Nota 52 untuk pendedahan selanjutnya.

3.4 Kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Nota 11 dan 43)

Kumpulan dan Bank mengkaji pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang ketara secara individu pada setiap tarikh pelaporan bagi menilai sama ada kerugian rosot nilai perlu direkodkan dalam penyata pendapatan. Secara khususnya, pertimbangan pengurusan adalah perlu dalam menganggarkan amaun dan tempoh aliran tunai masa hadapan dalam menentukan kerugian rosot nilai. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, Kumpulan dan Bank membuat pertimbangan mengenai keadaan kewangan peminjam atau kedudukan kewangan pelanggan dan nilai bersih cagaran yang boleh diperolehi. Anggaran-anggaran ini adalah berdasarkan andaian atas faktor-faktor tertentu dan keputusan sebenar mungkin berbeza dan menyebabkan perubahan masa hadapan ke atas peruntukan.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dinilai secara individu, tetapi tiada rosot nilai diperlukan dan semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan secara individu yang tidak ketara kemudiannya dinilai secara kolektif, dalam kumpulan aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama, bagi menetapkan sama ada peruntukan harus dibuat atas kerugian yang ditanggung yang mana terdapat bukti objektif tetapi kesannya masih belum kelihatan. Penilaian kolektif mengambil kira data daripada portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembayaran (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, dsb.) dan pertimbangan terhadap kesan penumpuan risiko (seperti prestasi Kumpulan-kumpulan individu yang berbeza).

3.5 Penilaian hartanah pelaburan (Nota 15)

Pengukuran nilai saksama bagi hartanah pelaburan diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang sama dan dilakukan oleh penilai bebas yang memegang kelayakan profesional yang diiktiraf dan berkaitan serta mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilaikan itu.

3.6 Rosot nilai pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari (Nota 17) dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama (Nota 18)

Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang pentunjuk bahawa pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

Sekiranya tanda-tanda itu wujud, aset-aset ini adalah tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

Penilaian rosot nilai ini meliputi perbandingan jumlah bawaan dan anggaran jumlah jangkaan pelaburan boleh dipulihkan.

Penilaian yang dibuat oleh pengurusan dalam menggunakan dasar-dasar perakaunan Kumpulan dalam aspek pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama adalah seperti berikut:

(i) Kumpulan menentukan sama ada pelaburannya mengalami rosot nilai berdasarkan tanda-tanda rosot nilai bawaan seperti antara lain perbezaan berpanjangan antara nilai pasaran dengan jumlah bawaan, perubahan ketara dengan kesan yang menjejaskan pelaburan dan prestasi kewangan pelaburan merosot disebabkan oleh perubahan yang diperhatikan dalam persekitaran ekonomi, dan

(ii) Bergantung kepada sifat dan lokasi pelaburan tersebut berkait dengan pertimbangan dibuat oleh pihak pengurusan untuk memilih kaedah penilaian yang sesuai seperti antara lain aliran tunai masa depan didiskaunkan atau anggaran nilai saksama berdasarkan harga pasaran yang dinyatakan dalam transaksi terkini.

Apabila kaedah penilaian yang sesuai telah dipilih, pengurusan membuat andaian tertentu berkenaan masa hadapan untuk menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan daripada pelaburan secara individu. Andaian–andaian ini dan lain-lain sumber ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material kepada jumlah bawaan pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan individu tersebut, andaian yang dibuat oleh pihak pengurusan mungkin melibatkan, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, nilai terminal, kadar diskaun yang digunakan untuk aliran tunai masa hadapan didiskaunkan yang mengambil kira risiko berkaitan dan jangkaan hasil masa depan berdasarkan arah aliran tertentu masa lalu.

<u>Kepekaan kepada perubahan dalam andaian</u>

Pengurusan percaya bahawa tiada perubahan yang dijangka secara munasabah terhadap andaian-andaian penting yang diterangkan di atas boleh menyebabkan jumlah bawaan pelaburan untuk melebihi dengan ketara jumlah boleh dipulihkan.

3.7 Rosot nilai muhibah (Nota 20(a))

Kumpulan mengkaji setiap tahun sama ada muhibah yang mempunyai jangka hayat yang tidak mengalami sebarang rosot nilai dengan mengukur jumlah muhibah yang boleh dipulihkan berdasarkan kaedah nilai dalam penggunaan, yang memerlukan penggunaan ramalan aliran tunai masa hadapan, kadar pertumbuhan terminal dan kadar diskaun. Perubahan kepada andaian yang digunakan oleh pihak pengurusan, terutamanya kadar diskaun dan nilai terminal, mungkin memberi kesan kepada keputusan penilaian rosot nilai.

3.8 Pelunasan aset tidak ketara lain (Nota 20(b) hingga (d))

Aset tidak ketara Kumpulan dan Bank yang boleh diasingkan dan dijual, dan mempunyai tempoh hayat terbatas dilunaskan sepanjang jangka hayat gunaannya. Penentuan anggaran hayat gunaan bagi aset-aset tidak ketara ini memerlukan pertimbangan pengurusan yang termasuk menganalisis keadaan persekitaran, industri dan amalan pasaran.

3.9 Cukai tertunda (Nota 27) dan cukai pendapatan (Nota 45)

Kumpulan dan Bank adalah tertakluk kepada cukai pendapatan dalam pelbagai bidang kuasa dan pertimbangan yang ketara adalah diperlukan dalam menganggarkan peruntukan untuk cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang cukai di mana keputusan akhir tidak akan ditetapkan sehingga kemudian. Liabiliti cukai adalah diiktiraf berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan perlu dibayar. Proses anggaran termasuk memperolehi nasihat mengenai cara pengendalian cukai sekiranya perlu. Sekiranya liabiliti akhir untuk cukai adalah berbeza dengan amaun yang telah direkodkan, perbezaan itu akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda bagi tempoh kewangan tersebut di mana anggaran tersebut dinilai semula atau liabiliti akhir ditetapkan.

Aset cukai tertunda dikenal pasti berkenaan dengan kerugian cukai hingga tahap yang ianya berkemungkinan bahawa keuntungan bercukai masa hadapan boleh diperolehi dimana ianya boleh digunakan untuk menangani kerugian tersebut. Pertimbangan adalah diperlukan bagi menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan bercukai masa hadapan, serentak dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

3.10 Liabiliti perniagaan insurans (Nota 23)

(a) Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga

Terdapat beberapa sumber ketidakpastian yang perlu diambil kira dalam anggaran liabiliti insurans hayat dan takaful keluarga.

Untuk kontrak-kontrak insurans hayat, andaian utama yang digunakan adalah berkaitan dengan kadar kematian, morbiditi, jangka hayat, perbelanjaan, kadar pengeluaran dan kadar diskaun. Anggaran-anggaran ini, diselaraskan apabila perlu menunjukkan risiko unik subsidiari insurans tersebut, memberikan asas bagi penilaian manfaat polisi masa depan yang belum dibayar.

Bagi sijil takaful keluarga, anggaran adalah dibuat bagi kematian masa hadapan, ketidakupayaan, kematangan, pulangan pelaburan menurut pengalaman subsidiari takaful tersebut. Dana takaful keluarga membuat anggaran jumlah kematian yang dijangka kepada jadual mortaliti yang diterima pakai, diselaraskan mengikut kesesuaian bagi menunjukkan pendedahan unik risiko dana tersebut. Anggaran jumlah kematian menentukan nilai kemungkinan manfaat masa hadapan yang perlu dibayar, yang mana akan difaktorkan bagi memastikan jaminan yang cukup oleh rizab, yang mana ianya dipantau untuk sumbangan semasa dan masa hadapan. Bagi sijil-sijil yang meliputi risiko berkaitan ketidakupayaan, anggaran dibuat berdasarkan pengalaman masa lepas yang terkini dan tren terbaru.

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN (SAMB.)

3.10 Liabiliti perniagaan insurans (Nota 23) (samb.)

(b) Perniagaan insurans am dan takaful am

Ketidakpastian utama dalam perniagaan insurans am dan takaful am timbul daripada peruntukan teknikal yang meliputi liabiliti premium/caruman dan liabiliti tuntutan. Asas penilaian liabiliti premium/caruman dan liabiliti tuntutan adalah dinyatakan dalam Nota 23(xxii).

Umumnya, liabiliti tuntutan adalah ditentukan berdasarkan pengalaman sejarah tuntutan, pengetahuan sedia ada tentang sesuatu peristiwa, terma dan syarat polisi yang berkaitan dan interpretasi terhadap keadaan. Kaitan yang lebih rapat adalah pengalaman degan kes yang serupa, tuntutan lampau, arah aliran pembangunan, perubah perundangan, keputusan kehakiman, keadaan ekonomi dan pengendalian tuntutan. Sesuatu yang boleh dipastikan adalah caruman masa depan yang sebenar dan liabiliti tuntutan tidak akan berkembang seperti mana yang dianggarkan dan berbeza berbanding unjuran.

3.11 Pelan manfaat ditentukan (Nota 24(a))

Kos untuk pelan manfaat ditentukan dan manfaat lain selepas bekerja dan nilai kini kewajipan pencen ditentukan melalui penilaian aktuari. Penilaian aktuari melibatkan pelbagai andaian yang mungkin berlainan daripada perkembangan sebenar di masa hadapan. Ini termasuk penentuan kadar diskaun, kadar jangkaan pulangan pelaburan, peningkatan gaji masa hadapan, kadar kematian, kadar peletakan jawatan dan peningkatan pencen pada masa hadapan. Disebabkan kerumitan penilaian tersebut dan sifatnya yang jangka panjang, kewajipan manfaat ditentukan adalah sangat sensitif kepada perubahan dalam andaian-andaian tersebut. Semua andaian adalah dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan.

Dalam menentukan kadar diskaun yang sesuai, pengurusan mempertimbangkan kadar faedah bon kerajaan yang berkualiti tinggi dalam matawang tersendiri dan kematangan diekstrapolasi sepadan dengan jangkaan tempoh kewajipan manfaat ditentukan.

Kadar kematian adalah berdasarkan jadual mortaliti bagi negara-negara tertentu. Kenaikan gaji masa hadapan dan kenaikan pencen adalah berdasarkan jangkaan kadar inflasi masa hadapan bagi negara-negara tersebut.

Maklumat lanjut mengenai andaian yang digunakan, termasuk analisis sensitiviti, dinyatakan dalam Nota 24(a)(iv).

3.12 Entiti berstruktur dianggap dikawal (Nota 62(b))

Kumpulan telah menetapkan sejumlah dana pendapatan tetap dan dana ekuiti, di mana ianya dianggap sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen dalam peranannya sebaga pengurus pelaburan dana bagi dana tersebut. Oleh itu, Kumpulan dianggap mengawal dan menyatukan entiti-entiti ini berdasarkan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2.

4. PIAWAIAN DAN PENAMBAHBAIKAN TAHUNAN KEPADA PIAWAIAN YANG DITERBITKAN TETAPI BELUM BERKUAT KUASA

Berikut adalah piawaian dan penambahbaikan tahunan kepada piawaian yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB"), tetapi belum berkuat kuasa, sehingga tarikh penerbitan penyata kewangan Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank bercadang untuk menerima piawaian-piawaian dan penambahbaikan tahunan kepada piawaian, jika berkenaan, apabila ianya berkuat kuasa:

Huraian	Berkuatkuasa pada awal atau selepas tempoh tahunan
MFRS 9 *Instrumen Kewangan* (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014)	1 Januari 2018
MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha sama (Pindaan pada MFRS 10)	1 Januari 2016
MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* – Entiti Pelaburan: Aplikasi Pengecualian Penyatuan (Pindaan kepada MFRS 10)	1 Januari 2016
MFRS 11 *Pengaturan Bersama* – Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama (Pindaan kepada MFRS 11)	1 Januari 2016
MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain* – Entiti Pelaburan: Aplikasi Pengecualian Penyatuan (Pindaan kepada MFRS 12)	1 Januari 2016
MFRS 14 *Akaun Tertunda Dikawalselia*	1 Januari 2016
MFRS 15 *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*	1 Januari 2017
MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan* – Inisiatif Pendedahan (Pindaan kepada MFRS 101)	1 Januari 2016
MFRS 116 *Hartanah, Loji dan Peralatan* – Penjelasan terhadap Kaedah yang Diterima Pakai untuk Susut nilai dan Pelunasan (Pindaan kepada MFRS 116)	1 Januari 2016
MFRS 116 *Hartanah, Loji dan Peralatan* – Pertanian: Tumbuhan Berbuah (Pindaan kepada MFRS 116)	1 Januari 2016
MFRS 119 *Manfaat Pekerja* – Pelan Manfaat Ditentukan: Caruman Pekerja (Pindaan kepada MFRS 119)	1 Julai 2014
MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan* – Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan (Pindaan kepada MFRS 127)	1 Januari 2016
MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama* – Jualan atau Sumbangan Aset-aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya, atau Usaha sama (Pindaan kepada MFRS 128)	1 Januari 2016
MFRS 128 *Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama* – Entiti Pelaburan: Aplikasi Pengecualian Penyatuan (Pindaan kepada MFRS 128)	1 Januari 2016
MFRS 138 *Aset Tidak Ketara* – Penjelasan terhadap Kaedah Yang Diterima Pakai untuk Susut nilai dan Pelunasan (Pindaan Kepada MFRS 138)	1 Januari 2016
MFRS 141 *Pertanian* - Pertanian: Tumbuhan Berbuah (Pindaan kepada MFRS 141)	1 Januari 2016
Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2010 - 2012	1 Julai 2014
Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2011 - 2013	1 Julai 2014
Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2012 - 2014	1 Januari 2016

MFRS 9 Instrumen Kewangan

Pada Julai 2014, Lembaga Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") mengeluarkan versi terkini bagi IFRS 9 *Instrumen Kewangan* yang mencerminkan semua fasa dalam projek instrumen kewangan dan menggantikan IAS 39 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan versi-versi IFRS 9 terdahulu. Piawaian tersebut memperkenalkan keperluan-keperluan baru bagi pengklasifikasian dan pengukuran, rosot nilai dan perakaunan lindung nilai. IFRS 9 adalah efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, dengan aplikasi awal dibenarkan. Aplikasi retrospektif adalah diperlukan, tetapi pernyataan semula maklumat perbandingan adalah tidak wajib. Aplikasi awal bagi versi lampau IFRS 9 (2009, 2010 and 2013) adalah dibenarkan jika tarikh aplikasi pertama adalah sebelum 1 Februari 2015.

MFRS 9 telah diterbitkan oleh MASB berkenaan dengan penggunaannya di Malaysia. Ianya bersamaan dengan IFRS 9 yang dikeluarkan oleh IASB, termasuk tarikh-tarikh efektif dan pengeluaran. Bahagian-bahagian yang dijangka memberi kesan yang ketara daripada aplikasi MFRS 9 adalah diringkaskan seperti berikut:

(i) Klasifikasi dan pengukuran

Klasifikasi dan pengukuran aset kewangan adalah ditetapkan atas asas sifat-sifat aliran tunai kontraktual dan objektif model perniagaan yang berkaitan dengan pegangan aset. Antara perubahan-perubahan utama termasuk:

- Kategori aset dipegang hingga matang ("HTM") dan tersedia untuk dijual ("AFS") akan dikeluarkan;
- Kategori aset baru diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") adalah diperkenalkan. Ini terpakai bagi instrumen hutang dengan sifat-sifat aliran tunai kontraktual yang hanya adalah bayaran untuk prinsipal dan faedah dan dipegang dalam satu modal yang mana objektifnya dicapai dengan dengan mengumpulkan aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan;
- Kategori aset baru untuk pelaburan ekuiti bukan urus niaga diukur pada FVOCI adalah diperkenalkan; dan
- Klasifikasi untuk liabiliti kewangan akan kekal dan tidak berubah melainkan keuntungan atau kerugian nilai saksama diagihkan pada perubahan dalam 'risiko kredit sendiri' untuk liabiliti kewangan yang ditetapkan dan diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi untuk dinyatakan dalam pendapatan komprehensif yang lain.

Penggunaan MFRS 9 akan memberi kesan terhadap klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Kumpulan dan Bank, dan mungkin tidak memberi kesan atas klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

4. PIAWAIAN DAN PENAMBAHBAIKAN TAHUNAN KEPADA PIAWAIAN YANG DITERBITKAN TETAPI BELUM BERKUAT KUASA (SAMB.)

MFRS 9 *Instrumen Kewangan* (samb.)

(ii) Rosot nilai

Keperluan rosot nilai MFRS 9 adalah berdasarkan modal jangkaan kerugian kredit ("ECL") yang menggantikan model kerugian tanggungan di bawah piawaian perakaunan semasa. Kumpulan dan Bank secara amnya diperlukan untuk mengiktiraf ECL sama ada untuk 12-bulan atau seumur hidup, bergantung kepada sama ada wujud peningkatan awal yang signifikan dalan risiko kredit sejak pengiktirafan pertama. Model ECL akan diaplikasikan kepada aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan atau pada FVOCI, komitmen pinjaman tidak boleh ditarik balik dan kontrak jaminan kewangan, yang termasuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan instrumen pinjaman yang dipegang oleh Kumpulan atau Bank. MFRS 9 akan mengubah metodologi semasa Kumpulan dan Bank dalam mengira peruntukan untuk rosot nilai, terutama sekali bagi penilaian dan peruntukan individu dan kolektif.

(iii) Perakaunan lindung nilai

Keperluan untuk perakaunan lindung nilai umum telah dipermudahkan untuk ujian lindung nilai efektif dan mungkin akan menyebabkan lebih banyak penetapan bagi item lindung nilai untuk tujuan perakaunan.

Kumpulan dan Bank adalah dalam proses menilai kesan kewangan dalam menerima piawaian baru.

MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha sama (Pindaan kepada MFRS 10) dan MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama* – Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha sama (Pindaan kepada MFRS 128)

Pindaan ini memerlukan perolehan penuh diiktiraf apabila aset–aset tersebut dipindahkan kepada syarikat bersekutu atau usaha sama memenuhi definisi perniagaan menurut definisi dalam MFRS 3 *Penggabungan Perniagaan*. Sebarang keuntungan atau kerugian yang dipindahkan kepada syarikat bersekutu dan usaha sama yang tidak menepati definisi sesebuah perniagaan hanya akan diiktiraf ke tahap milikan pelabur tersebut dalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Pindaan diaplikasikan secara prospektif akan efektif pada tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan aplikasi awal dibenarkan. Kumpulan dan Bank tidak mengandaikan kesan signifikan kepada penyata kewangan atas penerimaan pindaan-pindaan tersebut.

MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* – Entiti Pelaburan: Mengaplikasikan Pengecualian Penyatuan (Pindaan pada MFRS 10), MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti-Entiti Lain* – Entiti Pelaburan: Mengaplikasikan Pengecualian Penyatuan (Pindaan kepada MFRS 12) dan MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama* – Entiti Pelaburan: Mengaplikasikan Pengecualian Penyatuan (Pindaan kepada MFRS 128)

Pindaan-pindaan ini menunjukkan tiga isu yang wujud dalam perlakuan aplikasi pengecualian penyatuan entiti pelaburan.

- Pindaan-pindaan kepada MFRS 10 menjelaskan bahawa pengecualian daripada mempersembahkan penyata kewangan disatukan dikenakan kepada entiti induk yang merupakan syarikat subsidiari kepada entiti pelaburan, apabila entiti pelaburan mengukur semua syarikat subsidiarinya pada nilai saksama. Ianya juga menjelaskan yang hanya syarikat subsidiari yang bukan entiti pelaburan itu sendiri dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada entiti pelaburan adalah disatukan. Semua syarikat subsidiari yang ianya sendiri adalah entiti pelaburan diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.
- Pindaan kepada MFRS 12 menerangkan bahawa aplikasi piawaian tersebut kepada entiti pelaburan. Sesuatu entiti pelaburan yang menyediakan penyata kewangan dimana semua syarikat subsidiarinya diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, adalah diminta membentangkan pendedahan berkenaan dengan entiti pelaburan seperti yang diperlukan dalam MFRS 12.
- Pindaan kepada MFRS 128 membenarkan sesuatu entiti yang ianya sendiri bukan entiti pelaburan, dan memilki kepentingan dalam sesebuah entiti pelaburan bersekutu atau usaha sama, untuk mengekalkan pengukuran nilai saksama yang diaplikasikan oleh syarikat bersekutu atau usaha sama entiti pelaburan kepada kepentingannya dalam syarikat subsidiari.

Pindaan-pindaan diaplikasikan secara retrospektif yang akan efektif bagi tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan aplikasi awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Bank tidak menjangka kesan yang signifikan kepada penyata kewangan atas penerimaan pindaan-pindaan tersebut.

MFRS 11 *Pengaturan Bersama* – Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama (Pindaan kepada MFRS 11)

Pindaan-pindaan ini memerlukan pengendali akaun bersama bagi pengambilalihan sesuatu kepentingan dalam operasi bersama, di mana aktiviti operasi bersama membentuk satu perniagaan, mesti mengaplikasikan prinsip MFRS 3 yang relevan untuk perakaunan penggabungan perniagaan gabungan dan MFRS lain yang tidak bercanggah dengan MFRS 11. Ianya juga menerangkan bahawa kepentingan masa lalu yang dipegang dalam operasi bersama tidak diukur semula dalam pengambilalihan kepentingan tambahan dalam operasi bersama yang sama ketika kawalan bersama masih kekal. Tambahan pula, satu skop pengecualian telah disertakan dalam MFRS 11 untuk menyatakan bahawa pindaan-pindaan ini tidak berkaitan apabila pihak-pihak yang berkongsi kawalan bersama, termasuk entiti yang melaporkan, adalah di bawah kawalan umum satu parti yang sama. Pindaan-pindaan ini terpakai untuk pengambilalihan kepentingan pertama dalam operasi bersama dan juga pengambilalihan kepentingan tambahan lain dalam operasi bersama yang sama, yang mana aktiviti operasi bersama itu membentuk satu perniagaan. Pindaan yang diaplikasikan secara prospektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Bank tidak menjangka kesan signifikan kepada penyata kewangan atas penerimaan pindaan-pindaan ini.

MFRS 14 *Akaun Tertunda Dikawalselia*

MFRS 14 adalah piawaian pilihan yang membenarkan sesuatu entiti yang mana aktivitinya adalah tertakluk kepada kadar-peraturan, bagi meneruskan aplikasi dasar perakaunan sedia ada untuk baki akaun tertunda dikawalselia atas penggunaan MFRS. Entiti-entiti yang menggunakan MFRS 14 mesti membentangkan akaun-akaun tertunda dikawalselia sebagai barisan yang berasingan dalam penyata kedudukan perakaunan dan pergerakan terkini baki-baki akaun ini sebagai barisan yang berasingan dalam penyata pendapatan dan pendapatan komprehensif lain. Piawaian ini memerlukan pendedahan terhadap sifat, dan risiko yang berkaitan dengan kadar-peraturan entiti tersebut dan kesan kadar-peraturan tersebut ke atas penyata-penyata kewangan. MFRS 14 adalah berkuatkuasa pada tempoh tahunan bermula pada atau sebelum 1 Januari 2016. Memandangkan Kumpulan dan Bank adalah penyedia MFRS sedia ada, piawaian ini tidak digunakan.

MFRS 15 *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*

MFRS 15 telah diterbitkan pada bulan Mei 2014 dan menetapkan modal lima-langkah baru yang akan diaplikasikan kepada hasil yang dijana daripada kontrak dengan pelanggan. Di bawah MFRS 15 hasil diiktiraf pada amaun yang menunjukkan pertimbangan yang dijangka oleh entiti bagi pertukaran barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Prinsip-prinsip dalam MFRS 15 menyediakan pendekatan yang lebih berstruktur bagi pengukuran dan pengiktiran hasil. Piawaian hasil baru ini adalah digunapakai kepada semua entiti dan akan menggantikan semua keperluan pengiktiran hasil semasa dibawah MFRS. Sama ada aplikasi retrospektif penuh atau diubahsuai adalah diperlukan bagi tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2017, dengan penerimaan awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Bank adalah dalam proses menilai kesan kewangan bagi penggunaan piawaian baru itu.

MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan* – Inisiatif Pendedahan (Pindaan kepada MFRS 101)

Pindaan ini adalah sebahagian daripada inisiatif utama untuk menambahbaik keperluan pendedahan dalam penyata kewangan MFRS. Pindaan ini termasuk peningkatan tumpuan-sempit dalam lima bidang yang berikut:

(i) Materialiti

Pindaan ini menerangkan bahawa sesuatu entiti tidak boleh mengurangkan tahap pemahaman penyata-penyata kewangannya dengan mengaburkan maklumat material dengan maklumat bukan penting atau dengan mengaggregatkan item material yang mempunyai sifat atau fungsi yang berbeza-beza. Ia juga memberi semula penekanan bahawa, apabila sesuatu piawaian memerlukan pendedahan yang spesifik, maklumat tersebut mestilah dinilai bagi memastikan sama ada ianya material dan, sebagai akibatnya, sama ada persembahan atau pendedahan maklumat tersebut adalah diperlukan.

(ii) Pengasingan dan jumlah kecil

Pindaan tersebut menerangkan yang item-item yang spesifik dalam penyata-penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain dan penyata kedudukan kewangan boleh diasingkan.

Ia juga memperkenalkan keperluan bagi bagaimana sesuatu entiti perlu membentangkan Jumlah kecil tambahan (tambahan kepada yang diperlukan dalam MFRS) dalam penyata-penyata untung dan rugi dan pendapatan komprehensif lain dan penyata kedudukan kewangan, dimana pembahagian tambahan tersebut mestilah:

- Terdiri daripada item-item yang terdiri daripada amaun-amaun yang diiktiraf dan diukur berdasarkan MFRS;
- Dibentangkan dan dilabelkan dengan keadaan yang menunjukkan item-item yang menunjukkan jumlah kecil tersebut jelas dan mudah difahami;

4. PIAWAIAN DAN PENAMBAHBAIKAN TAHUNAN KEPADA PIAWAIAN YANG DITERBITKAN TETAPI BELUM BERKUAT KUASA (SAMB.)

MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan* – Inisiatif Pendedahan (Pindaan pada MFRS 101) (samb.)

Pindaan ini adalah sebahagian daripada inisiatif utama untuk menambahbaik keperluan pendedahan dalam penyata kewangan MFRS. Pindaan ini termasuk peningkatan tumpuan-sempit dalam lima bidang yang berikut (samb.):

(ii) Pengasingan dan jumlah kecil (samb.)

- Konsisten dari tempoh ke tempoh; dan
- Tidak dipaparkan dengan lebih menonjol daripada jumlah kecil dan jumlah yang ditentukan dalam MFRS untuk penyata kedudukan kewangan atau penyata-penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain.

Bagi jumlah kecil tambahan yang dibentangkan dalam penyata-penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain, entiti itu perlu item-item garisan yang menyesuaikan sebarang jumlah kecil dengan jumlah kecil dan jumlah yang diperlukan oleh MFRS dalam penyata tersebut.

(iii) Struktur nota

Pindaan-pindaan berikut menjelaskan bahawa entiti-entiti memiliki fleksibiliti tentang susunan persembahan nota-nota penyata kewangan, tetapi juga menekankan yang kebolehfahaman dan perbandingan perlu diambilkira sewaktu menentukan susunan tersebut.

Contoh-contoh penyusunan sistematik atau pengumpulan nota termasuk:

- Menonjolkan bahagian-bahagian yang mana aktiviti-aktivitinya dianggap oleh entiti sebagai paling relevan kepada pemahaman prestasi dan kedudukan kewangannya;
- Pengelompokan bersama maklumat tentang item-item yang diukur dengan cara yang seakan sama, seperti aset diukur pada nilai saksama; atau
- Mengikut susunan item-item garisan dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain dan penyata kedudukan kewangan, sama seperti susunan yang dinyatakan dalam para semasa 114 dalam MFRS 101.

(iv) Pendedahan dasar-dasar perakaunan

Pindaan mengeluarkan contoh-contoh dasar-dasar perakaunan yang signifikan dalam para semasa 20 dalam MFRS 101, i.e. dasar perakaunan cukai pendapatan dan dasar perakaunan matawang asing, kerana ianya dikira tidak membantu dalam menggambarkan dasar-dasar perakaunan yang sebenar.

(v) Persembahan item-item dalam Pendapatan Komprehensif Lain ("OCI") yang berasal daripada pelaburan diakaunkan dalam ekuiti

Pindaan tersebut menjelaskan bahawa bahagian OCI dalam syarikat bersekutu dan usaha sama yang diambilkira dengan penggunaan kaedah ekuiti mesti dipersembahkan dalam agregat sebagai item garis tunggal, diklasifikasikan antara item-item yang akan atau tidak akan kemudiannya diklasifikasikan semula ke penyata pendapatan.

Pindaan tersebut boleh digunapakai untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penggunaan awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Bank tidak menjangka kesan yang signifikan kepada penyata kewangan selepas penerimaan pindaan-pindaan tersebut.

MFRS 116 *Hartanah, Loji dan Peralatan* – Penjelasan terhadap Kaedah yang Diterimapakai untuk Susut Nilai dan Pelunasan (Pindaan kepada MFRS 116) dan MFRS 138 *Aset Tidak Ketara* – Penjelasan tentang Kaedah yang Diterimapakai untuk Susut Nilai dan Pelunasan (Pindaan kepada MFRS 138)

Pindaan-pindaan tersebut menerangkan tentang prinsip dalam MFRS 116 dan MFRS 138 yang pendapatan menunjukkan corak manfaat ekonomi yang dijana daripada operasi perniagaan (yang mana aset tersebut adalah sebahagian daripadanya) berbanding dengan manfaat ekonomi yang digunakan menerusi penggunaan aset tersebut. Akibatnya, kaedah berasaskan hasil tidak boleh digunakan untuk menyusutnilai hartanah, loji dan peralatan dan hanya boleh digunakan dalam keadaan-keadaan yang terhad bagi melunaskan aset-aset tidak ketara. Pindaan-pindaan tersebut adalah efektif secar prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penggunaan awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Bank tidak menjangkakan sebarang kesan kepada penyata kewangan selepas penerimaan pindaan-pindaan tersebut memandangkan Kumpulan dan Bank tidak menggunakan kaedah berasaskan hasil bagi susut nilai aset-aset bukan semasa.

MFRS 116 *Hartanah, Loji dan Peralatan* – Pertanian; Tumbuhan Berbuah (Pindaan kepada MFRS 116) dan MFRS 141 *Pertanian* – Pertanian: Tumbuhan Berbuah (Pindaan kepada MFRS 141)

Pindaan-pindaan tersebut mengubah keperluan perakaunan bagi aset-aset biologi yang memenuhi definisi loji pembawaan. Dibawah pindaan-pindaan ini, aset-aset biologi yang memenuhi definisi loji-loji aset tidak lagi berada dalam lingkungan skop MFRS 141. Sebaliknya, MFRS 116 akan digunakan. Setelah pengiktiran awal, loji pembawaan akan diukur dibawah MFRS 116 pada kos terkumpul (sebelum matang). Pindaan-pindaan ini juga menetapkan bahawa pengeluaran yang dibuat di loji pembawaan akan kekal di bawah skop MFRS 141 dikira pada nilai saksama selepas kos jualan. Bagi geran kerajaan berkaitan loji-loji bawaan, MFRS 120 *Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan bagi Bantuan Kerajaan* akan digunapakai. Pindaan-pindaan ini adalah efektif secara retrospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016 dengan penggunaan awal dibenarkan. Kumpulan dan Bank tidak menjangkakan sebarang kesan kepada penyata kewangan selepas penerimaan pindaan-pindaan tersebut memandangkan Kumpulan dan Bank tidak memiliki loji pembawaan.

MFRS 119 *Manfaat Pekerja* – Pelan Manfaat Ditentukan: Caruman Pekerja (Pindaan kepada MFRS 119)

Pindaan-pindaan kepada MFRS 119 memerlukan sebuah entiti untuk mengambil kira caruman pekerja atau pihak ketiga apabila mengakaunkan pelan manfaat ditentukan. Di mana caruman tersebut berkaitan dengan perkhidmatan, ianya harus dikaitkan dengan tempoh-tempoh perkhidmatan sebagai manfaat negatif. Pindaan-pindaan tersebut menerangkan bahawa, sekiranya amaun-amaun caruman tersebut adalah bebas daripada jumlah tahun perkhidmatan, entiti itu dibenarkan untuk mengiktiraf caruman tersebut sebagai pengurangan dalam kos perkhidmatan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan telah diberikan, dan bukan mengaitkan caruman tersebut pada tempoh perkhidmatan. Pindaan-pindaan tersebut adalah efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014. Kumpulan tidak menjangkakan sebarang kesan kepada penyata kewangan selepas penerimaan pindaan-pindaan tersebut.

MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan* – Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan (Pindaan kepada MFRS 127)

Pindaan-pindaan tersebut akan membenarkan entiti-entiti untuk menggunakan kaedah ekuiti untuk akaun pelaburan dalam syarikat subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan mereka. Entiti-entiti yang sedang menggunakan MFRS dan memilih untuk bertukar kepada kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingan perlu mengaplikasikan pertukaran tersebut secara retrospektif. Bagi pengguna MFRS pertama kali, yang memilih untuk menggunakan kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingannya, mereka perlu mengaplikasikan kaedah ini dari tarikh pertukaran ke MFRS. Pindaan-pindaan ini adalah efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penggunaan awal dibenarkan. Pindaan-pindaan ini tidak akan memberi kesan kepada penyata kewangan disatukan Kumpulan dan Bank tidak menjangkakan sebarang kesan kepada penyata kewangan selepas penerimaan pindaan-pindaan tersebut.

Penambahbaikan tahunan kepada MFRS

(a) Pindaan-pindaan tersebut adalah efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014 dengan penggunaan awal adalah dibenarkan:

<u>Penambahbaikan tahunan kepada MFRS kitaran 2010-2012</u>

(i) MFRS 2 *Bayaran berasaskan Saham*

Penambahbaikan diaplikasikan secara prospektif dan menjelaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan definisi prestasi dan syarat perkhidmatan, yang mana ialah keadaan letak hak, iaitu:

- Keadaan prestasi mesti mengandungi syarat perkhidmatan;
- Sasaran prestasi mesti dicapai ketika pihak lain menyediakan perkhidmatan;
- Sasaran prestasi mungkin berkaitan dengan operasi tersebut atau aktiviti-aktiviti sesuatu entiti, atau entiti lain di dalam Kumpulan yang sama;
- Keadaan prestasi mungkin merupakan keadaan pasaran atau bukan pasaran; dan
- Sekiranya pihak berkaitan gagal menyediakan perkhidmatan, tidak kira apa sebabnya, ketika tempoh letak hak, syarat perkhidmatan adalah tidak dipenuhi.

Pindaan adalah efektif untuk transaksi bayaran berasaskan saham di mana tarikh penganugerahan adalah pada atau selepas 1 Julai 2014.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

4. PIAWAIAN DAN PENAMBAHBAIKAN TAHUNAN KEPADA PIAWAIAN YANG DITERBITKAN TETAPI BELUM BERKUAT KUASA (SAMB.)

Penambahbaikan tahunan kepada MFRS (samb.)

(a) Pindaan-pindaan tersebut adalah efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014 dengan penggunaan awal adalah dibenarkan (samb.):

Penambahbaikan tahunan kepada MFRS kitaran 2010-2012 (samb.)

(ii) MFRS 3 *Penggabungan Perniagaan*

Pindaan kepada MFRS 3 adalah digunapakai secara prospektif dan ianya menjelaskan apabila pertimbangan luar jangka memenuhi definisi instrumen kewangan, klasifikasinya sebagai liabiliti atau ekuiti adalah ditentukan melalui rujukan kepada MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Pembentangan*. Pindaan ini juga menjelaskan yang pertimbangan luar jangka yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti patut kemudiannya diukur pada nilai saksama menerusi untung atau rugi pada setiap tarikh pelaporan (sama ada ianya tergolong dalam skop MFRS 9 atau MFRS 139, yang mana berkenaan) dan perubahan pada nilai saksama perlu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Pindaan ini adalah efektif bagi gabungan perniagaan yang mana tarikh ambil alih adalah pada atau selepas 1 Julai 2014.

(iii) MFRS 8 *Segmen Operasi*

Pindaan kepada MFRS 8 adalah digunapakai secara retrospektif dan menjelaskan bahawa:

- Entiti perlu mendedahkan pertimbangan yang dibuat oleh pengurusan dalam menggunapakai kriteria aggregrasi dalam perenggan 12 di MFRS 8, termasuk penerangan ringkas mengenai Segmen Operasi yang telah diaggregat dan ciri-ciri ekonomi (e.g. margin jualan dan kasar) yang digunakan untuk menilai sama ada segmen-segmen adalah "sama"; dan
- Pelarasan aset-aset segmen kepada jumlah aset hanyalah perlu dinyatakan sekiranya pelarasan itu dilaporkan kepada ketua pembuat keputusan operasi, sama seperti pendedahan yang diperlukan untuk segmen liabiliti.

(iv) MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*

Pindaan ini berkait dengan Asas IASB untuk Kesimpulan yang bukan sebahagian daripada Piawaian. Asas untuk Kesimpulan menerangkan bahawa apabila IASB menerbitkan IFRS 13, ianya tidak mengeluarkan kebolehan praktikal untuk mengukur belum terima dan belum bayar jangka pendek yang tidak meletakkan kadar faedah pada jumlah invois tanpa diskaun, jika kesan diskaun adalah tidak ketara.

(v) MFRS 116 *Hartanah, Loji dan Peralatan* dan MFRS 138 *Aset Tidak Ketara*

Pindaan-pindaan tersebut digunapakai secara retrospektif dan menjelaskan yang aset boleh dinilai semula dengan merujuk kepada data boleh diperhatikan sama ada atas nilai bawaan kasar atau bersih. Tambahan pula, susut nilai atau pelunasan terkumpul adalah perbezaan antara nilai bawaan kasar dan nilai bawaan aset selepas mengambilkira kerugian rosot nilai terkumpul.

(vi) MFRS 124 *Pendedahan Pihak Berkaitan*

Pindaan-pindaan kepada MFRS 124 adalah digunapakai secara retrospektif dan menerangkan bahawa entiti pengurusan (entiti yang menyediakan perkhidmatan ahli pengurusan utama) adalah pihak berkaitan dan tertakluk kepada pendedahan pihak berkaitan. Tambahan pula, sesuatu entiti yang menggunakan entiti pengurusan perlu mendedahkan perbelanjaan yang dikenakan untuk perkhidmatan pengurusan.

Penambahbaikan tahunan MFRS kitaran 2011 - 2013

(i) MFRS 1 *Penggunaan Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia*

Piawaian ini berkaitan kepada Asas untuk Rumusan MASB yang bukan sebahagian daripada Piawaian. Asas untuk Rumusan menjelaskan bahawa pengguna pertama kali adalah dibenarkan tetapi tidak diwajibkan untuk menggunakan piawaian yang baru atau disemak semula yang belum lagi mandatori tetapi sudah tersedia untuk penggunaan awal.

(ii) MFRS 3 *Penggabungan Perniagaan*

Pindaan kepada MFRS 3 digunapakai secara prospektif dan menjelaskan skop pengecualian dalam MFRS 3 bahawa:

- Pengaturan bersama, bukan sahaja usaha sama, adalah di luar skop MFRS 3; dan
- Pengecualian skop ini digunapakai kepada perakaunan dalam penyata kewangan bagi pengaturan bersama itu sendiri.

(iii) MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*

Pindaan kepada MFRS 13 adalah digunapakai secara prospektif dan ianya menjelaskan bahawa skop pengecualian portfolio dalam MFRS 13 adalah termasuk semua kontrak yang dikira dalam skop MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* atau MFRS 9 *Instrumen Kewangan*, tidak kira sama ada ianya menepati definisi aset atau liabiliti kewangan seperti yang dinyatakan dalam MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Pembentangan*.

(iv) MFRS 140 *Hartanah Pelaburan*

Pindaan kepada MFRS 140 adalah digunapakai secara prospektif dan ianya dijelaskan bahawa penentuan samaada pengambilalihan hartanah pelaburan menepati definisi gabungan perniagaan seperti yang dinyatakan dalam MFRS 3 dan juga hartanah pelaburan seperti yang dinyatakan dalam MFRS 140 memerlukan penggunaan berbeza bagi kedua-dua piawaian dan bebas daripada satu sama lain.

(b) Pindaan-pindaan berikut adalah efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016 dengan penggunaan awal adalah dibenarkan:

Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS kitaran 2012 - 2014

(i) MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Dijual dan Operasi Dihentikan*

Pindaan kepada MFRS 5 digunapakai secara prospektif dan menerangkan bahawa penukaran dalam kaedah pelupusan daripada pegangan untuk jualan kepada pengagihan kepada pemilik atau sebaliknya tidak seharusnya dikira sebagai pelan baru pelupusan, sebaliknya sebagai kesinambungan pelan asal. Ianya juga menjelaskan bahawa penukaran kaedah pelupusan tidak mengubah tarikh klasifikasi yang bermaksud jualan atau agihan kepada pemilik harus diselesaikan dalam masa satu tahun dari tarikh asal klasifikasi.

(ii) MFRS 7 *Instrumen Kewangan: Pendedahan*

Kontrak Perkhidmatan

Sesuatu entiti perlu menyediakan pendedahan bagi setiap penglibatan berterusan dalam aset yang telah dipindah dan tidak lagi diiktiraf secara keseluruhan. Pindaan ini menerangkan yang kontrak perkhidmatan yang termasuk sesuatu yuran boleh dianggap sebagai penglibatan berterusan dalam sesuatu aset kewangan. Sesuatu entiti perlu menilai sifat yuran dan aturan tersebut dengan panduan untuk penglibatan berterusan dalam MFRS 7 bagi menilai sama ada pendedahan adalah perlu. Pindaan adalah digunapakai secara retrospektif. Tetapi, pendedahan yang dikehendaki tidak perlu disediakan untuk sebarang tempoh permulaan sebelum tempoh tahunan yang mana entiti mula menggunakan pindaan tersebut.

Penggunaan Pindaan kepada MFRS 7 atas penyata kewangan interim diringkaskan

Pindaan ini digunapakai secara retrospektif dan ianya memadam frasa "dan tempoh interim dalam tempoh tahunan yang dinyatakan" dari para 44R, menjelaskan bahawa pendedahan atas pengimbangan aset dan liabiliti kewangan tidak diwajibkan dalam pelaporan kewangan interim diringkaskan.

(iii) MFRS 119 *Manfaat Pekerja*

Pindaan kepada MFRS 119 menjelaskan bahawa kedalaman pasaran bon korporat berkualiti tinggi adalah dinilai berdasarkan denominasi matawang obligasi tersebut, dan bukannya negara yang menjadi lokai obligasi itu. Sekiranya tiada pasaran mendalam untuk bon-bon korporat berkualiti tinggi dalam matawang tersebut, bon kerajaan dalam denominasi matawang itu mesti digunakan.

(iv) MFRS 134 *Pelaporan Kewangan Interim*

Pindaan kepada MFRS 134 digunapakai secara retrospektif dan ianya menjelaskan maksud "bahagian lain dalam laporan kewangan interim". Ianya menyatakan bahawa pendedahan interim yang diperlukan mestilah sama ada berada dalam penyata-penyata kewangan interim atau disertakan melalui rujukan silang antara penyata-penyata kewangan interim dengan mana-mana bahagian laporan kewangan interim yang lebih besar dimana ianya telah disertakan (e.g: dalam ulasan pengurusan atau laporan risiko). Maklumat lain dalam laporan kewangan interim mesti tersedia kepada pengguna dalam terma yang sama dengan penyata kewangan interim dan pada masa yang sama.

Kumpulan dan Bank tidak menjangkakan yang pindaan-pindaan atas penambahbaikan tahunan bagi piawaian-piawaian diatas akan memberi sebarang kesan kewangan yang signifikan kepada penyata kewangan masa hadapan.

5. TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Baki tunai dan deposit dengan institusi-institusi kewangan	**50,888,306**	45,573,428	**34,778,324**	29,320,984
Wang panggilan	**1,964,554**	2,493,930	**-**	-
	52,852,860	48,067,358	**34,778,324**	29,320,984

Wang yang dipegang dalam akaun amanah untuk pelanggan pada tarikh pelaporan adalah kira-kira RM3,053,243,000 (31 Disember 2013: RM2,224,742,000). Jumlah ini adalah dikecualikan daripada tunai dan dana jangka pendek di peringkat Kumpulan selaras dengan FRSIC Konsensus 18. Bank tidak mempunyai wang yang dipegang dalam akaun amanah untuk pelanggan pada tarikh pelaporan.

6. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

	Nota	Kumpulan		Bank	
		Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Bank-bank berlesen		**11,636,155**	6,175,957	**11,875,729**	15,165,861
Bank negara Malaysia		**2,383,154**	289,421	**2,133,889**	244,919
Institusi-institusi kewangan lain	(a)	**2,086,828**	691,371	**1,801,397**	313,084
		16,106,137	7,156,749	**15,811,015**	15,723,864

(a) Termasuk dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan yang tidak tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan dan Bank disebabkan keperluan modal bersamaan adalah USD15.0 juta (31 Disember 2013: USD10.0 juta) atau Ringgit Malaysia bersamaan RM52.4 juta (31 Disember 2013: RM32.8 juta) disandarkan dengan Jabatan Perbankan New York.

7. ASET KEWANGAN DIBELI DI BAWAH PERJANJIAN JUALAN BALIK DAN TANGGUNGAN KE ATAS ASET KEWANGAN DIJUAL DI BAWAH PERJANJIAN BELIAN BALIK

(a) Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**-**	20,522	**-**	20,522
Bon Kerajaan Asing	**1,747,594**	-	**1,747,594**	-
Sekuriti Kerajaan Asing	**1,877,697**	36	**1,877,697**	36
	3,625,291	20,558	**3,625,291**	20,558

(b) Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik adalah seperti berikut:

	Nota	Kumpulan		Bank	
		Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Aset kewangan dipegang untuk urus niaga	8(b)	**449,318**	81,287	**449,318**	81,287
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	9(a)	**2,717,054**	4,218,768	**2,717,054**	4,218,768
		3,166,372	4,300,055	**3,166,372**	4,300,055

8. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI ("FVTPL")

	Nota	Kumpulan		Bank	
		Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Aset kewangan ditetapkan selepas pengiktirafan awal	(a)	**11,235,695**	11,177,612	**-**	-
Aset kewangan dipegang untuk urus niaga	(b)	**12,469,628**	7,988,953	**9,425,390**	5,546,091
		23,705,323	19,166,565	**9,425,390**	5,546,091

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

8. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI ("FVTPL") (SAMB.)

(a) Aset kewangan ditetapkan selepas pengiktirafan awal adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Pada nilai saksama				
Instrumen pasaran wang:				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**143,255**	284,447	**-**	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**477,627**	1,048,283	**-**	-
Sijil Islam Deposit Boleh Niaga	**241,010**	237,013	**-**	-
Sekuriti Kerajaan Asing	**1,212**	-	**-**	-
	863,104	1,569,743	**-**	-
Sekuriti tidak disebut:				
Sekuriti hutang swasta dan Islam asing	**158,179**	-	**-**	-
Sekuriti hutang swasta dan Islam Malaysia	**10,041,991**	9,375,999	**-**	-
Deposit berstruktur	**172,421**	231,870	**-**	-
	10,372,591	9,607,869	**-**	-
Jumlah aset kewangan ditetapkan selepas pengiktirafan awal	**11,235,695**	11,177,612	**-**	-

(b) Aset kewangan dipegang untuk urus niaga adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Pada nilai saksama				
Instrumen pasaran wang:				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**283,831**	545,022	**272,059**	545,022
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**63,001**	233,270	**-**	20,292
Instrumen deposit boleh niaga	**14,026**	15,238	**41,097**	-
Sekuriti Kerajaan Asing	**1,326,126**	418,568	**1,221,189**	261,875
Bil Perbendaharaan Kerajaan Malaysia	**155,055**	9,701	**155,055**	9,701
Bil dan Nota Bank Negara Malaysia	**3,361,824**	2,096,486	**3,361,824**	2,096,486
Nota Kewangan Bank Negara Malaysia	**2,232,015**	1,121,248	**1,026,617**	797,797
Bil Perbendaharaan Kerajaan Asing	**122,860**	1,127	**122,860**	1,127
Bon Khazanah	**-**	44,950	**-**	44,950
Bon Cagamas	**-**	10,128	**-**	10,128
	7,558,738	4,495,738	**6,200,701**	3,787,378
Sekuriti disebut:				
Di Malaysia:				
Saham, waran, unit amanah dan stok pinjaman	**651,809**	476,290	**-**	-
Sekuriti hutang swasta dan Islam	**9,008**	12,550	**9,008**	12,550
Di luar Malaysia:				
Saham, waran, unit amanah dan stok pinjaman	**674,598**	158,774	**-**	-
	1,335,415	647,614	**9,008**	12,550
Sekuriti tidak disebut:				
Sekuriti hutang swasta dan Islam asing	**828,552**	661,092	**1,418,725**	487,645
Sekuriti hutang swasta dan Islam Malaysia	**778,073**	1,403,640	**407,083**	1,054,223
Bon Kerajaan Asing	**1,397,132**	204,295	**1,389,873**	204,295
Nota berkaitan kredit	**388,230**	386,954	**-**	-
Deposit berstruktur	**183,488**	189,620	**-**	-
	3,575,475	2,845,601	**3,215,681**	1,746,163
Jumlah aset kewangan dipegang untuk urus niaga	**12,469,628**	7,988,953	**9,425,390**	5,546,091

8. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI ("FVTPL") (SAMB.)

(b) Aset kewangan dipegang untuk urus niaga adalah seperti berikut (samb.):

Termasuk dalam aset kewangan dipegang untuk urus niaga adalah aset-aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Bon Kerajaan Asing	**-**	81,287	**-**	81,287
Sekuriti Kerajaan Asing	**449,318**	-	**449,318**	-
Jumlah (Nota 7(b))	**449,318**	81,287	**449,318**	81,287

9. PELABURAN KEWANGAN TERSEDIA UNTUK DIJUAL

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Pada nilai saksama				
Instrumen pasaran wang:				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**5,408,214**	5,376,329	**5,397,916**	5,334,570
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**13,121,165**	12,873,722	**8,241,282**	7,304,355
Instrumen deposit boleh niaga	**2,872,883**	2,973,885	**11,925,585**	3,991,945
Sekuriti Kerajaan Asing	**5,912,940**	7,088,643	**3,545,709**	4,198,384
Bil Perbendaharaan Kerajaan Malaysia	**-**	28,153	**-**	28,153
Bil Perbendaharaan Kerajaan Asing	**9,926,497**	8,464,589	**9,926,497**	8,464,589
Bon Khazanah	**2,144,817**	1,764,019	**2,079,790**	1,664,091
Bon Cagamas	**257,795**	335,958	**257,795**	335,958
Penerimaan Jurubank dan bil-bil berlandaskan prinsip Islam	**807,490**	1,782,763	**807,490**	1,756,523
Deposit Sijil Asing	**34,462**	32,292	**34,462**	32,292
	40,486,263	40,720,353	**42,216,526**	33,110,860
Sekuriti disebut:				
Di Malaysia:				
Saham, waran, unit amanah dan stok pinjaman	**3,525,946**	2,748,746	**139,515**	163,080
Di luar Malaysia:				
Bank, tertakluk kepada kelulusan BNM, boleh menebus keseluruhan AT1CS atau sebahagiannya, pada 10 September 2019 (Tarikh Panggilan pertama) dan selanjutnya pada setiap tarikh pembayaran kupon.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH

Kumpulan and Bank	Bilangan saham biasa RM1.00 sesaham		Jumlah	
	Pada 31.12.2014 '000	Pada 31.12.2013 '000	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Dibenarkan:				
Pada 1 Januari	**10,000,000**	10,000,000	**10,000,000**	10,000,000
Diwujudkan dalam tahun kewangan	**-**	-	**-**	-
Pada 31 Disember	**10,000,000**	10,000,000	**10,000,000**	10,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh:				
Pada 1 Januari	**8,862,079**	8,440,046	**8,862,079**	8,440,046
Saham diterbitkan di bawah:				
- Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") diterbitkan pada :				
- 28 Oktober 2014	**165,329**	-	**165,329**	-
- 30 Mei 2014	**229,810**	-	**229,810**	-
- 25 Oktober 2013	**-**	130,327	**-**	130,327
- 29 Mei 2013	**-**	201,463	**-**	201,463
- Skim Saham Pekerja Kumpulan Maybank ("ESS"):				
- Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS")	**58,680**	90,117	**58,680**	90,117
- Unit Saham Terhad ("RSU")	**2,832**	-	**2,832**	-
- Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU")	**300**	122	**300**	122
- Dana Amanah ESOS ("ETF")	**-**	4	**-**	4
Pada 31 Disember	**9,319,030**	8,862,079	**9,319,030**	8,862,079

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(a) Peningkatan dalam modal terbitan dan berbayar

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Bank meningkatkan modal terbitan dan modal berbayar daripada RM8,862,079,081 kepada RM9,319,029,941 melalui:

(i) Terbitan 58,680,500 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham secara tunai kepada mereka yang layak untuk melaksanakan opsyen saham di bawah ESS, seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(d)(ii);

(ii) Terbitan 2,831,509 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang wujud daripada Unit Saham Terhad ("RSU"), seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(c)(v);

(iii) Terbitan 299,533 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang wujud daripada Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU"), seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(e)(vi);

(iv) Terbitan 229,810,271 saham biasa baru (termasuk 371,620 saham biasa baru diterbit untuk Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF")) bernilai RM1.00 sesaham hasil daripada Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") berkaitan bahagian boleh pilih dividen akhir sebanyak 27 sen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seperti dinyatakan dalam Nota 49(c)(i); dan

(v) Terbitan 165,329,047 saham biasa baru (termasuk 272,905 saham biasa baru diterbit untuk Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF")) bernilai RM1.00 sesaham hasil daripada DRP berkaitan bahagian boleh pilih dividen interim sebanyak 20 sen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, seperti mana dinyatakan dalam Nota 49(c)(ii).

(b) Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP")

Pada 25 Mac 2010, Maybank mengumumkan cadangan pelaksanaan pelaburan semula dividen pelan pilihan dan berulang yang memberi pilihan kepada para pemegang saham Maybank ("pemegang saham") untuk melabur semula dividen mereka dalam bentuk saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Maybank ("Saham Maybank") (secara kolektifnya dikenali sebagai Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP")).

Rasional pelaksanaan DRP Maybank adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan dan memaksimumkan nilai pemegang saham melalui langganan saham Maybank yang mana harga terbitan sesahamnya ditawarkan pada harga diskaun;

(ii) Memberi lebih fleksibiliti kepada pemegang saham bagi memenuhi matlamat pelaburan mereka, di mana mereka mempunyai pilihan untuk mendapatkan wang tunai atau melabur semula dalam Bank melalui langganan tambahan saham Maybank tanpa perlu menaggung kos transaksi atau kos-kos lain yang berkaitan;

(iii) Mendapat manfaat daripada penyertaan pemegang saham dalam DRP ke tahap di mana pemegang saham memilih untuk melabur semula dalam saham Maybank baru, wang tunai yang sepatutnya dibayar secara dividen akan dilaburkan semula bagi membiayai pertumbuhan perniagaan berterusan Kumpulan. DRP bukan saja akan mengembangkan asas modal saham Maybank dan mengukuhkan kedudukan modalnya, tetapi ia juga menambah kecairan saham Maybank Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities").

Pada bila-bila masa pengumuman dividen tunai (sama ada interim, akhir, khas atau dividen lain) dibuat, Lembaga Pengarah menggunakan budi bicara mutlak, menentukan sama ada DRP akan melibatkan keseluruhan atau sebahagian dividen tunai berkenaan ("Bahagian Boleh Pilih") dan bila perlu, sebarang baki dividen akan dibayar dalam bentuk tunai; dan

(iv) Setiap pemegang saham mempunyai pilihan berikut berkaitan Bahagian Boleh Pilih:

(1) Memilih untuk menerima Bahagian Boleh Pilih dalam tunai; atau

(2) Memilih untuk melabur semula seluruh Bahagian Boleh Pilih dalam saham Maybank yang dikreditkan sebagai dibayar sepenuhnya pada harga terbitan yang akan ditentukan pada tarikh penetapan harga selepas penerimaan kelulusan daripada semua pihak pengawal selia berkaitan.

(c) Skim Saham Kakitangan ("ESS") dan Skim Saham Kakitangan Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESS") bagi Kumpulan Maybank

Skim Saham Kakitangan ("ESS") Kumpulan Maybank ditadbir oleh undang-undang kecil diluluskan oleh pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luarbiasa yang berlangsung pada 13 Jun 2011. ESS telah dilaksanakan pada 23 Jun 2011. Ia dikuatkuasakan untuk satu tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh penguatkuasaan dan ditadbir oleh Jawatankuasa ESS. ESS terdiri daripada dua (2) jenis ganjaran berasaskan prestasi dalam bentuk Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU").

Skim Saham Kakitangan Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESS") Kumpulan Maybank ditadbir mengikut garis panduan diluluskan oleh ahli-ahli Jawatankuasa ESS pada 15 Jun 2011.

Bilangan maksimum saham biasa RM1.00 sesaham dalam Bank yang tersedia di bawah ESS tidak seharusnya melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan modal terbitan dan modal berbayar Bank pada sebarang masa sepanjang tempoh skim. Ciri-ciri utama lain ESS adalah seperti berikut:

(i) Kakitangan-kakitangan yang layak untuk menyertai ESS mesti yang bekerja sepenuh masa dan dibayar gajinya oleh Kumpulan Maybank dan telah disahkan dalam perkhidmatan.

Kumpulan Maybank yang mengambil bahagian termasuk Bank dan cawangan-cawangan luar Negara dan syarikat-syarikat subsidiari, termasuk PT Bank Internasional Indonesia Tbk, tetapi tidak termasuk syarikat-syarikat subsidiari tersenarai, syarikat-syarikat subsidiari beroperasi luar negara dan yang tidak aktif.

(ii) Kelayakan ESS bagi Pengarah Eksekutif, termasuk sesiapa yang berkaitan dengan pengarah-pengarah, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham Bank dalam mesyuarat agung.

(iii) ESS akan dilaksanakan untuk satu tempoh maksimum selama tujuh (7) tahun dari tarikh dikuatkuasakan.

Walaubagaimanapun, Bank boleh menamatkan ESS pada bila-bila masa sepanjang tempoh skim berkenaan tertakluk kepada:

- Persetujuan pemegang saham Maybank dalam mesyuarat agung, di mana sekurang-kurangnya majoriti pemegang saham, yang hadir dan mengundi, menyokong penamatan; dan
- Persetujuan bertulis semua peserta ESS yang belum lagi melaksanakan opsyen ESS mereka, sama ada melibatkan sebahagian atau keseluruhannya, dan semua peserta Perjanjian Unit Saham Terhad ("RSU").

Apabila ESS ditamatkan, semua saham ESS yang tidak dilaksanakan dan/atau RSU yang tidak diletakkan hak dianggap batal dan menjadi terbatal dan tidak sah.

(iv) ESS merangkumi Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU").

(1) ESOS

Untuk penganugerahan ESOS, Bank dari semasa ke semasa ketika dalam tempoh tawaran, boleh menawarkan saham opsyen kepada kakitangan yang layak pada Tarikh Tawaran. Tertakluk kepada penerimaan para pesertanya, mereka akan diberikan opsyen ESOS yang boleh dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun dengan melanggan saham biasa dibayar sepenuhnya bernilai RM1.00 sesaham dalam Bank, tertakluk kepada semua syarat dipenuhi termasuk syarat berkaitan prestasi.

(2) RSU

Di bawah penganugerahan RSU, Bank dari semasa ke semasa ketika dalam tempoh tawaran, boleh menjemput peserta yang terpilih memeterai perjanjian dengan Bank, di mana Bank akan bersetuju menganugerahkan skim saham kepada peserta,tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan dan prestasi dan semua keadaan berkaitan prestasi telah dipenuhi. Skim saham di bawah penganugerahan RSU hanya akan diberikan hak berdasarkan jadual tergantung tiga (3) tahun atau dua (2) tahun, untuk penganugerahan RSU tambahan, tertakluk kepada semua syarat peletakan hak dipenuhi.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(c) Skim Saham Kakitangan ("ESS") dan Skim Saham Kakitangan Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESS") bagi Kumpulan Maybank (samb.)

(v) Ciri-ciri utama penganugerahan ESOS adalah seperti berikut:

- Pada 23 Jun 2011, Bank meluluskan lima (5) tranche ESOS berjumlah sebanyak 405,308,500 opsyen berdasarkan andaian bahawa kakitangan yang layak telah memenuhi purata sasaran prestasi ("Penganugerahan ESOS Pertama"). Tranche pertama ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Pertama berjumlah 80,871,000 opsyen telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 30 Jun 2011. Tranche kedua ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Pertama menyaksikan sejumlah 42,136,100 opsyen telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 30 April 2012. Tranche ketiga ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Pertama berjumlah 78,885,100 opsyen telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 30 April 2013. Tranche keempat ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Pertama berjumlah 74,253,400 opsyen juga sudah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 30 April 2014, sementara baki tranche ESOS dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan boleh dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Pada 30 April 2012, Bank meluluskan lima (5) tranche ESOS berjumlah sebanyak 62,339,000 opsyen kepada kakitangan baru yang disahkan dalam Kumpulan ("Penganugerahan ESOS Kedua"). Tranche pertama ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Kedua berjumlah 6,185,800 opsyen yang telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 7 Mei 2012. Tranche kedua ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Kedua berjumlah 12,870,600 opsyen yang telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 30 April 2013. Tranche ketiga ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Kedua berjumlah 12,002,000 opsyen telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 30 April 2014, manakala baki tranche ESOS dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Pada 30 April 2013, Bank telah menganugerahkan lima (5) tranche ESOS berjumlah 53,593,800 opsyen kepada pekerja baru yang telah disahkan dalam Kumpulan ("Penganugerahan ESOS Ketiga"). Tranche pertama di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga berjumlah 9,199,800 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanakan pada 21 Mei 2013. Tranche kedua ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga berjumlah 10,523,300 opsyen telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 30 April 2014, manakala baki tranche ESOS dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan boleh dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Pada 30 April 2014, Bank telah menganugerahkan lima (5) tranche ESOS berjumlah 54,027,800 opsyen kepada kakitangan baru yang disahkan dalam Kumpulan ("Penganugerahan ESOS Keempat"). Tranche pertama ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Keempat berjumlah 9,651,900 opsyen telah diletakkan hak dan boleh dilaksanakan pada 21 Mei 2014, manakala baki tranche ESOS dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan boleh dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Saham biasa baru Bank diperuntukan apabila pelaksanaan opsyen di bawah skim berkenaan adalah setara dalam semua aspek dengan saham-saham biasa dalam Bank, kecuali saham biasa baru yang tidak layak untuk mendapat sebarang dividen atau pengagihan lain apabila diumumkan, dibuat atau dibayar kepada pemegang saham sebelum tarikh peruntukan saham biasa baru dan tertakluk kepada semua peruntukan dalam Tataurusan Bank berkaitan pemindahan, penghantaran dan sebaliknya.
- Harga langganan ESOS adalah pada Harga Pasaran Dagangan Purata Berwajaran ("VWAMP") Saham Maybank untuk tempoh lima (5) hari pasaran sebelum tarikh tawaran tanpa kelayakan mendapat sebarang diskaun.
- Dalam pelaksanaan ESS, Bank telah menubuhkan Amanah yang ditadbir oleh Pemegang Amanah. Bagi membolehkan Pemegang Amanah melanggan saham baru bagi tujuan pelaksanaan ESS, Pemegang Amanah berhak untuk menerima pembiayaan dan/atau bantuan daripada Bank dari semasa ke semasa.
- Tranche pertama ESOS bagi Penganugerahan ESOS Pertama boleh dilaksanakan dengan cara pembiayaan sendiri oleh kakitangan yang layak dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan ESOS.
- Tranche yang berikutnya dan mana-mana ESOS yang tidak dilaksanakan selepas dua belas (12) bulan pertama dari tarikh penubuhannya boleh diguna dalam baki tempoh opsyen ESOS melalui pembiayaan sendiri atau menerusi mekanisme Pembiayaan Dana Amanah ESOS ("ETF").
- ETF adalah satu mekanisme pembiayaan untuk menganugerahkan ESOS yang melibatkan Maybank membiayai sejumlah wang bagi tujuan langganan Saham Maybank oleh Pemegang Amanah, yang dipegang secara berkelompok dan ditempatkan dalam akaun di bawah Sistem Pendeposit Pusat ("CDS") milik Pemegang Amanah atau penama yang dikuatkuasa, bagi memudahkan pelaksanaan opsyen ESOS oleh kakitangan yang layak dan berdasarkan permintaan kakitangan terpilih di mana sebahagian hasil kutipan jualan sedemikian akan digunakan untuk membayar harga saham opsyen ESOS dan kos yang berkaitan. Saham yang diterbitkan dan diperuntukkan di bawah mekanisme ETF adalah setara dengan saham sedia ada Maybank. Pada 12 April 2012, Jawatankuasa ESS meluluskan langganan saham baru Maybank bernilai RM100 juta di bawah mekanisme ETF tersebut.

  Pada 28 Jun 2012, Maybank telah mengumumkan penerbitan 11,454,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di bawah mekanisma ETF. Saham baru Maybank direkodkan sebagai "saham dipegang dalam amanah" dalam penyata-penyata kewangan.

  Pada 7 Mei 2013, Maybank telah mengumumkan tambahan 4,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di bawah mekanisme ETF. Saham baru Maybank direkodkan sebagai "saham dipegang dalam amanah" dalam penyata-penyata kewangan.

  Pada 23 Jun 2014, Maybank telah mengumumkan tambahan 2,831,509 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di bawah mekanisme ETF berdasarkan Unit Saham Terhad ("RSU"). Berikutan penerbitan berkenaan, 2,794,826 opsyen telah diletakkan hak kepada Pengurusan Kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Baki saham Maybank direkodkan sebagai "saham dipegang dalam amanah" dalam penyata-penyata kewangan.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(c) Skim Saham Kakitangan ("ESS") dan Skim Saham Kakitangan Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESS") bagi Kumpulan Maybank (samb.)

(v) Ciri-ciri utama penganugerahan ESOS adalah seperti berikut (samb.):

Pergerakan saham dipegang dalam amanah bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Kumpulan dan Bank	Bilangan saham biasa RM1.00 sesaham	Jumlah RM'000
Pada 31.12.2014		
Pada 1 Januari 2014	**12,281,894**	**107,248**
Pelaksanaan opsyen ESOS oleh kakitangan yang layak	**(56,425,600)**	**(496,138)**
	(44,143,706)	**(388,890)**
Penambahan semula saham dipegang dalam amanah	**56,425,600**	**496,138**
	12,281,894	**107,248**
Saham tambahan diterbitkan di bawah mekanisme ETF disebabkan pemilihan di bawah DRP	**644,525**	**5,864**
Saham tambahan diterbitkan di bawah mekanisme ETF disebabkan Unit Saham Terhad ("RSU")	**2,831,509**	**27,098**
RSU diletakkan hak kepada Pengurusan Kanan Kumpulan dan Bank yang layak	**(2,794,826)**	**(26,747)**
Pada 31 Disember 2014	**12,963,102**	**113,463**
Pada 31.12.2013		
Pada 1 Januari 2013	11,741,067	102,405
Pelaksanaan opsyen ESOS oleh kakitangan yang layak	(83,603,800)	(648,691)
	(71,862,733)	(546,286)
Penambahan semula saham dipegang dalam amanah	83,603,800	648,691
	11,741,067	102,405
Saham tambahan diterbitkan di bawah mekanisme ETF disebabkan pemilihan di bawah DRP	536,827	4,808
Saham tambahan diterbitkan di bawah mekanisme ETF	4,000	35
Pada 31 Disember 2013	12,281,894	107,248

(vi) Ciri-ciri utama penganugerahan RSU adalah seperti berikut:

- RSU yang diluluskan akan diletakkan hak dan dianugerahkan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Saham skim RSU boleh diselesaikan dengan cara penerbitan dan pemindahan saham baru Maybank atau secara tunai berdasarkan budi bicara mutlak Jawatankuasa ESS. Saham baru Maybank akan diterbitkan dan dipindahkan kepada kakitangan yang layak mengikut penyelesaian fizikal tanpa keperluan untuk pembayaran dibuat kepada Bank oleh para peserta RSU.
- Dalam kes penyelesaian secara tunai, harga peletakan hak RSU ditentukan berdasarkan nilai dalam skim saham tanpa hak kelayakan untuk mendapatkan diskaun dan mengambil kira VWAMP saham Maybank untuk tempoh lima (5) hari urus niaga pasaran sebelum tarikh peletakan hak RSU.
- Jawatankuasa ESS dari semasa ke semasa boleh menganugerahkan RSU tambahan yang dikenali sebagai Penganugerahan RSU Tambahan ("Penganugerahan SRSU") kepada kumpulan kakitangan terpilih yang layak dalam tempoh pelaksanaan. Kumpulan terpilih boleh terdiri daripada pengurusan kanan, mereka yang dipilih daripada barisan utama untuk dikekalkan dan rekrut-rekrut luar kanan terpilih dan pemberian SRSU sedemikian boleh ditawarkan di bawah terma-terma dan syarat-syarat berbeza daripada RSU terdahulu yang dibuat kepada pengurusan kanan terpilih. SRSU akan diletakkan hak berdasarkan jadual tergantung selama dua (2) hingga tiga (3) tahun.

(vii) Skim Saham Kakitangan Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESS")

Skim Saham Kakitangan Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESS") meliputi Skim Opsyen Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Diselesaikan Secara Tunai ("CRSU") tersedia pada masa bersesuaian kepada kakitangan cawangan-cawangan luar negara dan syarikat-syarikat subsidiari Bank yang layak, termasuk PT Bank Internasional Indonesia Tbk, PT Bank Maybank Syariah Indonesia, Maybank Philippines Incorporated dan Maybank (PNG) Limited, tertakluk kepada pencapaian prestasi seperti mana yang ditetapkan Lembaga Pengarah dan amalan pasaran semasa dalam negara masing-masing.

Ciri-ciri utama penganugerahan CESS adalah seperti berikut:

- CESS merupakan pelan tunai akan dianugerahkan dari semasa ke semasa sehingga lima (5) tranche. Penganugerahan ini tertakluk kepada penyempurnaan sasaran prestasi, tempoh prestasi dan perkhidmatan dan syarat-syarat peletakan hak lain seperti mana ditetapkan dalam Garis Panduan CESS.
- Jumlah boleh bayar bagi setiap peringkat CESS adalah sejajar dengan bilangan saham rujukan didarabkan dengan kenaikan harga saham Bank iaitu antara harga ketika penganugerahan dibuat hingga pada masa peletakan hak di mana tarikh peletakan hak akan berada pada akhir tahun ketiga (3) dari tarikh pemberian setiap tranche CESS.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Butiran opsyen saham di bawah ESOS

(i) Butiran opsyen saham yang dianugerahkan:

Tarikh penganugerahan	Bilangan opsyen saham '000	Harga pelaksanaan asal RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	405,309#	8.82*	30.6.2011 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	62,339#	8.83*	7.5.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	53,594#	9.61*	21.5.2013 - 22.6.2018
30.4.2014 - Penganugerahan ESOS Keempat	53,983#	9.91*	21.5.2014 - 22.6.2018

Agregat peruntukan maksimum opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan Kumpulan dan Bank tidak boleh melebihi 50% daripada Skim Saham Maksimum yang Dibenarkan. Peruntukan sebenar opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan adalah 19.1% pada 31 Disember 2014 (31 Disember 2013: 16.3%).

Bilangan opsyen saham yang dianugerahkan adalah berdasarkan andaian bahawa kakitangan yang layak mencapai purata sasaran prestasi.

* Jawatankuasa ESS meluluskan pengurangan harga pelaksanaan ESOS berikutan terbitan saham-saham biasa baru RM1.00 sesaham sejajar dengan pelaksanaan DRP. Semakan harga pelaksanaan adalah seperti berikut:

Tarikh penganugerahan	Harga pelaksanaan RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	8.82	30.6.2011 - 28.12.2011
	8.78	29.12.2011 - 4.6.2012
	8.76	5.6.2012 - 28.10.2012
	8.75	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	8.83	7.5.2012 - 28.10.2012
	8.82	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	9.61	21.5.2013 - 27.6.2013
	9.59	28.6.2013 - 21.11.2013
	9.58	22.11.2013 - 24.6.2014
	9.56	25.6.2014 - 22.6.2018
30.4.2014 - Penganugerahan ESOS Keempat	9.91	21.5.2014 - 24.6.2014
	9.88	25.6.2014 - 28.10.2014
	9.87	29.10.2014 - 22.6.2018

Jadual-jadual berikut menunjukkan bilangan dan purata wajaran harga pelaksanaan ("WAEP"), dan pergerakan, opsyen saham dalam tahun kewangan:

Penganugerahan ESOS Pertama (Diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan^ '000	Dilucut hak '000		
30.6.2011	36,457	7	-	(9,509)	(89)	26,866	26,866
30.4.2012	22,247	3	-	(5,247)	(55)	16,948	16,948
30.4.2013	54,095	24	-	(12,427)	(151)	41,541	41,541
30.4.2014	-	-	74,219	(22,157)	(146)	51,916	51,916
Jumlah	112,799	34	74,219	(49,340)	(441)	137,271	137,271
WAEP (RM)	8.75	8.75	8.75	8.75	-	-	-

** Pelarasan berkaitan peruntukan ESOS tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

^ Sebanyak 61,300 opsyen saham yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 hanya diterbitkan dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2014.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Butiran opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(i) Butiran opsyen saham yang dianugerahkan (samb.):

Jadual-jadual berikut menunjukkan bilangan dan purata wajaran harga pelaksanaan ("WAEP"), dan pergerakan opsyen saham dalam tahun kewangan (samb.):

Penganugerahan ESOS Kedua (Diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan*** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak^^ '000	Dilucut hak '000		
7.5.2012	3,380	-	-	(861)	(27)	2,492	2,492
30.4.2013	8,790	79	-	(2,097)	(73)	6,699	6,699
30.4.2014	-	-	11,923	(3,515)	(84)	8,324	8,324
	12,170	79	11,923	(6,473)	(184)	17,515	17,515
WAEP (RM)	8.82	8.82	8.82	8.82	-	-	-

*** Pelarasan berkaitan peruntukan ESOS tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.
^^ Sebanyak 3,500 opsyen saham dilaksanakan sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 diterbitkan dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2014.

Penganugerahan ESOS Ketiga (Diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan^ '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak '000	Dilucut hak '000		
21.5.2013	8,375	3	-	(1,271)	(490)	6,617	6,617
30.4.2014	-	-	10,520	(1,247)	(354)	8,919	8,919
	8,375	3	10,520	(2,518)	(844)	15,536	15,536
WAEP (RM)	9.58	-	9.56	9.56	-	9.56#	9.56#

^ Pelarasan berkaitan peruntukan ESOS tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.
# Disemak semula daripada RM9.58 kepada RM9.56 sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 seperti dinyatakan di atas.

Penganugerahan ESOS Keempat (Diletakkan hak)

Tarikh peletakan hak	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan			Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Yang boleh dilaksanakan pada 31.12.2014 '000
		Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak '000	Dilucut hak '000		
21.5.2014	-	9,652	(5)	(507)	9,140	9,140
WAEP (RM)	-	9.91	9.88	-	9.87##	9.87##

Disemak semula daripada RM9.91 kepada RM9.87 sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 seperti dinyatakan di atas.

Jumlah opsyen saham dianugerahkan kepada pengarah-pengarah Bank pada 31 Disember 2014 seperti dinyatakan dalam bahagian kepentingan pengarah dalam Laporan Para Pengarah.

(ii) Opsyen saham yang dilaksanakan dalam tahun kewangan

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Pertama, Penganugerahan ESOS Kedua, Penganugerahan ESOS Ketiga dan Penganugerahan ESOS Keempat dalam tahun kewangan, adalah dinyatakan sebagaimana di atas.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Pertama menerbitkan kira-kira 49,661,800 (31 Disember 2013: 82,905,600) saham biasa baru pada 31 Disember 2014, pada WAEP RM8.75 (31 Disember 2013: RM8.75) sesaham. Sebanyak 61,300 opsyen telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan saham biasa akan hanya diterbitkan dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2014. Purata wajaran harga saham berkaitan Penganugerahan ESOS Pertama diterbitkan pada tarikh pelaksanaan adalah RM9.93 (31 Disember 2013: RM10.16) sesaham.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Kedua menerbitkan kira-kira 6,495,300 (31 Disember 2013: 6,635,200) saham biasa baru pada 31 Disember 2014, pada WAEP RM8.82 (31 Disember 2013: RM8.82) sesaham. Sebanyak 3,500 opsyen dilaksanakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan saham biasa berikut akan hanya diterbitkan dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2014. Purata wajaran harga saham berkaitan Penganugerahan ESOS Kedua diterbitkan pada tarikh pelaksanaan adalah RM9.93 (31 Disember 2013: RM10.22) sesaham.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga menerbitkan kira-kira 2,517,900 (31 Disember 2013: 576,000) saham biasa baru pada 31 Disember 2014, pada WAEP RM9.56 (31 Disember 2013: RM9.59) sesaham. Purata wajaran harga saham berkaitan Penganugerahan ESOS Ketiga diterbitkan pada tarikh pelaksanaan adalah RM9.97 (31 Disember 2013: RM10.27) sesaham.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Keempat menerbitkan kira-kira 5,500 saham biasa baru pada 31 Disember 2014, pada WAEP RM9.88 sesaham. Purata wajaran harga saham berkaitan Penganugerahan ESOS Keempat diterbitkan pada tarikh pelaksanaan adalah RM10.00 sesaham.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Butiran opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(iii) Nilai saksama opsyen saham dianugerahkan pada 23 Jun 2011

Nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan pada 23 Jun 2011 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan berkenaan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, purata wajaran harga pelaksanaan dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai saksama opsyen saham di bawah Penganugerahan ESOS Pertama:		
- tranche 1: diletakkan hak pada 30 Jun 2011 (RM)	0.627	0.627
- tranche 2: diletakkan hak pada 30 April 2012 (RM)	0.687	0.687
- tranche 3: diletakkan hak pada 30 April 2013 (RM)	0.732	0.740
- tranche 4: diletakkan hak pada 30 April 2014 (RM)	0.752	0.760
- tranche 5: belum diletakkan hak (RM)	0.769	0.776
Purata wajaran harga pelaksanaan (RM)	8.82	8.75
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.59	14.24
Jangka hayat (tahun)	4 - 5	4 - 5
Kadar risiko bebas (%)	3.24 - 3.64	3.13 - 3.21
Hasil dividen dijangkakan (%)	4.49	5.35

Jangkaan hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masa lalu yang tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan sebagai petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iv) Nilai saksama opsyen saham dianugerah pada 30 April 2012

Nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan pada 30 April 2012 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan berkenaan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, purata wajaran harga pelaksanaan dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai opsyen saham di bawah Penganugerahan ESOS Kedua:		
- tranche 1: diletakkan hak pada 7 Mei 2012 (RM)	0.452	0.452
- tranche 2: diletakkan hak pada 30 April 2013 (RM)	0.486	0.489
- tranche 3: diletakkan hak pada 30 April 2014 (RM)	0.502	0.505
- tranche 4 hingga 5: belum diletakkan hak (RM)	0.514 - 0.523	0.517 - 0.526
Purata wajaran harga pelaksanaan (RM)	8.83	8.82
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.11	14.24
Jangkaan hayat (tahun)	3 - 5	3 - 5
Kadar risiko bebas (%)	3.13 - 3.42	3.12 - 3.27
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.49	5.35

Jangkaan hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masa lalu yang tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan sebagai petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(v) Nilai saksama opsyen saham dianugerah pada 30 April 2013

Nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan pada 30 April 2013 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan berkenaan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, purata wajaran harga pelaksanaan dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai saksama opsyen saham di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga:		
- tranche 1: diletakkan hak pada 21 Mei 2013 (RM)	0.558	0.558
- tranche 2: diletakkan hak pada 30 April 2014 (RM)	0.588	0.598
- tranche 3 hingga 5: belum diletakan hak (RM)	0.603 - 0.619	0.619 - 0.634
Purata wajaran harga pelaksanaan (RM)	9.61	9.56
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	13.96	13.51
Jangkaan hayat (tahun)	2 - 4	2 - 4
Kadar risiko bebas (%)	2.96 - 3.18	3.42 - 3.57
Jangkaan hasil dividen (%)	5.35	5.84

Jangkaan hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masa lalu yang tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan sebagai petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Butiran opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(vi) Nilai saksama opsyen saham dianugerahkan pada 30 April 2014

Nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan pada 30 April 2014 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan berkenaan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, purata wajaran harga pelaksanaan dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai saksama opsyen saham di bawah Penganugerahan ESOS Keempat:		
- tranche 1: diletakkan hak pada 21 Mei 2014 (RM)	0.519	0.519
- tranche 2 hingga 5: belum diletakkan hak (RM)	0.557 - 0.598	0.569 - 0.609
Purata wajaran harga pelaksanaan (RM)	9.91	9.87
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	13.87	13.37
Jangkaan hayat (tahun)	1 - 4	1 - 4
Kadar risiko bebas (%)	3.27 - 3.60	3.45 - 3.57
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.84	5.84

Jangkaan hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masa lalu yang tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan sebagai petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(e) Butiran RSU

(i) Butiran RSU dianugerahkan

Semua RSU yang dianugerahkan oleh Bank diperuntukkan kepada pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Butiran RSU yang dianugerahkan adalah seperti berikut:

Tarikh penganugerahan	Bilangan opsyen saham '000	Nilai saksama RM	Tarikh peletakan hak
23.6.2011 - Penganugerahan RSU Pertama	3,690	7.247	Berdasarkan peletakan hak tergantung selama tiga tahun dari tarikh penganugerahan dan metrik prestasi
30.4.2012 - Penganugerahan RSU Kedua	4,355	6.902	
30.4.2013 - Penganugerahan RSU Ketiga	4,820	7.732	
30.4.2014 - Penganugerahan RSU Keempat	5,520	7.850	

Jadual berikut menunjukkan bilangan dan pergerakan RSU sepanjang tahun kewangan:

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan sepanjang tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000	Tarikh peletakan hak
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dianugerahkan '000	Dilucut hak '000		
23.6.2011 - Penganugerahan RSU Pertama	3,150	200*	-	(2,795)	(551)	4	Berdasarkan peletakan hak tergantung selama tiga tahun dari tarikh penganugerahan dan metrik prestasi
30.4.2012 - Penganugerahan RSU Kedua	3,925	-	-	-	(435)	3,490	
30.4.2013 - Penganugerahan RSU Ketiga	4,480	20**	-	-	(350)	4,150	
30.4.2014 - Penganugerahan RSU Keempat	-	-	5,520	-	(140)	5,380	
	11,555	220	5,520	(2,795)	(1,476)	13,024	

* Pelarasan berdasarkan DRP bagi Penganugerahan RSU Pertama dengan peletakan hak sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.
** Pelarasan berkaitan kes-kes rayuan yang diluluskan Jawatankuasa ESS sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 bagi Penganugerahan RSU Ketiga.

Jumlah RSU dianugerahkan kepada pengarah-pengarah Bank pada 31 Disember 2014 dinyatakan dalam bahagian kepentingan pengarah dalam Laporan Para Pengarah.

Peringkat RSU pertama di bawah Penganugerahan RSU Pertama berjumlah 2,794,826 opsyen (termasuk DRP) telah diletakkan hak dan dianugerahkan kepada sekumpulan kakitangan yang layak dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 (31 Disember 2013: tiada). Baki anugerah tersebut masih belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(e) Butiran RSU (samb.)

(ii) Nilai saksama RSU dianugerahkan pada 23 Jun 2011

Nilai saksama RSU yang dianugerahkan pada 23 Jun 2011 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan RSU berkenaan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh kelulusan dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Penganugerahan RSU Pertama (RM)	7.247
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	8.82
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.59
Tempoh peletakan hak (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.31
Hasil dividen dijangkakan (%)	4.49

Ketidaktentuan yang dijangkakan menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iii) Nilai saksama RSU dianugerahkan pada 30 April 2012

Nilai saksama RSU yang dianugerahkan pada 30 April 2012 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan RSU berkenaan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh kelulusan dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Penganugerahan RSU Kedua (RM)	6.902
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	8.63
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.11
Tempoh peletakan hak (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.19
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.49

Ketidaktentuan yang dijangkakan mencerminkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iv) Nilai saksama RSU dianugerahkan pada 30 April 2013

Nilai saksama RSU yang dianugerahkan pada 30 April 2013 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan RSU berkenaan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh kelulusan dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Penganugerahan RSU Ketiga (RM)	7.732
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	9.62
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	13.96
Tempoh peletakan hak (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.03
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.35

Ketidaktentuan yang dijangkakan menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(v) Nilai saksama RSU dianugerahkan pada 30 April 2014

Nilai saksama RSU yang dianugerahkan pada 30 April 2014 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan RSU berkenaan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh kelulusan dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Penganugerahan RSU Keempat (RM)	7.850
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	9.90
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	13.87
Tempoh peletakan hak (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.45
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.84

Ketidaktentuan yang dijangkakan mencerminkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(e) Butiran RSU (samb.)

(vi) Butiran SRSU dianugerahkan

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, sejumlah 364,000 SRSU (31 Disember 2013: 15,000) telah dianugerahkan kepada sekumpulan terpilih kakitangan yang layak. Sejumlah 299,533 SRSU (31 Disember 2013: 121,700) telah diletakkan hak pada 31 Disember 2014. Baki penganugerahan tersebut masih belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

Jadual berikut menggambarkan bilangan dan pergerakan SRSU dalam tahun kewangan:

Tarikh penganugerahan	Nilai saksama SRSU (RM)	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
			Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak '000	Dilucut hak '000	
1.3.2011	7.513*	84	2	-	(86)	-	-
15.12.2011	7.548	20	-	-	(20)	-	-
16.4.2012	7.972	15	-	-	(15)	-	-
7.5.2012	7.840	15	-	-	(15)	-	-
1.6.2012	7.825	39	-	-	(24)	(15)	-
2.7.2012	7.848	30	-	-	(30)	-	-
30.10.2012	8.145	20	-	-	(20)	-	-
14.9.2012	8.453	-	15	-	(15)	-	-
21.9.2012	8.222	-	15	-	(15)	-	-
1.11.2012	8.169	-	60	-	(60)	-	-
3.12.2012	8.111	-	5	-	-	-	5
1.3.2013	8.209	15	-	-	-	-	15
26.3.2014	8.724	-	-	270	-	-	270
30.4.2014	8.843	-	-	34	-	-	34
15.7.2014	8.924	-	-	60	-	-	60
		238	97	364	(300)	(15)	384

* Nilai saksama agregat SRSU

Nilai saksama SRSU telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan SRSU berkenaan. Nilai saksama SRSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh penganugerahan dan andaian adalah seperti berikut:

	Tarikh penganugerahan			
	2014	2013	2012	2011
Nilai saksama SRSU (RM)	**8.724 - 8.924***	8.209	7.825 - 8.453	7.104 - 7.548*
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	**9.66 - 9.99**	9.10	8.69 - 9.04	7.91 - 8.67
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	**12.80 - 14.00**	13.85	14.12 - 14.92	15.03 - 16.12
Tempoh peletakan hak (tahun)	**2 - 3**	2	2	2 - 3
Kadar risiko bebas (%)	**3.22 - 3.40**	2.98	2.88 - 3.10	2.94 - 3.35
Hasil dividen dijangkakan (%)	**5.84**	5.35	5.35	5.35

* Nilai saksama agregat SRSU

(f) Butiran CESOS

Bank telah menganugerahkan sejumlah 719,500 CESOS kepada kakitangan layak di cawangan-cawangan luar negara pada 23 Jun 2011 ("Penganugerahan CESOS Pertama"). Pada 30 April 2012, Bank menganugerahkan tranche kedua CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Pertama berjumlah 394,800 kepada kakitangan cawangan luar negara yang dinaikkan pangkat. Pada 30 April 2013, Bank menganugerahkan tranche ketiga CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Pertama berjumlah 671,600. Pada 30 April 2014, Bank menganugerahkan CESOS tranche keempat di bawah Penganugerahan CESOS Pertama berjumlah 591,300. Tranche Pertama CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Pertama berjumlah 559,400 opsyen sudah diletakkan hak pada 25 Jun 2014, 30 Jun 2014 dan 18 Julai 2014 (31 Disember 2013: Tiada), manakala baki dalam tranche seterusnya masih belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

Pada 30 April 2012, Bank telah menganugerahkan tranche pertama CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Kedua berjumlah 554,000 CESOS kepada kakitangan layak di cawangan-cawangan luar negara dan kakitangan utama yang terpilih dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Tranche kedua CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Kedua berjumlah 1,302,800 telah dianugerahkan pada 30 April 2013. Pada April 2014, Bank menganugerahkan tranche ketiga CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Kedua berjumlah 1,011,800.

Pada 30 April 2013, Bank menganugerahkan tranche pertama CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Ketiga berjumlah 614,700 kepada kakitangan layak di cawangan-cawangan luar negara dan kakitangan utama yang terpilih dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Selain itu, tranche kedua CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Ketiga berjumlah 695,000 telah dianugerahkan pada 30 April 2014.

Pada 30 April 2014, Bank menganugerahkan tranche pertama CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Keempat berjumlah 556,500 kepada kakitangan layak di cawangan-cawangan luar negara dan kakitangan utama yang terpilih dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(f) Butiran CESOS (samb.)

Jadual berikut menggambarkan bilangan, dan pergerakan masuk, CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Pertama, Penganugerahan CESOS Kedua, Penganugerahan CESOS Ketiga dan Penganugerahan CESOS Keempat dalam tahun kewangan:

Penganugerahan CESOS Pertama

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000	
23.6.2011	576	37	-	(559)	(54)	-
30.4.2012	328	-	-	-	(36)	292
30.4.2013	621	-	-	-	(60)	561
30.4.2014	-	-	591	-	(40)	551
	1,525	37	591	(559)	(190)	1,404

Penganugerahan CESOS Kedua

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000	
23.2.2012	890	-	-	-	(190)	700
30.4.2012	97	-	-	-	(15)	82
30.4.2013	1,170	40	-	-	(40)	1,170
30.4.2014	-	-	1,012	-	(12)	1,000
	2,157	40	1,012	-	(257)	2,952

Penganugerahan CESOS Ketiga

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000	
30.4.2013	616	(40)	-	-	(72)	504
30.4.2014	-	-	695	-	(62)	633
	616	(40)	695	-	(134)	1,137

Penganugerahan CESOS Keempat

Tarikh penganugerahan	Tertunggak pada 1.1.2014 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Tertunggak pada 31.12.2014 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak dan dianugerahkan '000	Dilucut hak '000	
30.4.2014	-	-	557	-	(43)	514

Selain daripada tranche pertama Penganugerahan CESOS Pertama, baki CESOS dianugerahkan belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

(g) Butiran CRSU

(i) Butiran CRSU dianugerahkan

Semua CRSU yang dianugerahkan oleh Bank diperuntukan kepada pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Butiran CRSU dianugerahkan adalah seperti berikut:

Tarikh penganugerahan	Bilangan opsyen saham '000	Nilai saksama RM	Tarikh peletakan hak
23.6.2011 - Penganugerahan CRSU Pertama	15	7.247	Berdasarkan peletakan hak tergantung selama tiga tahun dari tarikh penganugerahan dan metrik prestasi.
30.4.2012 - Penganugerahan CRSU Kedua	15	6.902	
30.4.2013 - Penganugerahan CRSU Ketiga	185	7.732	
30.4.2014 - Penganugerahan CRSU Keempat	145	7.850	

Tranche pertama CRSU di bawah Penganugerahan CRSU Pertama berjumlah 16,160 opsyen (termasuk DRP) telah diletakkan hak dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (31 Disember 2013: tiada). Baki penganugerahan belum diletakkan hak pada 31 Disember 2014.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(g) Butiran CRSU (samb.)

(ii) Nilai saksama CRSU dianugerahkan pada 23 Jun 2011, 30 April 2012, 30 April 2013 dan 30 April 2014

Nilai saksama CRSU yang dianugerahkan pada 23 Jun 2011, 30 April 2012, 30 April 2013 dan 30 April 2014 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan penganugerahan CRSU berkenaan. Nilai saksama CRSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh penganugerahan dan andaian adalah seperti berikut:

	Tarikh penganugerahan			
	30.4.2014	**30.4.2013**	**30.4.2012**	**23.6.2011**
Nilai saksama CRSU (RM)	**7.850**	7.732	6.902	7.247
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	**9.9**	9.62	8.63	8.82
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	**13.87**	13.96	14.11	14.59
Tempoh peletakan hak (tahun)	**3**	3	3	3
Kadar risiko bebas (%)	**3.45**	3.03	3.19	3.31
Hasil dividen dijangkakan (%)	**5.84**	5.35	5.49	4.49

32. KEUNTUNGAN TERKUMPUL

(a) Keuntungan terkumpul Kumpulan

Keuntungan terkumpul Kumpulan termasuk lebihan tidak diperuntukan Bukan-DPF yang tidak boleh diagihkan oleh sebuah syarikat subsidiari insurans berikutan semakan semula Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") tentang Pelaporan Kewangan untuk Penginsurans. Lebihan tidak diperuntukan Bukan-DPF tidak boleh diagihkan ini hanya boleh diagihkan kepada para pemegang saham berdasarkan jumlah yang dicadangkan oleh Aktuari yang dilantik mengikut Akta Perkhimatan Kewangan 2013.

Pecahan keuntungan terkumpul yang boleh diagihkan dan tidak boleh diagihkan di peringkat Kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan **Pada 31.12.2014**	**Lebihan Tidak Diperuntukan Bukan-DPF** *Tidak Boleh Diagih* **RM'000**	**Keuntungan Terkumpul** *Boleh Diagih* **RM'000**	**Jumlah Keuntungan Terkumpul RM'000**
Pada 1 Januari 2014	**820,817**	**10,926,667**	**11,747,484**
Keuntungan bagi tahun kewangan	**151,767**	**6,564,688**	**6,716,455**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	**151,767**	**6,564,688**	**6,716,455**
Kesan perubahan dalam struktur korporat dalam Kumpulan	**-**	**697**	**697**
Pindahan ke lebihan tidak diperuntukan Bukan-DPF	**914**	**(914)**	**-**
Pindahan ke rizab berkanun	**-**	**(855,864)**	**(855,864)**
Pindahan ke rizab kawal selia	**-**	**(274,500)**	**(274,500)**
Terbitan saham berdasarkan Unit Saham Terhad ("RSU") (Nota 31(a)(ii))	**-**	**(6,494)**	**(6,494)**
Terbitan saham berdasarkan Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU") (Nota 31(a)(iii))	**-**	**(735)**	**(735)**
Dividen (Nota 49)	**-**	**(4,939,066)**	**(4,939,066)**
Jumlah urus niaga dengan pemegang-pemegang saham	**914**	**(6,076,876)**	**(6,075,962)**
Pada 31 Disember 2014	**973,498**	**11,414,479**	**12,387,977**

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

32. KEUNTUNGAN TERKUMPUL (SAMB.)

(a) Keuntungan terkumpul Kumpulan (samb.)

Pecahan keuntungan terkumpul Kumpulan yang boleh diagihkan dan tidak boleh diagihkan di peringkat Kumpulan adalah seperti berikut (samb.):

Kumpulan Pada 31.12.2013	**Lebihan Tidak Diperuntukan Bukan DPF *Tidak Boleh Diagih* RM'000**	**Keuntungan Terkumpul *Boleh Diagih* RM'000**	**Jumlah Keuntungan Terkumpul RM'000**
Pada 1 Januari 2013	698,114	10,406,723	11,104,837
Keuntungan bagi tahun kewangan	122,703	6,429,688	6,552,391
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	122,703	6,429,688	6,552,391
Kesan perubahan struktur korporat dalam Kumpulan	-	(27,839)	(27,839)
Pindahan rizab berkanun	-	(1,516,424)	(1,516,424)
Dividen (Nota 49)	-	(4,365,481)	(4,365,481)
Jumlah urus niaga dengan pemegang saham	-	(5,909,744)	(5,909,744)
Pada 31 Disember 2013	820,817	10,926,667	11,747,484

(b) Keuntungan terkumpul Bank

Keuntungan terkumpul Bank pada 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013 adalah keuntungan yang boleh diagihkan dan boleh diagihkan sebagai dividen di bawah sistem peringkat tunggal.

33. RIZAB-RIZAB

	Nota	**Kumpulan**		**Bank**	
		Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Tidak boleh diagihkan:					
Rizab berkanun	(a)	**10,396,000**	9,540,136	**9,860,875**	9,026,745
Rizab kawal selia	(b)	**274,500**	-	**-**	-
Lain-lain rizab	(c)	**(96,421)**	(21,597)	**-**	-
Rizab tersedia untuk dijual	2.3(v)(b)(4)	**(321,842)**	(604,112)	**(362,553)**	(653,690)
Rizab terjemahan matawang	2.3(xix)(c)	**(1,917,500)**	(2,727,793)	**821,824**	585,214
Dikira menurut Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) yang diterbitkan pada 28 November 2012.

(e) Nisbah kecukupan modal dan RWA syarikat-syarikat subsidiari Bank adalah seperti berikut:

(i) Nisbah kecukupan modal

	Maybank Islamic Berhad	Maybank Investment Bank Berhad	PT Bank Internasional Indonesia Tbk
Pada 31.12.2014			
Nisbah Modal CET1	**12.003%**	**30.902%**	**-**
Nisbah Modal Tahap 1	**12.003%**	**30.902%**	**-**
Jumlah Nisbah Modal	**16.088%**	**30.902%**	**15.724%**
Pada 31.12.2013			
Nisbah Modal CET1	11.761%	33.133%#	-
Nisbah Modal Tahap 1	11.761%	33.133%#	-
Jumlah Nisbah Modal	13.711%	33.133%#	12.716%

Berkuat kuasa 30 Jun 2014, pendedahan kredit RWA untuk margin dan bukan margin dikira termasuk pengurangan risiko kredit dan urus niaga belum selesai. Perbandingan dinyatakan semula tanpa kesan atas pengurangan risiko kredit dan urus niaga belum selesai.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

57. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(e) Nisbah kecukupan modal dan RWA syarikat-syarikat subsidiari Bank adalah seperti berikut (samb.):

(ii) Pecahan RWA mengikut kategori risiko utama syarikat-syarikat subsidiari Bank adalah seperti berikut:

	Maybank Islamic Berhad RM'000	Maybank Investment Bank Berhad RM'000	PT Bank Internasional Indonesia Tbk RM'000
Pada 31.12.2014			
Pendedahan Pendekatan Standard	**4,831,718**	**441,295**	**28,534,411**
Pendedahan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman selepas faktor skala	**51,473,277**	**-**	**-**
Jumlah RWA bagi risiko kredit	**56,304,995**	**441,295**	**28,534,411**
Jumlah RWA bagi risiko kredit diserap oleh Maybank^	**(3,930,555)**	**-**	**-**
Jumlah RWA bagi risiko pasaran	**573,921**	**170,661**	**120,167**
Jumlah RWA bagi risiko operasi	**4,145,952**	**984,627**	**3,779,079**
Jumlah RWA	**57,094,313**	**1,596,583**	**32,433,657**
Pada 31.12.2013			
Pendedahan Pendekatan Standard	3,902,334	765,298#	27,053,526
Pendedahan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman selepas faktor skala	42,043,918	-	-
Jumlah RWA bagi risiko kredit	45,946,252	765,298	27,053,526
Jumlah RWA bagi risiko kredit diserap oleh Maybank^	(1,210,230)	-	-
Jumlah RWA bagi risiko pasaran	729,512	196,959	232,889
Jumlah RWA bagi risiko operasi	3,619,234	876,244	3,227,265
Jumlah RWA	49,084,768	1,838,501	30,513,680

^ Sejajar dengan Garis Panduan BNM tentang pengiktirafan dan pengukuran Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad ("RPSIA") sebagai Penyerap Risiko, risiko kredit ke atas aset yang dibiayai RPSIA dikecualikan daripada pengiraan nisbah kecukupan modal.

Berkuat kuasa 30 Jun 2014, pendedahan kredit RWA untuk margin dan bukan margin dikira termasuk pengurangan risiko kredit dan urus niaga belum selesai. Perbandingan dinyatakan semula tanpa kesan atas pengurangan risiko kredit dan urus niaga belum selesai.

58. MAKLUMAT SEGMEN

Maklumat segmen dibentangkan mengikut segmen perniagaan dan kedudukan geografi Kumpulan.

(i) Mengikut segmen perniagaan

Kumpulan menentukan dan membentangkan segmen operasi berdasarkan maklumat yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan Kumpulan.

Kumpulan disusun kepada empat (4) segmen berdasarkan perkhidmatan dan produk yang ada di dalamnya seperti berikut:

(a) Perkhidmatan Kewangan Komuniti ("CFS"), Malaysia

(i) Perbankan Pengguna

Perbankan Pengguna menawarkan produk dan perkhidmatan lengkap kepada individu-individu di Malaysia, termasuk simpanan, deposit tetap, perkhidmatan penghantaran wang, akaun semasa, pinjaman pengguna seperti pinjaman perumahan dan peribadi, sewa beli, unit amanah, produk-produk bankasurans dan kad kredit.

(ii) Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana ("SME")

Perbankan SME terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf dan pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(iii) Perbankan Perniagaan

Perbankan Perniagaan terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan ditawarkan kepada perniagaan komersil di Malaysia. Produk dan perkhidmatan ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf, pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmataan penjagaan.

(b) Perkhidmatan Global ("GB")

(i) Perbankan Korporat di Malaysia

Perbankan Korporat terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan perniagaan di rantau, meliputi korporat besar dan sektor awam. Produk dan perkhidmatan ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf dan pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(ii) Pasaran Global Malaysia

Pasaran Global terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan berkaitan aktiviti dan perkhidmatan perbendaharaan, termasuk tukaran asing, pasaran wang, derivatif dan dagangan pasaran modal.

(iii) Perbankan Pelaburan (Maybank IB dan Maybank Kim Eng)

Perbankan Pelaburan terdiri daripada perbankan pelaburan dan perniagaan pembrokeran sekuriti. Segmen ini menumpukan kepada keperluan peniagaan terutamanya pelanggan korporat besar dan institusi kewangan. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan termasuk perkhidmatan nasihat korporat, terbitan bon, terbitan ekuiti, perkhidmatan nasihat pengambilalihan bersindiket, perkhidmatan penstrukturan semula hutang, saham dan urus niaga masa depan.

(iv) Pengurusan Aset

Pengurusan Aset terdiri daripada perkhidmatan pengurusan aset dan dana, menyediakan rangkaian meluas bagi penyelesaian pelaburan Islam dan Konvensional kepada pelanggan runcit, korporat dan institusi.

(c) Insurans dan Takaful

Insurans dan Takaful merangkumi perniagaan taja jamin untuk semua kelas perniagaan insurans am dan hayat, perniagaan insurans hayat pelaburan luar pesisir dan takaful keluarga.

(d) Perbankan Antarabangsa

Di peringkat Antarabangsa, perniagaan domestik CFS dipacu di dalam negara manakala perbankan pemborongan di setiap negara perlu membuat laporan kepada GB. Bagi tujuan pengurusan pelaporan, prestasi GB ditunjukkan secara berasingan dan terdiri daripada Perbankan Korporat dan Pasaran Global di Malaysia, serta perniagaan Perbankan Pelaburan, manakala prestasi Perbankan Antarabangsa terdiri daripada kedua-dua perbankan pemborongan dan perbankan CFS di luar Malaysia, sebagai contoh, Singapura dan Indonesia.

58. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(i) Mengikut segmen perniagaan (samb.)

Kumpulan	Segmen Perniagaan							Ibu Pejabat dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
		GB							
	Perkhidmatan Kewangan Komuniti RM'000	Perbankan Korporat RM'000	Pasaran Global RM'000	Perbankan Pelaburan RM'000	Pengurusan Aset RM'000	Perbankan Antarabangsa RM'000	Insurans dan Takaful RM'000		
1.1.2014 hingga 31.12.2014									
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI:									
- Luaran	**5,987,808**	**1,651,099**	**813,047**	**195,791**	**5,882**	**4,068,264**	**873,260**	**(620,237)**	**12,974,914**
- Antara segmen	**-**	**-**	**-**	**(4,544)**	**(2,794)**	**(27,517)**	**67,868**	**(33,013)**	**-**
	5,987,808	**1,651,099**	**813,047**	**191,247**	**3,088**	**4,040,747**	**941,128**	**(653,250)**	**12,974,914**
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI	**5,987,808**	**1,651,099**	**813,047**	**191,247**	**3,088**	**4,040,747**	**941,128**	**(653,250)**	**12,974,914**
Perolehan premium insurans, bersih	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**3,946,068**	**-**	**3,946,068**
Pendapatan operasi lain	**1,527,340**	**730,968**	**877,685**	**1,324,052**	**97,152**	**1,635,945**	**723,098**	**(1,375,801)**	**5,540,439**
Jumlah pendapatan operasi	**7,515,148**	**2,382,067**	**1,690,732**	**1,515,299**	**100,240**	**5,676,692**	**5,610,294**	**(2,029,051)**	**22,461,421**
Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**(3,930,819)**	**-**	**(3,930,819)**
Pendapatan bersih operasi	**7,515,148**	**2,382,067**	**1,690,732**	**1,515,299**	**100,240**	**5,676,692**	**1,679,475**	**(2,029,051)**	**18,530,602**
Perbelanjaan overhed	**(3,714,844)**	**(545,360)**	**(245,515)**	**(1,051,688)**	**(94,090)**	**(2,848,356)**	**(611,459)**	**-**	**(9,111,312)**
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	**3,800,304**	**1,836,707**	**1,445,217**	**463,611**	**6,150**	**2,828,336**	**1,068,016**	**(2,029,051)**	**9,419,290**
Masuk kira semula/(peruntukan bagi) kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan perhutang lain, bersih	**471,242**	**(203,609)**	**-**	**5,973**	**178**	**(682,931)**	**8,755**	**-**	**(400,392)**
Masuk kira semula/(peruntukan bagi) kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	**-**	**-**	**44,390**	**9,015**	**(5,568)**	**62,491**	**(180,768)**	**-**	**(70,440)**
Keuntungan operasi	**4,271,546**	**1,633,098**	**1,489,607**	**478,599**	**760**	**2,207,896**	**896,003**	**(2,029,051)**	**8,948,458**
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	**-**	**-**	**-**	**212**	**-**	**162,239**	**674**	**-**	**163,125**
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**4,271,546**	**1,633,098**	**1,489,607**	**478,811**	**760**	**2,370,135**	**896,677**	**(2,029,051)**	**9,111,583**
Cukai dan zakat									**(2,200,540)**
Keuntungan selepas cukai dan zakat									**6,911,043**
Kepentingan tidak dikawal									**(194,588)**
Keuntungan bagi tahun kewangan untuk pemegang-pemegang ekuiti bank									**6,716,455**
Termasuk dalam perbelanjaan overhed adalah:									
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	**(116,271)**	**(19,853)**	**(10,834)**	**(45,663)**	**(858)**	**(120,792)**	**(16,904)**	**-**	**(331,175)**
Pelunasan aset tidak ketara	**(78,933)**	**(14,339)**	**(7,970)**	**(40,815)**	**(624)**	**(69,419)**	**(19,403)**	**-**	**(231,503)**
1.1.2013 hingga 31.12.2013									
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI:									
- Luaran	5,818,529	1,649,605	847,536	209,072	1,953	3,718,720	864,169	(714,122)	12,395,462
- Antara segmen	-	-	-	2,396	2,023	(27,433)	63,171	(40,157)	-
	5,818,529	1,649,605	847,536	211,468	3,976	3,691,287	927,340	(754,279)	12,395,462
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI	5,818,529	1,649,605	847,536	211,468	3,976	3,691,287	927,340	(754,279)	12,395,462
Perolehan premium insurans, bersih	-	-	-	-	-	-	3,941,346	-	3,941,346
Pendapatan operasi lain	1,499,494	620,819	847,980	1,324,807	68,575	1,638,938	291,032	(409,583)	5,882,062
Jumlah pendapatan operasi	7,318,023	2,270,424	1,695,516	1,536,275	72,551	5,330,225	5,159,718	(1,163,862)	22,218,870
Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	-	-	-	-	-	-	(3,680,510)	-	(3,680,510)
Pendapatan bersih operasi	7,318,023	2,270,424	1,695,516	1,536,275	72,551	5,330,225	1,479,208	(1,163,862)	18,538,360
Perbelanjaan overhed	(3,699,767)	(418,407)	(239,924)	(1,060,218)	(50,874)	(2,762,770)	(695,965)	-	(8,927,925)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	3,618,256	1,852,017	1,455,592	476,057	21,677	2,567,455	783,243	(1,163,862)	9,610,435
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan perhutang lain, bersih	(393,788)	(237,911)	-	(2,537)	(185)	(102,686)	7,521	-	(729,586)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai pelaburan kewangan, bersih	-	-	(58,978)	(12,451)	-	(65,727)	(13,366)	-	(150,522)
Keuntungan operasi	3,224,468	1,614,106	1,396,614	461,069	21,492	2,399,042	777,398	(1,163,862)	8,730,327
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	-	-	-	738	-	137,665	864	-	139,267
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	3,224,468	1,614,106	1,396,614	461,807	21,492	2,536,707	778,262	(1,163,862)	8,869,594
Cukai dan zakat									(2,098,261)
Keuntungan selepas cukai dan zakat									6,771,333
Kepentingan tidak dikawal									(218,942)
Keuntungan bagi tahun kewangan untuk pemegang-pemegang ekuiti bank									6,552,391
Termasuk dalam perbelanjaan overhed adalah:									
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(98,864)	(8,792)	(5,598)	(40,309)	(456)	(100,664)	(14,009)	-	(268,692)
Pelunasan aset tidak ketara	(61,321)	(12,662)	(7,488)	(40,022)	(287)	(58,062)	(26,641)	-	(206,483)

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

58. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(ii) Mengikut lokasi geografi

Kumpulan beroperasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Papua New Guinea, Brunei Darussalam, China, Hong Kong SAR, Vietnam, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kemboja, Laos, Bahrain, Pesisir Labuan dan Thailand.

Kecuali Malaysia, Singapura dan Indonesia, tiada mana-mana negara individu yang menyumbang lebih daripada 10% kepada hasil operasi disatukan sebelum mengambil kira perbelanjaan operasi dan jumlah aset.

Hasil operasi, pendapatan bersih, keuntungan sebelum cukai dan zakat, dan aset berdasarkan lokasi geografi pelanggan adalah seperti berikut:

Butiran penyata pendapatan Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2014	**Hasil operasi RM'000**	**Pendapatan bersih RM'000**	**Keuntungan sebelum cukai dan zakat RM'000**
Malaysia	**28,894,531**	**14,941,392**	**8,898,151**
Singapura	**4,406,402**	**3,073,428**	**1,307,960**
Indonesia	**4,243,838**	**2,239,999**	**276,612**
Lain-lain	**1,995,097**	**1,368,317**	**1,035,481**
	39,539,868	**21,623,136**	**11,518,204**
Penyingkiran*	**(3,827,862)**	**(3,092,534)**	**(2,406,621)**
Kumpulan	**35,712,006**	**18,530,602**	**9,111,583**

Butiran penyata pendapatan Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2013	**Hasil operasi RM'000**	**Pendapatan bersih RM'000**	**Keuntungan sebelum cukai dan zakat RM'000**
Malaysia	26,905,923	14,711,450	8,464,785
Singapura	3,684,993	2,732,243	1,251,904
Indonesia	4,092,901	2,511,268	658,575
Lain-lain	1,603,171	1,132,028	779,569
	36,286,988	21,086,989	11,154,833
Penyingkiran*	(3,036,211)	(2,548,629)	(2,285,239)
Kumpulan	33,250,777	18,538,360	8,869,594

* Perolehan antara segmen disingkirkan semasa penyatuan.

Jumlah aset bukan semasa dan semasa berdasar lokasi geografi adalah seperti berikut:

	Aset bukan semasa[1]		**Aset semasa[2]**	
Butiran kedudukan penyata kewangan:	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Malaysia	**8,335,574**	8,105,620	**454,625,309**	414,176,678
Singapura	**946,136**	909,346	**130,835,260**	103,765,933
Indonesia	**122,102**	104,962	**40,621,158**	38,303,152
Lain-lain	**141,236**	118,694	**48,712,156**	44,044,395
	9,545,048	9,238,622	**674,793,883**	600,290,158
Penyingkiran[3]	**-**	-	**(44,038,975)**	(49,209,996)
Kumpulan	**9,545,048**	9,238,622	**630,754,908**	551,080,162

[1] Aset-aset bukan semasa terdiri daripada hartanah pelaburan, hartanah, loji dan peralatan, dan aset tidak ketara.
[2] Aset semasa adalah jumlah aset tidak termasuk aset bukan semasa seperti yang disebutkan di atas.
[3] Baki antara segmen disingkirkan semasa penyatuan.

59. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA

Berikut adalah peristiwa-peristiwa penting Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014:

(a) Terbitan Nota Subordinat Tahap 2 sebanyak RM1.6 bilion di bawah Program Nota Subordinat RM7.0 bilion

Pada 19 Disember 2013, Maybank mendapat kelulusan daripada BNM bagi semakan terma dan syarat utama Program Nota Subordinat (bagi Nota Subordinat untuk diterbitkan di masa hadapan) bagi mematuhi Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM yang diterbitkan pada 28 November 2012 ("Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM").

Pada 29 Januari 2014, Maybank menerbitkan RM1.6 bilion Nota Subordinat Tahap 2 yang mematuhi keperluan Basel III untuk tempoh 10 tahun pada asas 10 tidak boleh dipanggil 5 di bawah Program Nota Subordinat yang disemak, yang akan matang pada 29 Januari 2024.

Nota Subordinat ini menanggung kadar faedah tetap 4.90% setahun, dibayar dua kali setahun, dan layak sebagai modal Tahap 2 Maybank menurut Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM.

Dengan kebenaran BNM, pihak Bank boleh menebus Nota Subordinat, secara penuh atau sebahagian, pada 29 Januari 2019 (Tarikh Panggilan pertama) dan selanjutnya pada tarikh setiap pembayaran kupon.

Penerimaan daripada terbitan Nota Subordinat ini akan digunakan bagi menampung modal kerja Maybank, perbankan am dan bagi tujuan korporat lain.

Butiran Nota Subordinat dinyatakan dalam Nota 29(xii).

(b) Terbitan hak 27,373,500 saham biasa baru RM1.00 sesaham yang diterbitkan oleh Maybank Islamic berhad ("MIB"), subsidiari milik penuh Bank

Pada 26 Mac 2014, MIB menyelesaikan pelaksanaan terbitan haknya sebanyak 23,373,500 saham biasa baru RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM14.64 sesaham dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM400,748,040. Penerimaan daripada terbitan hak ini akan digunakan bagi menambahbaik struktur modal dan mengukuhkan kedudukan kewangannya bagi memacu pertumbuhan masa depan.

Butiran terbitan hak ini dinyatakan dalam Nota 17(b).

(c) Terbitan Subordinat Sukuk Murabahah Modal Tahap 2 bernilai RM1.5 bilion ("Sukuk Murabahah Subordinat") berdasarkan Program Sukuk Murabahah sehingga RM10.0 bilion pada nilai nominal ("Program Sukuk Subordinat") oleh Maybank Islamic Berhad

Pada 7 April 2014, Maybank Islamic Berhad ("MIB"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank, menerbitkan RM1.5 bilion Subordinat Sukuk Murabahah Modal Tahap 2 yang mematuhi kehendak Basel III dalam nilai nominal ("Sukuk Murabahah Subordinat") berdasarkan Program Sukuk Murabahah Subordinat sehingga RM10.0 bilion dalam nilai nominal ("Program Sukuk Subordinat").

Subordinat Sukuk Murabahah ini untuk tempoh sepuluh (10) tahun pada asas 10 tidak boleh dipanggil 5, dengan kadar keuntungan 4.75% setahun, dengan bayaran secara tunggakan dua kali setahun, dan akan matang pada 5 April 2024.

Dengan kebenaran BNM, MIB boleh menebus Subordinat Sukuk Murabahah, secara penuh atau sebahagian, pada 5 April 2019 (Tarikh Panggilan pertama) dan boleh dipanggil pada setiap tarikh pembayaran keuntungan selanjutnya.

Penerimaan bersih daripada terbitan Subordinat Sukuk Murabahah akan digunakan untuk program pengembangan perniagaan MIB, perbankan am, modal kerja dan lain-lain tujuan korporat yang mematuhi keperluan Syariah.

Butiran Subordinat Sukuk Murabahah dinyatakan di dalam Nota 29(xiii).

(d) Terbitan RM300.0 juta Subordinat Sukuk Musharakah Modal Tahap 2 oleh Etiqa Takaful Berhad pada nilai nominal

Pada 30 Mei 2014, Etiqa Takaful Berhad ("ETB"), subsidiari milik Bank, menerbitkan RM300.0 juta Subordinat Sukuk Musharakah Modal Tahap 2 dalam nilai nominal ("Subordinat Sukuk Musharakah").

Subordinat Sukuk Musharakah ini mempunyai tempoh sepuluh (10) tahun pada asas 10 tidak boleh dipanggil 5, dengan kadar keuntungan tahunan 4.52%, dibayar secara tunggakan dua kali setahun, dan akan matang pada 30 Mei 2024.

Dengan kebenaran BNM, ETB boleh menebus Subordinat Sukuk Musharakah pada sebarang tarikh pengagihan dwi-tahunan atau selepas ulang tahun ke lima (5) daripada tarikh terbitannya.

Penerimaan bersih daripada terbitan Subordinat Sukuk Musharakah akan digunakan, untuk operasi perniagaan ETB, modal kerja dan lain-lain tujuan korporat yang mematuhi keperluan Syariah.

Butiran Subordinat Sukuk Musharakah dinyatakan dalam Nota 29(xiv).

(e) Terbitan IDR1.5 trilion Bon Subordinat di bawah Simpanan Subordinat Bon II Bank BII Tranche I Tahun 2014

Pada 8 Julai 2014, BII, subsidiari milik Bank, menerbitkan IDR1.5 trilion Subordinat Bon di bawah Simpanan Subordinat Bon II Bank BII Tranche I Tahun 2014. Subordinat Bon ini menanggung kadar faedah tetap 11.35% setahun, dibayar setiap suku tahun secara tunggakan, dan akan matang pada 8 Julai 2021.

Butiran Bon Subordinat ini dinyatakan dalam Nota 29(xv).

(f) Penubuhan Program Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 ("AT1CS") sehingga RM10.0 bilion dan/atau sama nilai matawang asing dalam nilai nominal ("Program AT1CS")

Bank mendapat kelulusan dan kebenaran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menerusi surat bertarikh 14 Ogos 2014 bagi penubuhan Program AT1CS dan penerbitan AT1CS dibawahnya.

Keizinan penubuhan Program AT1CS daripada BNM juga telah diterima pada 14 Julai 2014 (berdasarkan terma dan syarat yang terkandung).

AT1CS yang diterbitkan di bawah Program AT1CS berkelayakan sebagai Modal Tambahan Tahap 1 Bank dan tertakluk pada syarat-syarat yang ditentukan dalam Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM yang diterbitkan pada 28 November 2012.

Program AT1CS mempunyai tempoh berterusan daripada tarikh awal penerbitan AT1CS di bawah Program AT1CS dan setiap AT1CS mempunyai tempoh tarikh panggilan tidak kurang daripada lima (5) tahun daripada tarikh terbitan tranche AT1CS berkenaan. Setiap terbitan AT1CS di bawah Program AT1CS, mempunyai opsyen panggilan yang membolehkan Bank, tertakluk pada syarat tebus semula, untuk menebus (penuh atau sebahagian) tranche AT1CS berkenaan pada tarikh panggilan pada jumlah prinsipal bersama kupon belum berbayar terakru (jika ada).

Hasil terbitan AT1CS akan digunakan bagi menampung modal kerja Bank, perbankan am dan tujuan korporat lain, termasuk pembiayaan semula pinjaman ditanggung dan/atau sebarang instrumen hutang yang diterbitkan oleh Bank dan/atau yang berkaitan dengannya.

Program AT1CS telah berjaya ditubuhkan pada 19 Ogos 2014.

(g) Penubuhan Program Kertas Perdagangan Euro sehingga USD5.0 bilion atau bersamaan matawang alternatif dalam nilai nominal

Pada 25 Julai 2014, Bank mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi menubuhkan Program Kertas Perdagangan Euro ("Program CP") di mana Bank boleh menerbitkan dan memiliki Nota Kertas Perdagangan Euro ("Nota") belum jelas pada bila-bila masa sehingga USD5.0 bilion atau bersamaan dalam matawang alternatif dalam nilai nominal.

Program CP ini memberikan fleksibiliti kepada Bank untuk mengumpul dana menerusi penerbitan Nota dari semasa ke semasa yang boleh digunakan bagi membiayai modal kerja Bank, perbankan am dan lain-lain tujuan korporat.

Program CP ini telah diberi penarafan sebagai hutang jangka pendek P-2 oleh Moody's Investors Service, Inc. Maybank Investment Bank Berhad adalah Penasihat Utama sementara Maybank Kim Eng Securities Pte. Ltd. adalah Pengatur Utama bagi Program CP Ini.

Program CP telah berjaya ditubuhkan pada 4 September 2014.

(h) Terbitan Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 yang Mematuhi Keperluan Basel III ("AT1CS") sebanyak RM3.5 bilion dalam nilai nominal di bawah program AT1CS sehingga RM10.0 bilion dan/atau bersamaan dalam matawang asing dalam nilai nominal

Pada 10 September 2014, Bank menerbitkan RM3.5 bilion AT1CS yang mematuhi keperluan Basel lll dalam nilai nominal dengan tempoh berterusan lima (5) tahun tidak boleh panggil di bawah Program AT1CS sehingga RM10.0 bilion dan/atau bersamaan dalam matawang asing dalam nilai nominal yang ditubuhkan pada 19 Ogos 2014.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

59. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA (SAMB.)

Berikut adalah peristiwa-peristiwa penting bagi Kumpulan dan bank sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (samb.):

(h) Terbitan Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 yang Mematuhi Keperluan Basel III ("AT1CS") sebanyak RM3.5 bilion dalam nilai nominal di bawah program AT1CS sehingga RM10.0 bilion dan/atau bersamaan dalam matawang asing dalam nilai nominal (samb.)

AT1CS ini menanggung kadar faedah tetap tahunan 5.30%, dibayar dua kali setahun.

Tertakluk pada kelulusan BNM, Bank boleh menebus semula AT1CS, secara penuh atau sebahagian, pada 10 September 2019 (Tarikh Panggilan pertama) dan selanjutnya pada tarikh setiap pembayaran kupon.

Butiran AT1CS dinyatakan dalam Nota 30(d).

(i) Penebusan semula sebahagian Modal Tahap 1 Bukan Inovatif sebanyak RM3.437 bilion dalam nilai nominal ("Modal NIT1")

Pada 10 September 2014, Bank telah menebus semula sebahagian Modal NIT1 sebanyak RM3.437 bilion dalam nilai nominal meliputi Sekuriti Modal Berterusan Tidak Terkumpul ("NCPCS") yang diikat dengan Nota Subordinat terbitan Cekap Mentari Berhad, sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank.

Modal NIT1 diterbitkan pada Jun 2008. Butiran Modal NIT1 Capital dinyatakan dalam Nota 30(a).

(j) Pelupusan ATR Kim Eng land, Inc., syarikat subsidiari tidak langsung Maybank Kim Eng Holdings Limited ("MKEH") menerusi Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. ("MATRKECP")

Pada 22 Disember 2014 ("Tarikh Tutup"), Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. ("MATRKECP"), sebuah syarikat subsidiari tidak langsung Maybank menerusi Maybank Kim Eng Holdings Limited ("MKEH"), menjual 3,100,000 saham biasa yang mewakili 100% pemilikan dalam ATR Kim Eng Land, Inc. ("ATRKE Land") kepada Rockwell Primaries Development Corp., ATR Holdings, Inc. dan Dragon Eagle International Limited (yang "Dilupuskan").

Pelupusan ini telah dilaksanakan sebagai sebahagian inisiatif MKEH untuk mempelbagaikan aset bukan terasnya. Berkuat kuasa dari Tarikh Tutup, ATRKE Land lupus sebagai syarikat subsidiari tidak langsung Maybank.

Kesan kewangan bagi Pelupusan ini dinyatakan dalam Nota 17(c).

(k) Terbitan hak PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII")

Pada 24 Disember 2014, BII, syarikat subsidiari Maybank menyelesaikan pelaksanaan terbitan hak sejumlah 6,774,684,073 saham biasa baru Rupiah ("Rp") 22.5 setiap satu ("Saham Hak") pada harga terbitan Rp221 setiap Saham Hak ("Terbitan Hak"). Jumlah kutipan daripada terbitan Hak ini dianggarkan berjumlah Rp1.5 trillion. Kumpulan telah melanggan Terbitan Hak ini secara penuh mengikut kelayakan.

Hasil terbitan Hak ini secara asasnya digunakan untuk pengembangan kredit sebagai sebahagian rancangan BII untuk menambah baik struktur modal dan memperkukuhkan kedudukan kewangannya bagi memacu pertumbuhan pada masa depan.

(l) Pemindahan aset dan liabiliti yang dikenal pasti daripada Maybank International (L) Ltd. ("MILL") kepada Maybank International cawangan Labuan ("MILB")

Pada 3 Mei 2013, Bank telah membuka Maybank International Labuan ("MILB"), cawangan pesisir pantai, di Wilayah Persekutuan Labuan, di mana lokasi operasi perniagaannya adalah sama seperti Maybank International (L) Ltd. ("MILL"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank.

Sebagai sebahagian daripada perancangan perniagaan, aset dan liabiliti yang dikenalpasti akan dipindahkan menerusi pemberian hak secara berperingkat (tranche). Tranche pertama aset dan liabiliti yang dikenalpasti sudah dipindahkan berdasarkan kedudukan sehingga 14 Februari 2014. Pemindahan baki aset dan liabiliti yang dikenalpasti ketika ini sedang dilaksanakan, dan dijangka selesai pada tahun 2015, tertakluk pada kelulusan pengawal selia yang berkaitan.

Berikut adalah peristiwa-peristiwa penting selanjutnya bagi Kumpulan dan Bank selepas tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014:

(a) Sekuriti Modal 6% bernilai SGD600.0 juta boleh dipanggil oleh Bank dengan kenaikan pada tahun 2018 berdasarkan Program Inovatif Sekuriti Modal Tahap 1 RM4.0 bilion

Pada 21 Januari 2015, Bank telah membuat pembelian SGD78.0 juta daripada SGD600.0 juta Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif ("IT1CS") menerusi satu perjanjian sulit. Sejumlah SGD78.0 juta IT1CS yang dibeli semula telah dibatalkan pada 28 Januari 2015.

(b) Terbitan USD50.0 juta Nota Kadar Terapung dalam nilai nominal di bawah Program USD5.0 bilion Nota Berjangka Serderhana Berbilang Matawang

Pada 29 Januari 2015, Bank menerbitkan USD50.0 juta Nota Kadar Terapung yang akan matang pada tahun 2016 di bawah Program USD5.0 bilion Nota Berjangka Sederhana Berbilang Matawang. Pinjaman ini menanggung kadar faedah terapung 3-bulan LIBOR + 48bps setahun.

60. PENYATA PENDAPATAN DAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PERNIAGAAN INSURANS DAN TAKAFUL

(a) Penyata pendapatan

	Dana Hayat		Dana Takaful Keluarga		Dana Takaful Am		Dana Pemegang Saham dan Am		Jumlah	
Kumpulan	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000
Hasil operasi	**1,692,726**	1,326,735	**1,598,572**	1,606,797	**839,246**	816,642	**1,353,928**	1,884,315	**5,484,472**	5,634,489
Pendapatan faedah	**435,140**	433,258	**308,399**	314,292	**57,466**	44,621	**168,798**	145,297	**969,803**	937,468
Perbelanjaan faedah	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**(28,675)**	(10,184)	**(28,675)**	(10,184)
Pendapatan faedah bersih	**435,140**	433,258	**308,399**	314,292	**57,466**	44,621	**140,123**	135,113	**941,128**	927,284
Perolehan premium insurans bersih	**984,224**	785,452	**1,017,700**	1,332,479	**772,264**	707,087	**1,171,880**	1,116,328	**3,946,068**	3,941,346
Pendapatan operasi lain	**288,991**	123,205	**272,473**	(39,974)	**9,517**	64,935	**150,652**	142,866	**721,633**	291,032
Jumlah pendapatan operasi	**1,708,355**	1,341,915	**1,598,572**	1,606,797	**839,247**	816,643	**1,462,655**	1,394,307	**5,608,829**	5,159,662
Manfaat insurans dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	**(1,518,592)**	(1,191,097)	**(1,442,093)**	(1,563,284)	**(836,657)**	(814,769)	**(231,926)**	(201,399)	**(4,029,268)**	(3,770,549)
Pendapatan operasi bersih	**189,763**	150,818	**156,479**	43,513	**2,590**	1,874	**1,230,729**	1,192,908	**1,579,561**	1,389,113
Perbelanjaan overhed	**(155,404)**	(148,202)	**(39,149)**	(33,908)	**(567)**	(1,356)	**(420,279)**	(417,878)	**(615,399)**	(601,344)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	**34,359**	2,616	**117,330**	9,605	**2,023**	518	**810,450**	775,030	**964,162**	787,769
Masuk kira semula/(peruntukan bagi) kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan penghutang lain, bersih	**3,138**	(441)	**7,087**	(2,079)	**(1,683)**	89	**212**	9,952	**8,754**	7,521
Peruntukan kerugian rosot nilai pelaburan kewangan, bersih	**(37,497)**	(2,175)	**(124,417)**	(7,526)	**(340)**	(607)	**(18,515)**	(3,058)	**(180,769)**	(13,366)
Keuntungan operasi	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**792,147**	781,924	**792,147**	781,924
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**674**	864	**674**	864
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**792,821**	782,788	**792,821**	782,788
Cukai dan zakat	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**(219,673)**	(165,375)	**(219,673)**	(165,375)
Keuntungan bagi tahun kewangan	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**573,148**	617,413	**573,148**	617,413

60. PENYATA PENDAPATAN DAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PERNIAGAAN INSURANS DAN TAKAFUL (SAMB.)

(b) Penyata kedudukan kewangan

Kumpulan Pada 31.12.2014	Dana Hayat RM'000	Dana Takaful Keluarga RM'000	Dana Takaful Am RM'000	Dana Pemegang Saham dan Am RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset					
Tunai dan dana jangka pendek	**53,254**	**50,364**	**49,612**	**140,400**	**293,630**
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**598,475**	**374,121**	**118,495**	**616,214**	**1,707,305**
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**8,977,758**	**4,490,284**	**-**	**-**	**13,468,042**
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**1,056,052**	**3,361,546**	**1,349,788**	**3,849,271**	**9,616,657**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**276,085**	**7,300**	**-**	**30,646**	**314,031**
Aset derivatif	**14,936**	**-**	**-**	**-**	**14,936**
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	**64,153**	**121,948**	**339,827**	**4,446,135**	**4,972,063**
Aset-aset lain	**108,217**	**112,213**	**2,056**	**202,718**	**425,204**
Hartanah pelaburan	**536,895**	**-**	**-**	**51,035**	**587,930**
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	**-**	**-**	**-**	**10,974**	**10,974**
Hartanah, loji dan peralatan	**77,070**	**-**	**-**	**72,916**	**149,986**
Aset tidak ketara	**12,967**	**-**	**-**	**23,451**	**36,418**
Aset cukai tertunda	**6,581**	**16,027**	**8,761**	**35,563**	**66,932**
Jumlah aset	**11,782,443**	**8,533,803**	**1,868,539**	**9,479,323**	**31,664,108**
Liabiliti-liabiliti					
Liabiliti derivatif	**15,135**	**-**	**-**	**-**	**15,135**
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	**9,544,425**	**8,217,200**	**1,650,190**	**5,387,018**	**24,798,833**
Liabiliti-liabiliti lain*	**2,162,437**	**309,793**	**206,533**	**(1,759,346)**	**919,417**
Peruntukan cukai dan zakat	**26,429**	**5,445**	**7,012**	**(64,430)**	**(25,544)**
Liabiliti cukai tertunda	**34,017**	**1,365**	**4,804**	**460,814**	**501,000**
Tanggungan subordinat	**-**	**-**	**-**	**811,334**	**811,334**
Jumlah liabiliti	**11,782,443**	**8,533,803**	**1,868,539**	**4,835,390**	**27,020,175**
Ekuiti untuk pemegang-pemegang syarikat-syarikat subsidiari					
Modal saham	**-**	**-**	**-**	**252,005**	**252,005**
Rizab-rizab lain	**-**	**-**	**-**	**4,391,928**	**4,391,928**
	-	**-**	**-**	**4,643,933**	**4,643,933**
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham	**11,782,443**	**8,533,803**	**1,868,539**	**9,479,323**	**31,664,108**

* Termasuk dalam liabiliti-liabiliti lain adalah jumlah terhutang kepada/(daripada) dana hayat, am dan dana berkaitan pelaburan yang tidak dijamin yang tidak tertakluk kepada sebarang elemen faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

60. PENYATA PENDAPATAN DAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PERNIAGAAN INSURANS DAN TAKAFUL (SAMB.)

(b) Penyata kedudukan kewangan (samb.)

Kumpulan Pada 31.12.2013	Dana Hayat RM'000	Dana Takaful Keluarga RM'000	Dana Takaful Am RM'000	Dana Pemegang Saham dan Am RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset					
Tunai dan dana jangka pendek	55,313	90,009	53,033	140,250	338,605
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	902,179	493,643	319,559	1,379,348	3,094,729
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8,546,946	4,571,735	-	-	13,118,681
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	1,190,548	2,781,462	1,039,781	3,165,842	8,177,633
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	276,629	7,309	-	33,181	317,119
Aset derivatif	18,035	-	-	-	18,035
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	66,498	155,836	282,157	1,845,504	2,349,995
Aset-aset lain	33,576	4,216	7,671	89,232	134,695
Hartanah pelaburan	524,392	-	-	51,062	575,454
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	-	-	-	9,110	9,110
Hartanah, loji dan peralatan	61,007	-	-	74,364	135,371
Aset tidak ketara	15,961	67	3	11,482	27,513
Aset cukai tertunda	1,692	5,544	10,303	20,903	38,442
Jumlah aset	11,692,776	8,109,821	1,712,507	6,820,278	28,335,382
Liabiliti-liabiliti					
Liabiliti derivatif	2,961	-	-	-	2,961
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	9,811,717	7,779,115	1,485,201	2,724,106	21,800,139
Liabiliti-liabiliti lain*	1,822,276	326,024	222,254	(1,369,185)	1,001,369
Peruntukan cukai dan zakat	12,054	(1,805)	(318)	21,934	31,865
Liabiliti cukai tertunda	43,768	6,487	5,370	359,345	414,970
Tanggungan subordinat	-	-	-	510,184	510,184
Jumlah liabiliti	11,692,776	8,109,821	1,712,507	2,246,384	23,761,488
Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti syarikat-syarikat subsidiari					
Modal saham	-	-	-	252,005	252,005
Rizab-rizab lain	-	-	-	4,321,889	4,321,889
	-	-	-	4,573,894	4,573,894
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham	11,692,776	8,109,821	1,712,507	6,820,278	28,335,382

* Termasuk dalam liabiliti-liabiliti lain adalah jumlah terhutang kepada/(daripada) dana hayat, am dan dana berkaitan pelaburan yang tidak dijamin yang tidak tertakluk kepada sebarang faedah dan perlu dibayar balik atas permintaaan.

61. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI")

(a) Penyata kedudukan kewangan

Kumpulan	Nota	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Aset-aset			
Tunai dan dana jangka pendek	(f)	**17,893,965**	17,763,716
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	(g)	**763**	63,380
Portfolio pelaburan kewangan	(h)	**9,464,746**	9,193,509
Pembiayaan dan pendahuluan	(i)	**108,814,883**	87,395,117
Aset derivatif	(j)	**169,535**	134,141
Aset-aset lain	(k)	**7,981,518**	9,101,475
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	(l)	**3,778,000**	3,084,000
Hartanah, loji dan peralatan	(m)	**1,162**	1,203
Aset tidak ketara	(n)	**658**	1,520
Aset cukai tertunda	(o)	**35,963**	268,231
		148,141,193	127,006,292
Liabiliti-liabiliti			
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	(p)	**99,996,856**	83,376,255
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	(q)	**36,625,916**	33,431,855
Bil-bil dan penerimaan belum bayar		**5,947**	62,124
Liabiliti derivatif	(j)	**273,865**	247,952
Liabiliti-liabiliti lain	(r)	**288,384**	278,481
Kewajipan ke atas pembiayaan dijual kepada Cagamas	(t)	**-**	620,976
Peruntukan cukai dan zakat	(u)	**54,994**	206,479
Sukuk subordinat	(v)	**2,527,629**	1,010,782
		139,773,591	119,234,904
Dana Modal Perbankan Islam			
Dana Perbankan Islam	(d)	**1,175,774**	1,278,853
Premium saham	(d)	**4,099,344**	3,725,969
Keuntungan terkumpul	(d)	**2,470,137**	2,445,492
Rizab-rizab lain	(d)	**622,347**	321,074
		8,367,602	7,771,388
		148,141,193	127,006,292
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	(cc)	**37,876,493**	34,079,257

Nota iringan ini memberikan butiran lanjut ke atas baki pada tarikh pelaporan.

(b) Penyata pendapatan

Kumpulan	Nota	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pendeposit	(w)	**5,545,645**	4,489,860
Pendapatan diperoleh daripada dana pelaburan Perbankan Islam	(x)	**325,187**	318,017
Peruntukan kerugian rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan	(y)	**(84,885)**	(8,509)
Jumlah pendapatan boleh diagih		**5,785,947**	4,799,368
Pendapatan boleh diagih kepada pendeposit	(z)	**(3,085,192)**	(2,369,879)
Jumlah pendapatan bersih		**2,700,755**	2,429,489
Kos kewangan		**(93,074)**	(42,200)
Perbelanjaan overhed	(aa)	**(997,395)**	(913,231)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		**1,610,286**	1,474,058
Cukai	(bb)	**(424,596)**	(336,466)
Zakat		**(19,572)**	(22,247)
Keuntungan bagi tahun kewangan		**1,166,118**	1,115,345

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

61. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(b) Penyata pendapatan (samb.)

Bagi tujuan penyatuan dengan operasi perbankan konvensional, pendapatan daripada Skim Perbankan Islam seperti mana ditunjukkan dalam penyata pendapatan yang disatukan, meliputi item-item berikut:

Kumpulan	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pendeposit	**5,545,645**	4,489,860
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana Perbankan Islam	**325,187**	318,017
Jumlah pendapatan sebelum peruntukan kerugian rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan, dan perbelanjaan overhed	**5,870,832**	4,807,877
Pendapatan boleh agih kepada pendeposit	**(3,085,192)**	(2,369,879)
	2,785,640	2,437,998
Kos kewangan	**(93,074)**	(42,200)
Perbelanjaan dan pendapatan bersih antara syarikat	**578,645**	414,384
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam dilaporkan dalam penyata pendapatan Kumpulan	**3,271,211**	2,810,182

Nota iringan ini memberikan butiran lanjut mengenai jumlah yang dicatatkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013.

(c) Penyata pendapatan komprehensif

Kumpulan	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	**1,166,118**	1,115,345
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain:		
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan kepada untung dan rugi:		
Terjemahan matawang asing	**80,974**	21,483
Keuntungan/(kerugian) bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**34,691**	(214,691)
Kesan cukai pendapatan	**(9,420)**	53,051
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan, bersih dari cukai	**106,245**	(140,157)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	**1,272,363**	975,188

61. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(d) Penyata perubahan dalam Dana Modal Perbankan Islam

Kumpulan	Dana Perbankan Islam RM'000	Tidak boleh diagih								Keuntungan Terkumpul Boleh agih RM'000	Jumlah RM'000
		Premium Saham RM'000	Rizab AFS RM'000	Rizab Terjemahan Matawang RM'000	Rizab Berkanun RM'000	*Sumbangan ekuiti daripada syarikat induk RM'000	Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000	Rizab Pelan Manfaat Tetap RM'000	Rizab Dikawal Selia RM'000		
Pada 1 Januari 2014	1,278,853	3,725,969	(124,889)	328	409,672	1,697	34,456	(190)	-	2,445,492	7,771,388
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,166,118	1,166,118
Pendapatan komprehensif lain	-	-	25,271	80,974	-	-	-	-	-	-	106,245
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	25,271	80,974	-	-	-	-	-	1,166,118	1,272,363
Pindahan (kepada)/daripada operasi perbankan konvensional	(130,453)	-	-	(79,472)	-	-	-	-	-	7,904	(202,021)
Terbitan saham biasa (Nota 59(b))	27,374	373,375	-	-	-	-	-	-	-	-	400,749
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(874,877)	(874,877)
Pindahan ke rizab dikawal selia	-	-	-	-	-	-	-	-	274,500	(274,500)	-
Pada 31 Disember 2014	1,175,774	4,099,344	(99,618)	1,830	409,672	1,697	34,456	(190)	274,500	2,470,137	8,367,602

Kumpulan	Dana Perbankan Islam RM'000	Tidak boleh diagih								Keuntungan Terkumpul Boleh agih RM'000	Jumlah RM'000
		Premium Saham RM'000	Rizab AFS RM'000	Rizab Terjemahan Matawang RM'000	Rizab Berkanun RM'000	*Sumbangan ekuiti daripada syarikat induk RM'000	Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000	Rizab Pelan Manfaat Tetap RM'000	Rizab Dikawal Selia RM'000		
Pada 1 Januari 2013	863,719	2,687,480	36,751	(1,033)	147,338	1,697	34,456	(190)	-	1,714,977	5,485,195
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,115,345	1,115,345
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain	-	-	(161,640)	21,483	-	-	-	-	-	-	(140,157)
Jumlah pendapatan/ (kerugian) bagi tahun kewangan	-	-	(161,640)	21,483	-	-	-	-	-	1,115,345	975,188
Pindahan daripada/(kepada) operasi perbankan konvensional	328,866	-	-	(20,122)	-	-	-	-	-	2,261	311,005
Terbitan saham biasa	86,268	1,038,489	-	-	-	-	-	-	-	-	1,124,757
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(124,757)	(124,757)
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	-	262,334	-	-	-	-	(262,334)	-
Pada 31 Disember 2013	1,278,853	3,725,969	(124,889)	328	409,672	1,697	34,456	(190)	-	2,445,492	7,771,388

* Sumbangan ekuiti daripada syarikat induk berkaitan dengan pengecualian baki antara syarikat-syarikat subsidiari masing-masing dan syarikat induknya.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

61. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(e) Penyata aliran tunai

Kumpulan	1.1.2014 hingga 31.12.2014 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi		
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**1,610,286**	1,474,058
Pelarasan bagi:		
Peruntukan rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan, bersih	**209,077**	146,748
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun, bersih	**(47,224)**	(56,906)
(Keuntungan)/kerugian belum peroleh atas derivatif	**(17,266)**	17,829
(Keuntungan)/kerugian belum peroleh atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**(4,660)**	10,129
Keuntungan bersih atas pelupusan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**(4,238)**	(20,835)
Keuntungan bersih atas kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**(7,066)**	(63,426)
Keuntungan atas urus niaga pertukaran asing	**(56,361)**	(117,084)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 61(aa))	**546**	559
Pelunasan perisian komputer (Nota 61(aa))	**907**	941
Perbelanjaan ESS	**1,970**	1,584
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	**1,685,971**	1,393,597
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**62,617**	230,172
Perubahan dalam pembiayaan dan pendahuluan	**(21,628,843)**	(25,311,072)
Perubahan dalam aset dan liabiliti derivatif	**7,785**	30,229
Perubahan dalam aset-aset lain	**1,119,955**	(4,210,275)
Perubahan dalam deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	**(694,000)**	(685,000)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan-pelanggan	**16,676,877**	12,174,567
Perubahan dalam deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	**3,194,060**	20,225,613
Perubahan dalam bil-bil dan bayaran diterima	**(56,177)**	(357,625)
Perubahan dalam portfolio pelaburan kewangan	**(92,817)**	554,467
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**101,008**	37,348
Wang tunai yang dijana daripada aktiviti-aktiviti operasi	**376,436**	4,082,021
Cukai dan zakat dibayar	**(372,372)**	(329,629)
Wang tunai bersih dijana daripada aktiviti-aktiviti operasi	**4,064**	3,752,392
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		
Hasil pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**-**	55
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	**(465)**	(217)
Wang tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan	**(465)**	(162)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan		
Dividen yang dibayar	**(874,877)**	(124,757)
Dividen yang dibayar bagi Sukuk Subordinat	**(76,227)**	(42,200)
Hasil daripada terbitan Sukuk Subordinat	**1,500,000**	-
Hasil daripada terbitan saham	**270,296**	1,453,623
Dana dipindahkan kepada syarikat induk	**(71,566)**	(17,861)
Kewajipan ke atas pembiayaan dijual kepada Cagamas, bersih	**(620,976)**	(284,205)
Wang tunai bersih dijana daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan	**126,650**	984,600
Peningkatan bersih tunai dan kesetaraan tunai	**130,249**	4,736,830
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari 2014/2013	**17,763,716**	13,026,886
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember 2014/2013 (Nota 61(f))	**17,893,965**	17,763,716

(f) Tunai dan dana jangka pendek

Kumpulan	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Tunai, baki bank dan deposit dengan institusi-institusi kewangan	**5,043,846**	14,430,490
Wang panggilan	**12,850,119**	3,333,226
	17,893,965	17,763,716

61. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(g) Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan

Kumpulan	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Bank-bank berlesen	**763**	63,380

(h) Portfolio pelaburan kewangan

Kumpulan	Nota	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	(i)	**1,254,663**	492,119
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	(ii)	**8,013,073**	8,573,528
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	(iii)	**197,010**	127,862
		9,464,746	9,193,509

(i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kumpulan	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Pada nilai saksama		
Instrumen disebut:		
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**-**	145,679
Nota Kewangan Bank Negara Malaysia	**1,205,399**	323,452
	1,205,399	469,131
Sekuriti tidak disebut:		
Sekuriti hutang Islam swasta di Malaysia	**20,240**	22,988
Sekuriti hutang Islam asing	**29,024**	-
	49,264	22,988
Jumlah aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**1,254,663**	492,119

(ii) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual

Kumpulan	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Pada nilai saksama		
Instrumen disebut:		
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**4,211,737**	4,898,485
Instrumen deposit boleh niaga	**2,100,000**	1,666,487
Penerimaan jurubank dan bil-bil diterima berlandaskan prinsip Islam	**-**	26,240
Bon Khazanah	**65,027**	62,930
	6,376,764	6,654,142
Sekuriti tidak disebut:		
Sekuriti hutang Islam swasta di Malaysia	**1,532,753**	1,693,482
Sekuriti hutang Islam asing	**27,871**	33,096
Bon Kerajaan Malaysia	**75,685**	192,808
	1,636,309	1,919,386
Jumlah pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**8,013,073**	8,573,528

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

61. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(h) Portfolio pelaburan kewangan (samb.)

(iii) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang

Kumpulan	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Pada kos pelunasan		
Instrumen disebut:		
Sijil Deposit Asing	**42,322**	36,602
Sekuriti Kerajaan Asing	**154,688**	91,260
Jumlah pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**197,010**	127,862

Struktur tempoh matang instrumen pasaran wang yang tersedia untuk dijual dan dipegang hingga matang adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2014 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Dalam tempoh setahun	**2,277,187**	1,820,590
Setahun ke tiga tahun	**1,799,851**	1,981,003
Tiga tahun ke lima tahun	**304,291**	312,041
Selepas lima tahun	**2,192,445**	2,668,370
	6,573,774	6,782,004

(i) Pembiayaan dan pendahuluan

Kumpulan Pada 31.12.2014	Bai'* RM'000	Murabahah RM'000	Musyarakah RM'000	Al-Ijarah Thummah Al-Bai (AITAB) RM'000	Ijarah RM'000	Istisna' RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah Pembiayaan dan Pendahuluan RM'000
Overdraf	-	**2,423,156**	-	-	-	-	-	**2,423,156**
Pembiayaan berjangka								
- Pembiayaan perumahan	**22,413,253**	**44,643,817**	**2,823,380**	-	-	-	-	**69,880,450**
- Pembiayaan bersindiket	-	**35,105**	-	-	-	-	-	**35,105**
- Sewa beli belum terima	-	-	-	**32,340,140**	-	-	-	**32,340,140**
- Pembiayaan berjangka lain	**43,829,655**	**39,773,412**	**1,806,647**	-	**161,882**	**174,983**	**528**	**85,747,107**
Bil-bil belum terima	-	-	-	-	-	-	-	-
Resit amanah	-	**193,885**	-	-	-	-	-	**193,885**
Tuntutan terhadap pelanggan di bawah penerimaan kredit	-	**4,080,986**	-	-	-	-	-	**4,080,986**
Pembiayaan kakitangan	**966,347**	**605,961**	**9,220**	**130,348**	-	-	**39,881**	**1,751,757**
Kad kredit belum terima	-	-	-	-	-	-	**475,704**	**475,704**
Kredit pusingan	-	**8,800,225**	-	-	-	-	-	**8,800,225**
	67,209,255	**100,556,547**	**4,639,247**	**32,470,488**	**161,882**	**174,983**	**516,113**	**205,728,515**
Cekap Mentari Berhad	Penerbit Sekuriti	Malaysia	**2**	2	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank International Trust (Labuan) Berhad	Pegangan pelaburan	Malaysia	**156,030**	156,030	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Offshore Corporate Services (Labuan) Sdn. Bhd.	Pegangan pelaburan	Malaysia	**40,008**	35,007	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Trustees Berhad	Perkhidmatan pemegang amanah	Malaysia	**500,000**	500,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Private Equity Sdn. Bhd.	Pelaburan ekuiti swasta	Malaysia	**14,000,000**	14,000,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Mayban-JAIC Capital Management Sdn. Bhd.	Dibubarkan	Malaysia	**-**	2,000,000	**-**	51.00	**-**	49.00	**-**	100.00
Maybank Asset Management Sdn. Bhd.	Pengurusan Dana	Malaysia	**10,001,000**	10,001,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Philmay Property, Inc.[12]	Pemajakan hartanah dan perdagangan	Filipina	**100,000,000**[4]	100,000,000[4]	**60.00**	60.00	**40.00**	40.00	**100.00**	100.00
Maybank (Nominees) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan penama	Malaysia	**31,000**	31,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan penama	Malaysia	**10,000**	10,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Nominees (Asing) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan penama	Malaysia	**10,000**	10,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Nominees (Singapore) Private Limited[12]	Perkhidmatan penama	Singapura	**60,000**[5]	60,000[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Nominees (Hong Kong) Limited[12]	Perkhidmatan penama	Hong Kong	**3**[6]	3[6]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Aseam Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Dibubarkan	Malaysia	**-**	10,000	**-**	100.00	**-**	-	**-**	100.00
Maybank Securities Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan penama	Malaysia	**10,000**	10,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Securities Nominees (Asing) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan penama	Malaysia	**10,000**	10,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
AFMB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Dibubarkan	Malaysia	**-**	10,000	**-**	100.00	**-**	-	**-**	100.00
Maybank Allied Berhad	Pegangan pelaburan	Malaysia	**753,908,638**	753,908,638	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Anfin Berhad	Dibubarkan	Malaysia	**-**	106,000,000	**-**	100.00	**-**	-	**-**	100.00
Dourado Tora Holdings Sdn. Bhd.	Pegangan pelaburan	Malaysia	**3,100,000**	3,100,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Aurea Lakra Holdings Sdn. Bhd.	Pelaburan hartanah	Malaysia	**1,000,000**	1,000,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Mayban Property (PNG) Limited[13]	Pelaburan hartanah	Papua New Guinea	**2,125,000**[3]	2,125,000[3]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank International Trust (Labuan) Ltd.	Perkhidmatan pemegang amanah	Malaysia	**40,000**[2]	40,000[2]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
MNI Holdings Berhad	Dibubarkan	Malaysia	**-**	2	**-**	69.05	**-**	30.95	**-**	100.00
KBB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pemegang amanah	Malaysia	**10,000**	10,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
KBB Properties Sdn. Bhd.[15]	Ditamatkan operasi	Malaysia	**410,000**	410,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Sri MTB Berhad	Dibubarkan	Malaysia	**-**	12,000,000	**-**	69.05	**-**	30.95	**-**	100.00
Etiqa Overseas Investment Pte. Ltd.	Pegangan pelaburan	Malaysia	**1**[2]	1[2]	**69.05**	69.05	**30.95**	30.95	**100.00**	100.00
Peram Ranum Berhad	Dibubarkan	Malaysia	**-**	60,000,000	**-**	69.05	**-**	30.95	**-**	100.00
Double Care Sdn. Bhd.[15]	Dibubarkan secara sukarela oleh anggota	Malaysia	**35,000,000**	35,000,000	**69.05**	69.05	**30.95**	30.95	**100.00**	100.00

62. BUTIRAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHA SAMA (SAMB.)

(a) Butiran syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut (samb.):

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan/ Tempat Utama Perniagaan	Modal Saham Terbitan dan Berbayar		Kepentingan Efektif oleh Kumpulan		Kepentingan Efektif oleh Kepentingan Tidak Dikawal		Jumlah	
			Pada 31.12.2014 RM	Pada 31.12.2013 RM	Pada 31.12.2014 %	Pada 31.12.2013 %	Pada 31.12.2014 %	Pada 31.12.2013 %	Pada 31.12.2014 %	Pada 31.12.2013 %
Pengurusan Aset/Pemegang Amanah/Penjaga (samb.)										
Sorak Financial Holdings Pte. Ltd.[12]	Pegangan pelaburan	Singapura	**779,694,200[5]**	693,714,200[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Rezan Pte. Ltd.[12]	Pegangan pelaburan	Singapura	**2[5]**	2[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank KE Strategic Pte. Ltd.[12]	Pegangan pelaburan	Singapura	**2[5]**	2[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Kim Eng Properties Pte. Ltd.[12]	Pelaburan hartanah	Singapura	**8,000,000[5]**	8,000,000[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Strategic Acquisitions Pte. Ltd.[12]	Pegangan pelaburan	Singapura	**1[5]**	1[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Kim Eng Investment Limited[12]	Pegangan pelaburan	Hong Kong	**160,000,000[6]**	160,000,000[6]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
KE Sovereign Limited[14]	Pegangan pelaburan	British Virgin Islands	**5,000,000[2]**	5,000,000[2]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
FXDS Learning Group Pte. Ltd.[12]	Pendidikan Kewangan	Singapura	**200,000[5]**	200,000[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Ong & Company Private Limited[12]	Dorman	Singapura	**53,441,173[5]**	53,441,173[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Kim Eng Securities Nominees Pte. Ltd.[12]	Bertindak sebagai penama bagi benefisiari pemegang saham	Singapura	**10,000[5]**	10,000[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
St. Michael's Development Pte. Ltd.[12]	Pembangunan harta tanah	Singapura	**5,000,000[5]**	5,000,000[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Asset Management Singapore Pte. Ltd.[12]	Pengurusan dana	Singapura	**5,000,000[5]**	5,000,000[5]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
PT Kim Eng Asset Management[12]	Dorman	Indonesia	**25,800,000,000[1]**	25,800,000,000[1]	**85.00**	85.00	**15.00**	15.00	**100.00**	100.00
Kim Eng Consultant Limited (China)	Dibubarkan	China	**-**	828,748[10]	**-**	100.00	**-**	-	**-**	100.00
Kim Eng Nominees (Hong Kong) Limited[12]	Perkhidmatan penama	Hong Kong	**2[6]**	2[6]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Kim Eng Properties USA Inc.[14]	Pelaburan hartanah	Amerika Syarikat	**3,000,000[2]**	3,000,000[2]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Asset Management (Thailand) Company Limited[12]	Pengurusan dana	Thailand	**270,000,000[8]**	210,000,000[8]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
PT Prosperindo[13]	Pegangan pelaburan	Indonesia	**193,810,000,000[1]**	193,810,000,000[1]	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
Maybank Shared Services Sdn. Bhd.	Perkhidmatan perkongsian Teknologi Maklumat	Malaysia	**5,000,000**	5,000,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
PT Maybank GMT Asset Management[12]	Pengurusan dana	Indonesia	**32,000,000,000[1]**	32,000,000,000[1]	**99.00**	99.00	**1.00**	1.00	**100.00**	100.00
Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	Pengurusan dana	Malaysia	**3,000,000**	3,000,000	**100.00**	100.00	**-**	-	**100.00**	100.00
MAM DP Ltd.	Pengurusan dana	Malaysia	**1[2]**	-	**100.00**	-	**-**	-	**100.00**	-

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

62. BUTIRAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHA SAMA (SAMB.)

(b) Butiran entiti berstruktur yang dikawal adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan/ Tempat Utama Perniagaan	Kepentingan Efektif	
			Pada 31.12.2014 %	Pada 31.12.2013 %
Akshayam Asia Fund Limited[12]	Dana Ekuiti	British Virgin islands	**72**	-
Akshayam Asia Master Fund Limited[12]	Dana Ekuiti	British Virgin islands	**72**	-
MAM PE Asia Fund I (Labuan) LLP	Dana Ekuiti Swasta	Malaysia	**100**	-
Maybank Asian Equity Fund[12]	Dana Ekuiti	Singapura	**100**	-
Maybank Asian Income Fund[12]	Dana Berpendapatan Tetap	Singapura	**100**	-
Maybank AsiaPac Ex-Japan Equity-I Fund	Dana Ekuiti	Malaysia	**100**	-
Maybank Bluewaterz Total Return Bond Fund[12]	Dana Berpendapatan Tetap dan sekuriti lain	Kepulauan Cayman	**100**	-
Maybank Global Sukuk Fund	Dana Berpendapatan Tetap	Malaysia	**100**	-
Maybank Malaysia Equity-I Fund	Dana Ekuiti	Malaysia	**100**	-
Maybank Malaysia Sukuk Fund	Dana Berpendapatan Tetap	Malaysia	**100**	-

(c) Butiran syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan/ Tempat Utama Perniagaan	Kepentingan Efektif	
			Pada 31.12.2014 %	Pada 31.12.2013 %
Dipegang oleh Bank				
UzbekLeasing International A.O.[13]	Pemajakan	Uzbekistan	**35**	35
Philmay Holding, Inc.[12]	Pegangan pelaburan	Filipina	**33**	33
Pelaburan Hartanah Nasional Berhad	Amanah Hartanah	Malaysia	**-**	30
Maybank Agro Fund Sdn. Bhd.	Syarikat dana khusus	Malaysia	**33**	33
Mayban Venture Capital Company Sdn. Bhd.	Dibubarkan	Malaysia	**-**	33
An Binh Commercial Joint Stock Bank[13]	Perbankan	Vietnam	**20**	20
Dipegang menerusi syarikat-syarikat subsidiari				
Baiduri Securities Sdn. Bhd.[15]	Dibubarkan secara sukarela oleh anggota	Brunei	**39**	39
Pak-Kuwait Takaful Company Limited[13]	Pegangan pelaburan	Pakistan	**22**	22
MCB Bank Limited[13]	Perbankan	Pakistan	**20**	20
Asian Forum, Inc[13]	Insurans kaptif luar persisir	Malaysia	**23**	23
Tullet Prebon (Philippines), Inc.[13]	Broker antara peserta dalam pertukaran dan matawang pendapatan tetap	Filipina	**49**	49
Adrian V. Ocampo Insurance Brokers, Inc.[12]	Ejen insurans antara syarikat insurans	Filipina	**40**	40
ATRAM Investment Management Partners Corporation [12]	Pengurusan pelaburan	Filipina	**35**	35

62. BUTIRAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHA SAMA (SAMB.)

(d) Butiran syarikat-syarikat usaha sama adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan/ Tempat Utama Perniagaan	Kepentingan efektif	
			Pada 31.12.2014 %	Pada 31.12.2013 %
Dipegang melalui syarikat-syarikat subsidiari				
Maybank JAIC Management Ltd.	Pengurusan Dana	Malaysia	**50**	50
Anfaal Capital[13]	Perbankan pelaburan	Kerajaan Arab Saudi	**35**	35

Nota:

(1) Rupiah Indonesia (IDR)

(2) Dolar Amerika (USD)

(3) Kina Papua New Guinea (Kina)

(4) Peso Filipina (Peso)

(5) Dolar Singapura (SGD)

(6) Dolar Hong Kong (HKD)

(7) Pound Great Britain (GBP)

(8) Baht Thailand (THB)

(9) Rupee India (INR)

(10) Renminbi China (CNY)

(11) Dong Vietnam (VND)

(12) Diaudit oleh ahli lain daripada firma anggota Ernst & Young Global

(13) Diaudit oleh firma juruaudit selain Ernst & Young

(14) Tiada audit dikehendaki seperti yang dibenarkan oleh undang-undang negara ia diperbadankan

(15) Tiada audit diperlukan kerana entiti berada di bawah pembubaran secara sukarela oleh anggota

(16) Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Kumpulan menyelesaikan pelupusan 18.3% kepentingan saham dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII") kepada pelabur pihak ketiga. Pelupusan tersebut dibuat untuk memenuhi pematuhan terhadap keperluan penjualan mandatori Otoritas Jasa Keuangan ("OJK")' dibawah Regulasi OJK No. iX.H.1. Kumpulan juga telah memeterai perjanjian komersil di mana pendedahan ekonomi berikutan pelupusan itu dikekalkan. Oleh yang demikian, pelupusan tersebut tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ketara kepada Kumpulan dan pelupusan tidak menyebabkan pengurangan dalam kepentingan efektif Kumpulan dalam BII.

63. MATAWANG

Penyata kewangan dibentangkan adalah dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga matawang fungsi Bank dan dibundarkan kepada ribu (RM'000) paling hampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

64. PERBANDINGAN

Angka-angka tertentu dalam tahun sebelumnya dinyatakan semula bagi mematuhi penggunaan pindaan MFRS dan IC Interpretasi yang efektif pada tahun kewangan semasa dan selaras dengan pembentangan penyata-penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa. Kesan daripada pernyataan semula ini dinyatakan dalam Nota 2.4(vi).

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2014

65. MAKLUMAT TAMBAHAN – PECAHAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIPEROLEH DAN BELUM DIPEROLEH

Pecahan keuntungan terkumpul Kumpulan dan Bank pada tarikh kedudukan penyata kewangan atas keuntungan diperoleh dan belum diperoleh dibentangkan dengan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad yang bertarikh 25 Mac 2010 dan disediakan selaras dengan Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Diperoleh dan Belum Diperoleh dalam Konteks Pendedahan Mengikut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad*, seperti mana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Keuntungan terkumpul:				
- Diperoleh	**11,014,533**	8,266,525	**3,696,362**	1,896,046
- Belum diperoleh	**382,111**	2,251,983	**(95,558)**	1,582,168
- berkaitan cukai tertunda yang diiktiraf dalam penyata kewangan	**38,569**	780,683	**227,499**	835,702
- berkaitan butiran lain pendapatan dan perbelanjaan	**343,542**	1,471,300	**(323,057)**	746,466
	11,396,644	10,518,508	**3,600,804**	3,478,214
Bahagian keuntungan terkumpul daripada syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama:				
- Diperoleh	**422,306**	349,817	**-**	-
- Belum diperoleh	**-**	-	**-**	-
	422,306	349,817	**-**	-
Penyelarasan penyatuan	**569,027**	879,159	**-**	-
Jumlah keuntungan terkumpul	**12,387,977**	11,747,484	**3,600,804**	3,478,214

BASEL II
PENDEDAHAN TUNGGAK 3

244 Tinjauan
244 Skop Aplikasi
245 Pengurusan Modal
256 Pengurusan Risiko
257 Risiko Kredit
- Keperluan Modal Kawal Selia
- Pengurusan Risiko Kredit/Tumpuan Risiko/Pengurusan Kualiti Aset
- Dasar Rosot Nilai Kredit dan Pengkelasan dan Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
- Keperluan Basel II
- Portfolio Bukan Runcit
- Portfolio Runcit
- Pengesahan Model Bebas
- Pengurangan Risiko Kredit
- Pendedahan Kredit Tertakluk kepada Pendekatan Standard
- Risiko Kredit Rakan Niaga
- Risiko Negara

296 Risiko Pasaran
- Risiko Pasaran Diniagakan
- Risiko Pasaran Tidak Diniagakan
- Pengurusan Risiko Kecairan

299 Risiko Operasi
301 Pengurusan Kesinambungan Perniagaan
301 Risiko Reputasi
302 Tadbir Urus Syariah
303 Kenyataan Pandangan Masa Depan

Tinjauan

Pendedahan Tunggak 3 bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2014 untuk Malayan Banking Berhad ("Maybank" atau "Bank") dan syarikat subsidiarinya ("Kumpulan Maybank" atau "Kumpulan") mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal Risiko Berwajaran ("RWCAF") – Keperluan Pendedahan ("Tunggak 3") Bank Negara Malaysia, yang sama seperti dikeluarkan Jawatan kuasa Basel atas Penyeliaan Perbankan ("BCBS") Bertajuk "Penumpuan Antarabangsa atas Penilaian dan Piawaian Modal" (biasanya dirujuk sebagai Basel II).

Kumpulan menerima pakai Pendekatan Asas Penarafan Dalaman ("FIRB") dan penyeliaan kemasukan kriteria bagi mengira kredit risiko Berwajaran aset untuk portfolio bukan runcit utama, dan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Termaju ("AIRB") bagi portfolio runcit utama. Portfolio kredit lain, terutamanya dalam syarikat subsidiari dan sebahagian unit operasi luar negara, menggunakan Pendekatan Standard dan akan beransur-ansur beralih kepada pendekatan berasaskan penarafan dalaman ("IRB").

Bagi risiko pasaran, Kumpulan menerima pakai Pendekatan Standard sementara risiko operasi berasaskan Pendekatan Petunjuk Asas ("BIA"). Bagi risiko operasi, Kumpulan kini sedang menuju ke arah pensijilan Pendekatan Standard ("TSA").

MEDIUM DAN LOKASI PENDEDAHAN

Pendedahan Tunggak 3 Kumpulan akan disediakan di bawah seksyen Hubungan Pelabur dalam laman web Kumpulan yang boleh dilayari di www.maybank2u.my dan sebagai laporan berasingan dalam penyata kewangan tahunan dan setengah tahun, selepas nota-nota kepada Penyata Kewangan.

ASAS PENDEDAHAN

Dokumen Pendedahan Tunggak 3 ini dibentuk bagi mematuhi Garis Panduan Tunggak 3 BNM, dan ia perlu dibaca bersama Penyata Kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Walaupun dokumen ini mendedahkan kedua-dua aset Kumpulan dari segi pendedahan dan keperluan modal, maklumat didedahkan ini mungkin tidak boleh dibanding secara langsung dengan maklumat dalam Penyata Kewangan 2014 yang diterbitkan Kumpulan.

PERBANDINGAN MAKLUMAT

Ini adalah pendedahan penuh Tunggak 3 untuk kali kelima sejak Kumpulan mengguna pakai Pendekatan IRB Basel II pada Julai 2010. Pendedahan Tunggak 3 sepadan dalam tempoh laporan sebelumnya adalah pada 31 Disember 2013.

Skop Aplikasi

Pendedahan Tunggak 3 disediakan pada asas penyatuan dan merangkumi maklumat Kumpulan, Bank dan Maybank Islamic Berhad ("MIB"), anak syarikat milik penuh Bank yang menyediakan perkhidmatan perbankan kewangan Islam di Malaysia.

Bagi tujuan laporan kawal selia, Maybank mewujudkan dua tahap utama pelaporan iaitu pada tahap Kumpulan Maybank, meliputi Maybank dan syarikat subsidiarinya yang tidak termasuk entiti Insurans dan syarikat sekutunya; dan pada tahap Maybank, meliputi Maybank dan syarikat subsidiari perbankan luar pesisir milik penuhnya, Maybank International (L) Ltd. ("MILL").

Maklumat syarikat subsidiari dan syarikat sekutu Kumpulan boleh didapati dalam nota-nota penyata kewangan. Asas penyatuan laporan kewangan didedahkan dalam nota-nota kepada penyata kewangan, yang berbeza daripada tujuan laporan modal kawal selia.

Pengurusan Modal

PENGENALAN

Pendekatan Kumpulan kepada pengurusan modal adalah berdasarkan teras utama berikut:

- Bagi mempelbagaikan sumber modal;
- Bagi memperuntuk dan menempatkan modal secara efisien, berpandukan kepada keperluan mengekalkan hubungan berhemah antara modal sedia ada dan risiko yang mendasari perniagaan; dan
- Bagi memenuhi jangkaan pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk pelabur, pengawal selia dan agensi penarafan.

Teras utama di atas diguna pakai bagi memastikan penggunaan modal secara efisien di dalam Kumpulan dengan matlamat untuk:

- Mengekalkan nisbah kecukupan modal pada setiap masa, mencukupi pada setiap peringkat dan melebihi tahap minimum kawal selia;
- Menyokong penarafan kredit Kumpulan daripada agensi penarafan tempatan dan antarabangsa;
- Menempatkan modal secara efisien dalam perniagaan dan mengoptimumkan pulangan modal;
- Kekal anjal bagi merebut kelebihan peluang masa depan; dan
- Membangun dan melabur dalam perniagaan-perniagaan, walaupun dalam keadaan persekitraran yang sangat menekan.

Rangka Kerja Pengurusan Modal

Pengurusan Modal Kumpulan dipandu oleh Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan bagi memastikan penggabungan pengurusan modal dan dasar-dasar dan prosedur pelarasan pengurusan modal dilaksanakan di seluruh Kumpulan.

Rangka kerja yang mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah ini, menyediakan pendekatan komprehensif ke atas pengurusan modal Kumpulan. Secara khususnya, rangka kerja ini bertujuan bagi mewujudkan:

- Pelan induk di mana dasar-dasar pengurusan modal dan prosedur-prosedur dibangunkan;
- Prinsip dan strategi di mana modal diurus dan dioptimumkan;
- Tadbir urus korporat dan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan ("EXCO Kumpulan"), Jawatan Kuasa Pengurusan Liabiliti dan Aset Kumpulan ("ALCO") dan unit perniagaan dan sokongan berhubung hal-hal pengurusan modal;
- Garis panduan untuk menguruskan modal dengan menggunakan pendekatan bersepadu dan mengikut keperluan dalaman dan pengawal selia di seluruh Kumpulan; dan
- Asas bagi menetapkan sasaran modal dalaman bagi Kumpulan dan entiti yang berkaitan.

Rangka kerja ini juga mengandungi prinsip bagi pembangunan dan penggunaan Pengukuran Prestasi Risiko Diselaraskan ("RAPM") bagi mengukur dan mengurus pulangan modal di seluruh Kumpulan. RAPM adalah alat yang digunakan Kumpulan untuk menggalakkan tahap modal optimum bagi sektor perniagaan, syarikat subsidiari dan cawangan untuk mengurangkan pembaziran modal dan mengoptimumkan pulangan modal.

Tanggungjawab keseluruhan pengurusan modal efektif terletak pada Lembaga Pengarah manakala EXCO Kumpulan pula bertanggungjawab memastikan keberkesanan dasar-dasar pengurusan modal secara berterusan dan untuk mengemas kini rangka kerja bagi tujuan semakan dan pembangunan baru.

Pelan Modal Tahunan Kumpulan

Pelan Modal Kumpulan bertujuan bagi mewujudkan pemantauan mantap kedudukan modal Kumpulan (termasuk syarikat subsidiari, syarikat sekutu dan cawangan luar negara) dan bagi memastikan Kumpulan mempunyai tahap modal mencukupi dan campuran optimum modal untuk menyokong pelan perniagaan Kumpulan dan objektif strategik sepanjang tahun kewangan.

Pelan Modal Kumpulan dikemas kini setiap tahun dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ia adalah satu pelan komprehensif yang dirancang untuk tempoh tiga tahun dengan mengambil kira, antara lain, matlamat strategik Kumpulan dan pelan perniagaan, keperluan pengawal selia modal, dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan seperti pengawal selia, pelabur, agensi penarafan dan penganalisis, penanda aras modal, garis panduan pembangunan modal tempatan dan luar negara, bekalan modal sedia ada dan pilihan untuk mendapatkan modal, prestasi sektor perniagaan berasaskan pendekatan RAPM, risiko bawah Tunggak 2 dalaman Proses Penilaian Kecukupan Modal ("ICAAP") dan juga keputusan ujian tekanan. Masalah utama berkaitan kedudukan modal ini akan dikenalpasti dalam perbincangan Lembaga Pengarah dan penyelesaian bersesuaian akan dicadangkan bagi pelaksanaan.

Sasaran modal dalam ("ICT") ditentukan bagi Kumpulan dan juga syarikat subsidiari dan cawangan luar negara berasaskan profil risiko masing-masing dan keperluan pengawal selia mengikut undang-undang di mana ia ditubuhkan. ICT ini akan disemak setiap tahun bagi memastikan mempunyai modal penampan mencukupi bagi menyokong profil risiko masing-masing dan pertumbuhan perniagaan.

Pelan Modal Kumpulan disemak setiap setengah tahun oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan ia mengikuti perkembangan semasa pelan perniagaan, perubahan kawal selia terkini dan perkara-perkara lain agar pelaksanaannya berkesan dan mengikut masa sebagaimana yang terkandung di dalamnya.

Pelan Modal Luar Jangka

Pelan Modal Luar Jangka Kumpulan adalah lanjutan daripada Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pelan ini menyediakan pendekatan komprehensif kepada pengurusan dan pemilikan semula modal di seluruh Kumpulan dalam kejadian krisis modal dengan cara:

- Mewujudkan dasar dan prosedur perancangan luar jangka modal;
- Mewujudkan tadbir urus bagi perancangan luar jangka modal;
- Menyediakan isyarat amaran awal dan mewujudkan pemantauan dan tindakan lanjut;
- Mewujudkan strategi dan pelan tindakan bagi memastikan modal diurus dengan segera; dan
- Menjadi panduan rujukan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank.

Nisbah kecukupan modal Kumpulan termasuk syarikat subsidiari luar negara dan cawangan-cawangannya yang dipantau secara aktif oleh pihak Pengurusan Kanan dan jawatankuasa berkaitan pada asas bulanan. Titik pencetus bersesuaian diwujudkan berdasarkan nisbah kecukupan modal yang dikira mengikut garis panduan BNM dan pengawal selia asing (di mana berkenaan) bagi membantu pelaporan, pemantauan dan tindakan lanjutan, membuat keputusan dan rancang tindakan. Titik pencetus ini menjadi asas tindakan lanjutan kepada jawatankuasa dan jabatan-jabatan berkaitan dan juga menyediakan pelan tindakan lebih jelas bagi memastikan pemilikan semula modal berada pada tahap kukuh dalam kejadian krisis modal.

Dalam keadaan yang boleh membawa kepincangan kedudukan modal termasuk, antara lain, persekitaran ekonomi, keadaan pasaran dan keadaan kewangan. Dalam hal ini, strategi bersesuaian dan pelan tindakan dibentuk supaya, dalam keadaan krisis modal yang tidak dijangka, Kumpulan sudah bersedia menanganinya dengan segera dan mengembalikan semula modal pada tahap kukuh.

Struktur modal

Kumpulan memberi penekanan utama pada kualiti modalnya dan, sejajar dengan itu, memegang sejumlah besar modal dalam bentuk ekuiti biasa yang kekal dan mempunyai keupayaan penyerapan kerugian tertinggi secara berterusan.

Modal ekuiti biasa Kumpulan merangkumi terbitan dan saham berbayar, saham premium, rizab, dan keuntungan tersimpan. Pada tahun kewangan, modal terbitan dan saham berbayar Kumpulan meningkat dengan anggaran RM457 juta hasil daripada penerbitan saham-saham baru bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan yang berjumlah RM62 juta dan juga daripada penyelesaian kelapan dan kesembilan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") menerusi terbitan dan peruntukan kira-kira 395 juta saham biasa baru pada harga RM1.00 sesaham, masing-masing pada 27 Mei 2014 dan 29 Oktober 2014.

Bank membuat pengumuman skim DRP pada 25 Mac 2010 bagi membolehkan pemegang saham Bank melaburkan semula dividen mereka dalam saham biasa baru pada harga RM1.00 sesaham di Bank.

Sejak pelaksanaan DRP pada 2010, sehingga sekarang Bank sudah melaksanakan sembilan DRP, dengan kadar pelaburan semula yang berjaya kira-kira 85%. Dua DRP terbaru (ke-8 dan ke-9) dilaksanakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 juga berjaya dengan kadar pelaburan semula tertinggi, masing-masing pada 85.9% dan 84.0%.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir tahap tunggal sebanyak 33 sen bagi setiap saham biasa. Daripada jumlah dividen akhir yang disebutkan, 10 sen bagi setiap saham biasa dibayar secara tunai sementara bakinya 23 sen sesaham biasa adalah bahagian yang akan dilabur semula oleh pemegang saham dalam saham baru Maybank menurut DRP, tertakluk kepada persetujuan pengawal selia berkaitan dalam Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

Sebagai tambahan kepada ekuiti biasa, Kumpulan mengekalkan jenis-jenis lain instrumen modalnya seperti Sekuriti Modal Tahap 1 bukan inovatif dan Bon Subordinat/Sijil-Sijil/Nota-nota bagi mengoptimumkan gabungan modal dan kos modalnya.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Bank menerbitkan modal sekuriti pertama Basel 3-pematuhan Tahap 1 berjumlah RM3.5 bilion setelah menyelesaikan tebusan awal sebahagian daripada RM3.437 bilion modal Tahap 1 bukan inovatif "lama" sedia ada. Penerbitan dan penebusan berkenaan mengehadkan kesan pelunasan modal Tahap 1 bukan inovatif yang dikurangkan secara beransur-ansur, mengurangkan ketidakberkesanan struktur modal, mengoptimum kos modal dan meningkatkan asas modal pengawal selia Bank. Bank juga menerbitkan Nota Pematuhan Subordinat Basel 3 pertama sebanyak RM1.6 juta pada tahun kewangan berkenaan.

Kumpulan juga mempunyai instrumen modal Tahap 1 dan obligasi subordinat berikut yang layak mengikut perkiraan modal berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal) yang diterbitkan pada 28 November 2012:

Pengurusan Modal

Instrumen Modal Tahap 1

Keterangan	Tarikh Terbitan	Terma Utama	Pada 31.12.2014 RM' juta
RM3.5 juta 6.85% Sekuriti Modal Tercantum ("NCPCS") (bukan inovatif) matang pada 27 Jun 2038	27 Jun 2008	Boleh dipanggil pada 27 Jun 2018 & matang pada 27 Jun 2038. Boleh dipanggil pada opsyen bank 10 tahun daripada tarikh penerbitan atau pada mana-mana tarikh pengagihan NCPCS selanjutnya, tertakluk pada syarat-syarat penebusan yang dipenuhi.	63
SGD600 juta 6.00% Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif matang 10 Ogos 2068	11 Ogos 2008	Boleh dipanggil pada 10 Ogos 2018 & matang pada 10 Ogos 2068. Boleh dipanggil pada opsyen bank 10 tahun daripada tarikh penerbitan. Akan berlaku kenaikan pada kadar faedah kepada kadar terapung, ditetapkan semula setiap suku tahun, pada tebaran kredit awal ditambah 100 mata asas di atas 3 bulan SGD Kadar Penawaran Swap.	1,552
RM1.1 juta 6.30% Inovatif Tahap 1 Sekuriti Modal matang 25 September 2068	25 September 2008	Boleh dipanggil pada 25 September 2018 & matang pada 25 September 2068. Boleh dipanggil pada opsyen bank 10 tahun daripada tarikh penerbitan. Akan berlaku kenaikan kadar faedah pada kadar faedah terapung, ditetapkan semula setiap suku tahun, pada tebaran kredit ditambah 100 mata asas di atas Kadar Penawaran antara Bank Kuala Lumpur selama 3 bulan deposit RM.	1,099
RM3.5 juta 5.3% Basel 3-pematuhan Kekal Tahap 1 Sekuriti Modal	10 September 2014	Boleh dipanggil pada 10 September 2019 dan selanjutnya pada setiap tarikh pembayaran kupon.	3,500

Tanggungan Subordinat

Keterangan	Tarikh Terbitan	Terma Utama	Pada 31.12.2014 RM' juta
SGD1.0 bilion 3.80% Nota Subordinat matang 2021	28 April 2011	Boleh dipanggil pada 28 April 2016 & matang 28 April 2021 (10 bukan dipanggil 5).	2,641
RM2.0 bilion 4.10% Nota Subordinat matang 2021	15 Ogos 2011	Boleh dipanggil pada15 Ogos 2016 & matang 16 Ogos 2021 (10 bukan dipanggil 5).	1,999
RM750 juta 3.97% Nota Subordinat matang 2021	28 Disember 2011	Boleh dipanggil pada 28 Disember 2016 & matang 28 Disember 2021 (10 bukan dipanggil 5).	750
RM250 juta 4.12% Nota Subordinat matang 2023	28 Disember 2011	Boleh dipanggil pada 28 Disember 2018 & matang 28 Disember 2023 (12 bukan dipanggil 7).	250
RM2.1 bilion 4.25% Nota Subordinat matang 2024	10 Mei 2012	Boleh dipanggil pada 10 Mei 2019 & matang 10 Mei 2024 (12 bukan dipanggil 7).	2,100
USD800 juta 3.25% Nota Subordinat matang 2022	20 September 2012	Boleh dipanggil pada 20 September 2017 & matang 20 September 2022 (10 bukan dipanggil 5).	2,796
RM1.6 bilion 4.9% Basel 3-pematuhan Nota Subordinat matang 2024	29 Januari 2014	Boleh dipanggil pada 29 Januari 2019 & matang 29 Januari 2024 (10 bukan dipanggil 5).	1,600
RM1.5 bilion 4.75% Basel 3-pematuhan Nota Subordinat Sukuk Murabahah matang 2024	7 April 2014	Boleh dipanggil pada 5 April 2019 & matang 5 April 2024 (10 bukan dipanggil 5).	1,500

Basel III

Kumpulan perlu mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal) bagi menentukan modal dan pengiraan nisbah kecukupan modal yang tertakluk kepada beberapa siri peralihan keluar secara beransur-ansur, berkuat kuasa 1 Januari 2013 dan akan berkuat kuasa sepenuhnya 2019. Di bawah rangka kerja kecukupan modal BNM, yang mula berkuat kuasa 1 Januari 2013, institusi perbankan perlu mengekalkan pengawal seliaan minimum Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1"), Tahap 1 and Jumlah Nisbah Modal masing-masing 3.5%, 4.5% dan 8.0% dalam bank dan pada peringkat Kumpulan sehingga 1 Januari 2015. Pengawal seliaan minimum modal diperlukan juga termasuk 2.5% Penampan Pengekalan Modal yang bakal dimulakan secara berperingkat daripada 1 Januari 2016 hingga 1 Januari 2019.

Sebagai tambahan kepada Penampan Pengekalan Modal, BNM juga memperkenalkan Penampan Modal Kitaran antara 0% - 2.5% daripada jumlah Aset Berwajaran Risiko ("RWA") dan sebagai tambahan keperluan penyerapan kerugian bersistem yang penting bagi institusi perbankan. Penampan Modal Kitaran akan ditentukan sebagai purata wajaran keperluan penampan modal kitaran lazim diguna pakai undang-undang di mana institusi perbankan mempunyai pendedahan kredit dan penampan modal lain yang dianggap sesuai dengan mengambil kira profil risiko khusus institusi perbankan. Keperluan penyerapan kerugian tambahan bersistem yang penting bagi institusi perbankan akan dinilai pada peringkat akhir oleh BNM atas keperluan institusi perbankan besar beroperasi pada peringkat modal lebih tinggi.

Kumpulan yakin untuk mengekalkan nisbah modal kukuh menerusi kelayakan minimum Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM. Dengan pemuliharaan modal berterusan daripada DRP beserta pengurusan modal yang aktif di seluruh Kumpulan, nisbah modal CET1 dapat dikekalkan dengan selesa di atas tahap minimum 7% (termasuk penampan pemuliharaan modal) seperti yang diperlukan menjelang 2019.

PROSES PENILAIAN KECUKUPAN MODAL DALAMAN ("ICAAP")

Kecukupan modal keseluruhan Kumpulan mempunyai kaitan dengan profil risiko yang dinilai melalui proses sebagaimana digariskan dalam Dasar ICAAP Kumpulan Maybank. Dasar ICAAP ini dibentuk bagi memastikan paras modal mencukupi, termasuk penampan modal, dipegang sebagai sokongan kepada modal semasa dan unjuran permintaan di bawah keadaan sedia ada dan ketika di bawah tekanan. Laporan ICAAP secara berkala akan dihantar ke Jawatan Kuasa Risiko Eksekutif Kumpulan ("ERC") dan Jawatan Kuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah ("RMC") bagi mengkaji secara komprehensif semua risiko ketara yang dihadapi Kumpulan dan penilaian kecukupan modal untuk menyokongnya. Menerusi ICAAP Kumpulan, risiko dan perancangan modal serta proses-proses pengurusan disepadukan.

Pada Mac 2013, Kumpulan mengemukakan dokumen ICAAP yang diluluskan Lembaga Pengarah kepada BNM bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan pihak berkuasa. Dokumen ini mengandungi tinjauan ICAAP, unjuran kewangan dan semasa dan kedudukan modal, tadbir urus ICAAP, model penilaian risiko dan proses-proses, selera risiko dan pengurusan modal, ujian tekanan dan perancangan modal serta kegunaan ICAAP. Setiap tahun, Kumpulan akan menyerahkan semakan terkini perubahan yang dibuat ke atas dokumen kepada BNM.



Pelengkap kepada laporan ICAAP adalah Pelan Modal Kumpulan, yang dikemas kini setiap tahun, di mana sasaran modal dalaman ditetap dan disemak, antaranya sebagai sebahagian pengurusan modal yang baik.

Penilaian risiko komprehensif di bawah dasar ICAAP

Di bawah kaedah ICAAP Kumpulan, jenis risiko berikut dikenal pasti dan diukur:

- Risiko tertakluk di bawah Tunggak 1 (risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi);
- Risiko bukan sepenuhnya di bawah Tunggak 1 (contoh, risiko model);
- Risiko yang tidak diambil kira bawah Tunggak 1 (contohnya, risiko kadar faedah/ risiko kadar pulangan dalam buku perbankan, risiko kecairan, risiko perniagaan dan strategi, risiko reputasi, risiko tumpuan kredit, risiko IT (contoh, risiko keselamatan dan risiko siber), risiko kawal selia, risiko Negara, risiko sistem, risiko pematuhan, risiko kolateral, risiko keuntungan dan risiko tidak patuh Syariah, antara lainnya); dan
- Faktor luaran, termasuk perubahan dalam persekitaran ekonomi, kawal selia dan peraturan pengiraan.

Satu proses utama yang ditetapkan dalam Kumpulan adalah mengenal pasti risiko-risiko nyata yang mungkin timbul daripada pengenalan produk dan perkhidmatan baru. Risiko nyata ini ditakrifkan sebagai "risiko yang akan memberi kesan nyata kepada prestasi kewangan (keuntungan), kecukupan modal, kualiti aset, dan/atau reputasi bank apabila risiko itu berlaku".

Dalam dasar ICAAP Kumpulan Maybank, Proses Penilaian Risiko Nyata (Material) ("MRAP") dibentuk bagi mengenal pasti risiko utama daripada persekitaran risiko Kumpulan. Dalam 2014, satu kaji selidik meluas kumpulan diadakan sebagai sebahagian daripada pendekatan pengurusan risiko mantap bagi mengenal pasti dan memberi prioriti kepada risiko utama berdasarkan potensi kesannya ke atas pendapatan dan modal Kumpulan. Keputusan kaji selidik berkenaan memberikan sintesis persepsi mengenai gambaran pasaran semasa dan masa depan, berdasarkan sudut pandangan pihak-pihak berkepentingan di seluruh operasi peruncitan, komersil, perbankan pelaburan dan insurans dalam semua entiti utama Kumpulan.

Sebagai tambahan, keputusan hasil kaji selidik ini membantu mengenal pasti senario risiko utama pada dekad akan datang.

Pengiraan risiko material diluluskan oleh RMC bagi pelaporan bertempoh kepada ERC dan RMC menerusi laporan ICAAP. Bagi setiap risiko material yang dikenalpasti, Kumpulan akan memastikan proses-proses risiko bersesuaian diguna pakai bagi menangani risiko utama berkenaan, yang termasuk pemantauan risiko secara tetap menerusi pelaporan Papan tera Risiko Perusahaan, ujian tekanan, pengurangan risiko, perancangan modal dan strategi pengurusan krisis.

Penilaian risiko Tunggak 1 dan Tunggak 2

Selaras dengan amalan industri terbaik, Kumpulan menentukan jumlah risikonya dengan menggunakan kaedah yang diuji dan diterima di dalam industri.

Dalam keadaan di mana risiko tidak boleh dikira dengan mudah kerana kekurangan teknik pengukuran risiko yang biasa diterima, pandangan pakar diguna bagi menentukan saiz dan tahap risiko sebenarnya. ICAAP Kumpulan, kemudiannya akan memberi tumpuan pada kawalan kualitatif bagi menguruskan risiko yang tidak dapat ditentukan jumlahnya. Langkah-langkah kualitatif termasuk perkara-perkara berikut:

- Proses tadbir urus yang mencukupi;
- Sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang mencukupi;
- Strategi pengurangan risiko yang berkesan; dan
- Pemantauan tetap dan pelaporan.

Pengurusan Modal

Ujian Tekanan Tetap dan Baik

Program ujian tekanan Kumpulan disertakan dalam proses pengurusan modal dan risiko Kumpulan dan menjadi fungsi utama bagi proses-proses perancangan modal dan perancangan perniagaan. Program berkenaan menjadi unjuran risiko dan alat pengurusan modal bagi memahami profil risiko kami di bawah keadaan mendesak tetapi munasabah. Keadaan sedemikian mungkin wujud disebabkan faktor ekonomi, politik dan persekitaran.

Di bawah Dasar Ujian Tekanan Kumpulan Maybank ("GST"), ia mengambil kira kesan-kesan yang tidak menggalakkan yang akan memberi tekanan ke atas keuntungan Kumpulan, kualiti aset, RWA, kecukupan modal dan keupayaan untuk mematuhi selera risiko ditetapkan.

Secara khususnya, program ujian tekanan dibentuk untuk:

- Menyerlahkan keadaan tekanan yang dinamik dan potensi implikasinya ke atas perdagangan Kumpulan dan pendedahan buku perbankan, kedudukan kecairan dan kemungkinan kesan reputasi;
- Mengenal pasti strategi utama secara proaktif bagi mengurangkan kesan kejadian tekanan; dan
- Menjadikan hasil keputusan tekanan sebagai input kepada ICAAP Kumpulan dalam menentukan kecukupan modal dan penampan modal.

Terdapat tiga jenis ujian tekanan yang dijalankan di seluruh Kumpulan:

- Ujian tekanan Kumpulan – Ujian tekanan di seluruh Kumpulan menggunakan senario diluluskan oleh RMC dan keputusannya diserahkan kepada BNM. Ia termasuk juga ujian tekanan di seluruh industri yang dianjurkan BNM dimana senarionya ditentukan oleh Bank Pusat.
- Ujian tekanan lokal – Ujian tekanan skop terhad dibuat ke atas portfolio, cawangan/ sektor atau peringkat entiti berasaskan senario yang relevan di tempat yang khusus.
- Ujian tekanan adhoc – Ujian tekanan berkala yang dijalankan sebagai tindak balas kepada risiko yang muncul.

Tema ujian tekanan dikaji semula oleh Kumpulan Kerja Ujian Tekanan pada masa lalu termasuk ketika penurunan harga minyak, pengaliran keluar modal yang tertumpu daripada pasaran baru muncul termasuk ASEAN, kenaikan inflasi dan peningkatan kadar faedah di ASEAN, kesan pengurangan Kuantitatif Rizab Persekutuan, penurunan penarafan kedaulatan, ekonomi China yang perlahan, Krisis Kewangan Asian yang berulang, kejatuhan nilai Dolar AS, wabak selsema, kejatuhan harga aset, peningkatan kadar faedah, senario kemelesetan ekonomi global berganda, malapetaka Jepun, peningkatan harga minyak, zon Euro dan krisis hutang AS, antara lainnya.

Kumpulan Ujian Tekanan Kerja, yang terdiri daripada pasukan pengurusan perniagaan dan risiko, mengemukakan laporan ujian tekanan pada peringkat Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan berbincang mengenai keputusan-keputusannya dengan pengawal selia secara tetap.

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Pada 29 Jun 2010, Bank dan syarikat subsidiarinya, MIB mendapat kelulusan daripada BNM untuk beralih kepada Pendekatan IRB bagi risiko kredit bawah Basel II RWCAF mulai 1 Julai 2010. Pada 28 November 2012, BNM mengeluarkan "Rangka Kerja Kecukupan Modal (RWA dan Komponen Modal)" yang dikemas kini bagi pengiraan RWA, modal dan nisbah kecukupan modal untuk bank konvensional dan bank Islam, masing-masing berkuat kuasa 1 Januari 2013 dan tertakluk kepada peralihan sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual di bawah:

Tahun Kalendar	CET1 Nisbah Modal	Nisbah Modal Tahap 1	Jumlah Nisbah Modal
2014	4.0%	5.5%	8.0%
2015 dan selanjutnya	4.5%	6.0%	8.0%

Jadual 1 memaparkan masing-masing Nisbah Kecukupan Modal dan Struktur Modal Kumpulan, Bank dan MIB.

Jadual 1: Nisbah Kecukupan Modal bagi Kumpulan Maybank, Maybank dan MIB pada 31 Disember 2014

Nisbah Kecukupan modal	Kumpulan	Maybank	MIB
Sebelum ditolak sebahagian dividen yang perlu dilabur semula:			
CET1 Nisbah Modal	11.747%	16.275%	12.003%
Nisbah Modal Tahap 1	13.539%	16.275%	12.003%
Jumlah Nisbah Modal	16.235%	16.275%	16.088%

	Kumpulan (RM'000)	Maybank (RM'000)	MIB (RM'000)
Jumlah Modal	57,299,825	41,307,010	9,185,214
RWA Kredit	306,207,324	224,446,503	56,304,995
RWA Kredit diserap Maybank	-	-	(3,930,555)
RWA Pasaran	14,168,153	9,452,839	573,921
RWA Operasi	32,568,977	19,911,571	4,145,952
RWA Jumlah	352,944,454	253,810,913	57,094,313

Nota *: Jumlah Nisbah Modal dikira dengan membahagikan jumlah modal dengan jumlah Aset Berwajaran Risiko (RWA).

Jumlah Nisbah Modal Kumpulan sehingga 31 Disember 2014 kekal pada 16.235%, satu peningkatan daripada nisbah tahun kewangan sebelumnya iaitu 15.664%.

Jumlah Nisbah Modal pada 16.235% berbanding jumlah RWA Kumpulan adalah di atas keperluan minimum yang ditetapkan BNM dan menjadi bukti ketahanan dan kekukuhan Kumpulan dalam memenuhi tanggungjawabnya. Begitu juga pada peringkat entiti, Jumlah Nisbah Modal Bank kekal kukuh pada 16.275% dan MIB mencatat nisbah yang sihat sebanyak 16.088%.

Jadual 2 masing-masing mendedahkan Kecukupan Modal bawah Pendekatan IRB Kumpulan, Bank dan MIB.

Jadual 3 hingga 5 memaparkan keperluan modal minimum kawal selia bagi risiko kredit bawah Pendekatan IRB masing-masing untuk Kumpulan, Bank dan MIB. Jadual-jadual berkenaan menjadualkan jumlah RWA di bawah pelbagai kelas pendedahan di bawah Pendekatan IRB dengan menggunakan keperluan modal minimum pada 8% sebagaimana ditetapkan BNM bagi memastikan keperluan modal minimum bagi membolehkan setiap portfolio berkenaan dinilai.

Sila rujuk Nota 57 dalam Penyata Kewangan untuk butiran perbincangan terperinci mengenai Nisbah Kecukupan Modal.

Jadual 2: Pendedahan Kecukupan Modal menggunakan Pendekatan IRB

	Kumpulan		Maybank		Maybank Islamic	
	Pada 31.12.2014 RM'000	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**	**Pada 31.12.2014 RM'000**	**Pada 31.12.2013 RM'000**
Modal CET1						
Modal saham berbayar	**9,319,030**	8,862,079	**9,319,030**	8,862,079	**246,362**	218,988
Premium saham	**22,747,922**	19,030,227	**22,747,922**	19,030,227	**4,099,343**	3,725,969
Keuntungan tersimpan	**9,173,105**	8,908,590	**4,052,916**	4,257,076	**2,262,559**	2,172,652
Rizab-rizab lain	**8,600,064**	6,382,362	**10,629,085**	9,268,717	**620,707**	317,946
Kepentingan tidak dikawal layak	**124,884**	112,628	**-**	-	**-**	-
Ditolak: Saham dipegang dalam amanah	**(113,463)**	(107,248)	**(113,463)**	(107,248)	**-**	-
Modal CET1 sebelum pelarasan pengawal selia	**49,851,542**	43,188,638	**46,635,490**	41,310,851	**7,228,971**	6,435,555
Ditolak: Pelarasan kawal selia dikenakan ke atas Modal CET1	**(8,391,750)**	(8,449,692)	**(5,328,480)**	(5,364,790)	**(376,012)**	(662,524)
Aset cukai tertunda	**(835,018)**	(1,623,489)	**(348,350)**	(1,053,598)	**(34,702)**	(267,403)
Muhibah	**(5,144,128)**	(4,924,662)	**(81,015)**	(81,015)	**-**	-
Tidak ketara lain	**(1,080,868)**	(1,088,882)	**(425,252)**	(446,805)	**-**	-
Rizab penyamaan keuntungan	**(34,456)**	(34,456)	**-**	-	**(34,456)**	(34,456)
Kekurangan dalam jumlah peruntukan yang layak berbanding jumlah kerugian dijangka	**(420,130)**	(778,203)	**-**	(39,421)	**(32,354)**	(360,665)
Rizab kawal selia boleh diagih kepada pinjaman/pembiayaan	**(274,500)**	-	**-**	-	**(274,500)**	-
Pelaburan dalam saham biasa entiti kewangan/insurans yang tidak disatukan	**(602,650)**	-	**(4,139,159)**	-	**-**	-
Pelarasan kawal selia kerana ketidakcukupan modal tambahan Tahap 1 dan Tahap 2	**-**	-	**(334,704)**	(3,743,951)	**-**	-
Jumlah modal CET1	**41,459,792**	34,738,946	**41,307,010**	35,946,061	**6,852,959**	5,773,031
Modal Tambahan Tahap						
Sekuriti modal	**6,246,181**	5,490,972	**6,246,181**	5,490,972	**-**	-
Instrumen modal CET1 dan Modal Tambahan Tahap 1 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	**80,409**	82,848	**-**	-	**-**	-
Ditolak: Pelarasan kawas selia kerana ketidakcukupan modal Tahap 2	**-**	-	**(6,246,181)**	(5,490,972)	**-**	-
Jumlah modal Tahap 1	**47,786,382**	40,312,766	**41,307,010**	35,946,061	**6,852,959**	5,773,031
Modal Tahap 2						
Tanggungan subordinat	**10,838,880**	10,319,618	**10,838,880**	10,319,618	**2,300,000**	900,000
Instrumen modal CET1, Modal tambahan Tahap 1 dan Tahap 2 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	**530,022**	12,099	**-**	-	**-**	-
Peruntukan kolektif	**555,142**	535,331	**214,426**	247,746	**32,255**	56,845
Lebihan jumlah peruntukan layak berbanding jumlah kerugian dijangka	**-**	-	**81,949**	-	**-**	-
Ditolak: Pelarasan kawal selia tidak ditolak daripada modal CET1 atau Modal Tambahan Tahap 1 Disediakan di bawah penyusunan peralihan	**(2,410,601)**	(2,824,682)	**(11,135,255)**	(10,567,364)	**-**	-
Jumlah modal Tahap 2	**9,513,443**	8,042,366	**-**	-	**2,332,255**	956,845
Jumlah Modal	**57,299,825**	48,355,132	**41,307,010**	35,946,061	**9,185,214**	6,729,876

Pengurusan Modal

Jadual 3: Pendedahan Kecukupan Modal bawah Pendekatan IRB Kumpulan Maybank

Butiran	Kelas Pendedahan Pada 31.12.2014	Pendedahan Kasar/ EAD sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/ EAD selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000	Keperluan Modal Minimum pada 8% RM'000
1.0	**Risiko Kredit**				
1.1	**Pendedahan Dikecualikan (Pendekatan Standard)**				
	Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan				
	Kedaulatan/Bank Pusat	**85,414,726**	**85,414,726**	**3,685,201**	**294,816**
	Entiti Sektor Awam	**11,373,375**	**11,373,375**	**2,286,143**	**182,891**
	Bank, Institusi Pembangunan Kewangan & MDB	**648,833**	**648,833**	**95,362**	**7,629**
	Syarikat Insurans, Firma Sekuriti & Pengurus Dana	**887,402**	**887,402**	**892,273**	**71,382**
	Korporat	**22,433,692**	**22,431,359**	**15,696,211**	**1,255,697**
	Kawal Selia Peruncitan	**30,528,190**	**30,343,403**	**21,595,135**	**1,727,610**
	Gadai Janji Kediaman	**1,558,671**	**1,558,671**	**607,350**	**48,588**
	Aset Berisiko Tinggi	**232,560**	**232,560**	**218,081**	**17,447**
	Aset-aset lain	**7,630,573**	**7,630,573**	**1,127,734**	**90,219**
	Pendedahan Jaminan	**185,502**	**185,502**	**37,101**	**2,968**
	Pendedahan Ekuiti	**327,992**	**327,991**	**327,992**	**26,239**
	Pendedahan kemungkiran	**373,261**	**373,260**	**294,920**	**23,594**
	Jumlah Pendedahan dalam Lembaran Imbangan	**161,594,777**	**161,407,655**	**46,863,503**	**3,749,080**
	Pendedahan luar Lembaran Imbangan				
	Derivatif OTC	**532,659**	**532,659**	**415,807**	**33,265**
	Pendedahan luar Lembaran Imbangan selain derivatif OTC atau derivatif kredit	**2,704,910**	**2,704,910**	**1,505,315**	**120,425**
	Pendedahan kemungkiran	**2,612**	**2,612**	**217**	**17**
	Jumlah Pendedahan Luar Lembaran Imbangan	**3,240,181**	**3,240,181**	**1,921,339**	**153,707**
	Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Lembaran Imbangan	**164,834,958**	**164,647,836**	**48,784,842**	**3,902,787**
1.2	**Pendedahan bawah pendekatan IRB**				
	Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan				
	Bank, Institusi Pembangunan Kewangan & MDB	**59,056,755**	**59,056,755**	**20,244,917**	**1,619,593**
	Pendedahan Korporat	**201,429,656**	**201,429,656**	**135,458,854**	**10,836,708**
	a) Korporat (tidak termasuk Pinjaman Khas dan pelarasan saiz firma)	**131,672,904**	**131,672,904**	**112,150,326**	**8,972,026**
	b) Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	**65,106,250**	**65,106,250**	**20,112,811**	**1,609,025**
	c) Pinjaman khas (Pendekatan Mencelah)				
	- Pembiayaan Projek	**4,650,502**	**4,650,502**	**3,195,717**	**255,657**
	Pendedahan Runcit	**160,853,841**	**160,853,841**	**51,392,354**	**4,111,389**
	a) Gadai Janji Kediaman	**51,799,320**	**51,799,320**	**16,788,110**	**1,343,049**
	b) Pendedahan Runcit Pusingan Layak	**5,153,503**	**5,153,503**	**3,980,687**	**318,455**
	c) Pendedahan Sewa Beli	**39,233,164**	**39,233,164**	**12,347,785**	**987,823**
	d) Pendedahan Runcit Lain	**64,667,854**	**64,667,854**	**18,275,772**	**1,462,062**
	Pendedahan kemungkiran	**3,805,066**	**3,805,066**	**511,934**	**40,955**
	Jumlah Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan	**425,145,318**	**425,145,318**	**207,608,059**	**16,608,645**
	Pendedahan Luar Lembaran Imbangan				
	Derivatif OTC	**11,796,227**	**11,796,227**	**4,483,639**	**358,691**
	Pendedahan luar Lembaran Imbangan selain daripada derivative OTC atau derivative kredit	**53,324,557**	**53,324,557**	**30,756,886**	**2,460,551**
	Pendedahan Kemungkiran	**235,585**	**235,585**	**2,814**	**225**
	Jumlah Pendedahan Luar Lembaran Imbangan	**65,356,369**	**65,356,369**	**35,243,339**	**2,819,467**
	Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Lembaran imbangan	**490,501,687**	**490,501,687**	**242,851,398**	**19,428,112**
	Jumlah Pendekatan IRB selepas Faktor Perskalaan 1.06	**-**	**-**	**257,422,482**	**20,593,799**
	Jumlah (Pendedahan di bawah Pendekatan Standard & Pendekatan IRB)	**655,336,645**	**655,149,523**	**306,207,324**	**24,496,586**
2.0	**Risiko Pasaran**				
	Risiko Kadar Faedah			**5,339,070**	**427,125**
Bagi pendedahan dalam lembaran imbangan, Kumpulan menggunakan layanan risiko berdasarkan garis panduan BNM dan Basel II. Bagi pendedahan luar lembaran imbangan, Kumpulan mengukur risiko kredit menggunakan Penyamaan Risiko kredit menerusi Kaedah Pendedahan Semasa. Kaedah ini mengira pendedahan risiko kredit Kumpulan selepas mempertimbangkan pendedahan tanda-ke-pasaran dan faktor tambahan bersesuaian bagi potensi pendedahan masa akan datang. Faktor tambahan yang digunakan adalah menurut garis panduan BNM dan keperluan Basel II.

Pengurangan Risiko Kredit

Kumpulan menerima pakai kaedah pengurangan risiko kredit menerusi penghasilan bersih (netting) dua hala dan penghasilan bersih cagaran dengan rakan niaga di mana sesuai, bagi mengurangkan risiko kredit rakan niaga. Bagi mempelbagaikan pendedahan di seluruh rakan niaga, Kumpulan memilih untuk terbabit dengan entiti yang kukuh kualiti kreditnya dan menggunakan pendekatan komprehensif menerusi penetapan had mengikut dagangan, rakan niaga dan tahap portfolio.

Pendedahan risiko kredit rakan niaga dikurangkan menerusi pengaturan penghasilan bersih induk ISDA dalam Perjanjian Induk dengan rakan niaga, di mana perlu, dalam kejadian kemungkiran, semua jumlah (aset derivatif dan liabiliti) rakan niaga tunggal diselesaikan pada asas bersih mengikut undang-undang penghasilan bersih.

Perjanjian induk ISDA digunakan untuk mendokumentasikan urus niaga derivatif OTC yang mengikat kedua-dua pihak untuk menyelesaikan baki urus niaga sebagaimana yang terkandung dalam perjanjian dengan cara penghasilan bersih hampir keluar sekiranya mana-mana pihak mungkir atau dalam kejadian yang dijangka berlaku. Perjanjian seumpama ini membenarkan Kumpulan untuk melaksanakan penghasilan bersih dua hala, di mana Kumpulan boleh mengambil tindakan undang-undang bagi mengimbangi nilai kontrak positif dan negatif dengan rakan niaga yang sama sekiranya berlaku kejadian kemungkiran. Dalam hal ini, Kumpulan akan cuba memeterai perjanjian dengan Anneks Sokongan Kredit ("CSA") yang dibenarkan rakan niaga. Ia dapat mengurangkan risiko kredit menerusi cagaran margin dalam usaha untuk mengurangkan pendedahan risiko kredit rakan niaga.

Jadual 35 hingga 37 menunjukan lembaran imbangan luar dan pendedahan risiko kredit rakan niaga bagi Kumpulan, Bank dan MIB.

RISIKO NEGARA

Risiko Negara adalah risiko pelaburan dalam sesebuah negara yang timbul disebabkan pelbagai faktor politik, kewangan mahupun ekonomi, yang berpotensi menyebabkan berlakunya kemungkiran peminjam dalam memenuhi tanggungjawabnya terhadap Kumpulan.

Prinsip dan pendekatan pengurusan risiko negara ini ditetapkan dalam Polisi Had Negara Kumpulan. Had bagi negara-negara strategik ditetapkan berdasarkan pertimbangan perniagaan strategik negara khusus dan mendapat kelulusan RMC.

Jadual 35: Pendedahan Luar Lembaran Imbangan dan Pendedahan Kredit Risiko Rakan Niaga bagi Kumpulan Maybank

Sifat Butiran	Jumlah Prinsipal/Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000
Pada 31.12.2014			
Gantian kredit langsung	**10,520,025**	**9,936,606**	**6,666,024**
Urus niaga berkaitan butiran luar jangka	**14,865,419**	**7,184,856**	**4,977,193**
Perdagangan jangka pendek bubar sendiri berkaitan luar jangka	**5,029,197**	**1,009,034**	**769,542**
NIF dan kewajipan di bawah perjanjian taja jaminan yang sedang berkuat kuasa	**30,000**	**15,000**	**3,000**
Pinjaman sekuriti bank atau penggunaan sekuriti sebagai cagaran bank, termasuk keadaan disebabkan urus niaga repo (seperti pembelian semula/pembelian berbalik dan pinjaman sekuriti/urus niaga pinjaman), dan komitmen pembelian balik sekuriti Islam di bawah Jual dan Belian Balik	**5,737,935**	**1,796,922**	**88,412**
Kontrak berkaitan tukaran asing	**143,845,524**	**5,450,203**	**2,398,672**
- Satu tahun atau kurang	**121,348,847**	**2,987,000**	**1,093,430**
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	**17,409,375**	**1,766,265**	**742,717**
- Melebihi lima tahun	**5,087,302**	**696,938**	**562,525**
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	**91,635,828**	**3,794,706**	**1,664,866**
- Satu tahun atau kurang	**22,599,910**	**159,202**	**144,825**
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	**55,184,825**	**2,110,180**	**755,928**
- Melebihi lima tahun	**13,851,093**	**1,525,324**	**764,113**
Kontrak urus niaga derivatif OTC dan derivatif kontrak tertakluk kepada perjanjian 'netting' dua hala yang sah	**133,814,938**	**2,611,251**	**687,770**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih satu tahun	**41,918,978**	**25,106,218**	**12,403,146**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang sehingga satu tahun	**14,728,451**	**10,622,636**	**7,050,985**
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa sebarang notis awal atau pembatalan automatik disebabkan kemerosotan keupayaan kredit peminjam	**47,214,562**	**338,561**	**96,932**
Penggunaan di bawah had kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan standard tertakluk pada 20% CCF)	**1,111,658**	**213,456**	**199,061**
Jumlah	**510,452,515**	**68,079,449**	**37,005,603**
Pada 31.12.2013			
Gantian kredit langsung	11,957,984	11,889,415	7,616,259
Urus niaga berkaitan butiran luar jangka	14,503,323	7,341,034	4,687,252
Perdagangan jangka pendek bubar sendiri berkaitan luar jangka	4,565,528	939,225	653,223
NIF dan kewajipan di bawah perjanjian taja jaminan yang sedang berkuat kuasa	30,000	15,000	3,000
Pinjaman sekuriti bank atau menggunakan sekuriti sebagai cagaran bank, termasukkeadaan di mana timbul urus niaga repo (seperti pembelian semula/pembelian berbalik dan pinjaman sekuriti/urus niaga pinjaman), dan komitmen pembelian balik sekuriti Islam di bawah Jual dan Belian Balik	3,095,503	2,170	189
Kontrak berkaitan tukaran asing	163,653,441	6,305,042	1,951,006
- Satu tahun atau kurang	129,694,254	3,256,512	867,241
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	33,850,860	3,033,341	1,072,652
- Melebih lima tahun	108,327	15,189	11,113
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	109,100,681	5,089,740	1,897,716
- Satu tahun atau kurang	28,986,158	735,818	277,530
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	59,302,422	2,162,852	748,433
- Melebihi lima tahun	20,812,101	2,191,070	871,753
Kontrak komoditi	130,322	14,011	7,219
- Satu tahun atau kurang	-	-	-
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	130,322	14,011	7,219
- Melebihi lima tahun	-	-	-
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih satu tahun	37,301,547	22,230,898	9,877,562
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga satu tahun	24,114,679	15,282,805	10,240,767
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh bank tanpa sebarang notis awal atau pembatalan efektif sendiri disebabkan kemerosotan keupayaan kredit peminjam	23,584,827	261,807	80,664
Penggunaan di bawah had kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan standard tertakluk pada 20% CCF)	870,374	174,075	131,025
Jumlah	392,908,209	69,545,223	37,145,881

Risiko Kredit

Jadual 36: Pendedahan Luar Lembaran Imbangan dan Kredit Risiko Rakan Niaga bagi Maybank

Sifat Butiran	Jumlah Prinsipal/Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
Pada 31.12.2014			
Gantian kredit langsung	**9,508,877**	**8,839,581**	**5,859,923**
Urus niaga berkaitan butiran luar jangka	**13,096,309**	**6,159,173**	**4,012,308**
Perdagangan jangka pendek bubar sendiri berkaitan luar jangka	**4,285,190**	**852,447**	**625,480**
Pinjaman sekuriti bank atau menggunakan sekuriti sebagai cagaran bank, termasuk dalam keadaan timbulnya urus niaga repo (iaitu pembelian semula/pembelian berbalik dan pinjaman sekuriti/urus niaga pinjaman), dan komitmen pembelian balik sekuriti Islam di bawah Jual dan Belian Balik	**5,737,935**	**1,796,922**	**88,412**
Kontrak berkaitan tukaran asing	**134,369,448**	**5,023,029**	**2,261,119**
- Satu tahun atau kurang	**116,955,231**	**2,908,536**	**1,094,071**
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	**14,212,561**	**1,609,086**	**710,874**
- Melebihi lima tahun	**3,201,655**	**505,407**	**456,174**
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	**88,592,143**	**3,767,804**	**1,591,438**
- Satu tahun atau kurang	**17,788,490**	**111,564**	**52,494**
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	**55,949,350**	**2,028,534**	**745,988**
- Melebihi lima tahun	**14,854,303**	**1,627,706**	**792,956**
Kontrak urus niaga derivatif OTC dan derivatif kredit tertakluk pada perjanjian 'netting' dua hala	**133,814,938**	**2,611,251**	**687,770**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih satu tahun	**35,515,981**	**20,106,778**	**10,497,737**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga satu tahun	**10,741,599**	**7,643,638**	**5,126,483**
Sebarang komitmen boleh batal tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa notis awal atau pembatalan sendiri efektif disebabkan kemerosotan keupayaan kredit peminjam	**30,978,534**	**228,026**	**52,472**
Penggunaan di bawah had kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan standard tertakluk pada 20% CCF)	**511,642**	**93,453**	**79,058**
Jumlah	**467,152,596**	**57,122,102**	**30,882,200**
Pada 31.12.2013			
Gantian kredit langsung	10,668,222	10,600,086	6,576,588
Urus niaga berkaitan butiran luar jangka	12,497,981	6,322,016	3,754,051
Perdagangan jangka pendek bubar sendiri berkaitan luar jangka	3,852,216	794,427	513,524
Aset dijual dengan tujuan			
Pinjaman sekuriti bank atau penggunaan sekuriti sebagai cagaran bank, termasukkeadaan yang timbul disebabkan urus niaga repo (iaitu pembelian semula/pembelian berbalik dan pinjaman sekuriti/urus niaga pinjaman), dan komitmen pembelian semula sekuriti Islam di bawah Jual dan Belian Balik	3,095,503	2,170	189
Kontrak berkaitan tukaran asing	155,846,341	6,043,798	1,771,640
- Satu tahun atau kurang	123,525,298	3,154,266	792,147
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	32,212,716	2,874,342	968,380
- Melebihi lima tahun	108,327	15,190	11,113
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	100,478,037	4,846,139	1,793,634
- Satu tahun atau kurang	25,413,824	620,364	261,083
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	54,252,112	2,034,705	660,798
- Melebihi lima tahun	20,812,101	2,191,070	871,753
Kontrak komoditi	130,322	14,011	7,219
- Satu tahun atau kurang	-	-	-
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	130,322	14,011	7,219
- Melebihi lima tahun			
Kontrak urus niaga derivatif OTC dan derivatif kredit adalah tertakluk pada perjanjian 'netting' dua hala yang sah			
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian kredit rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih satu tahun	33,040,948	19,025,880	8,438,810
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian kredit rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga satu tahun	20,619,711	13,225,704	8,840,899
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa notis awal atau pembatalan sendiri efektif disebabkan kemerosotan keupayaan kredit peminjam	16,412,501	177,452	39,195
Penggunaan di bawah had kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan standard yang tertakluk pada 20% CCF)	332,659	66,532	50,026
Jumlah	356,974,441	61,118,215	31,785,775

Jadual 37: Pendedahan Luar Lembaran Imbangan dan Pendedahan Risiko Kredit Rakan Niaga bagi Maybank Islamic

Sifat Butiran	Jumlah Prinsipal/Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
Pada 31.12.2014			
Gantian kredit langsung	**617,591**	**703,467**	**373,128**
Urus niaga berkaitan butiran luar jangka	**882,726**	**582,491**	**494,447**
Perdagangan jangka pendek bubar sendiri berkaitan luar jangka	**144,297**	**36,646**	**22,058**
Kontrak berkaitan tukaran asing	**10,782,298**	**531,695**	**150,234**
- Satu tahun atau kurang	**6,107,376**	**212,154**	**17,156**
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	**2,808,325**	**129,985**	**27,101**
- Melebihi lima tahun	**1,866,597**	**189,556**	**105,977**
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	**2,119,637**	**238,208**	**91,437**
- Satu tahun atau kurang	**-**	**-**	**-**
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	**2,119,637**	**238,208**	**91,437**
- Melebihi lima tahun	**-**	**-**	**-**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih satu tahun	**5,675,453**	**4,707,946**	**1,605,450**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga satu tahun	**2,756,734**	**2,620,597**	**1,493,669**
Sebarang komitmen yang boleh dibatal tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa notis awal atau pembatalan sendiri disebabkan kemerosotan keupayaan kredit peminjam	**2,419,449**	**110,535**	**44,460**
Jumlah	**25,398,185**	**9,531,585**	**4,274,883**
Pada 31.12.2013			
Gantian kredit langsung	735,485	735,053	396,118
Urus niaga berkaitan butiran luar jangka	1,150,736	591,715	480,062
Perdagangan jangka pendek bubar sendiri berkaitan luar jangka	171,434	36,422	23,044
Kontrak berkaitan tukaran asing	5,516,346	269,519	96,501
- Satu tahun atau kurang	4,763,784	156,925	58,888
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	752,562	112,594	37,613
- Melebihi lima tahun	-	-	-
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan	3,470,963	93,066	37,584
- Satu tahun atau kurang	850,000	1,000	215
- Lebih satu tahun hingga lima tahun	2,620,963	92,066	37,369
- Melebihi lima tahun	-	-	-
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih satu tahun	3,595,915	2,874,563	1,096,736
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian rasmi dan garisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga satu tahun	2,308,636	1,685,439	986,277
Sebarang komitmen yang terbatal tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa notis awal atau pembatalan sendiri yang disebabkan kemerosotan keupayaan kredit peminjam	2,356,007	84,354	41,470
Jumlah	19,305,522	6,370,131	3,157,792

Risiko Pasaran

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai kesan buruk ke atas perolehan atau modal yang timbul disebabkan perubahan dalam tahap kemeruapan kadar pasaran atau harga seperti kadar faedah/kadar keuntungan, kadar tukaran asing, harga komoditi dan juga harga ekuiti.

Secara umumnya, Kumpulan menguruskan aktiviti portfolio risiko pasaran Dagangan dan bukan Dagangan/Perbankan menerusi pelbagai teknik pengukuran dan kawalan.

RISIKO PASARAN DINIAGAKAN

Risiko pasaran diniagakan timbul terutamanya daripada perdagangan berdaftar, perkhidmatan pelanggan dan kegiatan penciptaan pasaran. Kegiatan berkenaan sengaja diadakan bagi jualan jangka pendek dan/atau dengan hasrat untuk mendapat manfaat daripada pergerakan harga sebenar atau dijangka atau untuk mengunci keuntungan arbitraj.

Dasar Buku Perdagangan dan had ditetapkan bagi mengurus keseluruhan portfolio Buku Perdagangan. Kumpulan menerima pakai pelbagai kaedah untuk menguruskan risiko pasaran yang diniagakan. Nilai-pada-Risiko (VaR) menjadi pengukur pada potensi kerugian nilai Buku Perdagangan yang disebabkan oleh pergerakan pasaran dalam tempoh khusus masa tertentu, dalam keberangkalian kejadian tertentu situasi perniagaan biasa. Model VaR sudah diuji dan tertakluk kepada pengesahan bebas untuk memastikan ia dapat memenuhi tujuan kegunaannya.

Kaedah Kepekaan risiko, seperti pendedahan ke atas kenaikan satu mata asas hasil ("PV01") diguna bagi mengurus kepekaan portfolio kepada pergerakan kadar pasaran, had Greek untuk mengurus opsyen risiko, dan keuntungan/kerugian tertekan yang memberi kesan buruk kepada keuntungan dagangan disebabkan oleh kejadian-kejadian yang berlaku. Had anggaran seperti Kedudukan Terbuka Bersih ("NOP") mengikat pendedahan mata wang asing sementara had portfolio mengawal penumpuan pendedahan.

Sebagai tambahan, Kumpulan turut menerima pakai kaedah pengurusan risiko kredit yang timbul daripada aktiviti dagangan kredit menerusi had Lompat ke Mungkir (JTD) dan Sebaran Kredit (CS) PV01. JTD mengukur kesan serta merta nilai portfolio semasa kejadian kredit, sebagai contoh, kemungkiran penerbit sementara CSPV01 mengukur nilai portfolio apabila sebaran kredit berubah pada 1 mata asas.

Peniaga dilarang daripada melanggar had henti kerugian, had VaR dan melakukan sebarang transaksi instrumen yang tidak dibenarkan/kegiatan sebagaimana yang terkandung dalam dasar-dasar yang telah diluluskan.

Proses peningkatan teguh kepada pihak berkuasa khusus dibentuk bagi memastikan tindakan segera dapat diambil. Bagi tujuan perbincangan selanjutnya, laporan bulanan dikemuka dan dibentangkan kepada Jawatankuasa/Pengurusan Kanan.

RISIKO PASARAN TIDAK DINIAGAKAN

Risiko pasaran tidak diniagakan adalah risiko yang wujud daripada kegiatan buku perbankan. Kelas utama risiko ini adalah risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan selain risiko tukaran asing.

Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan

Risiko kadar faedah ("IRR") atau risiko kadar pulangan ("RoR") dalam buku perbankan ditakrifkan sebagai risiko yang timbul daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran yang memberi kesan buruk kepada kedudukan kewangan Kumpulan dalam bentuk perolehan ataupun nilai ekonomi, berdasarkan profil risiko lembaran imbangan. Sumber IRR/RoR termasuk penetapan semula harga, asas, keluk perolehan dan risiko hasil. Selain itu, operasi perbankan Islam turut terdedah kepada risiko kehilangan komersil.

Penerimaan IRR/RoR sebagai sebahagian daripada urusan perbankan boleh menjadi sumber utama keuntungan dan nilai pemegang saham. Bagaimanapun, risiko yang berlebihan boleh menjejaskan pendapatan, modal, kecairan dan kesolvenan Kumpulan.

Dasar buku perbankan dan had-had diwujudkan bagi mengukur dan mengurus risiko pasaran tidak boleh diniagakan. Analisis jurang penetapan harga semula kekal menjadi halangan utama penilaian IRR/RoR Kumpulan. Pendapatan-pada-Risiko ("EaR") dan Nilai-pada-Risiko Ekonomi ("EVaR") diperoleh bagi mengukur kesan buruk tahap toleransi maksimum kadar faedah pasaran terhadap pendapatan dan modal.

Dengan pengawasan ALCO, barisan perniagaan dilindungi daripada IRR/RoR menerusi penetapan harga pindahan dana di mana pasaran tidak boleh diniagakan dan risiko kecairan dipusatkan pada unit perbendaharaan korporat bagi pengurusan risiko yang aktif dan mengoptimumkan penyata kedudukan kewangan. Unit perbendaharaan korporat akan mengkaji pendedahan risiko secara kerap dan mencadangkan strategi-strategi bagi mengurangkan sebarang pendedahan risiko mengikut dasar buku yang tidak boleh diniagakan.

Portfolio tertentu seperti produk dengan ciri-ciri yang tidak ditentukan adalah tertakluk kepada permodelan statistik berkala untuk memahami corak perilaku pelanggan/produk dalam hubungannya dengan perubahan kadar dan kitaran perniagaan. Penilaian risiko tetap dan ujian tekanan digunakan untuk memastikan portfolio boleh bertahan dengan toleransi risiko dan senario kadar yang terjejas.

Jadual 38(a) hingga (b), menunjukkan kesan perubahan IRR/RoR ke atas pendapatan dan modal Kumpulan, Bank dan MIB.

Jadual 38a: Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan bagi Kumpulan Maybank, Maybank dan Maybank Islamic (Kesan atas Pendapatan)

	Pada 31.12.2014			Pada 31.12.2013**		
	Kumpulan	Bank	Maybank Islamic	Kumpulan	Bank	Maybank Islamic
	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000
Kesan atas pendapatan yang mana,	**890,542**	**691,458**	**116,720**	643,444	555,063	23,332
MYR	**472,195**	**355,475**	**116,720**	362,731	339,627	23,332
USD	**(15,178)**	**(6,488)**	**-**	(33,238)	(79,756)	-
SGD	**327,844**	**327,844**	**-**	267,916	267,916	-
IDR	**85,183**	**-**	**-**	16,281	-	-
LAIN-LAIN*	**20,498**	**14,627**	**-**	29,754	27,276	-

Jadual 38b: Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan bagi Kumpulan Maybank dan Maybank/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan Maybank Islamic (Kesan atas Modal)

	Pada 31.12.2014			Pada 31.12.2013**		
	Kumpulan	Bank	Maybank Islamic	Kumpulan	Bank	Maybank Islamic
	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000
Kesan atas modal yang mana,	**4,052,646**	**3,181,523**	**973,450**	4,545,584	3,546,923	1,012,081
MYR	**4,135,262**	**3,161,812**	**973,450**	3,886,809	2,874,695	1,012,081
USD	**(71,526)**	**(63,750)**	**-**	456,662	459,253	-
SGD	**226,631**	**226,631**	**-**	264,400	264,400	-
IDR	**(83,099)**	**-**	**-**	(17,786)	-	-
LAIN-LAIN*	**(154,622)**	**(143,170)**	**-**	(44,501)	(51,425)	-

Nota:

Semua angka adalah dalam jumlah mutlak kecuali kesan jumlahnya dalam jumlah agregat bersih (hasil setelah ditolak 'netting' mata wang/kedudukan lokasi geografi).

* Termasuk GBP, HKD, BND, VND, CNY, EUR, PHP, PGK dan matawang lain.

** Kedudukan sehingga Dis 2013 telah dikira semula disebabkan penyataan semula perjanjian RPSIA untuk MBB KL dan MIB. Selain itu, Vostro melaporkan di bawah pinjaman antara bank bagi MIB sudah dikelaskan semula daripada kategori jangka pendek kepada kategori tanpa kadar peka.

Risiko Tukaran Asing dalam Buku Perbankan

Risiko Tukaran Asing ("FX") timbul daripada perubahan dalam kadar tukaran asing atau pergerakan buruk/tidak sepadan dalam matawang.

Pendedahan risiko FX boleh disebabkan oleh kedudukan berstruktur ataupun tidak berstruktur. Kedudukan FX berstruktur pada asasnya adalah pelaburan bersih dalam cawangan luar Negara, syarikat subsidiari dan pelaburan strategik. Secara umumnya, kedudukan FX berstruktur tidak perlu dilindung nilai kerana pelaburan berkenaan ditakrifkan "untuk selama-lamanya" dan kerugian penilaian semula tidak wujud sekiranya ia tidak dijual. Kedudukan FX yang tidak dilindung nilai atau sisanya diurus mengikut had dan dasar pengurusan risiko FX.

Semua aset mata wang asing dalam buku perbankan perlu dibiayai oleh mata wang yang sama untuk mengurangkan FX NOP. Selain daripada itu, Kumpulan turut melaksanakan kawalan kualitatif seperti penyenaraian mata wang dalam dan luar pesisir yang dibenarkan, produk yang mendapat kelulusan risiko lindung nilai FX, dan sebagainya.

Secara asasnya risiko FX dinilai berdasarkan perspektif pendapatan dan modal. Dalam hal ini, ALCO memainkan peranan penting bagi memastikan risiko FX diurus dalam lingkungan yang ditetapkan.

PENDEDAHAN EKUITI DALAM BUKU PERBANKAN

Matlamat pendedahan ekuiti adalah untuk menentukan sifat dan sejauh mana pendedahan Kumpulan terhadap risiko pelaburan yang timbul daripada kedudukan ekuiti dan pegangan instrumen dalam buku perbankan.

- **Diniagakan secara awam**

  Pegangan pelaburan ekuiti termasuk saham-saham yang disebut harga diniagakan secara aktif dalam pasaran saham. Semua pendedahan ekuiti yang diniagakan secara awam dinyatakan pada harga saksama.

- **Pegangan persendirian**

  Ekuiti pegangan persendirian adalah pelaburan yang tidak disebut harga di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat dan kos dikira selepas ditolak kerugian rosot nilai, sekiranya ada.

  Pegangan pelaburan Kumpulan dalam sekuriti ekuiti bertujuan mendapatkan kelebihan strategik selain peningkatan atas modal apabila dijual.

Risiko ekuiti adalah risiko yang timbul daripada pergerakan dalam harga ekuiti, indeks ekuiti dan bakul ekuiti.

Risiko Pasaran

LAYANAN MODAL BAGI RISIKO PASARAN

Pada peringkat Kumpulan dan Global keperluan pengiraan modal minimum bagi risiko pasaran adalah berdasarkan garis panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – RWA) BNM yang dikemas kini di bawah Pendekatan Standard. Sementara MIB mengguna pakai garis panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam (RWA) yang dikemas kini. Ini adalah penting kerana modal bertindak sebagai penampan kewangan dalam menghadapi pergerakan risiko pasaran yang kurang baik. Faktor risiko utama yang dihadapi Kumpulan dalam kegiatan perdagangannya adalah kadar faedah RWA, tukaran asing dan opsyen. RWA lain seperti komoditi dan ekuiti, secara umumnya berkaitan aktiviti perniagaan daripada Bank Pelaburan.

Jadual 39: Risiko Pasaran RWA dan Caj Modal Minimum 8%

Kategori Risiko Pasaran Pada 31.12.2014	Kumpulan Maybank		Maybank	
	RWA RM'000	Keperluan Modal RM'000	RWA RM'000	Keperluan Modal RM'000
Kadar faedah	5,339,072	427,126	5,059,291	404,743
Tukaran asing[1]	5,274,101	421,928	1,750,684	140,055
Ekuiti	874,720	69,978	-	-
Komoditi[1]	-	-	-	-
Opsyen	2,680,260	214,421	2,642,864	211,429

Kategori Risiko Pasaran Pada 31.12.2014	Maybank Islamic	
	RWA RM'000	Keperluan Modal RM'000
Kadar penanda aras	99,318	7,945
Tukaran Asing[1]	474,603	37,968

[1] Komoditi dan Tukaran asing meliputi perdagangan dan juga buku bukan perdagangan.

PENGURUSAN RISIKO KECAIRAN

Risiko kecairan ditakrifkan sebagai risiko yang memberi kesan buruk kepada keadaan kewangan atau keseluruhan keselamatan dan kekukuhan yang mungkin timbul daripada ketidakupayaan (atau tanggapan ketidakupayaan) memenuhi kewajibannya pada kos tidak dijangka yang lebih tinggi.

Ia turut dikenali sebagai risiko berbangkit, berpunca daripada masalah yang tercetus daripada faktor dalaman (endogenous) seperti kemerosotan risiko kredit, penarafan, kejadian risiko operasi atau berkaitan faktor luaran (exogenous) seperti gangguan pasaran, kemungkiran dalam sistem pembayaran pelbagaian perbankan dan juga risiko kemerosotan kedaulatan.

Penyata risiko kedudukan kewangan adalah untuk mengukur struktur asas bagi mengekal pembiayaan yang pelbagai stabil dan selain daripada mencapai kedudukan portfolio yang optimum. Langkah-langkah berkenaan adalah bagi mencapai sasaran pinjaman kepada nisbah deposit, sumber dana menerusi pinjaman, pinjaman pukal dan pasaran swap bagi menyokong pertumbuhan asas aset serantau. Menerusi langkah-langkah ini, Kumpulan membentuk profil aset dan liabilitinya untuk mencapai tahap penyata kedudukan kewangan yang diingini.

Aliran tunai bersih tidak sepadan dengan perbezaan tempoh masa, juga dikenali sebagai analisis jurang kecairan, menyediakan Pengurusan dengan gambaran jelas pada keperluan pembiayaan dalam tempoh terdekat dan juga sebagai penyata berstruktur pada kedudukan kewangan untuk tempoh jangka masa sederhana dan panjang. Sumber kepada penyedia dana turut dikaji bagi mengekalkan kepelbagaian yang luas dengan mata wang, penyedia, produk dan terma, selain mengurangkan penumpuan pembiayaan yang berlebihan.

Kumpulan mengadakan senario tekanan kecairan untuk menilai kelemahan aliran tunai di bawah keadaan pasaran tertekan. Ketinggian mutu aset cair Kumpulan sentiasa dikaji dan dikekalkan sebagai sumber pembiayaan tersedia yang tiada halangan untuk dijual atau dicagar bagi mendapatkan tunai segera dengan menentukan keupayaan pembiayaannya dalam menghadapi situasi tertekan.

Kumpulan sedang dalam peringkat akhir penyediaan bagi memenuhi keperluan Garis Panduan Nisbah Liputan Kecairan ("LCR") yang diterbitkan BNM. Sehingga 1 Jun 2015, keperluan minimum 60% perlu dipenuhi dengan peningkatan beransur-ansur sehingga 100% pada 1 Januari 2019. Sebagai tambahan, Kumpulan berada dalam peringkat awal penyediaan untuk Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih ("NSFR") yang akan mula berkuat kuasa 1 Januari 2018.

Risiko Operasi

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko akibat daripada ketidakupayaan atau kegagalan proses dalaman, manusia, sistem atau kejadian-kejadian luaran. Definisi ini meliputi risiko perundangan tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Dasar Risiko Operasi Kumpulan Maybank merangkumi strategi pengurusan risiko operasi dan struktur tadbir urus. Dasar ini juga meliputi alat pengurusan risiko operasi dan metodologi untuk mengenal pasti, penilaian dan pengukuran, pengawalan, pemantauan dan pelaporan risiko operasi dalam bentuk berstruktur dan konsisten.

Pegawai Risiko Operasi ("ORO") dilantik daripada pelbagai Unit Perniagaan Strategik ("SBU") Kumpulan dengan tanggungjawab utama untuk mengurus pendedahan risiko yang wujud dalam kegiatan perniagaan.

Risiko Perniagaan, fungsi pengurusan risiko yang berdedikasi, diwujudkan dalam SBU utama Kumpulan bagi menggerakkan pelaksanaan dasar pengurusan risiko operasi di seluruh operasi perniagaan. Risiko Perniagaan turut mengekalkan peranan pengawasan ke atas SBU dengan menganalisis dan melaporkan pendedahan risiko operasi SBU mengikut masa kepada pihak-pihak berkepentingan dengan menyemai budaya dan kesedaran risiko di seluruh Kumpulan.

ALAT DAN METODOLOGI PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Alat dan metodologi risiko operasi sudah dilaksanakan untuk mengenal pasti secara berkesan, menilai dan mengukur, mengawal, melapor dan memantau pendedahan risiko operasi mengikut masa bagi membantu pembuatan keputusan dan meningkatkan proses pengurusan risiko operasi.

Pengenalan Risiko Operasi dan Penilaian

- Pengenalan risiko adalah pengiktirafan ke atas senario risiko operasi yang boleh menyebabkan berlakunya kerugian kepada operasi. Sebagai contohnya, di bawah program kelulusan produk Kumpulan, semua risiko yang wujud dalam perkhidmatan/produk yang ditambahbaikan/baru akan dikenal pasti sebelum pelancaran produk/perkhidmatan berkenaan, dengan menetapkan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko.
- Pemprofilan risiko dan penilaian sendiri juga dijalankan sebagai sebahagian daripada proses pengurusan risiko operasi.

Amalan di atas membolehkan SBU mengenal pasti kewujudan risiko operasi yang khusus dalam persekitaran dan membantu mereka membuat penilaian akan keberkesanan kawalan yang ada.

Pengukuran Risiko Operasi dan Pemantauan

Pengukuran Risiko Operasi dan Pemantauan

- **Risiko & Kawalan Penilaian Sendiri ("RCSA")**

  RCSA adalah satu proses penilaian berterusan risiko operasi dan kawalan yang wujud untuk mengenal pasti jurang kawalan dan membentuk pelan tindakan untuk merapatkan jurang berkenaan. Ia adalah alat profil risiko yang berkesan bagi membantu pengurusan risiko operasi Kumpulan.

  SBU melaksanakan langkah RCSA bagi memberi tumpuan penuh kepada semakan proses-proses perniagaan untuk meningkatkan operasi dan kawalan kritikal. Bagi membentuk Profil Risiko Kumpulan Maybank, tahap latihan profil risiko SBU dikumpul setiap setengah tahun. Profil Risiko yang disatukan kemudiannya dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan ("GORMC") dan RMC.

- **Petunjuk Risiko Utama ("KRI")**

  KRI dibangunkan sebagai penyediaan isyarat awal terhadap proses-proses kritikal persekitaran operasi bagi penilaian risiko yang berterusan. Ia diwujud dan dipantau pada peringkat Kumpulan, Perniagaan dan Operasi.

  Di antara sumber KRI adalah daripada proses berkala RCSA, platform bagi Pengurusan Insiden dan Pengumpulan Data, pengalaman SBU, dalaman/luaran dan penemuan atau dapatan kawal selia audit. SBU adalah diperlukan untuk membangunkan pelan tindakan KRI yang khusus dan kukuh melebihi paras yang telah ditetapkan. ORO dan Risiko Perniagaan mengambil bahagian dalam pembangunan dan pengesahan KRI untuk SBU.

- **Pengurusan Insiden & Pengumpulan Data ("IMDC")**

  IMDC menyediakan platform proses yang berstruktur dan sistematik supaya SBU boleh mengenal pasti dan memberikan tumpuan pada kawasan panas operasi. Ia mewujudkan pangkalan data berpusat yang konsisten dan seragam di mana maklumat insiden risiko operasi tersedia untuk dianalisis apabila berlaku kesilapan bagi mengurangkan kesan risiko kerugian operasi pada masa hadapan.

Risiko Operasi

PENGURANGAN DAN PENGAWALAN RISIKO OPERASI

Alat dan teknik pengurangan risiko digunakan bagi meminimum risiko pada tahap yang boleh diterima dan tumpuannya adalah pada:

- Penerusan semula perniagaan dalam keadaan segera seandainya berlaku malapetaka/insiden; dan
- Mengurangkan kesan terhadap perniagaan, sekiranya berlaku.

Alat kawalan dan teknik untuk mengurangkan risiko operasi adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Kelangsungan Perniagaan ("BCM")**

  BCM bertindak sebagai alat yang menggariskan secara komprehensif dan menyepadukan pendekatan bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan mengurangkan kemungkinan kemusnahan operasi kritikal Kumpulan dan keselamatan orang ramai sekiranya berlaku kemusnahan atau malapetaka.

- **Penyumberan luar**

  Penyumberan luar adalah satu daripada alat untuk mengurangkan risiko operasi Kumpulan dengan mengurangkan pendedahan risiko dan memberi tumpuan pada perniagaan teras dengan matlamat meningkatkan keberkesanan operasi Kumpulan.

  Bagi keberkesanan pengurusan risiko operasi, keperluan penyumberan luar Kumpulan dibentuk mengikut keperluan dan amalan utama pengawal selia tempatan dan antarabangsa. Semua perkhidmatan penyumberan luar adalah tertakluk kepada hak ketelitian yang ditetapkan dan kajian risiko.

  Kajian berterusan, pemantauan dan pelaporan kepada GORMC dan RMC dilaksanakan bagi memastikan integriti dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan tidak diambil ringan.

- **Pengurusan Anti Penipuan**

  Matlamat Kumpulan adalah untuk memastikan risiko penipuan yang meningkat dapat dikurangkan ke tahap paling rendah menerusi pendekatan pengurusan penipuan lebih efektif dengan kaedah yang lebih tegas, mengikut masa dan sistematik ketika berdepan dengan insiden-insiden penipuan.

  Dasar Anti Penipuan Kumpulan melaksanakan program dan kawalan anti penipuan yang teguh dan komprehensif terhadap Kumpulan. Ia menjadi prinsip yang luas, strategi dan dasar Kumpulan untuk menerima pakai pengurusan penipuan yang mampu mempertingkatkan lagi standard integriti. Turut digariskan adalah peranan dan tanggungjawab semua peringkat di dalam organisasi bagi mencegah dan bertindak balas kepada penipuan.

LAYANAN MODAL RISIKO OPERASI

Caj Modal Risiko Operasi dikira menggunakan Pendekatan Petunjuk Asas ("BIA") sebagaimana terdapat dalam Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II - RWA) BNM yang dikemaskini.

Kumpulan berhasrat untuk menerima pakai Pendekatan Standard ("TSA") bagi pengiraan Caj Modal Risiko Operasi. Bagi tujuan itu, Kumpulan telah melakar kegiatan perniagaannya kepada lapan barisan perniagaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Basel II dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – RWA) BNM yang dikemas kini.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

BCM adalah satu proses pengurusan menyeluruh yang menyediakan piawaian membangunkan organisasi mapan dengan keupayaan tindak balas berkesan bagi melindungi kepentingan pihak yang berkepentingan, reputasi, jenama dan aktiviti pembentukan nilai. Ia termasuk mengenal pasti potensi ancaman kepada organisasi, tahap kesannya kepada operasi perniagaan sekiranya berlaku ancaman dan pelaksanaan strategi yang bersesuaian bagi pemulihan perniagaan.

Kumpulan, menerusi prosedur dan dasar BCM yang dikemas kini telah meletakkan asas bagi membentuk dan membangun keupayaan BCM. Dalam satu dokumen kenyataan tahunan oleh EXCO Kumpulan dan disaksikan Lembaga Pengarah, secara jelas menunjukkan nilai dan tahap kepentingan BCM kepada Kumpulan.

Sebagai sebahagian proses penambahbaikan berterusan, Kumpulan telah memulakan pendigitan dokumentasi BCM dan proses pengurusan insiden menerusi pelaksanaan Sistem BCM yang telah dilancarkan Kumpulan. Maybank adalah bank pertama di Malaysia yang melaksanakan proses automasi BCM secara menyeluruh.

Selain daripada Latihan Simulasi Krisis tetap ("CSE") untuk setiap sektor, Kumpulan sudah menyelesaikan Latihan Pelan Kesinambungan Perniagaan ("BCP") bagi 16 negara. Pada 2014, Kumpulan berjaya melaksanakan CSE Perusahaan dengan simulasi bencana serentak dalam Kumpulan, rantau dan Negara. Matlamat latihan ini adalah untuk menguji koordinasi prosedur pemulihan antara Pusat Arahan dan Tapak Silih Ganti, keberkesanan komunikasi dan peningkatan prosedur antara semua lokasi dan keberkesanan prasarana BCM termasuk sistem BCM, Pusat Arahan Berbilang dan Tapak Pemulihan.

Proses pengurusan insiden Kumpulan adalah mengikut metodologi di atas. Ia direka bagi mengurangkan potensi kemusnahan disebabkan sebarang bencana, krisis atau darurat. Dalam keadaan darurat, prioriti utama adalah keselamatan nyawa, diikuti menstabilkan insiden. Ia kemudiannya dipanjangkan kepada pihak yang berkepentingan bagi proses pemulihan.

Kumpulan menyediakan pendekatan sistematik dengan mewujudkan Pelan Pembiayaan Luar Jangkaan ("CFP") bagi menangani potensi kecairan atau kemusnahan pembiayaan yang menjejaskan kedudukan kecairan dan kemampubayaran kewangan. CFP membabitkan strategi pembiayaan yang dirancang, keputusan pihak berkuasa, saluran dan proses komunikasi dan tindakan-tindakan supaya pengurusan dapat membuat keputusan segera. Pelan ini dikaji dan diuji secara kerap bagi memastikan keberkesanan dan keteguhannya ketika bertindak balas kepada pelbagai senario kejadian kecairan. Kumpulan juga berjaya menjalankan sesi kesedaran CFP di 15 negara, dengan matlamat untuk membiasakan peserta yang menjadi komponen utama CFP, dokumentasi CFP, pembangunan senario CFP supaya mereka terbiasa dengan kepelbagaian peranan dan tanggungjawabnya.

Dengan BCM berada di tempat yang kukuh, Kumpulan mampu bertindak lebih efektif dalam bentuk berstruktur sekiranya berlaku bencana, krisis ataupun darurat, yang dengan itu dapat memastikan kelangsungan perniagaan Kumpulan.

Risiko Reputasi

Risiko reputasi adalah kemerosotan reputasi Kumpulan disebabkan oleh satu atau lebih kejadian reputasi, seperti publisiti negatif amalan perniagaan, tindakan ataupun keadaan kewangan Kumpulan. Publisiti negatif berkenaan, sama ada benar atau salah, akan menjejaskan keyakinan awam terhadap Kumpulan, yang boleh menyebabkan tindakan undang-undang yang mahal, atau membawa kepada penurunan pangkalan pelanggan, perniagaan atau hasil Kumpulan.

Kumpulan mempunyai prasarana tadbir urus dan proses pengurusan wajar bagi mengenal pasti, mengurus, mengawal, memantau dan melaporkan risiko reputasinya. Memandangkan kejadian reputasi yang boleh menjejaskan Kumpulan berpunca daripada pelbagai perkara utama, Kumpulan mempunyai mekanisme yang jelas dan terperinci untuk bertindak balas secara efektif, bagi memastikan penerusan perniagaan. Kumpulan turut memberi penekanan membentuk nilai jenama yang kukuh bagi membina reputasi dan reputasi modal yang baik.

Tadbir Urus Syariah

Prinsip Syariah menjadi asas amalan kewangan Islam dengan mematuhi rukun, syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang digariskan oleh Syariah sebagaimana dihuraikan oleh BNM dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti ("SAC") dan Jawatankuasa Syariah Kumpulan dalaman. Pematuhan menyeluruh dalam pematuhan Syariah akan meyakinkan pihak-pihak berkepentingan dalam kegiatan perniagaan dan operasi institusi perbankan Islam.

Dengan mematuhi keperluan pengawal selia BNM, Kumpulan berjaya mewujudkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah ("SGF") secara komprehensif untuk memastikan pengawasan efektif dan efisien Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah Kumpulan, unit Pengurusan dan Perniagaan dalam kegiatan perniagaan dan operasi produk Islam dan perkhidmatan yang dijalankan oleh perniagaan perbankan Islam Kumpulan.

Di bawah rangka kerja tabir urus ini adalah butiran dasar-dasar dan prosedur yang termasuk langkah-langkah perlu diambil bagi memastikan setiap urus niaga dilaksanakan Bank mematuhi keperluan Syariah.

PELAKSANAAN RANGKA KERJA TADBIR URUS SYARIAH ("SGF")

Pelaksanaan SGF adalah menerusi pendekatan berikut:

- Pengawasan, kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang menyeluruh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Pengawasan, bimbingan dan pemerhatian Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatan kuasa kerja Syariah;
- Mewujudkan fungsi bagi Penasihat dan Penyelidikan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah, Semakan dan Pematuhan Syariah, dan Audit Syariah; dan
- Kebertanggungjawaban pengurusan dalam memastikan operasi perniagaannya hariannya mematuhi kehendak Syariah.

Gambaran menyeluruh Tadbir Urus Syariah yang diguna pakai Kumpulan adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:

Model Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Kumpulan



PROSES PEMBAIKAN PENDAPATAN TIDAK MEMATUHI SYARIAH

Risiko tidak mematuhi Syariah adalah kemungkinan kegagalan dalam memenuhi prinsip-prinsip Syariah yang diperlukan.

Struktur kawalan bagi menangani dan melaporkan hal-hal ketidakpatuhan Syariah telah diwujudkan dalam Kumpulan. Sehingga 31 Disember 2014, berdasarkan semakan berterusan kegiatan operasi Kumpulan, MIB telah melaporkan sejumlah RM27,331.37 perlu disucikan kerana tidak patuh Syariah di mana jumlah berkenaan disalurkan sepenuhnya kepada badan amal dalam 2014.

Kenyataan Pandangan Masa Hadapan

Dokumen ini boleh atau mungkin mengandungi kenyataan pandangan masa depan tertentu berdasarkan jangkaan ataupun kepercayaan semasa, juga andaian ataupun tanggapan peristiwa masa depan. Kenyataan pandangan masa depan ini boleh dikenalpasti berdasarkan hakikat bahawa ia tidak hanya berkaitan fakta sejarah ataupun semasa. Kenyataan pandangan masa depan biasanya menggunakan perkataan seperti tanggapan, sasaran, jangkaan, anggaran, pelan, matlamat, yakin, akan, mungkin, boleh, berpotensi, ingin atau perkataan-perkataan yang ekspresinya hampir sama. Kebergantungan tidak harus diletakkan semata-mata kepada kenyataan sedemikian kerana secara semula jadi, ia tertakluk kepada risiko diketahui dan tidak diketahui dan ketidaktentuan serta boleh terjejas dengan faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan hasil nyata, dan menjadi matlamat dan perancangan Kumpulan, untuk berbeza dari segi material daripada apa yang dizahirkan atau dimaksudkan dalam kenyataan pandangan masa depan ini.

Kenyataan pandangan masa depan cuma memperkatakan mengenai tarikh penyediaan, dan tidak boleh dianggap yang ia sudah disemak ataupun dikemas kini mengikut perubahan global, politik, ekonomi, perniagaan, daya saing, pasaran dan kuasa pengawal selia, pertukaran masa depan dan kadar faedah, perubahan dalam kadar cukai dan gabungan ataupun kecenderungan perniagaan pada masa hadapan.

Kumpulan tidak bertanggungjawab untuk menyemak ataupun mengemas kini mana-mana kenyataan pandangan masa hadapan yang terkandung di dalam dokumen ini, tanpa mengira sama ada kenyataan berkenaan terjejas dengan adanya maklumat baru, peristiwa yang akan berlaku ataupun sebaliknya.

Muka surat ini sengaja dikosongkan

Perkara yang memisahkan kita.

Perkara yang merapatkan kita.

Marilah kita rapatkan jurang perbezaan dengan semangat kemanusiaan.

Kita memang hidup di planet yang sama tetapi sering kali dunia kita jauh terpisah kerana ada jurang di antara kita. Jurang yang menjadi penghalang kita menikmati pengalaman hidup yang amat berharga. Jurang di antara mereka yang berada dan mereka yang tak punya apa-apa. Jurang yang wujud disebabkan perbezaan kita. Di Maybank, kami percaya kita boleh merentasi setiap jurang yang ada kerana pada asasnya, kita semua manusia. Kita boleh bekerja bersama, belajar bersama dan saling memahami di antara satu sama lain.

Mari kita bersama-sama membina hubungan. Hubungan yang akan menyatukan insan pada setiap masa tanpa mengira latar belakang atau di mana mereka berada. Hubungan yang boleh membantu kita mengharungi apa jua keadaan dan rintangan. Hubungan yang membawa kita ke hadapan dan membantu kita mencapai impian. Maybank. Menginsankan Perkhidmatan Kewangan.

www.maybank.com

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan.

Maybank